# Laporan Tahunan 2014 Annual Report

## Kehidupan Sejahtera



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT*




# Kehidupan Sejahtera

Reka bentuk kulit laporan tahunan ini memaparkan imej sebuah masyarakat yang harmoni dalam kawasan bandar yang mampan selaras dengan Moto KPKT iaitu Kehidupan Sejahtera. Masyarakat yang membangun dan harmoni memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan seterusnya mewujudkan sebuah negara maju selaras dengan Wawasan Negara.

Reka bentuk kulit laporan tahunan ini juga memfokuskan pada warna-warna yang ceria di samping penggunaan dua (2) warna dominan iaitu biru dan hijau. Biru mewujudkan satu suasana yang tenang manakala hijau mewujudkan suasana kedamaian. Penggunaaan imej pembangunan dan warna-warna ceria pada kulit buku ini memberi gambaran pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang dalam sebuah kehidupan masyarakat yang sejahtera selaras dengan matlamat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





**ISSN 1234-5678**
**©KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERJAAN TEMPATAN**
**Hak Cipta Terpelihara 2015**

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di kemukakan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada KPKT.

# Kandungan

002 Misi, Visi, Matlamat & Moto
003 Peranan dan Fungsi
004 Perutusan Menteri
008 Prakata Ketua Setiausaha
010 Carta Organisasi
012 Profil Pengurusan Tertinggi
020 Barisan Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit

## LAPORAN

024 Belanjawan
028 Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPKT
034 Sorotan Utama
040 Liputan Media
046 Anugerah dan Pengiktirafan

## PROGRAM

052 **Program Kesejahteraan Bandar**
052 • Bahagian Kesejahteraan Bandar
064 • Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
068 • Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

074 **Program Perancangan Bandar dan Desa**
074 • Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

084 **Program Kebombaan dan Penyelamatan**
084 • Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

108 **Program Perumahan**
108 • Jabatan Perumahan Negara
127 • Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata

130 **Program Kerajaan Tempatan**
130 • Jabatan Kerajaan Tempatan

146 **Program Pembangunan Landskap**
146 • Jabatan Landskap Negara

156 **Program Pengurusan Sisa Pepejal**
156 • Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
166 • Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

182 **Program Latihan KPKT**
182 • Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

188 **Program Khidmat Sokongan (Dasar dan Pembangunan)**
188 • Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
193 • Bahagian Dasar dan Inspektorat
199 • Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa

206 **Program Khidmat Sokongan (Pengurusan)**
206 • Bahagian Kewangan dan Perolehan
208 • Bahagian Sumber Manusia
218 • Bahagian Teknologi Maklumat
222 • Bahagian Khidmat Pengurusan
226 • Bahagian Akaun

228 **Program Khidmat Sokongan (*Staff Function*)**
228 • Bahagian Undang-Undang
230 • Unit Audit Dalam
234 • Unit Integriti
236 • Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
238 • Unit Komunikasi Korporat




# VISI

Mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras dengan Wawasan Negara

# MATLAMAT

Kementerian berprestasi tinggi dan berorientasikan keberhasilan demi kesejahteraan rakyat

# MISI

Merealisasikan agenda pembangunan negara melalui program perumahan rakyat, perkhidmatan perbandaran dan kebombaan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat

# MOTO

Kehidupan Sejahtera



# PERANAN DAN FUNGSI

1




Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan yang berkelayakan, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata serta menyelesaikan masalah pertikaian perumahan

2



Membantu dan membimbing pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, kemudahan sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti bagi memenuhi keperluan penduduk setempat

3




Memberikan perkhidmatan pencegahan, pemadaman kebakaran dan penyelamatan yang cekap dan berkesan bagi memelihara keselamatan nyawa dan harta benda

4



Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pengurusan, pemajuan dan pemuliharaan tanah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara

5



Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap, taman dan kawasan rekreasi

6



Menyediakan dasar bagi memaju dan mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar lebih bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif

7



Melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam dalam tadbir urus PBT

8




Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai

9



Melaksanakan program dan aktiviti bagi membasmi kemiskinan bandar dan meningkatkan kualiti hidup golongan miskin bandar

# PERUTUSAN MENTERI




## YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

**Menteri**
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan


> "Kerajaan menumpukan perhatian yang besar pada isu-isu perumahan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam menangani kos sara hidup yang meningkat.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.**

Lafaz penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita berjaya mengharungi tahun 2014 yang penuh cabaran. Walaupun begitu, KPKT tetap komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merealisasikan aspirasi 'Kehidupan Sejahtera' terutamanya dalam penyediaan rumah mampu milik, pengurusan sisa pepejal dan memastikan kualiti hidup yang lebih baik di bandar-bandar.





KPKT juga memfokuskan pada pelaksanaan program dan projek yang diperuntukkan dalam Bajet 2014, antaranya ialah Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*), Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dan penubuhan Majlis Perumahan Negara (MPN).

Pada tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan
**RM2.1 bilion**
untuk membina
**133,000**
unit rumah mampu milik

Kerajaan menumpukan perhatian yang besar pada isu-isu perumahan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam menangani kos sara hidup yang meningkat. Pada tahun 2014, kerajaan telah memperuntukkan RM2.1 bilion untuk membina 133,000 unit rumah mampu milik dalam projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN), Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan lain-lain.

Memandangkan kini, 71 peratus daripada rakyat Malaysia tinggal di kawasan bandar, mereka yang berpendapatan isi rumah sederhana dan rendah menghadapi cabaran besar dalam pemilikan rumah. Migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar telah menyebabkan permintaan terhadap perumahan di kawasan bandar menjadi sangat tinggi dan harga rumah meningkat. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi isu ini, antaranya ialah Kerajaan bertekad akan membina satu (1) juta unit rumah mampu milik di seluruh Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan RM300 juta untuk Skim *MyHome* dan RM500 juta untuk Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, sektor swasta juga perlu memainkan peranan mereka. Strategi baharu untuk meningkatkan keupayaan sektor swasta dalam pembinaan rumah mampu milik

Kerajaan juga memperuntukkan
**RM300 juta**
untuk Skim MyHome dan
**RM500 juta**
untuk Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

di seluruh negara telah dirangka dan akan dilaksanakan pada tahun 2015.

Isu perumahan terbengkalai terus menghantui pasaran perumahan dan kehidupan rakyat serta menjadi salah satu tugas yang paling mencabar bagi KPKT. Isu ini melibatkan pelbagai pihak berkepentingan iaitu pembeli, pemaju dan institusi perbankan dan kebanyakan kes yang melalui tindakan undang-undang mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun, untuk mencapai penyelesaian segera, pihak berkepentingan yang berkenaan perlu berkompromi untuk mendapatkan penyelesaian terbaik. Hingga November 2014, KPKT telah berjaya memulihkan semula 15 projek swasta yang terbengkalai.

Di bawah NKRA: Meningkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), kadar kemiskinan menurun pada 1.7 peratus pada tahun 2012, manakala kemiskinan tegar adalah hampir sifar. Melihat jauh ke hadapan, KPKT berhasrat untuk membangunkan negara ini menjadi negara metropolitan yang memenuhi keperluan semua golongan masyarakat. Kementerian telah menetapkan fokus pada pemerkasaan, penglibatan dan interaksi dengan generasi muda serta masyarakat tempatan dengan memberikan rakyat lebih banyak ruang untuk menyatakan pandangan mereka, khususnya penduduk bandar. Matlamatnya adalah supaya rakyat lebih gembira dengan persekitaran kehidupan mereka melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang lebih baik.

Hingga November 2014, KPKT telah berjaya memulihkan semula

**15 projek**

swasta yang terbengkalai.



Di bawah NKRA: Meningkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), kadar kemiskinan menurun pada

**1.7%**

pada tahun 2012, manakala kemiskinan tegar adalah hampir sifar.



Dalam usaha Malaysia mencapai status negara maju, Kerajaan mengiktiraf bahawa pengurusan sisa pepejal yang berkesan sebagai salah satu prasyarat. Sehubungan dengan itu, telah tiba masa negara ini membina loji *waste-to energy* (WTE) untuk mengatasi masalah tapak pelupusan sanitari dan kesannya kepada masyarakat dan alam sekitar. Hal ini adalah kerana, rakyat Malaysia menghasilkan 33,000 tan sampah setiap hari dan peningkatan jumlah sisa secara mendadak menyebabkan tapak pelupusan sedia ada semakin kesuntukan ruang.

Kerajaan juga telah memutuskan bahawa pengasingan sisa di punca akan dilaksanakan secara mandatori mulai September 2015 di negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Kuantan, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah. Pelaksanaan peraturan baharu ini telah digubal menurut klausa perundangan dalam Akta 672. Secara umumnya, proses pengasingan sisa di punca membabitkan pengasingan sisa pepejal isi rumah mengikut komposisi sisa (plastik, kertas, kadbod, kaca, logam, sisa makanan, sisa pukal dan sisa kebun) dan kutipan sisa yang diasingkan akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan oleh syarikat konsesi.

Sepanjang tahun 2014, KPKT juga telah melaksanakan pelbagai insiatif di bawah aspek yang lain antaranya pelaksanaan Program Kejiranan Indah (MyBN), Program Transformasi Sosial, Program *My Beautiful Malaysia* (MyBM) dan *1Malaysia Youth Cities* (1MYC). Selain itu, KPKT juga telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar, *International Conference and Urban Wellbeing and Happiness, The 6th International Conference on World Sustainable Cities*, Program Rumah Transit 1Malaysia, *My Buskers Corner*, Program Kesedaran Awam Berkaitan *Anti-Litter* sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Program Pemantapan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Operasi Penyelamatan Mangsa Banjir di Pantai Timur.

Pencapaian-pencapaian inisiatif ini akan terus membawa kita lebih dekat pada sasaran menjadi sebuah negara maju, dan dalam masa yang sama membina asas kepada kelestarian dan 'kehidupan sejahtera'. Saya menyanjung tinggi sumbangan dan kerja keras warga KPKT dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dengan penuh tanggungjawab, dan saya berharap setiap warga akan terus gigih mencurahkan idea dan usaha pada masa akan datang.



Sepanjang tahun 2014, KPKT juga telah melaksanakan pelbagai insiatif di bawah aspek yang lain antaranya pelaksanaan **Program Kejiranan Indah (MyBN), Program Transformasi Sosial, Program *My Beautiful Malaysia* (MyBM) dan *1Malaysia Youth Cities* (1MYC).**



Ringkasnya, setelah cabaran 2014 telah berjaya diharungi dan menjadi asas bagi kejayaan yang lebih besar pada tahun akan datang, KPKT menjangkakan tahun 2015 akan menjadi tahun penetapan penanda aras yang lebih tinggi dalam penyediaan perkhidmatan dan pelaksanaan program-program yang lebih baik bagi kesejahteraan rakyat.

Selamat maju jaya.





# PRAKATA KETUA SETIAUSAHA

## YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak

**Ketua Setiausaha**
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan




**"Sepanjang tahun 2014, KPKT telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut dan memastikan impak yang positif sampai kepada golongan sasar.**

**Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan rahmat-Nya, Laporan Tahunan KPKT 2014 ini berjaya dihasilkan. Penerbitan naskah tahunan ini merupakan satu dokumentasi ilmu yang merakamkan perancangan, pelaksanaan dan pencapaian KPKT sepanjang tahun 2014.



KPKT merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan dalam menjamin kesejahteraan bandar dengan menyediakan perumahan yang kondusif, mampu milik di samping berkualiti, mengawal selia perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengurusan sisa pepejal yang efisien.

Cabaran utama KPKT adalah bagi menghadapi kadar ubanisasi yang semakin pesat berkembang. Menjelang tahun 2020, adalah dianggarkan bahawa kadar urbanisasi akan mencecah sekurang-kurangnya 75 peratus dan secara tidak langsung meningkatkan *client base* KPKT secara mendadak. Menyedari hakikat tersebut, pendekatan dan kaedah yang terkini perlu dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan masyarakat yang semakin dinamik dan kompleks terutamanya berkaitan isu perbandaran.

Selaras dengan usaha Kerajaan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang progresif dan inklusif, terdapat beberapa isu dan cabaran kritikal yang dihadapi oleh KPKT dalam merealisasikan aspirasi tersebut. Antaranya ialah keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana, kepentingan pembeli rumah dan kawal selia pemaju perumahan swasta, pencegahan bahaya kebakaran serta *response time* aktiviti pemadaman dan penyelamatan, pembangunan bandar yang mampan dan berdaya huni (*liveable cities*), tadbir urus dan mutu penyampaian perkhidmatan PBT, keperluan kawasan lapang, hijau dan rekreasi, keperluan pengurusan sisa pepejal yang cekap dan berkesan, pengurangan kadar kemiskinan bandar,

> Menjelang tahun 2020, adalah dianggarkan bahawa kadar urbanisasi akan mencecah sekurang-kurangnya
>
> **75%**
>
> dan secara tidak langsung meningkatkan *client base* KPKT secara mendadak.

kecekapan pengurusan dan kualiti penyelenggaraan di kediaman berstrata dan kawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai.

Sepanjang tahun 2014, KPKT telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut dan memastikan impak yang positif sampai kepada golongan sasar. Hasilnya, KPKT telah menerima pelbagai penganugerahan dan pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa, antaranya ialah *Innovative Use in Public Service Award 2014, Geospatial World Excellence Award for Application of Geospatial Technology in Public Safety for Safe City Monitoring System in Crime Monitoring in Malaysia, Thailand Award for Best International Invention* dari Negara Thailand, Anugerah *FutureGov Top* Project di bawah kategori *Mobile Government*, Penarafan 4 Bintang (Cemerlang) bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2013, Kementerian pertama yang menerima Penganugerahan Sijil 5S Hijau, Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang tahun 2013, Anugerah Agensi Induk Terbaik dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013, 2013 *Financial Process Exchange* (FPX) *Top Merchants Award* dan 2013 FPX *Most Promising Merchant*, dan Anugerah Pengurusan Dokumen Kewangan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) Terbaik bagi Tahun 2013.

Sesungguhnya kejayaan dan pencapaian yang dilakar oleh KPKT ini adalah hasil usaha warga KPKT. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua warga KPKT atas komitmen, usaha dan kesungguhan warga KPKT dalam melunaskan tanggungjawab masing-masing bagi menjayakan perancangan yang telah digariskan. Saya berharap seluruh warga kerja KPKT akan terus berganding bahu dengan mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan kepada produktiviti, inovasi dan semangat kerja berpasukan serta berani melaksanakan perubahan bagi menjayakan perancangan inisiatif pada tahun-tahun yang akan datang. Saya yakin KPKT mampu melakar kejayaan yang lebih gemilang untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Sekian.

# CARTA ORGANISASI



**MENTERI**
YB DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN

**TIMBALAN MENTERI**
YB DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE

**KETUA SETIAUSAHA**
YBHG. DATO' SERI ARPAH ABDUL RAZAK

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR DAN PEMBANGUNAN)**
YBHG. DATUK YONG BUN FOU

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK**
TUAN HAJI ABU BAKAR JOHAR

**BAHAGIAN DASAR DAN INSPEKTORAT**
PUAN NORMI NORDIN
*(Menjawat jawatan pada 10 April 2014)*

**BAHAGIAN KEURUSETIAAN STRATEGIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA**
TUAN JAYASELAN A/L K. NAVARATNAM

**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG**
YBHG. DATO' AZLAN ABDUL HALIM

**UNIT AUDIT DALAM**
PUAN LIM SOK KIANG

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
PUAN JESSYLINA MAT LAZIM

**UNIT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)**
PUAN WAN AINA WAN YAHAYA

**UNIT INTEGRITI**
TUAN KHAIRIM SHAHRIL MAT KHALID

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KESEJAHTERAAN BANDAR)**
YBHG. DATO' HALIMI ABDUL MANAF

**BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR**
PUAN HAFIDZAH HASSAN

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**
TUAN MOHAMAD RIDZWAN ABIDIN

**BAHAGIAN PEMBERI PINJAM WANG DAN PEMEGANG PAJAK GADAI**
PUAN BECK KIM SIOK

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**
YBHG. DATO' AZIZAN MOHAMAD SIDIN
*(Menjawat jawatan pada 11 Ogos 2014)*

**BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN**
PUAN NOR INCHUN HAJI MOHD SALLEH

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
TUAN ABDUL LATIF ISMAIL

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
TUAN MOHAMAD KHIR MAT LAZIM

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
PUAN RAZIAH HUSSIN

**BAHAGIAN AKAUN**
PUAN SHARIFAH SAMAT
*(Menjawat jawatan pada 10 April 2014)*

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA**
YBHG. DATIN PADUKA DR. DAHLIA ROSLY
*(Menjawat jawatan pada 26 Februari 2014)*

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
YAS DATO' WAN MOHD NOR HAJI IBRAHIM

**JABATAN PERUMAHAN NEGARA**
YBHG. DATUK MOHAMAD YUSOFF GHAZALI

**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**
YBHG. DATIN MAZIAH ADNAN

**JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**
TUAN MOHAMAD ROSLI HAJI ABDULLAH
*(Menjawat jawatan pada 18 Ogos 2014)*

**JABATAN LANDSKAP NEGARA**
TUAN HAJI ESA HAJI AHMAD

**TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA**
TUAN HAMIDUN DATUK HAJI ABDUL FATAH
*(Menjawat jawatan pada 15 Julai 2014)*

**INSTITUT LATIHAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
TUAN YAP HOCK ANN
*(Menjawat jawatan pada 1 November 2014)*

**PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM**
YBHG. DATUK AB. RAHIM MD. NOR

Dikemaskini pada 31 Disember 2014

# PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI





## YBHG. DATO' SERI ARPAH ABDUL RAZAK

### Ketua Setiausaha

**YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak dilahirkan di Pulau Pinang pada 27 Mei 1954. Beliau mempunyai kelulusan Bachelor of Urban Studies dari Universiti Sains Malaysia dan Master of Planning dari University of Southern California, Amerika Syarikat.**

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1978 sebagai Pegawai Tadbir (Kawalan Pembangunan) di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pada tahun 1979, beliau telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan memulakan tugas di Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai Penolong Setiausaha. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Pegawai Projek Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara;
- Pegawai Projek Kanan di INTAN, Bukit Kiara;
- Pegawai Projek Kanan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri;
- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Timbalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya; dan
- Pengarah Korporat di Perbadanan Putrajaya.

YBhg. Dato' Seri dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT pada Oktober 2006. Selepas lima (5) tahun meneraju Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), YBhg. Dato' Seri telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT bermula pada 2 November 2011 dan pada 3 April 2012 YBhg. Dato' Seri Arpah dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPKT.





## YBHG. DATUK YONG BUN FOU

### Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

**YBhg. Datuk Yong Bun Fou berasal dari Selangor dan merupakan pemegang Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia (USM).**

Memulakan kerjaya dalam sektor awam pada tahun 1981 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), beliau ditempatkan sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan. Pada tahun 1989 beliau telah dilantik ke Jawatan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan mengikuti Kursus *'Post Graduate Research Students'* di Yamaguchi University Jepun. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan;
- Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan;.
- Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Analisa Cukai di Kementerian Kewangan;
- Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Korporat di Kementerian Kewangan; dan
- Timbalan Kanan Setiausaha Bahagian di Bahagian Analisa Cukai (Operasi), Kementerian Kewangan.

Perkhidmatan beliau di KPKT bermula pada 8 Mei 2012 apabila dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan).



## YBHG. DATO' HALIMI ABD. MANAF

### Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

**YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf dilahirkan pada 13 April 1959 di Temerloh, Pahang. Beliau adalah pemegang *B.A (Hons)* Psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan *M.SC. Human Resource* dari University of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat.**

YBhg. Dato' Halimi menyertai sektor awam pada tahun 1984 sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Setiausaha Pentadbiran di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- Penolong Pengarah di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Selangor
- Timbalan Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

YBhg. Dato' Halimi dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT pada tahun 2008 dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah JKT pada 8 November 2011. Berikutan penstrukturan semula Kabinet pada 15 Mei 2013, Sektor Kesejahteraan Bandar telah dimasukkan di bawah KPKT dan YBhg. Dato' Halimi dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) pada 15 Julai 2013.



## YBHG. DATO' AZIZAN MOHAMAD SIDIN

### Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

**YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin dilahirkan pada 12 Oktober 1960 di Jeram, Kuala Selangor, Selangor. Beliau adalah pemegang *B.A Agribusiness* dari Universiti Putra Malaysia *M.S. Economics* dari University of Arkansas, USA.**

YBhg. Dato' Azizan menyertai sektor awam pada tahun 1984 sebagai Pegawai Pemasaran di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan pada tahun 1988 hingga 1992, beliau menjawat jawatan Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Utama. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- Ketua Penolong Pengarah di Seksyen Penswastaan dan Ekonomi, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang; dan
- Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek.

YBhg. Dato' Azizan dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT pada 11 Ogos 2014.

## YAS DATO' WAN MOHD NOR HAJI IBRAHIM

### Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



**YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim merupakan anak kelahiran Kelantan dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang pengajian '*Nuclear Science*'. Beliau juga telah mengikuti program Diploma Sains Pengurusan di INTAN, menghadiri Kursus *Brigade Command Course* di Fire Service College, United Kingdom dan mengikuti program peringkat *Master Fire Science* dalam bidang pengajian ERP di Universiti Putra Malaysia.**

Perkembangan kerjaya YAS Dato' Wan Mohd Nor dalam JBPM bermula sejak 16 Disember 1985 sebagai Penguasa Bomba. Sepanjang perkhidmatan beliau bersama JBPM, beliau pernah menjawat pelbagai jawatan, antaranya ialah:

- Penguasa Kanan Bomba;
- Komandan di Pusat Latihan Bomba Kuala Kubu Bharu;
- Penolong Pesuruhjaya Bomba;
- Penolong Ketua Pengarah di Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan;
- Pengarah JBPM Negeri Selangor;
- Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JBPM; dan
- Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM.

YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim dilantik sebagai Ketua Pengarah JBPM pada 1 November 2010.





## YBHG. DATIN PADUKA DR. DAHLIA ROSLY

### Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

**YBhg Datin Paduka Dr. Dahlia Rosly dilahirkan pada 17 Januari 1956 dan berasal dari Selangor. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kepujian dalam bidang perancangan dari Oxford Brookes University, United Kingdom, *Masters Degree* dalam bidang Perancangan dan Kejuruteraan Pengangkutan di Imperial College, University of London dan memperolehi Ph.D di dalam '*Environmental and Social Impact Assessment*' di University Newcastle, United Kingdom.**

YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia Rosly mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam bidang perancangan guna tanah dan kepakaran mengenai aspek perancangan guna tanah yang mampan melalui penyediaan Rancangan Strategik, Rancangan Wilayah dan Rancangan Tempatan yang menjurus kepada penyediaan pembangunan mampan. Beliau turut menyumbangkan pandangan dalam pelaksanaan undang-undang perancangan dan sistem informasi guna tanah serta juga aspek-aspek Perancangan Pengangkutan, Komuniti Sejahtera, '*Sustainable Development Indicators*' , Inisiatif Kejiranan Hijau dan '*Sosial Urbanism*'. Beliau turut menyumbangkan kepakaran dalam kajian *Sustainability Assessment in Plans, Sustainable Transport Planning, Social Impact Assessment, Green Communities* dan *Smart Growth*.

YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia Rosly memainkan peranan penting memperkenalkan *Social Impact Assessment* dan kaedah *Focus Group* dalam perancangan guna tanah di Malaysia dan kaedah '*stakeholder involvement*' yang telah diguna pakai dalam proses penyediaan pelan di Malaysia.

## YBHG. DATUK MOHAMAD YUSOFF GHAZALI

### Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara



**YBhg. Datuk Mohamad Yusoff Ghazali dilahirkan pada 25 Mei 1956 di Pulau Pinang. Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial (Kepujian) dalam bidang Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan '*Post Graduate Diploma in Management Studies*' dari University of Middlesex, London, United Kingdom.**

YBhg. Datuk Mohamad Yusoff telah memulakan kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir Am pada 15 Januari 1980 (dilantik ke Skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 15 Oktober 1991) di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perdana Menteri. Sebelum berkhidmat dengan KPKT, beliau pernah perkhidmat dengan pelbagai agensi Kerajaan antaranya ialah:

- Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Pejabat Tanah Daerah Petaling;
- Pejabat Tanah Daerah Klang;
- Pejabat Kerajaan Negeri Selangor; dan
- Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perumahan Negara, KPKT pada 1 November 2009. Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara, KPKT pada 27 Januari 2014.



## YBHG. DATIN MAZIAH ADNAN

### Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan

**YBhg. Datin Maziah dilahirkan di Sitiawan, Perak pada 18 Mei 1955. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sejarah dan ijazah Sarjana Pentadbiran dari Universiti Malaya.**

YBhg. Datin Maziah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam lebih daripada 30 tahun dan antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum menjawat jawatan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT ialah

- Penolong Setiausaha di Kementerian Pendidikan
- Penolong Setiausaha di Kementerian Kesihatan Malaysia,
- Timbalan Pengarah di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Pengarah Bahagian Perancangan, KPKT; dan
- Setiausaha Bahagian Inspektorat, KPKT.

YBhg. Datin Maziah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan pada 15 Julai 2013.



## YBRS. TUAN MOHAMAD ROSLI HAJI ABDULLAH

### Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

**YBrs. Tuan Mohamad Rosli Haji Abdullah berasal dari Negeri Sembilan dan dilahirkan pada tahun 1962. Beliau mempunyai kelulusan dalam *Bachelor of Science Degree in Civil Engineering* dari Memphis State University, USA dan *Master in Environmental Management* dari Flinders University, Adelaide, Australia.**

YBrs. Tuan Mohamad Rosli memulakan perkhidmatan beliau dalam sektor awam pada tahun 1988. Beliau telah berkhidmat di pelbagai kementerian dan agensi yang kebanyakannya berkaitan dengan perancangan dan pembangunan, tenaga dan alam sekitar. Antara jawatan yang pernah disandang ialah:

- Penolong Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos;
- Penolong Setiausaha di Kementerian Kerja Raya;
- Penolong Setiausaha di Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan;
- Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan Malaysia;
- Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Pengajian Tinggi;
- Pengarah di Bahagian Dasar dan Perancangan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT; dan
- Setiausaha Bahagian Kanan, Sektor Teknologi Hijau, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

YBrs. Tuan Mohamad Rosli dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT pada 18 Ogos 2014.





## YBRS. TUAN HAJI ESA HAJI AHMAD

### Ketua Jabatan Jabatan Landskap Negara

**YBrs. Tuan Haji Esa Haji Ahmad berasal dari Johor dan mempunyai kelulusan B. Agric. Sc. dari Universiti Putra Malaysia dan *M. Landscape Design* dari Newcastle Upon Tyne, United Kingdom.**

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1982 sebagai Pegawai Pertanian, Projek Johor Barat, Batu Pahat. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum menjawat jawatan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara ialah:

- Pegawai Pertanian – Simpanan dalam Latihan;
- Pegawai Pertanian Unit Landskap dan Florikultur, Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur;
- Pengarah Reka Bentuk dan Penyenggaraan, Jabatan Landskap Negara;
- Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, Jabatan Landskap Negara;
- Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Landskap Negara; dan
- Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Landskap Negara.

YBrs. Tuan Haji Esa Haji Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 4 Februari 2010.



## YBRS. TUAN HAMIDUN DATUK HAJI ABDUL FATAH

### Pengerusi Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata

**YBrs. Tuan Hamidun Datuk Haji Abdul Fatah berasal dari Kelantan dan dilahirkan pada tahun 1964.**

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1982 sebagai Peguam Persekutuan di Kementerian Kerja Raya dan sebelum menjawat jawatan Pengerusi Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, beliau pernah menyandang pelbagai jawatan antaranya ialah:

- Peguam Persekutuan di Jabatan Hasil Dalam Negeri, Kota Kinabalu, Sabah;
- Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara;
- Timbalan Pendaftar di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu, Sabah;
- Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara;
- Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Penerangan Malaysia;
- Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara
- Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara;
- Peguam Kanan Persekutuan di Biro Bantuan Guaman, Wilayah Persekutuan;
- Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara; dan
- Pengerusi Tribunal Koperasi, Bahagian Tribunal, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

YBrs. Tuan Hamidun telah dilantik sebagai Pengerusi Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata pada 15 Julai 2014.



## YBRS. TUAN YAP HOCK ANN

### Pengarah Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YBrs. Encik Yap Hock Ann dilahirkan pada 10 Disember 1970 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan pemegang Ijazah Pertama BA (Hons.) Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Malaysia Sarawak.**

Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada 15 Januari 1996 sebagai Penolong Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M3 (M41) hinggalah Gred M52 di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU). Seterusnya, beliau berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan di Bahagian Korporat, KPKT bermula 13 Mac 2014. Beliau meneruskan kerjaya beliau di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) dan menjalankan tugas sebagai Pengarah mulai 1November 2014.

## YBHG. DATUK AB RAHIM MD. NOOR

### Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam



**YBhg. Datuk AB Rahim Md. Noor mendapat pendidikan awal di Maktab Tentera Diraja dan mempunyai kelulusan *Master in Policy Science* dari Saitama, Jepun; Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Persuratan Melayu dan Geografi dari Universiti Kebangsaan Malaysia; dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia.**

YBhg. Datuk memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1982 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan antaranya ialah:

- Penolong Setiausaha di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Timbalan Pengarah Sumber Manusia di Perbadanan Putrajaya;
- Setiausaha Bahagian Sumber Manusia di Kementerian Pengajian Tinggi;
- Pengarah Bahagian Inspektorat dan Perundingan Pengurusan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia [MAMPU];
- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Pengurusan; dan Transformasi di MAMPU; dan
- Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi.

YBhg. Datuk AB Rahim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada 17 September 2013.



# BARISAN SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA UNIT



## SEKTOR DASAR DAN PEMBANGUNAN



**TUAN HAJI ABU BAKAR JOHAR**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek



**PUAN NORMI NORDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Inspektorat



**TUAN JAYASELAN A/L K. NAVARATNAM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa

## SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR



**PUAN HAFIDZAH HASSAN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kesejahteraan Bandar



**TUAN MOHAMAD RIDZWAN ABIDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran



**PUAN BECK KIM SIOK**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

## SEKTOR PENGURUSAN



**PUAN NOR INCHUN HAJI MOHD SALLEH**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan dan Perolehan



**TUAN ABDUL LATIF ISMAIL**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat



**TUAN MOHAMAD KHIR MAT LAZIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan



**PUAN RAZIAH HUSSIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia



**PUAN SHARIFAH SAMAT**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun

## SEKTOR *STAFF FUNCTION*



**YBHG. DATO' AZLAN ABDUL HALIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Undang-undang



**PUAN LIM SOK KIANG**
Ketua Unit
Unit Audit Dalam



**PUAN WAN AINA WAN YAHAYA**
Ketua Unit
Unit KPI



**TUAN KHAIRIM SHAHRIL MAT KHALID**
Ketua Unit
Unit Integriti



**PUAN JESSYLINA MAT LAZIM**
Ketua Unit
Komunikasi Korporat




# LAPORAN

024 Belanjawan KPKT
028 Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPKT
034 Sorotan Utama
040 Liputan Media
046 Anugerah dan Pengiktirafan

# BELANJAWAN KPKT



**Rajah 1:**
**Peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Tahun 2015**

Perbelanjaan Pembangunan
RM2,162,884,420.00
(47.98%)



Perbelanjaan Mengurus
RM2,345,180,000.00
(52.02%)

Bagi tahun kewangan 2014, KPKT telah menerima peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM2,345,180,000.00 dan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM2,162,884,420.00. Jumlah kedua-kedua peruntukan adalah sebanyak

**RM4,508,064,420**

Pecahan peruntukan KPKT bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Rajah 1.



## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak

**66.80%** iaitu **RM1,566,695,349.29** berbanding peruntukan yang diluluskan sebanyak **RM2,345,180,000.00.**

Prestasi perbelanjaan yang rendah ini adalah disebabkan pembayaran kepada konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dipindahkan daripada Perbelanjaan Mengurus kepada Perbelanjaan Pembangunan melibatkan peruntukan sebanyak RM619,645,000.00.

Bagi melancarkan pengurusan kewangan KPKT, sebanyak 13 pindah peruntukan telah dilaksanakan pada tahun 2014. Prestasi perbelanjaan berdasarkan program/aktiviti adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2014**

| Bil. | Program/ Aktiviti | Peruntukan kemas kini (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sedia Ada | 1,624,481,610.00 | 1,151,938,538.94 | 70.80 |
| 2. | Program Khusus | 295,619,300.00 | 298,151,652.42 | 98.09 |
| 3. | Dasar Baru | 368,091,900.00 | 66,886,557.27 | 18.64 |
| 4. | *One-Off* | 56,987,190.00 | 49,718,600.66 | 89.82 |
| | **Jumlah** | **2,345,180,000** | **1,566,695,349.29** | **66.80** |

## PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak

**99.41%** iaitu **RM2,150,171,934.99** berbanding peruntukan yang diluluskan sebanyak **RM2,162,884,420.00.**

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sehingga 31 Disember 2014

| Bil. | Butiran Projek | Peruntukan kemas kini (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) | 377,500,700.00 | 374,679,987.66 | 99.25 |
| 2. | Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) | 1,086,742,700.00 | 1,085,490,361.58 | 99.88 |
| 3. | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) | 7,072,030.00 | 7,066,940.55 | 99.93 |
| 4. | Jabatan Perumahan Negara (JPN) | 321,442,160.00 | 320,709,948.16 | 99.77 |
| 5. | Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) | 97,967,644.00 | 96,089,957.98 | 98.08 |
| 6. | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) | 245,054,290.00 | 239,993,659.41 | 97.93 |
| 7. | Jabatan Landskap Negara (JLN) | 27,104,896.00 | 26,141,079.65 | 96.44 |
| | **Jumah Keseluruhan** | **2,162,884,420** | **2,150,171,934.99** | **99.41** |





## PENGURUSAN PEROLEHAN

Pengurusan Perolehan bagi tahun 2014 melibatkan pelaksanaan 610 transaksi daripada 616 transaksi yang dirancang. Kedudukan Laporan Pengurusan Perolehan bagi tahun 2014 pada 31 Disember 2014 adalah seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Kedudukan Laporan Pengurusan Perolehan bagi tahun 2014 pada 31 Disember 2014

| Bil. | Perolehan | Perancangan | Pelaksanaan | Beza (+/-) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Tender | 120 | 114 | - 6 |
| 2. | Sebut Harga | 438 | 438 | 0 |
| 3. | Rundingan Terus | 58 | 58 | 0 |
| | **Jumah** | **616** | **610** | **- 6** |

## PRESTASI PENGGUNAAN SISTEM ePEROLEHAN

Prestasi pencapaian Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) bagi tahun 2014 ialah 74 peratus. Jumlah ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 41 peratus berbanding prestasi pada 30 November 2014 dan hampir untuk mencapai tahap yang disasarkan bagi tahun 2014 iaitu 75 peratus.

## LAPORAN PRESTASI PENGEMASKINIAN *"GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM"*

*Government Procurement Information System* (GPIS) dibangunkan bagi mengurus maklumat perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan. Fungsi utama GPIS adalah untuk menyimpan maklumat perolehan yang terperinci bagi Agensi-agensi Kerajaan meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan sehingga projek siap.

Maklumat perolehan dalam GPIS adalah bergantung kepada data integrasi dan data yang dimasukkan oleh kementerian/agensi dan keberkesanan pelaksanaan GPIS adalah bergantung sepenuhnya kepada inisiatif kementerian/agensi untuk memasukkan atau mengemaskini maklumat tersebut.

Sepanjang tahun 2014, KPKT telah mengguna pakai GPIS sebanyak **3,428** dengan amaun sebanyak **RM210,899,495.18.**

Status pengemaskinian data GPIS bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Prestasi Pengemaskinian *Government Procurement Information System* (GPIS) bagi Tahun 2014

| Bil. | Perolehan | Amaun GPIS (RM) | Bilangan GPIS | Bilangan Anggaran (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembelian Terus | 32,020,443.67 | 3,329 | 48.25 |
| 2. | Sebut Harga | 8,315,559.51 | 84 | 35.44 |
| 3. | Tender | 6,184,992.00 | 2 | 16.67 |
| 4. | Rundingan Terus | 164,378,500.00 | 13 | 76.47 |
| | **Jumah** | **210,899,495.18** | **3,428** | **47.84** |

# LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KPKT








## 3,172

**Unit rumah mampu milik**

disediakan bagi golongan berpendapatan rendah (di bawah RM2,500) melalui pembinaan PPR di kawasan bandar

PPR Kudat, PPR Padang Hiliran, PPR Keningau, PPR Kg. Wai & PPR Sg. Melana



## No. #28

World Bank

*Top#40 World Bank Ranking Ease of Doing Business Construction Permits.*

Dicetak dalam Laporan *World Bank Report* pada bulan Oktober 2014.


WORLD BANK GROUP

DOING BUSINESS

Economy Rankings

EXPLORE ECONOMY DATA

Ranking Methodology

Economies are ranked on their ease of doing business, from 1–189. A high ease of doing business ranking means the regulatory environment is more conducive to the starting and operation of a local firm. The rankings are determined by sorting the aggregate distance to frontier scores on 10 topics, each consisting of several indicators, giving equal weight to each topic. The rankings for all economies are benchmarked to June 2014.

= Subnational *Doing Business* ranking data available

Rankings by region: Select region or Rankings by income: Select income

| Economy | Ease of Doing Business Rank | Starting a Business | Dealing with Construction Permits | Getting Electricity | Registering Property | Getting Credit | Protecting Minority Investors | Paying Taxes | Trading Across Borders | Enforcing Contracts | Resolving Insolvency |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 1 | 6 | 2 | 11 | 24 | 17 | 3 | 5 | 1 | 1 | 19 |
| New Zealand | 2 | 1 | 13 | 48 | 2 | 1 | 1 | 22 | 27 | 9 | 25 |
| Hong Kong SAR, China | 3 | 8 | 1 | 13 | 96 | 23 | 2 | 4 | 2 | 6 | 23 |
| Denmark | 4 | 25 | 5 | 14 | 8 | 23 | 17 | 13 | 7 | 34 | 9 |

## 15 Projek Perumahan Terbengkalai

yang berjaya dipulihkan sepanjang tahun 2014

## 181 Projek Perumahan Terbengkalai

berjaya dipulihkan dari tahun 2011 sehingga 2014

Sebelum



Selepas



Projek Perumahan Bandar Putera Indah, Batu Pahat, Johor

## 99.2%

**Kadar '*response time*'**

ke tempat kejadian kecemasan dalam tempoh 10 minit hingga 20 minit.



## 100%

**Kes Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (di bawah akta 118)**

diselesaikan dalam tempoh 120 hari daripada tarikh pendaftaran kes.

# ANALISIS PENCAPAIAN KPI TAHUN 2014

### Perbandingan Mengikut Tahun




Peratus Pencapaian

### Pencapaian Tahun Semasa




Bilangan KPI

| | Bilangan KPI |
|---|---|
| NKEA | 2 |
| NKRA LIH | 3 |
| MKRA | 9 |
| PEB | 1 |
| **Jumlah** | **15** |
| **Skor** | **107%** |

Satu (1) KPI yang tidak dapat disempurnakan sehingga 31 Disember 2014 adalah bagi pembinaan *Anaerobic Digestion Facility* bagi Sisa Makanan

# KAD SKOR IMBANGAN KPKT 2014 *'Key Highlights'*

| KPI | | Sasaran 2014 | Pencapaian Sebenar | Skor | Wajaran |
|---|---|---|---|---|---|
| Penilaian Kriteria Kualitatif | | | | | 10% |
| **NKEA & NKRA** | | | | | 30% |
| **NKEA: EPP** | | | | | |
| **1.** | **GKL EPP#9: Membangunkan ekosistem pengurusan sisa pepejal yang cekap** | | | | |
| 1.1 | Menyediakan sebuah fasiliti bagi pemprosesan sisa makan organik secara pencernaan anerobik: Mendapatkan keputusan Kabinet bagi penyediaan Memorandum Jemaah Menteri Bersama Kementerian Sumber Asli atau Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air | 100% (Pindaan daripada sasaran asal: Pengujian dan Pentauliahan Operasi Fasiliti) | 60 KPI Baharu: Mendapatkan keputusan Kabinet bagi MJM yang disediakan | 60% | |
| 1.2 | Jumlah Tanan bagi Sisa Pembinaan dan Perobohan Bangunan yang diproses di Fasiliti Sg. Kertas, Gombak | 2,700 tan (Pindaan daripada sasaran asal: 10,800 tan) | 2446 tan | 91% | |



| KPI | | Sasaran 2014 | Pecapaian Sebenar | Skor | Wajaran |
|---|---|---|---|---|---|
| **NKRA / NKPI** | | | | | |
| **1.** | **Isi Rumah Berpendapatan Rendah (Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah)** | | | | |
| 1.1 | Bilangan peserta baharu 1AZAM yang dipantau sekurang-kurangnya 6 bulan selepas pelaksanaannya :<br>KPKT : AZAM Bandar | 1,800 | 2,514 | 140% | |
| 1.2 | Bilangan peserta 1AZAM (baharu/sedia ada yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan atau melepasi Indeks Garis Kemiskinan (PLI) (2012) :<br>KPKT : AZAM Bandar | 1,200 | 1,515 | 108% | |
| 1.3 | Bilangan peserta 1AZAM yang menyertai Program Celik Kewangan :<br>KPKT : AZAM Bandar | 1,800 | 2,382 | 132% | |
| **Skor Kategori** | | | | **32%** | |
| **MKRA (Bidang Keberhasilan Utama Kementerian)** | | | | | 60% |
| **1.** | **Menyediakan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan setinggan secara penyewaan ataupun pembelian di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan bandar** | | | | |
| 1.1 | Bilangan unit rumah PPR yang telah siap dibina | 3,172 | 3,172 PPR Kudat, Padang Hiliran, Keningau, Kg. Wai and Sg.Melana telah siap dibina | 100% | |
| **2.** | **Meningkatkan Kecekapan serta Kompetensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** | | | | |
| 2.1 | Peratus Kelulusan Merancang yang diproses dan diselesaikan di PBT (57-108 hari) | 94% Sasaran dikurangkan daripada 47 hari | 92.16% Jan - Dis 2014 | 98% | |
| 2.2 | Peratus Kelulusan Pelan Bangunan yang diproses dan diluluskan dalam masa yang ditetapkan (37 hari) | 91% | 92.75% Jan - Dis 2014 | 102% | |
| 2.3 | Menambaik kedudukan dalam World Bank Report 2015 bagi *"Dealing With Construction Permits, Ease of Doing Business"* | 40 terbaik | 100% Kedudkan ke-28 | 100& | |

| KPI | Sasaran 2014 | Pecapaian | Skor | Wajaran |
|---|---|---|---|---|
| **3. Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai Sedia Ada** | | | | |
| 3.1 Bilangan projek perumahan swasta berlesen terbengkalai yang berjaya dipulihkan | 15 | 15<br>Jan - Dis 2014 | 100% | |
| **4. Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan** | | | | |
| 4.1 Peratus secara purata bagi keseluruhan kadar respons ke tempat kejadian dalam tempoh yang ditetapkan:<br>i) Zon 1: 10 minit<br>ii) Zon 2: 20 minit | 95%<br>Sekurang-kurangnya 95% | 99.2%<br>Jan - Dis 2014 | 100% | |
| 4.2 Pengambilan dan pelantikan Anggota Bomba Bantuan untuk meningkatkan kadar respons di kawasan Zon 3 | 300 anggota | 440 pengambilan dan pelantikan anggota yang telah diselesaikan sehingga 31 Oktober 2014 | 147% | |
| **5. Penyelenggaraan Skim Perumahan Swasta bagi Golongan Berpendapatan Rendah di Malaysia** | | | | |
| 5.1 Peratus peruntukan yang dibelanjakan bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah dan perumahan kos sederhana swasta di bawah skop Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) | 100%<br>(RM20 juta) | 100% pembayaran adalah berdasarkan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan yang diselesaikan | 100% | |
| **6. Menyelesaikan Tuntutan Ganti Rugi / Pampasan daripada Pemaju Perumahan** | | | | |
| 6.1 Peratus penyelesaian kes di bawah Akta 118 dalam tempoh 120 hari bekerja dari tarikh pendaftaran kes di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) | 95%<br>(Sasaran ditingkatkan daripada sasaran asal: 92%) | 100%<br>Jan - Dis 2014 | 105% | |
| **7. Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB)** | | | | |
| 7.1 Peratus pencapaian Agenda PEB ditetapkan bagi tahun semasa | 100% | 118.47% | 118% | |
| **Kategori Skor** | | | **64%** | |
| **Jumlah Skor (90%)** | | | **96%** | |
| **Skor Teknikal (100%)** | | | **107%** | |

Pencapaian di bawah:

**NKRA LIH**

Jumlah peserta berjaya dilatih melebihi sasaran disebabkan oleh kerjasama dengan pihak NGO.

**MKRA**

- PPR yang dibina berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut jadual
- Proses kelulusan bagi pembangunan di kawasan PBT ditingkatkan dengan pelaksanaan OSC3.0
- JBPM berjaya memenuhi '*overall percentage response time*' dengan cemerlang disebabkan perubahan SOP dan penetapan kaedah pelaporan
- JBPM berjaya melantik dan melatih seramai 440 '*recruit*' Bomba Bantuan dalam tempoh enam (6) bulan
- TP1M berjaya dilaksanakan dengan baik dengan kerjasama PBT
- TPPS berjaya memenuhi piagam pelanggan yang ditetapkan dengan komitmen yang diberikan oleh hakim yang dilantik



# SOROTAN UTAMA





**11 JAN** Pelancaran NBOS Kota Belud, Sabah



**19 JAN** Program Kesedaran Awam Berkaitan *Anti-Litter* sempena Tahun Melawat Malaysia 2014



**20 JAN** Penyerahan Projek PPR Lintas Sibuga, Sandakan, Sabah



**20 FEB** Penyerahan Projek Pangsapuri Simpang Perdana, Taiping, Perak



**13 FEB** Mesyuarat Majlis Perumahan Negara





**03 MAC** Sambutan Hari Landskap Negara, Kota Kinabalu, Sabah



**19 APR** Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Kinabatangan, Sandakan, Sabah



**08 MAC** Pelancaran *Buskers Corner* di Port Dickson, Negeri Sembilan




**27 MAC** Pelancaran Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)



**28 APR** Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan




**04 MEI** Sambutan Hari Bomba Sedunia



**10 MEI** Penyerahan Projek NBOS 7: Kejiranan Indah Jengka Impian, Marang, Pahang



**20 MEI** Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang 2013



**12 JUN** Pelancaran Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar



**26 JUN** *International Conference on Urban Wellbeing and Happiness*



**07 JUL** Program Iftar KPKT



**19 OGO** Lawatan Kerja ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram, Kuala Selangor, Selangor




**24 JUL** Pelancaran Ops Raya Sempena Musim Perayaan Tahun 2014



**22 OGO** Perjumpaan Bersama YB Menteri Sempena Hari Raya Adidilfitri dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan 2014



**24 JUL** Program Ops Hapus Aedes di Apartment Residensi Bistaria, Kuala Lumpur




**12 SEP** Penyerahan Kunci dan Sijil Layak Menduduki Bandar Puteri Indah, Batu Pahat, Johor



**25 SEP** Penyerahan Kunci Rumah di bawah Program NBOS 7: Kejiranan Indah *(House Build)*



**26 SEP** Penyerahan Kunci dan Sijil Layak Menduduki Taman Mengkibol, Kluang, Johor



**18 SEPT** Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-68



**12 OKT** Pelancaran *Habitat Moment* 2014



**06 NOV** Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Tangga Batu, Melaka





**11 NOV** Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat 2014



**15 NOV** Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2014



**22 NOV** Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014



**24 NOV** Lawatan Kerja ke Projek Rumah Transit 1Malaysia, Bukit Jalil, Kuala Lumpur




**05 DIS** Malam Media KPKT dan KKR 2014



**07 DIS** Pelancaran Program Transformasi Sosial Taman Keramat, Kota Kinabalu, Sabah

# LIPUTAN MEDIA










# Apa itu lesen dan Permit Iklan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG)?

MENARIK ... Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique ketika melawat pameran ... merasmikan pembukaan Persidangan Antarabangsa ...

# Sediakan tanah untuk bina PPR - Abdul Rahman

# Transformation plan for local government authorities to be implemented soon

# KPKT ambil alih pengurusan sisa pepejal Taman Beringin

# 房地部長：計劃近期國際招標





# Peruntukan RM1.2 juta bangun 6 projek kecil

# PPR: PM beri reaksi positif tambah peruntukan

» Najib beri petunjuk selepas bincang dengan Abdul Rahman

# SPAH kurang kebergantungan air bersih

# GST: Harga rumah PPR dijamin tidak naik

# Pemasangan CCTV akan diperluaskan

# Peraturan pelupusan sisa bahan binaan ditetapkan

# Beri peluang miliki rumah PPR

Kementerian diharap pertimbang permohonan rakyat disenarai hitam

# SYARAT BAHARU JUAL RUMAH SECARA PUKAL

» Kerajaan kuat kuasa peraturan bendung spekulasi sektor hartanah

# Melestarikan pembangunan bandar hijau

» Tema 'Landskap Mapan, Bandar Sejahtera' tingkat kualiti hidup komuniti bandar

# Iman, kebersihan berpisah tiada

■ Mereka abai kemurnian meremehkan ajaran, sunah Rasulullah SAW

# KL to host WUF in 2018

22,000 DELEGATES: Our selection a boon for tourism, says minister

# PBT diarah pantau saiz papan iklan

» Elak struktur tidak penuhi piawaian ditetap, undang bencana

# சொத்துடைமை வாங்கும் கட்டணங்களை ஒருங்கிணைப்பீர்!

டத்தோ அப்துல் ரஹ்மான் டாஹ்லான் வலியுறுத்து



# 6 lokasi tapak bina rumah mampu milik

» PPR hasil inisiatif kerajaan menyediakan kediaman

# Taman Persekutuan Bukit Kiara kekal sebagai kawasan hijau

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Kerajaan komited untuk mengekalkan Taman Persekutuan Bukit Kiara di sini, sebagai kawasan hijau dan melindungi flora serta fauna di kawasan tersebut.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, beberapa langkah telah digariskan dan akan dilaksana bagi mengekalkan kehijauan kawasan tersebut dan melindungi khazanah yang terdapat di dalamnya.

"Antara langkah-langkah tersebut termasuk memasang pagar bagi menghalang pemburu haram dan penceroboh daripada memasuki kawasan taman.

"Kita memberikan tanggungjawab kepada Jabatan Landskap Negara (JLN) untuk menyelenggara kawasan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.







Langkah baharu tangani masalah panggilan palsu - Rahman

# Klip video bantuan kecemasan



# 20 pasangan terima tawaran Rumah Transit 1Malaysia



# Jangan pinggirkan rumah kos rendah



# Kajian wujud 'Bandaraya Belia' mula tahun depan: Rahman Dahlan

Neil Chan

# ...gan Fotografi ...a sambutan ...andskap ...ra 2014

# Strata management tribunal by mid-2015

By Alexander Wong





# Beri peluang miliki rumah PPR

Kementerian diharap pertimbang permohonan rakyat disenarai hitam



助消拯局接電話後最快出動

# 小鎮擬建輔助消拯局



促住家設煙霧探測器滅火器



# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



Sepanjang tahun 2014, KPKT dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan dalam pelbagai aspek yang menyumbang kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan dan pendorong kepada warga KPKT untuk meyumbang bakti dengan lebih cemerlang. Antara anugerah dan pengiktirafan utama yang diterima oleh KPKT dan agensi adalah seperti dalam Jadual 5.

**Jadual 5 Anugerah dan Pengiktirafan Utama yang Diterima oleh KPKT dan Agensi sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Anugerah/Pengiktirafan | Organisasi Penganjur | Penerima |
|---|---|---|---|
| 1. | **Penarafan 4 Bintang (Cemerlang) bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2013** | Jabatan Audit Negara | KPKT |
| 2. | **Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2013** | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia | KPKT |
| 3. | **Kementerian pertama yang menerima Penganugerahan Sijil 5S Hijau** | SIRIM QAS International Sdn. Bhd. | KPKT |
| 4. | Pengurusan Aduan Cemerlang tahun 2013 | Biro Pengaduan Awam | KPKT |
| 5. | **Anugerah 5 bintang sempena Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam Bagi Tahun 2012 hingga 2013** semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014 | Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) | KPKT |
| 6. | **Penganugerahan 5 bintang sempena pengiktirafan bintang agensi sektor awam bagi tahun 2012- 2013** semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014 | MAMPU | KPKT |
| 7. | **Penganugerahan atas pencapaian status *Significantly Exceed Target* (ST) bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) tahun 2013** | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | KPKT |
| 8. | **Anugerah Agensi Induk Terbaik dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013** | Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan MAMPU | KPKT |
| 9. | **Penarafan 5 Bintang dalam MGPWA 2013** | MDEC dan MAMPU | i. KPKT<br>ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)<br>iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)<br>iv. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)<br>v. Jabatan Perumahan Negara (JPN)<br>vi. Jabatan Landskap Negara (JLN)<br>vii. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)<br>viii. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) |
| 10. | ***2013 Financial Process Exchange* (FPX) *Top Merchants Award* dan 2013 FPX *Most Promising Merchant***<br>(Pengiktirafan ini adalah berkaitan penggunaan FPX dalam urusan pembayaran sistem eFEIS bagi urusan pembayaran pemeriksaan alat pemadam api) | Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear), Anak Syarikat Bank Negara Malaysia | JBPM |

| Bil. | Anugerah/Pengiktirafan | Organisasi Penganjur | Penerima |
|---|---|---|---|
| 11. | i. ***Gold Medal*** serta **Diploma *Gold Medal*;**<br>ii. ***Thailand Award for Best International Invention*** dari Negara Thailand; dan<br>iii. **Diploma *in Scientific Merit and Excellent Cooperation Award*** dari Negara Portugal<br><br>sempena 42nd *International Exhibition of Inventions of Geneva, Switzerland* | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) | JBPM |
| 12. | ***Innovative Use in Public Service Award* 2014** | Commonwealth Association in Public Service and Management (CAPAM) | JPBD |
| 13. | ***Geospatial World Excellence Award for Application of Geospatial Technology in Public Safety for Safe City Monitoring System in Crime Monitoring In Malaysia*** di *Geospatial World Forum* 2014, Geneva, Switzerland | Geospatial Media and Communications | JPBD |
| 14. | **Anugerah Ketua Pengarah MAMPU** di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kebangsaan 2014 | JPA | JPBD |
| 15. | **Anugerah Citra Sahabat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** bersempena Majlis Hari Inovasi Dewan Bahasa dan Pustaka 2014 | Dewan Bahasa dan Pustaka | Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) |






| Bil. | Anugerah/Pengiktirafan | Organisasi Penganjur | Penerima |
|---|---|---|---|
| 16. | **Anugerah Pengurusan Dokumen Kewangan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) Terbaik** bagi Tahun 2013 | Jabatan Akauntan Negara Malaysia | JKT |
| 17. | **Amalan Persekitaran Berkualiti 5S** bagi tempoh 4 April 2014 hingga 2 April 2015 | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) | JKT |
| 18. | **Anugerah *FutureGov Top Project*** di bawah kategori *Mobile Government* | FutureGov | PPSPPA |






# PROGRAM

052 Program Kesejahteraan Bandar
074 Program Perancangan Bandar dan Desa
084 Program Kebombaan dan Penyelamatan
108 Program Perumahan
130 Program Kerajaan Tempatan
146 Program Pembangunan Landskap
156 Program Pengurusan Sisa Pepejal
182 Program Latihan KPKT
188 Program Khidmat Sokongan (Dasar dan Pembangunan)
206 Program Khidmat Sokongan (Pengurusan)
228 Program Khidmat Sokongan (*Staff Function*)

# PROGRAM KESEJAHTERAAN BANDAR



## BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR

### LATAR BELAKANG

Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) diketuai oleh Puan Hafidzah Hassan dan mempunyai lima (5) cawangan/unit seperti yang berikut:

i. Cawangan Pembangunan Komuniti Bandar;
ii. Cawangan Kemiskinan Bandar;
iii. Cawangan *Local Agenda* 21;
iv. Cawangan Penyelarasan Perkhidmatan Bandar; dan
v. Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan

### OBJEKTIF

i. Meningkatkan penyertaan penduduk dalam proses membuat keputusan bagi program kesejahteraan bandar
ii. Meningkatkan penyertaan penduduk dalam pelaksanaan program kesejahteraan bandar
iii. Mengurangkan bilangan penduduk miskin bandar

**Visi**
Mewujud komuniti dan persekitaran bandar yang sejahtera, berkualiti dan mampan

**Misi**
Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras program-program kesejahteraan bandar yang inovatif, strategik dan inklusif melalui peningkatan sosio-ekonomi dan penyertaan penduduk

### FUNGSI UTAMA

i. Merancang, melaksana dan memantau Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
ii. Mengurus dan mentadbir hal ehwal pelantikan dan perkhidmatan anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk
iii. Menyelaras dan memantau program dan aktiviti Jawatankuasa Perwakilan Penduduk
iv. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek di bawah program *Local Agenda* 21
v. Urus Setia peringkat kebangsaan bagi program *Local Agenda* 21
vi. Melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif baharu berkaitan kesejahteraan bandar
vii. Menyelaras program dan aktiviti berkaitan kesejahteraan bandar bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan



## PROGRAM DAN PENCAPAIAN

### PROGRAM *ENGLISH FOR ME*

Program *English For Me* merupakan satu usaha sama antara Jabatan Pembangunan Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KPKT yang berorientasikan latihan dalam meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris kumpulan sasar.

Peserta program ini terdiri daripada pelajar IPT, pekerja yang ingin menyambung pengajian ke peringkat universiti, pekerja industri yang memerlukan nilai tambah dalam bidang sedia ada atau yang baharu (*upgrading and upskilling*), peniaga kecil dan juga suri rumah. Modul yang digunakan bagi Program *English For Me* ialah Modul *Communicative English*.

Program ini bertujuan untuk membantu golongan komuniti setempat menambahkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam mengejar era globalisasi yang memerlukan pelbagai kemahiran untuk dikuasai oleh individu bagi melonjakkan kecemerlangan masing-masing ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kemahiran komunikasi yang baik mampu meningkatkan tahap kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal yang amat diperlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup dan menaik taraf ekonomi pendapatan harian.

Program *English For Me* ini juga bertujuan bagi mengeratkan hubungan antara golongan komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, meningkatkan kecenderungan komuniti setempat terhadap program-program teknikal dan kemahiran, melahirkan komuniti berpengetahuan (k-community) serta membantu mengurangkan masalah sosial dalam kalangan belia. Ini bersesuaian dengan peranan Kolej Komuniti untuk memberikan khidmat melepasi sempadan kaum dan bangsa seiring dengan moto Kolej Komuniti sebagai 'Peneraju Komuniti Berilmu dan Berkemahiran'.

Program ini dijalankan di tujuh (7) buah Kolej Komuniti dengan menggunakan fasiliti dan prasarana sedia ada seperti yang berikut:

i. Bandar Tenggara, Johor;
ii. Hulu Selangor, Selangor;
iii. Bayan Baru, Pulau Pinang;
iv. Kota Belud, Sabah;
v. Arau, Perlis;
vi. Bukit Beruang, Melaka; dan
vii. Kuala Terengganu, Terangganu.





**PROGRAM *MY BUSKERS CORNER***

*Malaysian Buskers Corner* atau *My Buskers Corner* merupakan inisiatif KPKT untuk mengembangkan aktiviti *busking* di Malaysia secara sihat melalui penyediaan ruang aktiviti persembahan jalanan secara khusus yang digazetkan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri.

Program *My Buskers Corner* ini dilaksanakan untuk menyediakan platform yang sistematik dan lengkap kepada golongan `*buskers*' ataupun penghibur jalanan bagi membolehkan mereka mempamerkan bakat kepada khalayak ramai. Selain itu, program ini juga akan membantu membangunkan aktiviti sosial setempat yang positif dan sihat; mewujudkan komuniti *buskers* yang '*street-wise*' akan tanggungjawab dan hak-hak mereka; membuka ruang untuk menampilkan bakat-bakat sedia ada; menjadi hab pengerat hubungan komuniti setempat melalui seni jalanan; dan menjadi daya tarikan kepada penduduk tempatan dan pelancong dalam kawasan PBT.





Antara objektif pelaksanaan Program *My Buskers Corner* adalah seperti yang berikut:

i. sebagai platform kepada warga tempatan khususnya golongan belia untuk mengembangkan bakat seni mereka secara langsung kepada masyarakat; dan
ii. membantu dalam menyumbang kepada pewujudan '*livable city*' di seluruh negara melalui aktiviti seni jalanan.

Melalui penyediaan *My Buskers Corner*, PBT dapat mengawal aktiviti *busking* dan memastikan aktiviti yang dijalankan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan isu-isu berkaitan dengan kacau ganggu, masalah kebersihan dan keselamatan kepada orang awam.

Dengan kerjasama PBT, *My Buskers Corner* memulakan operasi setiap minggu pada hari Jumaat hingga Ahad di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan. Ruang yang disediakan boleh digunakan secara santai dan sebarang bentuk bakat dan persembahan seni adalah dialu-alukan.

*Malaysian Buskers Club* (MYBC) akan bertindak selaku pengendali program *My Buskers Corner* di semua lokasi dan setiap penglibatan aktiviti *busking*, perlulah mendaftar sebagai Rakan *My Buskers Corner* atau Rakan MYBC. Lokasi-lokasi pelancaran *My Buskers Corner* di seluruh negara sepanjang tahun 2014 dengan penglibatan dan sokongan daripada PBT adalah seperti dalam Jadual 6.



**Jadual 6 Lokasi-lokasi Pelancaran My Buskers Corner di Seluruh Negara Sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Lokasi | Tarikh | Anjuran |
|---|---|---|---|
| 1. | Dataran Sg. Melaka, Melaka | 2 Feb 2014 | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan MYBC |
| 2. | Pantai Batu 4 Port Dickson, Negeri Sembilan | 8 Mac 2014 | Majlis Perbandaran Port Dickson dan MYBC |
| 3. | Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang | 3 Mei 2014 | Majlis Perbandaran Kuantan dan MYBC |
| 4. | Bazar Karat Johor Bahru, Johor | 16 Mei 2014 | Majlis Bandaraya Johor Bahru dan MYBC |
| 5. | Tambatan DiRaja Kota Bahru, Kelantan | 20 Jun 2014 | Majlis Perbandaran Kota Bahru dan MYBC |
| 6. | Kinta River Walk, Ipoh, Perak | 8 Nov 2014 | Majlis Bandaraya Ipoh dan MYBC |
| 7. | Persiaran Tun Habab, Kota Tinggi, Johor | 19 Nov 2014 | Majlis Daerah Kota Tinggi dan MYBC |
| 8. | Canai 15 Cafe, Subang Jaya, Selangor | 24 Dis 2014 | Majlis Perbandaran Subang Jaya dan MYBC |










**MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR**

Pada 21 November 2014, bertempat di Tabung Haji Hotel and Convention Centre, Kuala Terengganu, Bahagian Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Bil. 1 tahun 2014.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abd Razak, Ketua Setiausaha, KPKT dan dihadiri seramai 169 ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil Kementerian, PBT, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM); Unit Perancang Ekonomi (EPU, JPM); Permodalan Nasional Berhad (PNB); Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK); Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak (KKTPK Sarawak); dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP Sabah).



Antara objektif Mesyuarat Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskian Bandar adalah seperti yang berikut:

i. Memaklumkan pencapaian program-program Kesejahteraan Bandar yang dilaksanakan oleh KPKT dan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) pada tahun mendatang kepada agensi pelaksana;
ii. Memaklumkan dasar sedia ada dan hala tuju KPKT dalam pelaksanaan PPKB kepada agensi pelaksana;
iii. Mendapatkan idea dan pandangan bagi penambahbaikan haja tuju sedia ada;
iv. Berkongsi pengalaman dan maklumat dalam penyelesaian isu/masalah berbangkit berkenaan komuniti miskin bandar;
v. Membincangkan isu-isu berbangkit berkenaan pelaksanaan program/projek kesejahteraan bandar;
vi. Mendapatkan sokongan dan kerjasama padu serta komitmen agensi pelaksana; dan
vii. Mengukuhkan *networking* antara KPKT dengan agensi pelaksana dan agensi pusat bagi memudahkan pelaksanaan program dan aktiviti kesejahteraan bandar di lapangan.

Di samping itu, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak turut mengadakan lawatan ke rumah penerima Bantuan Perumahan Bandar dan ke kios penjaja di sekitar Kuala Terengganu dengan diiringi wakil kementerian serta MBKT.

**PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL NBOS 7 KEJIRANAN INDAH**

KPKT melalui Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*, MyBN) di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) telah berjaya membaik pulih perumahan awam dan meningkatkan kualiti kemudahan untuk memastikan kejiranan mampan yang selamat, bersih dan bahagia.

Bagi mengekalkan konsep Kejiranan Indah selepas projek disiapkan, Program Transformasi Sosial (PTS) diwujudkan di kawasan MyBN. Objektif pelaksanaan PTS ini adalah untuk:

i. Mewujudkan satu mekanisma kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program serta aktiviti yang dijalankan;
ii. Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan;
iii. Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik dari fizikal, mental dan sosial; dan
iv. Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/aktiiti kesukarelawan.



PTS dilaksanakan melalui program sedia ada di bawah jabatan/agensi KPKT seperti dalam Jadual 7.

**Jadual 7 Program Transformasi Sosial**

| Program | Program Bandar Selamat |
|---|---|
| Program Bandar Selamat | • Mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pentahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Rukun Tetangga (RT) telah dilaksanakan sebanyak 96 kali bermula November 2013 hingga April 2014; dan<br>• Anggota Polis Wanita (AMANITA) menarik suri rumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku. |
| Program Bomba Komuniti | • Memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). |
| Program Rakan Taman | • Memupuk semangat kesukarelawan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf;<br>• Mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihan taman; dan<br>• Bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaan taman. |
| Komuniti Kitar Semula (*reduce, reuse dan recycle*) | • Meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22 peratus menjelang tahun 2020; dan<br>• Memupuk amalan kitar semula dan menambah sumber pendapatan isi rumah. |












| Program | Program Bandar Selamat |
|---|---|
| Program Kesihatan | • Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bersama Jabatan Kesihatan Negeri akan memperkenalkan dan melaksanakan Program Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (*Communication for Behavioural Impact*, COMBI);<br>• Program COMBI adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi; dan<br>• Penduduk dapat bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes serta mengamalkan gaya hidup sihat |





Sepanjang tahun 2014, sebanyak tujuh (7) lokasi *MyBN* telah diadakan Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial seperti dalam Jadual 8.

**Jadual 8 Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial Sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Lokasi | Tarikh | Agensi Pelaksana | Perasmi |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taman Jengka Impian, Maran, Pahang | 10 Mei 2014 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) | YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 2. | Rumah Pangsa Alor Malai, Alor Setar, Kedah | 23 Jun 2014 | JPBD | YB Haji Badrol Hisham Hashim, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kedah |
| 3. | Rumah Pangsa Kilang Lama, Kulim, Kedah | 6 Sep 2014 | Jabatan Landskap Negara (JLN) | YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT |
| 4. | Rumah Pangsa Kos Rendah Keluarga Kg. Bijangga, Dungun, Terengganu | 27 Sep 2014 | JBPM | YBhg. Dato' Haji Din Adam, Pegawai Pembangunan Dungun |
| 5. | Perumahan Awam Kos Rendah Batu 1, Jalan Teras 2, Bentong, Pahang | 8 Nov 2014 | BKB | YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT |
| 6. | Flat Perumahan Taman Keramat, Sabah | 7 Dis 2014 | Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) | YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan |
| 7. | Rumah Pangsa Pandan Malim, Melaka | 20 Dis 2014 | Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) | YBrs. Mohd. Rosli Haji Abdullah, Ketua Pengarah JPSPN |



## TAKLIMAT JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP)

Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) adalah merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan transformasi pengurusan bandar memandangkan pada masa ini hampir 70 peratus penduduk negara ini tinggal di bandar. Sehubungan itu, JPP yang ditubuhkan akan menjadi platform penyaluran isu dan masalah yang melibatkan penduduk bandar untuk dibawa ke pengetahuan PBT dengan segera.

Penubuhan JPP melibatkan 148 PBT kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Lembaga Kemajuan Tioman.

Penubuhan JPP adalah mengikut zon iaitu maksimum 24 zon bagi setiap kawasan PBT.

Selaras dengan penubuhan JPP ini, YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan beberapa perjumpaan dan taklimat JPP kepada Menteri Besar/Ketua Menteri seperti dalam Jadual 9.

Tujuan perjumpaan dan taklimat JPP ini diadakan adalah untuk memberi penjelasan dan berbincang mengenai penubuhan dan pelaksanaan JPP di PBT negeri masing-masing.

**Jadual 9 Taklimat JPP kepada Menteri Besar/Ketua Menteri**

| Bil. | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Taklimat JPP kepada YAB Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak | 21 Jan 2014 |
| 2. | Taklimat JPP kepada YAB Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir Menteri Besar Kedah | 28 Jan 2014 |
| 3. | Taklimat JPP kepada YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak | 30 Jan 2014 |
| 4. | Taklimat JPP kepada YAB Datuk Seri Ahmad Said, Menteri Besar Terangganu | 6 Feb 2014 |









**PERJUMPAAN BERSAMA PENGERUSI JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP)**

Sepanjang tahun 2014, beberapa sesi perjumpaan bersama dengan Pengerusi JPP di beberapa buah negeri telah diadakan bertujuan untuk memberikan penerangan dan menyampaikan amanat pihak KPKT berhubung pengenalan dan pelaksanaan JPP. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah turun padang bagi menjayakan empat (4) sesi perjumpaan dengan Pengerusi JPP seperti dalam Jadual 10.










**Jadual 10** **Perjumpaan Bersama Pengerusi JPP dengan YB Timbalan Menteri**

| Bil. | Majlis | Tempat dan Tarikh | Kehadiran | |
|---|---|---|---|---|
| | | | VVIP | JPP |
| 1. | Perjumpaan Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Perak | Dewan Merdeka Tapah, Tapah, Perak 11 Sep 2014 | YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT; dan YB Dato' Saarani Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak | 271 orang Pengerusi JPP dari 15 buah PBT di Negeri Perak yang dilantik berkuat kuasa pada 1 Sep 2014 |
| 2. | Perjumpaan Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Pahang | Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahamad Shah, Pekan, Pahang 17 Okt 2014 | YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf; dan YB Dato' Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jelai yang mewakili Menteri Besar Pahang | 231 orang Pengerusi JPP di 11 PBT di Negeri Pahang yang dilantik berkuat kuasa 1 Nov 2014 |
| 3. | Perjumpaan Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Perlis | Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis Kangar, Perlis 25 Sep 2014 | YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis; YB Tuan Haji Mat Haji Hassan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Perumahan dan Kerajaan Tempatan/ Perkhidmatan Bandar/ Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil); dan YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf | 24 orang Pengerusi JPP bagi Negeri Perlis yang telah dilantik berkuat kuasa 1 Sept 2014 |
| 4. | Perjumpaan Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Kedah | Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah 2 Okt 2014 | YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf; YB Tuan Haji Badrol Hisham Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air, Tenaga dan Pembangunan Insan Negeri Kedah yang mewakili Menteri Besar Kedah | 211 orang Pengerusi JPP di 11 PBT di Negeri Kedah yang dilantik berkuat kuasa 1 Okt 2014. |



Di samping itu, Majlis Ramah Mesra Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (MTPNg) bersama Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Pulau Pinang dan KPKT telah diadakan pada 21 Ogos 2014 bertempat di Anjung Putra, Tingkat Bawah, Menara Boustead, Georgetown, Pulau Pinang. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Zainal Abidin Osman (Pengerusi MTPNg) dan YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf, [Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT]. Majlis ini diadakan bertujuan memberikan taklimat awal dan amanat kepada seramai 48 orang Pengerusi JPP di 11 PBT di Negeri Pualu Pinang yang telah dilantik berkuat kuasa 1 Ogos 2014.

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

## LATAR BELAKANG

Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) diketuai oleh Tuan Mohammad Ridzwan Abidin. Secara ringkasnya, BPP terlibat dalam menyediakan dan menyelaras dasar dan perundangan berkaitan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) serta merancang dan menyelaras pelaksanaan program Tabung Penyenggaraan 1Malaysia (TP1M) dan Projek Penyenggaraan Perumahan (PPP).

**VISI**
Mewujud komuniti strata dan persekitaran strata yang sejahtera, berkualiti dan mampan

**MISI**
Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras program-program komuniti dan bangunan berstrata yang strategik dan inklusif

**OBJEKTIF**

i. Memantau kualiti pengurusan bangunan berstrata
ii. Meningkatkan kualiti perumahan kos rendah awam dan swasta
iii. Meningkatkan kualiti kehidupan penduduk berstrata

Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu:

i. Cawangan Pengurusan Strata;
ii. Cawangan Penyenggaraan Swasta; dan
iii. Cawangan Penyenggaraan Awam.

## PENCAPAIAN

**SEMINAR PENGURUSAN STRATA**

KPKT dengan kerjasama Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di pihak berkuasa tempatan (PBT) telah menganjurkan 21 siri Seminar Pengurusan Strata di seluruh negara sepanjang tahun 2014.

Seminar ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengenalan khususnya kepada penghuni bangunan berstrata, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) berkenaan tanggungjawab mengurus dan menyenggara bangunan dan harta bersama.

Antara lokasi seminar ialah Seremban, Petaling Jaya, Taiping, Melaka, Selayang, Port Dickson, Kajang, Klang, Seberang Perai, Ipoh, Pasir Gudang, Subang Jaya, Bentong, Petaling Jaya, Ampang Jaya, Kulai dan Kota Bharu.

Pelbagai topik disampaikan semasa seminar berlangsung antaranya adalah berkenaan:

i. Tanggungjawab pemaju dan penduduk;
ii. Keselamatan kebombaan;
iii. Pengurusan kewangan; dan
iv. Perundangan berkaitan pengurusan strata seperti Akta Pengurusan Strata 2013 yang baharu digubal.

Sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan dan berjaya menarik minat lebih daripada 4,336 orang peserta. Selain daripada ahli JMB/MC, seminar ini turut dihadiri oleh pemaju, pengurus hartanah, ejen pengurusan serta jabatan dalaman PBT tersebut.







**MESYUARAT PENYELARASAN PESURUHJAYA BANGUNAN DI PBT 2014**

Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan di PBT 2014 telah diadakan pada 14 Oktober 2014. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan bertujuan untuk menyelaras pelbagai perkara antara unit-unit COB di seluruh PBT.

Mesyuarat telah dihadiri oleh 71 ketua unit dan wakil daripada unit COB di PBT setiap negeri. Antara isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat kali ini adalah tentang pengunaan 'Borang *Star Rating*' yang baharu oleh semua unit COB di PBT.

Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan di PBT 2014 seperti yang berikut:

i. Tiga (3) kertas kerja oleh wakil dari Cawangan Pengurusan Strata, KPKT;
ii. Satu (1) kertas kerja dari unit COB Johor Bahru; dan
iii. Satu (1) kertas kerja dari Unit COB Johor Bahru Tengah.



**KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI DAN YB TIMBALAN MENTERI BAGI PELAKSANAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)**

YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan tiga (3) sesi kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri/Menteri Besar seperti dalam Jadual 11.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk bagi memaklumkan cadangan tarikh kuat kuasa Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri melalui Resolusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

**Jadual 11 Taklimat JPP kepada Menteri Besar/Ketua Menteri**

| Bil. | Majlis | Tarikh | Hasil Perbincangan |
|---|---|---|---|
| 1 | **Kunjungan Hormat YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke atas YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang** | 20 Okt 2014 | YAB Ketua Menteri Pulau Pinang memberikan sokongan penuh terhadap pelaksanaan Akta 757 dan memohon pihak KPKT:<br>i. mengadakan taklimat susulan bagi menerangkan dengan lebih lanjut mengenai Peraturan-peraturan Pengurusan Strata yang terlibat; dan<br>ii. mewujudkan mekanisme yang dapat menangani kelemahan Pesuruhjaya Bangunan di PBT. |
| 2. | **Kunjungan Hormat YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke atas YAB Tuan Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Selangor**<br> | 23 Okt 2014 | YAB Menteri Besar Selangor memberikan sokongan penuh terhadap pelaksanaan Akta 757 dan memohon:<br>i. Wakil dari Selangor diberi peluang menganggotai Tribunal Pengurusan Strata jika memenuhi syarat dan kelayakan yang telah digariskan dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757); dan<br>ii. Pandangan berkenaan fungsi struktur COB di bawah PBT serta pertambahan pegawai dan kakitangan supaya unit COB akan lebih efektif menjalankan fungsi dan kuat kuasa Akta 757. |
| 3. | **Kunjungan Hormat YB Datuk Halimah Mohamed Sadique ke atas YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Haji Haron, Ketua Menteri Melaka**<br> | 31 Okt 2014 | Kerajaan Negeri Melaka memberikan sokongan penuh terhadap pelaksanaan Akta 757 dan akan membentangkan cadangan penguatkuasaan akta tersebut dalam Persidangan DUN.<br>YB Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar memohon agar KPKT mempertimbangkan cadangan mewujudkan satu Mahkamah Tribunal Pengurusan Strata di Melaka. |



# BAHAGIAN PEMBERI PINJAM WANG DAN PEMEGANG PAJAK GADAI

## LATAR BELAKANG

Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) telah diberi mandat untuk mentadbirkan aktiviti-aktiviti pengawalseliaan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) berpandukan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan peraturan-peraturan berkaitan.

Akta 400 dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, pentadbiran PPW di Labuan terletak di bawah Perbadanan Labuan manakala pentadbiran PPW di negeri Sabah terletak di bawah Kementerian Kewangan Sabah dan pentadbiran PPW di Sarawak terletak di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Bagi Akta 81 pula, ianya dikuatkuasakan di seluruh negara, termasuk di Labuan, Sabah dan Sarawak sejak 1 Januari 2004.

**OBJEKTIF**

Memastikan hanya PPW dan PPG yang berkelayakan, berkemampuan dan beretika sahaja dilesenkan, meningkatkan kualiti, produktiviti dan keberkesanan penguatkuasaan serta meningkatkan kesedaran awam berkaitan perundangan dan aktiviti PPW dan PPG

**FUNGSI**

i. Menerima dan memproses permohonan berkaitan pelesenan dan pengiklanan PPW dan PPG
ii. Memungut hasil bayaran lesen, permit iklan, fi-fi berkaitan dan kompaun daripada PPW dan PPG
iii. Memproses permohonan pengecualian dan rayuan di bawah Akta 400 dan Akta 81 untuk pertimbangan YB Menteri KPKT
iv. Menyelenggara rekod-rekod dan perangkaan mengenai PPW dan PPG
v. Memantau operasi premis perniagaan PPW dan PPG di seluruh negara
vi. Menerima dan menyiasat aduan atau maklumat daripada orang awam mengenai kesalahan yang dilakukan oleh PPW dan PPG

## PENCAPAIAN DAN AKTIVITI

**PELESENAN**

a. **Taburan PPW dan PPG Berlesen Mengikut Negeri**
Sehingga Disember 2014, terdapat sebanyak 3,323 PPW dan 416 PPG berlesen yang aktif di seluruh Malaysia dan pecahan bilangan PPW dan PPG bagi setiap negeri adalah seperti dalam Jadual 12.

**Jadual 12 Bilangan PPW dan PPG Berlesen yang Aktif di Seluruh Malaysia Sehingga Disember 2014**

| Negeri | Bilangan | |
|---|---|---|
| | PPW | PPW |
| Johor | 289 | 47 |
| Kedah | 137 | 42 |
| Kelantan | 14 | 11 |
| Melaka | 98 | 12 |
| Negeri Sembilan | 116 | 23 |
| Pahang | 96 | 17 |
| Perak | 260 | 45 |
| Perlis | 9 | 4 |
| Pulau Pinang | 322 | 37 |
| Sabah* | 442 | 25 |
| Sarawak* | 441 | 19 |
| Selangor | 624 | 87 |
| Terengganu | 25 | 11 |
| WP Kuala Lumpur | 443 | 33 |
| WP Labuan* | 5 | 3 |
| WP Putrajaya | 2 | 0 |
| **Jumlah** | **3,323** | **416** |

Nota: Pengeluaran lesen PPW di Labuan, Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.




b. **Pengeluaran Lesen dan Permit PPW Tahun 2014**
Sepanjang tahun 2014, sebanyak 34 lesen baharu PPW dikeluarkan dan 739 pemegang lesen telah memperbaharui lesen mereka.

Dalam tahun yang sama, sebanyak 32 permit iklan baharu PPW telah dikeluarkan dan 376 pemegang permit iklan telah memperbaharui permit mereka. Perangkaan pengeluaran lesen dan permit PPW pada tahun 2014 seperti dalam Jadual 13.

**Jadual 13 Pengeluaran Lesen dan Permit PPW Tahun 2014**

| Bulan | Lesen | | Permit | |
|---|---|---|---|---|
| | Baharu | Pembaharuan | Baharu | Pembaharuan |
| Jan | 12 | 50 | 8 | 19 |
| Feb | 0 | 42 | 5 | 18 |
| Mac | 4 | 28 | 0 | 3 |
| Apr | 15 | 44 | 1 | 41 |
| Mei | 1 | 60 | 5 | 49 |
| Jun | 0 | 145 | 3 | 73 |
| Jul | 2 | 26 | 2 | 10 |
| Ogos | 0 | 33 | 0 | 17 |
| Sep | 0 | 45 | 1 | 18 |
| Okt | 0 | 88 | 4 | 41 |
| Nov | 0 | 111 | 2 | 50 |
| Dis | 0 | 67 | 1 | 37 |
| **Jumlah** | **34** | **739** | **32** | **376** |

c. **Pengeluaran Lesen dan Permit PPG Tahun 2014**
Bagi PPG, hanya 14 lesen baharu PPG dikeluarkan sepanjang tahun 2014. Sebanyak 226 pemegang lesen telah memperbaharui lesen mereka, 10 permit iklan baharu PPG telah dikeluarkan dan lima (5) pemegang permit iklan telah memperbaharui permit mereka. Perangkaan pengeluaran lesen dan permit PPG pada tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 14.

**Jadual 14 Pengeluaran Lesen dan Permit PPG Tahun 2014**

| Bulan | Lesen | | Permit | |
|---|---|---|---|---|
| | Baharu | Pembaharuan | Baharu | Pembaharuan |
| Jan | 12 | 58 | 0 | 0 |
| Feb | 0 | 112 | 0 | 1 |
| Mac | 0 | 16 | 2 | 1 |
| Apr | 0 | 5 | 1 | 1 |
| Mei | 1 | 13 | 4 | 2 |
| Jun | 0 | 0 | 1 | 0 |
| Jul | 1 | 2 | 0 | 0 |
| Ogos | 0 | 3 | 0 | 0 |
| Sep | 0 | 3 | 0 | 0 |
| Okt | 0 | 5 | 0 | 0 |
| Nov | 0 | 8 | 2 | 0 |
| Dis | 0 | 1 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | **14** | **226** | **10** | **5** |






**PENGUATKUASAAN**

a. **Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPW dan PPG**
Sepanjang tahun 2014 sebanyak 1456 premis PPW dan 246 premis PPG telah diperiksa dan dipantau. Pemantauan dan pemeriksaan premis yang dilaksanakan secara berterusan adalah bertujuan untuk memastikan kesemua premis PPW dan PPG mematuhi segala peraturan dan tatacara sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tindakan proaktif ini diambil bagi memastikan keselamatan premis dan barang cagaran selain mengelakkan kesalahan-kesalahan seperti mengenakan faedah yang tinggi, tiada resit bayaran dan lain-lain kesalahan yang dilakukan oleh pemegang lesen PPW dan PPG.

Bilangan aktiviti pemantauan/ pemeriksaan premis PPW dan PPG bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 15 dan Jadual 16.



**Jadual 15 Bilangan Aktiviti Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPW Bagi Tahun 2014**

| Negeri | Bilangan Premis Dipantau | | | | | | | | | | | | Jumlah | Jumlah PPW berlesen | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis | | | |
| Johor | 5 | 189 | 31 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 225 | 283 | 79.51 |
| Kedah | - | - | - | - | - | 63 | - | - | - | - | - | - | 63 | 139 | 45.32 |
| Kelantan | 12 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 12 | 13 | 92.31 |
| Melaka | - | - | - | 81 | - | - | - | - | - | - | - | - | 81 | 95 | 85.26 |
| Negeri Sembilan | - | - | - | 94 | - | - | - | - | - | - | - | - | 94 | 117 | 80.34 |
| Pahang | 2 | 7 | 60 | - | - | - | - | - | - | - | 4 | - | 73 | 93 | 78.49 |
| Pulau Pinang | 4 | - | - | - | 135 | - | - | - | - | - | - | - | 139 | 330 | 42.12 |
| Perak | 4 | 8 | 13 | - | - | 33 | - | - | - | - | 117 | - | 175 | 268 | 65.30 |
| Perlis | 6 | 2 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 8 | 8 | 100.00 |
| Selangor | - | 5 | - | - | 89 | 20 | 5 | 9 | 64 | - | - | 15 | 207 | 614 | 33.71 |
| Terengganu | 25 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 25 | 25 | 100.00 |
| WP Kuala Lumpur | - | - | - | - | - | 44 | 53 | 36 | - | - | - | - | 133 | 434 | 30.65 |
| WP Putrajaya | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 0 | 2 | 0.00 |
| Sabah | 15 | 13 | 15 | 6 | 25 | 23 | 14 | 15 | 8 | - | - | - | 134 | 417 | 32.13 |
| Sarawak | 14 | 13 | - | 12 | 10 | 12 | 11 | 10 | - | - | - | - | 82 | 381 | 21.52 |
| WP Labuan | - | - | 4 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 4 | 5 | 80.00 |
| **Jumlah** | **87** | **237** | **123** | **193** | **259** | **195** | **83** | **70** | **72** | **-** | **121** | **15** | **1455** | **3224** | **45.13** |

**Jadual 16 Bilangan Aktiviti Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPG Bagi Tahun 2014**

| Negeri | Bilangan Premis Dipantau | | | | | | | | | | | | Jumlah | Jumlah PPW berlesen | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis | | | |
| Johor | 1 | 33 | 8 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 42 | 43 | 97.67 |
| Kedah | - | - | - | - | - | 10 | - | - | - | - | - | - | 10 | 41 | 24.39 |
| Kelantan | 10 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 10 | 10 | 100.00 |
| Melaka | - | - | - | 11 | - | - | - | - | - | - | - | - | 11 | 12 | 91.67 |
| Negeri Sembilan | - | - | 10 | 18 | - | - | - | - | - | - | - | - | 28 | 23 | 121.74 |
| Pahang | 1 | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 2 | 16 | 12.50 |
| Pulau Pinang | - | 5 | - | - | 26 | - | - | - | - | - | - | - | 31 | 35 | 88.57 |
| Perak | 1 | 3 | 9 | - | - | 6 | - | - | - | - | 7 | - | 26 | 44 | 59.09 |
| Perlis | 4 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 4 | 4 | 100.00 |
| Selangor | - | 1 | - | - | 19 | 11 | - | - | 1 | - | - | - | 32 | 73 | 43.84 |
| Terengganu | 11 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 11 | 11 | 100.00 |
| WP Kuala Lumpur | - | - | - | - | - | 4 | 8 | 2 | - | - | - | - | 14 | 33 | 42.42 |
| Sabah | 8 | 1 | 2 | 1 | 3 | 2 | - | - | - | - | - | - | 17 | 23 | 73.91 |
| Sarawak | 1 | 3 | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | 5 | 18 | 27.78 |
| WP Labuan | - | - | 3 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 3 | 3 | 100.00 |
| **Jumlah** | **37** | **47** | **32** | **30** | **49** | **33** | **8** | **2** | **1** | **-** | **7** | **-** | **246** | **389** | **63.24** |

**b. Pemantauan Lelongan Awam Pajak Gadai**

Lelongan awam pajak gadai merupakan lelongan barangan pajakan bagi jumlah pinjaman melebihi RM200 yang gagal ditebus oleh pemajak dalam tempoh pajakannya.

Setiap lelongan awam pajak gadai yang diadakan perlu dipantau dan disahkan oleh pegawai dari BPWG yang dilantik sebagai Inspektor Pemegang Pajak Gadai.

Pada tahun 2014, sebanyak 311 lelongan awam PPG telah diadakan. Jadual 17 menunjukkan statistik pemantauan dan pengesahan lelong PPG 2014.

**Jadual 17 Statistik Pemantauan dan Pengesahan Lelong PPG 2014**

| Negeri | Bilangan Premis Dipantau | | | | | | | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | |
| Johor | 3 | 2 | 4 | 3 | 4 | 3 | 4 | 3 | 4 | 3 | 4 | 3 | 40 |
| Kedah | - | 4 | 4 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 52 |
| Kelantan | - | - | - | - | 2 | 1 | - | 2 | 1 | - | 2 | 1 | 9 |
| Melaka | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 12 |
| Negeri Sembilan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 12 |
| Pahang | - | 1 | 3 | - | 1 | 2 | - | 1 | 3 | - | 1 | 3 | 15 |
| Perak | 4 | 3 | 4 | 3 | 3 | 3 | 4 | 3 | 4 | 3 | 4 | 3 | 41 |
| Perlis | - | - | 2 | - | 2 | - | 2 | - | 2 | - | 2 | - | 10 |
| Pulau Pinang | - | 5 | 4 | 4 | 6 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 4 | 6 | 53 |
| Selangor | 3 | 2 | 3 | 1 | 3 | 2 | 3 | 2 | 3 | 2 | 3 | 2 | 29 |
| Terengganu | - | - | - | 4 | - | - | - | 1 | 1 | 1 | 2 | 1 | 10 |
| WP Kuala Lumpur | - | 1 | - | 2 | - | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | - | 2 | 10 |
| Sabah | - | - | 1 | - | - | 1 | - | - | 1 | 1 | - | 3 | 7 |
| Sarawak | 3 | - | - | - | 1 | - | 2 | 2 | 1 | - | - | 2 | 11 |
| **Jumlah** | **15** | **20** | **27** | **23** | **29** | **25** | **28** | **27** | **32** | **23** | **29** | **33** | **311** |

**c. Pengurusan Aduan**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 173 aduan telah diterima yang terdiri daripada:

i. 152 aduan berkaitan PPW; dan
ii. 21 aduan berkaitan PPG.

Tindakan membuka kes siasatan dan menghadapkan mereka yang terlibat ke mahkamah telah dilakukan bagi kes-kes yang didapati berasas setelah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Kementerian.





**KUTIPAN HASIL BPWG TAHUN 2014**

Sepanjang tahun 2014, hasil sebanyak RM10,800,132.00 telah berjaya dikutip oleh BPWG dan pecahan kutipan hasil adalah seperti di Rajah 2.

Aktiviti pembaharuan, pengeluaran lesen baharu dan permit iklan PPG menyumbang hasil tertinggi sebanyak RM8,407,000.00 iaitu 77.84 peratus daripada hasil keseluruhan, diikuti daripada aktiviti pengeluaran lesen dan permit iklan PPW iaitu sebanyak RM2,321,600.00. Hasil yang lain seperti fi carian, denda/penalti dan bayaran lain menyumbang secara keseluruhannya sebanyak RM71,532.00.

**Rajah 2**
**Kutipan Hasil BPWG Tahun 2014**




**PENGANJURAN SEMINAR DAN BENGKEL**

Pada tahun 2014, BPWG telah menganjurkan satu (1) bengkel dan enam (6) seminar untuk warga BPWG seperti dalam Jadual 18.

**Jadual 18 Seminar dan Bengkel Anjuran BPWG Sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Seminar/Bengkel | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Penyediaan Kertas Siasatan dan Pendakwaan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan Akta Pemegang Pajak Gadai (Akta 81) | 18 - 21 Mac 2014 | Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 2. | Seminar Penyediaan Peraturan-peraturan PPG-PPPG (Pengkompaunan Kesalahan) 2014 | 22 - 24 Sep 2014 | Bilik Mesyuarat Gamet Aras 22, BPWG, KPKT |
| 3. | Seminar Penyediaan SOP Penguatkuasaan PPW-PPPW (Pengkompaunan Kesalahan) 2003 | | |
| 4. | Seminar Penyediaan SOP Penguatkuasaan PPPG (Pengkompaunan Kesalahan) 2014 | | |
| 5. | Seminar Penyediaan Peraturan-peraturan PPG-PPPG (Pengkompaunan Kesalahan) 2014 | 10 - 11 Dis 2014 | |
| 6. | Seminar Penyediaan SOP Penguatkuasaan PPW-PPPW (Pengkompaunan Kesalahan) 2003 | | |
| 7. | Seminar Penyediaan SOP Penguatkuasaan PPPG (Pengkompaunan Kesalahan) 2014 | | |

# PROGRAM PERANCANGAN BANDAR DAN DESA



## JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA

### LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) ditubuhkan pada 18 Januari 1921 dan kini diterajui oleh YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia Rosly selaku Ketua Pengarah. JPBD memainkan peranan penting sebagai penasihat utama dalam bidang perancangan bandar dan desa di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

Terdapat lapan (8) bahagian dan tiga (3) unit di JPBD iaitu:

i. Bahagian Rancangan Fizikal Negara;
ii. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan;
iii. Bahagian Perancangan Wilayah;
iv. Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan;
v. Bahagian Korporat;
vi. Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara;
vii. Bahagian Khidmat Pengurusan;
viii. Bahagian Rancangan Pembangunan;
    a. Unit Penyelarasan Projek;
    b. Empat (4) Pejabat Projek Zon (Utara, Tengah, Selatan dan Timur);
ix. Unit Khas Bandar Selamat;
x. Unit Integriti; dan
xi. Unit World Urban Forum 2018

**Visi**
Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020

**Misi**
Memacu Perancangan Fizikal Negara melalui Pelaksanaan dan Pemantauan Perancangan Pembangunan yang Komprehensif, Sistematik dan Inovatif Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat

### OBJEKTIF

i. Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat Negara
ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta berkaitan
iii. Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan
iv. Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang









### FUNGSI

**Peringkat Persekutuan**

i. Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal perancangan bandar dan desa
ii. Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
iii. Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang, prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan
iv. Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial
v. Memudah cara dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua peringkat pelaksanaan
vi. Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya
vii. Menyelia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negara

**Peringkat Negeri**

i. Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal ehwal perancangan bandar dan desa dalam menyelaras pelaksanaan Akta 172 di peringkat negeri

ii. Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172
iii. Memudah cara dan memantau pembangunan dalam negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan
iv. Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri
v. Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa
vi. Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya
vii. Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negeri

**Peringkat Tempatan**

i. Merancang, menyelaras dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT)
ii. Memudah cara dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan
iii. Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya
iv. Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari semasa ke semasa

## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Anugerah dan pengiktirafan yang diterima oleh JPBD sepanjang tahun 2014 adalah seperti yang berikut

**PERINGKAT ANTARABANGSA**

i. *World Excellence Award for Application of Geospatial Technology in Public Safety* bagi Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) di Geospatial World Forum 2014 yang diadakan di Geneva, Switzerland pada 5 hingga 9 Mei 2014.
ii. *Innovative Use in Public Service Award* oleh *Commonwealth Association in Public Service and Management* (CAPAM) 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 19 hingga 21 Oktober 2014.




**PERINGKAT KEBANGSAAN**

Anugerah Ketua Pengarah Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kebangsaan 2014 Kali Ke-31 pada 1 hingga 4 Disember 2014 bertempat di Hotel Renaissance, Johor Bahru.



## PENCAPAIAN

**PELAKSANAAN KAJIAN**

**1. Rancangan Fizikal Negara**




a. **Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-2 (2013)**
Pembentangan kepada Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN).

b. **Kajian Semula Rancangan Fizikal Negara (RFN Ke-3)**
Kajian semula RFN Ke-3 dan dijangka selesai pada September 2015.

c. **Kajian Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2)**
Kajian DPN Ke-2 dan dijangka selesai pada September 2015.

d. **Kajian Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara**
Kajian ini merupakan satu usaha JPBD dalam menyokong pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Oktober 2011. Matlamat pelaksanaan kajian ini adalah untuk menyediakan satu perancangan fizikal negara yang inklusif dan mampan.

**2. Kajian Prosedur dan Sebaran**

a. **Penyediaan Garis Panduan**
Semakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] Dan Kaedah-Kaedah Perancangan Penyediaan Garis Panduan Bersama JPBD Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)

b. **Panduan Pelaksanaan Akta 172 (PPA 172)**
Panduan ini akan menggariskan rangka perundangan utama bagi pelaksanaan notis pembelian yang keperluan umum, proses dan prosedur notis pembelian serta amalan pihak berkuasa perancang tempatan dalam melaksanakan notis pembelian.

c. **Program Sebaran Dasar Akta 172**
Melaksanakan Program Sebaran (Kursus *Functional*) sebanyak 12 siri bagi tujuan memberi pemahaman, pengetahuan serta meningkatkan tahap kompetensi Pegawai Perancang Bandar dan Desa di pihak PBT, JPBD Negeri, Bahagian Rancangan Pembangunan dan bahagian-bahagian di JPBD Ibu Pejabat.

**3. Pembangunan Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-Plan)**

a. **Pembangunan Pangkalan Data**
Melibatkan lima (5) negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Pembangunan Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-Plan) melibatkan kerja-kerja Transformasi Pangkalan Data Jabatan daripada *File Based* kepada *Relational Database Management System* (RDBMS) dan Penyelarasan dan Pengemaskinian Pangkalan Data.



b. **Pembangunan Aplikasi**
   Pembangunan aplikasi bagi Fasa 2 Tahun 2014 melibatkan pembangunan Laman Utama dan empat (4) modul aplikasi iaitu:
   i. Modul Pengurusan Data Guna Tanah;
   ii. Modul Pengesahan;
   iii. Modul Pentadbiran; dan
   iv. Modul *Login* dan *Logout*.

**4. Kajian Rancangan Pemajuan**

a. **Rancangan Tempatan Daerah (RTD)**
   Sehingga Disember 2014, JPBD telah menyediakan sebanyak 93 RTD yang mana 84 telah diwartakan dan selebihnya, sembilan (9) draf RTD masih belum diwartakan.

b. **Rancangan Kawasan Khas (RKK)**
   Sehingga Disember 2014, JPBD telah menyediakan sebanyak 38 RKK yang mana 15 telah diwartakan dan selebihnya, 23 RKK masih belum diwartakan dan 1 RKK digugurkan.

## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

**PELANCARAN PUSAT KECEMERLANGAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

KPKT melalui JPBD telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar (*Centre of Excellence for Urban Wellbeing and Happiness, COE*) pada 12 Jun 2014 bertempat di KL Sentral, Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.








COE ini ditubuhkan bertujuan untuk menangani isu-isu berkaitan kesejahteraan bandar dan permasalahan bandar seperti jenayah, peningkatan kos sara hidup, penularan penyakit berjangkit, kesukaran memiliki rumah, banjir kilat, kesesakan lalu lintas, kewujudan golongan gelandangan dan catuan bekalan air.

Bersempena dengan pelancaran COE, beberapa aktiviti telah diadakan seperti pertandingan *Make an Urban Wish*, pameran *Urban Library*, pameran *Community Garden, Urban Games Corner* dan *Sosial Impact Assessment Corner* yang melibatkan penyertaan orang ramai khususnya penduduk sekitar.



**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2014**

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2014 telah diadakan bersekali dengan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2014 pada 11 November 2014 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT.

HPBS 2014 dirai dengan tema *Social Urbanism: "Developing an Equitable City"* manakala *"Voices from Slums"* merupakan tema bagi Hari Habitat Sedunia 2014. Program ini saling menyokong dalam usaha ke arah mencapai pembangunan bandar saksama yang bersepadu dan inklusif. Sambutan bersama ini adalah hasil kerjasama JPBD dan KPKT dengan sokongan daripada pihak *United Nations Development Programme* (UNDP) Malaysia.








Antara program-program yang diadakan sempena sambutan HPBS 2014 adalah seperti yang berikut:

a. Aktiviti Seremban *Urban Trail* berkonsepkan *amazing/explore race*;
b. Pembentangan kertas kerja:
   i. Kertas Kerja 1
      Tajuk : *Social Urbanism : Towards Achieving Equality in Habitation*
      Oleh : Ms. Michelle Gyles-McDonnough, United Nations Resident Coordinator
   ii. Kertas Kerja 2
      Tajuk : *Social Urbanism : Towards Equitable Urban Communities*
      Oleh: YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah JPBD
c. *Take a break: Read, Plan and Act* Bersama Menteri

## MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA

Sepanjang tahun 2014, Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Perincian Mesyuarat MPFN adalah seperti dalam Jadual 19.





**Jadual 19 Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Sepanjang tahun 2014**

| Butiran Mesyuarat | Agenda |
|---|---|
| MPFN Ke-19 Bil. 1/2014<br>Tarikh: 29 Apr 2014 | Sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan iaitu:<br>a. Tujuh (7) kertas untuk mendapat nasihat berkaitan cadangan pemajuan;<br>b. Tiga (3) kertas makluman (untuk pembentangan) berkaitan:<br>i. Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Negara;<br>ii. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM); dan<br>iii. *Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas*.<br>c. 1 kertas makluman berkaitan Pelaksanaan Pengukuran ke atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan dalam Sesebuah Cadangan Pembangunan. |
| MPFN Ke-20 Bil. 2/2014<br>Tarikh: 18 Ogos 2014 | Sebanyak enam (6) kertas kerja dibentangkan iaitu:<br>a. Dua (2) kertas untuk persetujuan bagi Penyediaan *Alert Paper* kepada MPFN dan Keperluan Penyediaan Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment, SIA*) bagi Projek Pembangunan;<br>b. Satu (1) kertas untuk mendapat nasihat berkaitan cadangan pemajuan;<br>c. Tiga (3) kertas makluman (untuk pembentangan) berkaitan<br>i. Kepentingan Pengekalan Kawasan Jelapang Padi Strategik;<br>ii. *Happiness Ranking* 2013 bagi PBT di Malaysia; dan<br>iii. Status Pelaporan Kawasan Lapang Awam di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan sehingga bulan Disember 2013. |
| MPFN Ke-21 Bil. 3/2014<br>Tarikh: 8 Dis 2014 | Sebanyak enam (6) kertas kerja dibentangkan iaitu:<br>a. Satu (1) kertas untuk persetujuan bagi Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut<br>b. Dua (2) kertas untuk mendapat nasihat berkaitan cadangan pemajuan;<br>c. Tiga (3) kertas makluman (untuk pembentangan) berkaitan:<br>i. Impak Pemajuan di Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands – Kinta – Lojing<br>ii. Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (RFN Ke-2), 2010-2013; dan<br>iii. Laporan Kemampanan Bandar (MURNInets) PBT Malaysia Tahun 2013 |



## PROGRAM KEJIRANAN INDAH *(MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD)*

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) merupakan inisiatif Kerajaan bagi memacu negara ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi (*high-income*) dan bahagia (*happy*) serta harmoni dalam semua aspek. NBOS bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek di luar kebiasaan, dilaksanakan secara kerjasama dengan pelbagai kementerian, jabatan atau agensi persekutuan, negeri dan tempatan serta pihak swasta, dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai sendiri oleh rakyat jelata dengan kos yang minimum.

Pada tahun 2014, KPKT telah melaksanakan inisiatif *My Beautiful Neighbourhoood* (MyBN) dan memberi faedah kepada 39,460 penduduk seperti yang berikut:

a. 19 lokasi membaik pulih perumahan awam merangkumi kerja penyelenggaraan bangunan, menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam, landskap dan Program Transformasi Sosial; dan
b. 34 projek *House Build* iaitu membina semula rumah terbakar dan usang untuk golongan miskin.







JPBD selaku urus setia NBOS KPKT telah menganjurkan beberapa program dan aktiviti, iaitu:

a. 14 Mesyuarat Penyelarasan NBOS KPKT yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KPKT;
b. Majlis Penyerahan NBOS MyBN Taman Jengka Impian, Maran, Pahang disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 10 Mei 2014;
c. Majlis Pelancaran dan Lawatan Turun Padang Program Transformasi Sosial Rumah Pangsa Alor Malai, Alor Setar, Kedah dilancarkan oleh YB Tuan Haji Badrol Hisham Hashim, Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Kedah pada 23 Jun 2014; dan
d. Mengadakan pameran-pameran bertemakan MyBN.

## PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

### LAWATAN DELEGASI DARI *KOREA CRIME PREVENTION ASSOCIATION*

Pada 10 Februari 2014, delegasi *Korea Crime Prevention Association* telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah JPBD.

KCA merupakan satu pertubuhan yang menjalankan program-program pencegahan jenayah dan memperkenalkan panduan pencegahan jenayah melalui reka bentuk, kempen, seminar dan sebagainya.

Kehadiran delegasi ini adalah untuk berkongsi pengalaman mengenai aspek keselamatan dan pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran di Korea. Sesi taklimat ringkas telah disampaikan oleh delegasi KCA mengenai pengalaman dan contoh yang dipraktikkan di Korea.

Satu lawatan tapak ke Setia *EcoPark*, Shah Alam telah dibuat bagi melihat contoh pembangunan yang telah menerapkan konsep Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran yang Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design, CPTED*) di Malaysia.





### BENGKEL PELAKSANAAN INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN *BLACK SPOT* BANDARAYA KOTA KINABALU 2014

Pada 27 Februari 2014, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah mengadakan Bengkel Pelaksanaan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* Bandaraya Kota Kinabalu 2014 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Abidin Madingkir, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Puan Siow Suan Neo, Ketua Unit Khas NKRA Bandar Selamat telah dijemput untuk memberi taklimat berkenaan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* kepada agensi-agensi berkaitan.

### PROGRAM SUKARELAWAN iM4U "*VOLUNTEER MALAYSIA 2014*" PERINGKAT NEGERI SABAH

6 Disember 2014 merupakan permulaan Program *Volunteer Malaysia 2014* bersempena dengan Hari Sukarelawan Antarabangsa (IVD) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak 1985 bertujuan untuk meraikan semangat dan potensi sukarelawan. Pada tahun 2014, Pekan Kota Belud, Sabah terpilih sebagai tuan rumah dan titik permulaan bagi negeri Sabah dalam melonjakkan program *Volunteer Malaysia* yang disambut serentak di seluruh negara.

Program ini melibatkan lebih 200 sukarelawan iM4U dan Skuad 169 yang telah bertungkus-lumus menyiapkan lukisan mural kesenian dan kebudayaan tempatan Kota Belud bertempat di tembok Padang Pekan Kota Belud selama tujuh (7) hari bermula pada 29 November hingga 5 Disember 2014.

Majlis Perasmian Program *Volunteer Malaysia 2014* ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program ini diterajui oleh JPBD, KPKT dengan kerjasama iM4U, Majlis Daerah Kota Belud (MDKB) dan Skuad 169, agensi-agensi lain serta syarikat swasta *Nippon Paint.*







# PROGRAM KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN




## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**LATAR BELAKANG**

Perkhidmatan Bomba di Malaysia bermula pada tahun 1883 dengan penubuhan Bomba Sukarela Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F Bellamy bersama 15 anggota. Pasukan ini yang diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, yang kemudiannya menjadi Pasukan Bomba dan Penyelamat Tetap pada tahun 1895. Perkhidmatan Bomba terus berkembang di setiap negeri dan diletakkan dibawah Majlis Perbandaran atau Lembaga Luar Bandar. Pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, pasukan Malayan Union Services (MUS) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur telah ditubuhkan dan Flight Lt. W.J Gerumandi dilantik sebagai Pengarah Malayan Union Fire Services.

Melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Perkhidmatan Bomba diserahkan kembali kepada kerajaan-kerajaan negeri di bawah pentadbiran Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar mengikut negeri. Untuk menyelaras perkhidmatan ini, sebuah jemaah Lembaga Perkhidmatan Bomba ditubuhkan pada tahun 1952 di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan.

Perkhidmatan Bomba di negeri-negeri disatukan sebagai sebuah jabatan diperingkat persekutuan iaitu sebagai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1 Januari 1976 dan diikuti oleh Perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1 Januari 1977. Pada 15 Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak telah disatukan.

Pada 8 Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). YAB Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera JBPM di Genting Highlands pada 21 Februari 1997.

**VISI**

Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi

**MISI**

Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda



**OBJEKTIF**

Memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan



**FUNGSI UTAMA**

Untuk memenuhi objektif tersebut antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Jabatan mengikut peruntukkan di bawah Seksyen 5(1) & (2) dalam akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) adalah seperti yang berikut:

i. memadam, menentang, mencegah, dan mengawal kebakaran;
ii. melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran;
iii. menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan, dan pengawalseliaan yang sempurna;
iv. menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca, dan hal kebakaran; dan
v. melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

JBPM boleh selain daripada tugas-tugasnya di bawah subseksyen (1), melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebaliknya yang diadakan oleh menteri untuk dilaksanakan.



## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Sepanjang tahun 2014, JBPM telah menerima pelbagai pengiktirafan dan penganugerahan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan kementerian seperti dalam Jadual 20.

**Jadual 20 Pengiktirafan dan Penganugerahan yang Diterima oleh JBPM bagi Tahun 2014**

| Bil. | Pengiktirafan/Anugerah | Peringkat Penerimaan | Penerima | Organisasi Penganjur |
|---|---|---|---|---|
| 1. | *Gold Medal* dan Diploma *Gold Medal* pada *42nd International Exhibition of Inventions of Geneva, Switzerland* | Antarabangsa | JBPM Negeri Pulau Pinang | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) |
| 2. | *Thailand Award For Best International Invention* dari Negara Thailand pada *42nd International Exhibition of Inventions of Geneva, Switzerland* | Antarabangsa | JBPM Negeri Pulau Pinang | MOSTI |
| 3. | *Diploma in Scientific Merit and Excellent European Cooperation Award* dari Negara Portugal pada *42nd International Exhibition of Inventions of Geneva, Switzerland* | Antarabangsa | JBPM Negeri Pulau Pinang | MOSTI |
| 4. | Anugerah Emas 3 Bintang pada *20th Asia Pacific Quality Conference 2014* | Asia Pasifik | JBPM Negeri Pulau Pinang | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 5. | Naib Johan (Kategori Teknikal) Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam | Kebangsaan | JBPM Negeri Sembilan | Ketua Pengarah |
| 6. | Anugerah Inovasi Menteri KPKT 2014 | Kementerian | JBPM Negeri Pulau Pinang | Perkhidmatan Awam KPKT |
| 7. | Anugerah Emas (3 Bintang) pada Konvensyen *Team Excellent* (TE) 2014 | Kebangsaan | JBPM Negeri Sarawak | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 8. | Anugerah Emas (2 Bintang) pada Konvensyen *Team Excellent* (TE) 2014 | Kebangsaan | JBPM Negeri Perlis | MPC |
| 9. | Anugerah Emas pada *Regional Convention on Team Excellence* (ICC) | Wilayah Utara | JBPM Negeri Perlis | MPC |
| 10. | Anugerah Emas pada Konvensyen *Team Excellent* (TE) | Wilayah Sabah-Sarawak | JBPM Negeri Sarawak | MPC |
| 11. | Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (pensijilan ketiga) | JBPM Negeri Sarawak | Ibu Pejabat JBPM Negeri Sarawak | MPC |
| 12. | Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (pensijilan ketiga) | JBPM Negeri Sarawak | Pejabat JBPM Zon 1 Sarawak | MPC |
| 13. | Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (pensijilan pertama) | JBPM Negeri Sarawak | Balai bomba dan Penyelamat Bau, Sarawak | MPC |
| 14. | Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (pensijilan pertama) | JBPM Negeri Sarawak | Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak | MPC |
| 15. | Johan Konvensyen Inovatif dan Kreatif | Negeri Perlis | JBPM Negeri Perlis | Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| 16. | Naib Johan Konvensyen Inovatif dan Kreatif (Perkhidmatan Awam Negeri) | Negeri Sarawak | JBPM Negeri Sarawak | Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak |
| 17. | Tempat Ketiga Konvensyen Inovatif dan Kreatif (Perkhidmatan Awam Negeri) | Negeri Sarawak | JBPM Negeri Sarawak | Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak |
| 18. | Anugerah Emas Konvensyen *Innovative and Creative Circle* Zon Selatan | Zon Selatan | JBPM Negeri Sembilan | MPC |

## PENCAPAIAN

### PANGGILAN KECEMASAN

Sepanjang tahun 2014, JBPM telah menerima sebanyak 99,830 panggilan kecemasan seluruh Malaysia yang diklasifikasikan mengikut kes seperti Rajah 3.



**Rajah 3 Klasifikasi Panggilan Kecemasan Mengikut Kes**




### PENGELUARAN SURAT SOKONGAN PELESENAN PERNIAGAAN

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 24,605 permohonan sokongan pelesenan telah diterima dan diproses di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 24,476 (99.48 peratus) permohonan telah diproses dan diluluskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan JBPM, manakala selebihnya diluar tempoh ditetapkan iaitu sebanyak 129 (0.52 peratus) permohonan.

Di samping itu, Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP), JBPM telah memproses sebanyak 872 permohonan bagi mendapatkan ulasan keselamatan kebakaran bagi premis yang akan disewa oleh pihak kerajaan.

### PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH MENGGUNAKAN eFEIS

Semenjak 1 Jun 2013, JBPM mensyaratkan semua pemeriksaan alat pemadam api (APA) mudah alih dilaksanakan secara elektronik dengan mengunakan *Electronic Fire Extinguisher Inspection System* (eFEIS).

Sebanyak 109 unit pusat pemeriksaan APA telah beroperasi menggunakan sistem eFEIS dan sebanyak 2,987,169 APA telah diperiksa bagi tahun 2014. Pendaftaran orang yang berkelayakan (*competent person*) dan kontraktor penyelenggaraan APA terus dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Sehingga kini, seramai 840 orang berkelayakan dan sebanyak 633 kontraktor telah didaftarkan dalam eFEIS.






### PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN BAHAN

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 163 sistem pemasangan keselamatan kebakaran baharu dan bahan-bahan (*material*) diluluskan. Dalam masa yang sama, sejumlah 769 sistem pepasangan keselamatan kebakaran telah diperbaharui. Kategori permohonan yang paling banyak diterima masih didominasi oleh *Bricks* dan Bahan Kelas 'O'.

Jabatan turut mula menguatkuasakan pemasangan semua jenis pintu rintangan api oleh pihak pengeluar sendiri, tanpa melibatkan pihak sub-kontraktor/ *trading house* yang tidak berkelayakan.

### PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN BOMBA

Perakuan bomba (FC) ialah sijil yang dikeluarkan kepada premis yang dikategorikan sebagai premis ditetapkan.  Semua premis ditetapkan perlu mempunyai FC yang dikeluarkan oleh JBPM.

Bagi tahun 2014, jumlah premis ditetapkan adalah sebanyak 7,090. 4,969 daripadanya telah mempunyai FC, manakala baki, 2,121 premis ditetapkan masih tidak memperoleh FC kerana gagal semasa pemeriksaan dilakukan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 1558 Notis FC6 telah dikeluarkan dan 168 kertas siasatan telah disediakan bagi tujuan pendakwaan FC7.

JBPM juga telah melaksanakan penambahbaikan dalam memperkemaskan lagi pelaksanaan aktiviti berkaitan pengeluaran Sijil Perakuan Bomba, iaitu dengan memperkenalkan "Garis Panduan Berkaitan Keperluan Perakuan Bomba bagi Kompleks Kisar Minyak Sawit". Garis panduan ini dikeluarkan pada 25 September 2014 bagi menggantikan arahan yang terdahulu berkaitan kilang kelapa sawit.

### PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Pada tahun 2014, Kempen Mencegah Kebakaran telah dilaksanakan melalui ceramah, demonstrasi, pameran pengungsian bangunan dan *mock drill* bagi memberi kesedaran tentang pencegahan dan keselamatan kebakaran kepada masyarakat.

**a. Ceramah dan Demonstrasi Kebombaan**

Aktiviti ceramah dan demonstrasi kebombaan telah diadakan di seluruh negara bagi menyampaikan maklumat berkaitan aspek keselamatan kebakaran. Antara golongan sasaran ialah pekerja pejabat dan kilang, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi, dan penduduk setempat.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 5,296 kali ceramah telah dijalankan dengan penyertaan seramai 779,398 orang. Di samping itu, demonstrasi kebombaan turut diadakan sebanyak 4,218 kali dengan penyertaan seramai 749,728 orang.



b. **Pameran Keselamatan Kebakaran**
Pameran keselamatan kebakaran telah diadakan sebanyak 1,445 kali di seluruh negara yang melibatkan peringkat kebangsaan, negeri, dan zon sepanjang tahun 2014. Pameran ini turut diadakan semasa Program Transformasi Sosial di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7): Kejiranan Indah (MyBN), Festival Belia Putrajaya 2014, dan Pameran Aset Negara 2014.



c. **Keahlian Kelab 3K**
Pasukan Kelab 3K telah meningkat kepada 2,603 pasukan dengan keahlian seramai 82,328 orang pada 2014 berbanding 2,458 pasukan dengan keahlian seramai 74,689 orang pada tahun 2013. Ahli Kelab 3K ini terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah (tadika/taska) dan telah mengikuti ceramah serta aktiviti latihan "Berhenti, Rebah dan Guling (*Stop, Drop and Roll*)" dan asas-asas penyelamatan yang lain.






d. **Keahlian Pasukan Tindakan Kecemasan**
Jumlah Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) telah meningkat kepada 5,823 pasukan dengan keahlian seramai 155,251 orang pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 3,958 pasukan dengan keahlian seramai 103,887 orang.

**AKTIVITI PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN**
Sepanjang tahun 2014, JBPM telah melaksanakan beberapa usaha memperkemaskan lagi pelaksanaan aktiviti penghapusan bahaya kebakaran, antaranya ialah:

a. **Perintah Ketua Pengarah Bil. 4 Tahun 2014**
Mengemaskini Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2009 iaitu Garis Panduan Mengenai Menghapuskan Bahaya Kebakaran dengan menggantikannya dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2014.



b. **Kajian Keselamatan Kebakaran ke atas Sekolah-sekolah Agama**
Mengadakan kajian keselamatan kebakaran ke atas sekolah-sekolah agama dengan memberi fokus pada Sekolah Agama Pondok. Kajian telah dijalankan selama tiga (3) minggu bermula pada 22 November hingga 8 Disember 2014. Seramai enam (6) orang pegawai telah dilantik untuk menjalankan kajian ini ke tiga (3) buah negeri seperti yang berikut:

i. Selangor (4 buah sekolah);
ii. Kedah (9 buah sekolah); dan
iii. Kelantan (12 buah sekolah).

**NAZIRAN**
JBPM melaksanakan program naziran dan pemantauan ke semua negeri dan zon terpilih dalam memastikan pelaksanaan aktiviti Menghapus Bahaya Keselamatan (MBK) sentiasa dijalankan mengikut perancangan dan sasaran yang ditetapkan serta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan.

Penetapan sasaran kerja tahunan untuk aktiviti MBK dibuat berdasarkan pada pola pencapaian tahun 2012 dan 2013. Bagi tahun 2014, jabatan telah menetapkan sasaran aktiviti MBK adalah sebanyak 14,000 pemeriksaan pertama bagi semua premis di seluruh negara. Pencapaian pemeriksaan pertama MBK tahun 2014 adalah sebanyak 14,859, yakni melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 859 premis (6.14 peratus).



**PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR**
Pada tahun 2014, empat (4) unit infrastuktur JBPM telah berjaya disiapkan seperti yang berikut:

a. Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang;
b. Pusat Penyelidikan Kebombaan, Bandar Enstek, Negeri Sembilan;
c. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tronoh, Perak; dan
d. Balai Bomba dan Penyelamat, Bandar Putra, Johor.






Selain itu, tujuh (7) lagi infrastruktur sedang dalam proses pembinaan, iaitu:

a. Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak;
b. Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur;
c. Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur;
d. Balai Bomba dan Penyelamat Song, Sarawak;
e. Balai Bomba dan Penyelamat Kijal, Terengganu;
f. Kuarters Bomba dan Penyelamat Cheras, Kuala Lumpur; dan
g. Kuarters Bomba dan Penyelamat Kempas, Johor.

**KAJIAN PERLINDUNGAN KEBOMBAAN**

Perlindungan Kebombaan (*Fire Cover*) ialah perkhidmatan kebombaan yang disediakan kepada masyarakat secara komprehensif melalui penempatan balai bomba, anggota dan peralatan di lokasi strategik mengikut tahap risiko di sesuatu kawasan bertujuan melindungi nyawa dan harta benda daripada ancaman kebakaran, kemalangan dan bencana-bencana lain.

Kajian Perlindungan Kebombaan telah dilaksanakan bermula pada tahun 2013 dan selesai pada penghujung tahun 2014 yang meliputi kawasan seluruh negara berdasarkan data risiko yang diperolehi daripada aplikasi *Geography Information System* (GIS), TM Smartmap™.

Kaedah kajian dibuat dengan membahagikan setiap kawasan (grid) di seluruh negara kepada 25 kilometer persegi untuk capaian *response time* di bawah 10 minit. Data risiko setiap grid dianalisis berdasarkan *risk probability matrix* untuk menentukan tahap risiko bagi menetapkan kategori balai di kawasan yang dikenal pasti.

Hasil kajian telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP), KPKT pada 22 Disember 2014. Keputusan kajian adalah seperti dalam Jadual 21.






**Jadual 21** Hasil Kajian Perlindungan Kebombaan

| Kategori | Peratusan Kawasan yang Telah Dilindungi (%) | Peratusan Kawasan yang Belum Dilindungi (%) | Jumlah Keperluan Balai Bomba Baharu |
|---|---|---|---|
| A (Amat Tinggi) | 62 | 38 | 20 |
| B (Tinggi) | 72 | 28 | 28 |
| C (Sederhana) | 80 | 20 | 43 |

**PENGURUSAN ADUAN AWAM**

Jumlah keseluruhan aduan awam yang diterima oleh JBPM bagi tahun 2014 adalah sebanyak 184 kes yang kebanyakan diterima melalui e-mel, surat, sistem pesanan ringkas (SMS) , surat khabar, telefon, dan sosial media (facebook/ youtube/ twitter). Jadual 22 menunjukkan jumlah penerimaan dan penyelesaian aduan awam oleh JBPM sepanjang tahun 2014.



**Jadual 22** Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Awam oleh JBPM Sepanjang Tahun 2014

| Jumlah Aduan Diterima | Tempoh Penyelesaian | | | |
|---|---|---|---|---|
| | ≥ 14 hari | | < 14 hari | |
| | Bilangan | Peratusan (%) | Bilangan | Peratusan (%) |
| 184 | 130 | 70.65 | 54 | 29.35 |

Antara isu utama yang menyumbang kepada bilangan aduan awam yang diterima oleh JBPM adalah mengenai pili bomba, lebah atau tebuan; dan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

**PENGKOMPAUNAN KESALAHAN**

Sepanjang tahun 2014, menerusi aktiviti penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988, JBPM telah mengeluarkan sebanyak 1,895 notis tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan.

Jenis kesalahan yang paling tinggi yang direkodkan adalah melibatkan kesalahan berkaitan dengan Seksyen 26 iaitu sebanyak 1,847 kes (97.47 peratus). Kesalahan di bawah seksyen ini adalah berkaitan perbuatan menutup, mengepung atau menyembunyikan pili bomba sehingga lokasinya sukar dipastikan, atau mengganggu pili bomba, atau menyalahgunakan pili bomba. Hal ini akan menyebabkan pihak Bomba mengalami kesukaran dalam menjalankan operasi pemadaman dan penyelamatan semasa kebakaran.



**PENDAKWAAN**
Sepanjang tahun 2014, sebanyak 536 kertas siasatan berkaitan kesalahan yang melanggar Akta Perkhidmatan Bomba 1988 telah dibuka. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 306 kes telah didaftarkan di mahkamah dan 176 kes telah disabitkan kesalahan.

## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### LAWATAN YB MENTERI KE MERS 999

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke Pusat Operasi *Malaysia Emergency Respond Services* 999 (MERS 999), Annexe 2, Telekom Malaysia, Kuala Lumpur pada 16 Januari 2014.

Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk meninjau dengan lebih dekat pengoperasian perkhidmatan ini di Pusat Operasi MERS 999. Lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat, lawatan ke MERS 999 dan diakhiri dengan sidang media.

Semasa sidang media, YB Datuk Abdul Rahman memaklumkan bahawa kira-kira 99 peratus daripada 2.8 juta panggilan kecemasan atau 28,000 panggilan orang awam setiap bulan adalah palsu. Antara jenis panggilan palsu ke nombor kecemasan 999 ialah panggilan senyap dan panggilan oleh kanak-kanak dengan tujuan bergurau. Disebabkan sikap yang tidak bertanggungjawab ini, talian 999 menjadi sibuk dan menyukarkan panggilan kecemasan sebenar untuk masuk.

Orang awam yang membuat panggilan palsu boleh didakwa mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia, yang mana mereka boleh dipenjara sehingga dua (2) tahun dan denda sehingga RM50,000.00 atau kedua-duanya.

Semasa lawatan ini, YB Menteri juga turut mengumumkan kerjasama antara JBPM dan MERS 999 untuk menyiapkan dua (2) modul baharu iaitu pelan kecemasan bagi bangunan kompleks yang tinggi dan modul mengenal pasti kedudukan pili bomba di kawasan kebakaran.



### PENYERAHAN JENTERA BOMBA

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Bomba 2014 pada 27 Januari 2014. Pada majlis ini, JBPM telah menerima 100 unit tambahan *Fire Rescue Tender* (FRT), 10 unit *Emergency Medical Retrieval Service* (EMRS), 3 unit *Water Tanker* dan 3 unit ARIB.

Pada 10 Jun 2014, YB Dato' Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Bomba di MIDA Sentral. Pada majlis ini, JBPM menerima empat (4) buah jentera iaitu dua (2) buah jentera bahan kimia berbahaya (Hazmat) dan (2) buah jentera jentera dekontaminasi bernilai RM8 juta yang diserahkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).




### PERBARISAN TAHUNAN 2014

Majlis Perbarisan Tahunan 2014 JBPM telah diadakan disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 27 Januari 2014.

YAS Dato' Wan Mohd Nor melakukan pemeriksa kawalan kehormatan yang dianggotai 98 pegawai bomba dan diketuai oleh PgB Elyas Hussin. YAS Dato' juga telah menyempurnakan upacara penganugerahan bintang dan pingat atas khidmat bakti dan sumbangan dalam meningkatkan imej JBPM, seperti yang berikut:

a. Bintang Jasa Bomba (BJB) kepada YBhg. Dato' Haji Badarudin Haji Mat Isa, Mantan Ketua Pengarah JBPM;
b. Pingat Ketua Pengarah kepada YBhg. Tuan M. Chelliah, Mantan Penolong Pengarah Pembangunan;
c. Pingat Cemerlang Bomba (PCB) kepada Encik Abdul Hadi Abdul Rahim, Penerbit Rancangan Bahagian Media (JAKIM), Encik Ally Iskandar Mohd Mardzi (Penerbit Eksekutif dan Pengacara TV3) dan Puan Hajah Zainah Haji Yusof, Timbalan Pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM); dan




d. Sijil penghargaan kepada 15 orang pengamal media cetak dan media elektonik.

### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2013 JBPM

YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah, JBPM telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 JBPM yang diadakan di Hotel Everly, Putrajaya pada 29 Januari 2014. Seramai 61 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 daripada pelbagai kumpulan perkhidmatan telah diraikan dalam majlis ini.



**PENERBANGAN IHSAN**
Selain tugas-tugas penyelamatan dan pemadaman kebakaran, JBPM turut terlibat dalam beberapa penerbangan ihsan sebagai salah satu khidmat kemanusiaan kepada masyarakat, seperti yang berikut:



a. **Penerbangan Ihsan Membawa Organ Dalaman dari Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah ke Hospital Selayang, Selangor**
Pada 25 Februari 2014, anggota JBPM iaitu Capt Syed Busri Tuanku Bujang, PgKB I Faizal Izani Azizan, PBK II Muhammad Ubadah Shuib, dan PB Mohd Rohaizat Yusof telah melakukan penerbangan ihsan dengan Pesawat AW 139.

Penerbangan ihsan ini membawa organ dalaman iaitu hati dan buah pinggang dari Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah ke Hospital Selayang, Selangor. Organ tersebut adalah milik seorang penderma berusia 49 tahun yang mengalami masalah *brain dead* akibat tumor di bahagian otak. Organ tersebut diletakkan di dalam kotak khas dan diiringi oleh kakitangan Hospital Selayang dan Hospital Kuala lumpur.



b. **Penerbangan Ihsan Membawa Organ *Transplant Transport***
JBPM telah melaksanakan Penerbangan Ihsan Organ *Transplant Transport* yang telah membawa organ hati, jantung dan buah pinggang dari Hospital Taiping, Perak ke Hospital Selayang, Selangor pada 30 Julai 2014.

Penerbangan ini dibuat menggunakan pesawat JBPM jenis AW139 yang diketuai oleh Kapt. Sidek Abbas bersama-sama dengan anggota PKPgB Fadhlan Pauzie dan PB Nicholas Nunsang a/k Clement dan turut diiringi oleh kakitangan hospital.

c. **Penerbangan Ihsan Memindahkan Pesakit Kritikal**
Sebuah pesawat Mi-171 JBPM yang berpangkalan di Miri, Sarawak telah ditugaskan melaksanakan penerbangan ihsan dari Hospital Miri ke Hospital Umum Kuching pada 4 November 2014.

Penerbangan ini diketuai oleh PKPgB Ahmad Fissol dan tujuh (7) krew penerbangan telah berjaya memindahkan seorang pesakit yang kritikal dan memerlukan rawatan segera.

**PENYERTAAN KEJOHANAN PAYUNG TERJUN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA *CHALLENGE* 2014**
Pasukan penerjun dari Bahagian Udara JBPM telah menyertai Kejohanan Payung Terjun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) *Challenge* 2014 yang diadakan pada 11 hingga 21 April 2014 bertempat di Stadium Mini, Kampung Raja, Besut, Terengganu



Kejohanan ini dianjurkan oleh Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dan acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:



a. *Accuracy Sport;*
b. *Accuracy Military;*
c. *Formation Skydive;* dan
d. *Canopy Formation*.

Pasukan JBPM telah berjaya menduduki tempat kedua dalam acara *Accuracy Sport* dan pegawai PBK II Md Zaheer Hamid berjaya meraih tempat ke-12 daripada keseluruhan 45 orang peserta.

**PERASMIAN BALAI BOMBA DAN IBU PEJABAT JBPM**
Sepanjang tahun 2014, tiga (3) buah balai bomba dan satu (1) ibu pejabat JBPM negeri telah dirasmikan pada tahun 2014, seperti dalam Jadual 23.





**Jadual 23 Perasmian Balai Bomba dan Ibu Pejabat JBPM Tahun 2014**

| Bil. | Nama Balai Bomba dan Penyelamat | Majlis Perasmian | |
|---|---|---|---|
| | | Tarikh | Perasmi |
| 1. | Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabatangan | 19 Apr 2014 | YB Datuk Abdul Rahman Dahlan<br>Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 2. | Balai Pasukan Bomba Sukarela Langkap, Teluk Intan, Perak | 24 Mei 2014 | YB Datuk Abdul Rahman Dahlan<br>Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 3. | Balai Bomba dan Penyelamat Tangga Batu, Melaka | 6 Nov 2014 | Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob,<br>Yang di-Pertua Negeri Melaka |
| 4. | Ibu Pejabat JBPM Negeri Johor | 4 Dis 2014 | YB Datuk Abdul Rahman Dahlan<br>Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |

**SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2014**
YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah menyempurnakan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 pada 4 Mei 2014 yang diadakan di Dataran Merdeka Kuala Lumpur.

Tema sambutan pada tahun ini ialah "Inovatif dan Integriti Pemacu Transformasi" selaras dengan hasrat jabatan supaya warganya dapat berfikir di luar kotak pemikiran biasa (*think out of the box*) dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YB Datuk Halimah Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak (Ketua Setiausaha, KPKT), dan YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM).





Majlis ini telah dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin, diikuti oleh perarakan kontijen perbarisan dan aset, bacaan ikrar oleh anggota JBPM, deklamasi sajak, pelancaran Pegawai Bomba Bantuan, pelancaran Buku Wira Merah, perarakan kontijen jentera, pertunjukkan kebombaan, pameran kebombaan, sesi bergambar dan diakhiri dengan sidang media.

**LARIAN BERSAMA BOMBA KALI XII**
Pada 11 Mei 2014 bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur telah diadakan Larian Bersama Bomba kali XII bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2014.



Larian ini telah disertai oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YBhg. Datuk Seri Arpah Abdul Razak (Ketua Setiausaha KPKT), YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM), Pengurusan Tertinggi KPKT dan JBPM, warga JBPM dan orang awam.





**PENGANUGERAHAN PANGKAT TIMBALAN PESURUHJAYA BOMBA KEHORMAT KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**
Pada 30 April 2014 bertempat di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri telah berlangsung Majlis Penganugerahan Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Bomba Kehormat kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah, JBPM dan diiringi oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Penganugerahan ini adalah sebagai menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri kepada JBPM dan bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 yang disempurnakan oleh beliau.

**ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG ISTIADAT**
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah telah berkenan mencemar duli menghadiri istiadat mengarak panji-panji bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV. Program tersebut bermula pada pukul 8.00 pagi bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi pada 13 Jun 2014.

JBPM merupakah salah satu pasukan beruniform yang menyertai majlis ini selain Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia



**SEMINAR KESELAMATAN KEBAKARAN TAHUN 2014 JBPM NEGERI SARAWAK**
Seminar Keselamatan Kebakaran Tahun 2014 JBPM Negeri Sarawak telah diadakan pada 22 Mei 2015 di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Muad'zam Shah, Kompleks Islam Sarawak, Kuching dan dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah, JBPM.



Seminar ini dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Sukan dan Kebajikan Bomba Sarawak (PESKEBS) dan telah berjaya menarik penyertaan seramai 557 peserta yang terdiri daripada arkitek, juruperunding, kontraktor, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat secara langsung mahupun tidak secara langsung dalam pengurusan keselamatan kebakaran.

Seminar seperti ini merupakan satu platform bagi memperkukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak dalam mewujudkan budaya keselamatan kebakaran seiring dengan arus pembangunan negara.

**SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) 2014**

Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2014 telah diadakan pada 6 hingga 11 Jun 2014 di beberapa lokasi sekitar Negeri Johor antaranya ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Plaza Angsana, Daiman Bowl, Daiman Sport Center dan Palm Resort, Senai.



SUKBOM 2014 telah disertai seramai 1,030 peserta dari seluruh negara dan sebanyak 10 acara telah dipertandingkan di SUKBOM 2014 dengan menawarkan 112 pingat emas, 112 pingat perak dan 125 pingat gangsa. Antara acara yang dipertandingkan dalam SUKBOM 2014 ialah olahraga, badminton, bina badan, tenis, ping pong, boling, renang, dart, karom, golf dan tarik tali.

**OPS RAYA 2014**

Ops Raya Bersempena dengan Musim Perayaan Tahun 2014 telah dilancarkan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 24 Julai 2015 bertempat di Plaza Tol Sungai Besi arah Seremban.




Ops Raya 2014 yang telah dijalankan pada 21 Julai hingga 4 Ogos 2014 ini menumpukan 16 lokasi panas yang dikenal pasti kerap berlaku kemalangan jalan antaranya ialah  Gurun, Tapah, Slim River, Rawang, Senawang, Jasin, Yong Peng, Genting Sempah, Temerloh, Gambang dan Ayer Keroh. Ops Raya 2014 ini telah melibatkan sebanyak 240 balai bomba seluruh Semenanjung Malaysia. Selain JBPM, operasi bersepadu itu turut melibatkan PDRM, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

**OPERASI BANJIR 2014**

Pada penghujung tahun 2014, Malaysia telah berhadapan dengan bencana banjir besar terutamanya di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak.



Ketika bencana ini, JBPM selaku agensi penyelamat utama di negara ini telah melaksanakan tugas menyelamat dan pemindahan dengan cemerlang. Setiap hari JBPM menerima lebih daripada 5,000 panggilan kecemasan. Seramai 4,000 anggota JBPM telah terlibat dalam operasi pemindahan dan menyaluran bantuan kepada mangsa banjir. Operasi ini telah melibatkan aset JBPM sebanyak 200 buah lori, 245 buah kenderaan pacuan empat roda dan 650 bot aluminium.








**PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA**

**MEMBINA SEMULA RUMAH TERBAKAR (*HOUSE BUILD*)**

Salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke-7 (NBOS 7): Kejiranan Indah (MyBN) yang dipertanggungjawabkan kepada KPKT ialah pembinaan semula di tapak asal rumah yang musnah dalam kebakaran dan rumah untuk golongan miskin yang mana kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh anggota JBPM.

Pada tahun 2014, JBPM telah berjaya menyiapkan 34 projek, iaitu 24 projek membina semula rumah terbakar dan 10 projek membina rumah untuk golongan miskin. Rumah-rumah ini dibina dengan peruntukan sebanyak RM1,297,000.00 yang dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Majlis Agama Islam Perak (MAIPK). Senarai Program *House Build* yang telah dilaksanakan oleh JBPM bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 24.

**Jadual 24** Program *House Build* tahun 2014

| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Majlis Penyerahan Kunci | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Tarikh | Perasmi |
| 1. | Rumah Miskin | Encik Rosly Kassim<br>Jln. Peladang,<br>Kg. Padang Besar (S),<br>02000 Kuala Perlis, Perlis | 37,000.00 | KKLW | 20 Mei 2014 | 20 Jun 2014 | 25 Sep 2014 | YBhg. Dato Seri Arpah Abdul Razak Ketua Setiausaha KPKT |






| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Tarikh | Perasmi |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2. | Rumah Terbakar | Puan Zainiah Hashim<br>No.7, Kg. Kandai,<br>Mukim Tajar,<br>05400 Alor Setar, Kedah | 37,000.00 | KKLW | 11 Mei 2014 | 12 Jun 2014 | 3 Jul 2014 | YB Badrul Hisham Hashim Exco Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan |
| 3. | Rumah Terbakar | Puan Ainul Murshida Mohd Isa<br>Kg. Sg. Limau, 09600<br>Lunas, Kedah | 37,000.00 | KKLW | 15 Sep 2014 | 16 Okt 2014 | 20 Nov 2014 | YB Datuk Mohd Tajudin Abdullah Exco Penerangan, Pembangunan Luar Bandar Negeri Kedah |



| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Majlis Penyerahan Kunci | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Tarikh | Perasmi |
| 4. | Rumah Terbakar | Encik Rosman Omar<br>1743, Sg. Acheh Jalan,<br>Sg. Bakau, 14310 Nibong<br>Tebal, Pulau Pinang | 37,000.00 | KKLW | 15 Sep 2014 | 6 Nov 2014 | 24 Dis 2014 | YB Dato' Mahmud Haji Zakaria ADUN Sg Aceh |





| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Tarikh | Perasmi |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | Rumah Terbakar | Puan Tangammah a/p Arumugam<br>No.585, Lorong Lembah,<br>Kg. Jana Baru, 34600<br>Kamunting, Perak | 37,000.00 | KKLW | 14 Mei 2014 | 18 Jun 2014 | 21 Jul 2014 | YB Dato' Mohammad Zahir Abdul Kadir EXCO Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak |
| 6. | Rumah Terbakar | Puan Shariah Arsad<br>Batu 13/4, Kg. Belanja Kiri,<br>32800 Parit, Perak | 37,000.00 | KKLW | 19 Mei 2014 | 23 Jun 2014 | 23 Jul 2014 | YB Dato' Dr. Mohd Nizar Zakaria Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Islam, Pembangunan Sahsiah, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak |
| 7. | Rumah Terbakar | Encik Baharin Jaafar<br>Kg. Sg. Balai Darat,<br>Bagan Datoh,<br>36200 Selekoh, Perak | 37,000.00 | KKLW | 7 Sep 2014 | 7 Okt 2014 | 28 Okt 2014 | YB Dato' Shahrul Zaman Yahya ADUN Rungkup, Perak |

| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Majlis Penyerahan Kunci | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Tarikh | Perasmi |
| 8. | Rumah Terbakar | Puan Rahayazi Husin No.9, Kg. Sauk Larah, Simpang Lawin, 33000 Kuala Kangsar, Perak | 37,000.00 | MAIPK | 11 Sep 2014 | 12 Okt 2014 | 30 Okt 2014 | YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM |
| 9. | Rumah Terbakar | Puan Patimah Awang Mat No.50, Kg. Telok Mas, Sg. Siputeh, 34140 Selama, Perak | 37,000.00 | KKLW | 20 Ogos 2014 | 25 Sep 2014 | 6 Nov 2014 | YB Dato' Sarani Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perak |
| 10. | Rumah Miskin | Puan Norzeha Abu Kg. Relang 34520 Batu Kurau, Perak | 37,000.00 | KKLW | 3 Sep 2014 | 3 Okt 2014 | 28 Nov 2014 | YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim Ketua Pengarah, JBPM |
| 11. | Rumah Terbakar | Encik Shahriman Mohamad No.7438, Kg. Dato Abu Bakar Baginda, Daerah Sepang, Selangor | 37,000.00 | KKLW | 11 Sep 2014 | 15 Nov 2014 | 19 Mac 2015 | YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM |
| 12. | Rumah Terbakar | Encik Saimin Masikin No. 4, Jln. Tiong, Kg. Ladang Batu, Batu Laut, Tanjung Sepat, Banting, Selangor | 37,000.00 | KKLW | 28 Okt 2014 | 28 Nov 2014 | 19 Mac 2015 | YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM |
| 13. | Rumah Miskin | Encik Ismail Abu Hassan Kg. Piaggu, 71600 Kuala Kelawang, Negeri Sembilan | 37,000.00 | KKLW | 26 Mei 2014 | 20 Jun 2014 | 27 Jun 2014 | YB Tuan Haji ZainuddinHaji Ismail Ahli Parlimen Jelebu, Negeri Sembilan |



| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Majlis Penyerahan Kunci | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Tarikh | Perasmi |
| 14. | Rumah Miskin | Encik Zulkefle Md Yusof No. 36, Kg. Paya Jauh, 72400 Durian Tipus, Negeri Sembilan | 37,000.00 | KKLW | 2 Sep 2014 | 27 Sep 2014 | 2 Okt 2014 | YB Dato' Yunus Rahmat ADUN Klawang Negeri Sembilan |
| 15. | Rumah Miskin | Puan Maznah Abd Rahman No.776, Jln. Malim Bachang, 75250 Melaka | 37,000.00 | KKLW | 15 Mei 2014 | 6 Ogos 2014 | 18 Sep 2014 | YB Haji Sazali Mohamad Din Timbalan Pengerusi Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar |
| 16. | Rumah Terbakar | Puan Jamilah Omar No.646 Jln. Hospital, 78000 Alor Gajah, Melaka | 37,000.00 | KKLW | 15 Mei 2014 | 10 Ogos 2014 | 13 Okt 2014 | YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Haji Haron Ketua Menteri Melaka |
| 17. | Rumah Terbakar | Encik Arzemi Harun No.388 Peramu Jaya, Lorang Intan 4/6Peramu Jaya 3, Peramu Pahang | 37,000.00 | KKLW | 15 Ogos 2014 | 15 Sep 2014 | 22 Dis 2014 | YB Dato' Sh Mohmed Puzi Sh Ali ADUN Peramu Jaya, Pahang |
| 18. | Rumah Terbakar | Encik Hussin Lera KM 8, Kg. Janglau, 26820 Rompin, Pahang | 37,000.00 | KKLW | 15 Sep 2014 | 4 Nov 2014 | 23 Dis 2014 | YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM |
| 19. | Rumah Terbakar | Puan Nurmah Mahmud Kg. Batu 6, Sg. Lembing, Kuantan, Pahang | 37,000.00 | KKLW | 15 Sep 2014 | 20 Nov 2014 | 19 Dis 2014 | YB Dato' Mohd Shohaimi Haji Mohamed Shah ADUN Sungai Lembing, Pahang |
| 20. | Rumah Terbakar | Puan Salamah Ahsan TL 43, Kg. Jawa Pulau Sebatang, Ayer Baloi, Pontian, Johor | 37,000.00 | KKLW | 5 Mei 2014 | 5 Jun 2014 | 28 Jun 2014 | YB Datuk Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan |

| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Majlis Penyerahan Kunci | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Tarikh | Perasmi |
| 21. | Rumah Miskin | Encik Kiu Woi Ko @ Hasan Abdullah Kg. Temenin Lama, Jln. Lombong, Kota Tinggi, Johor | 37,000.00 | KKLW | 11 Sep 2014 | 3 Nov 2014 | 14 Dis 2014 | YB Datuk Halimah Mohamed Sadique Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 22. | Rumah Terbakar | Encik Ismail Hasan Kg. Gelung Badak Hulu, Jelawat, 16070 Bachok, Kelantan | 37,000.00 | KKLW | 4 Mei 2014 | 16 Jul 2014 | 18 Jul 2014 | YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim Ketua Pengarah, JBPM |
| 23. | Rumah Terbakar | Encik Zakaria Awang Long, Lot 534, Kg. Repek, 17000 Pasir Mas, Kelantan | 37,000.00 | KKLW | 3 Ogos 2014 | 22 Sep 2014 | 22 Mac 2015 | YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri |
| 24. | Rumah Terbakar | Puan Mek Yah Musa Lot 727, Kg. Ketil, 16080 Pengkalan Kubor, Kelantan | 37,000.00 | KKLW | 19 Okt 2014 | 7 Dis 2014 | 22 Mac 2015 | YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri |
| 25. | Rumah Terbakar | Encik Mohd Shukri Mohamad Nor No.375 Kubang Depu, 22000 Jerteh, Terengganu | 37,000.00 | KKLW | 10 Mei 2014 | 22 Jun 2014 | 23 Jun 2014 | Encik Hasmadi Hassan Timbalan Pengerusi Penyelaras DUN Hulu Besut |
| 26. | Rumah Miskin | Encik Wan Yusof Wan Abdul Rahman A-771, Kg. Alur Kuda, Kg. Bukit Tok Beng, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu | 37,000.00 | KKLW | 11 Mei 2014 | 24 Jun 2014 | 26 Jun 2014 | YAB Dato' Haji Ahmad Razif Abdul Rahman Menteri Besar Terengganu |
| 27. | Rumah Miskin | Encik Azam Zakaria 468, Kg. Oh, 22020 Jertih, Terengganu | 37,000.00 | KKLW | 10 Sep 2014 | 15 Nov 2014 | 5 Dis 2014 | YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim Ketua Pengarah, JBPM |



| Bil. | Kategori | Nama Penerima dan Alamat | Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Majlis Penyerahan Kunci | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Tarikh | Perasmi |
| 28. | Rumah Miskin (Baik Pulih Rumah) | Encik Mohd Erman Mustafa Lot 5174, Kg. Lubok Perah, 21040 Marang, Terengganu | 16,000.00 | KKLW | 8 Dis 2014 | 22 Dis 2014 | 8 Jan 2015 | YB A. Latiff Awang ADUN Pengkalan Berangan |
| 29. | Rumah Terbakar | Puan Hasirah Sanudin Kg. Indani, Jln. Bugaya, 91300 Semporna, Sabah | 47,000.00 | KKLW | 19 Mei 2014 | 27 Jun 2014 | 11 Sep 2014 | YB Dato' Jaujan Sambakang ADUN Sulabayan |
| 30. | Rumah Terbakar | Puan Tarpilih Sh. Ekang Kg. Pantai Emas, Jln. Port Usukan, Usukan, 89150 Kota Belud, Sabah | 47,000.00 | KKLW | 15 Mei 2014 | 30 Jun 2014 | 27 Sep 2014 | YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 31. | Rumah Miskin | Encik Sabtu Sarip Lot 567, Kg. Bakam, Miri, Sarawak | 47,000.00 | KKLW | 4 Ogos 2014 | 2 Sep 2014 | 2 Okt 2014 | YB Tuan Haji Ahmad Lai Bujang Ahli Parlimen Sibuti |
| 32. | Rumah Terbakar | Encik Shamsawi Ahim Jalan Abang Aing, Kg. Melanggo Saratok, Sarawak | 47,000.00 | KKLW | 18 Ogos 2014 | 17 Sep 2014 | 3 Okt 2014 | YB Tan Sri Dato' Sri William Mawan Anak Ikom Menteri Pembangunan Sosial Sarawak |
| 33. | Rumah Terbakar | Encik Benson Anak Bede Lorong 9, Kg. Sungai Duuh, 94200 Siburan, Sarawak | 47,000.00 | KKLW | 11 Ogos 2014 | 10 Okt 2014 | 4 Okt 2014 | YB Dato' Sri James Dawos Mamit Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar |
| 34. | Rumah Terbakar | Encik Zulkifli Abdul Hamid Lot No. 22110 Kg. Rancha-Rancha Darat, WP Labuan | 47,000.00 | KKLW | 14 Jul 2014 | 18 Nov 2014 | 16 Dis 2014 | YB Datuk Rozman Datuk Haji Isli, Ahli Parlimen Labuan |

# PROGRAM PERUMAHAN



## JABATAN PERUMAHAN NEGARA

**LATAR BELAKANG**
Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah ditubuhkan pada tahun 1976 berikutan keputusan Jemaah Menteri bagi menggantikan Amanah Perumahan Malaysia (*Malaysia Housing Trust*) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1950 dan dibubarkan melalui Akta 339 (Pembubaran) Amanah Perumahan 1976.

**OBJEKTIF**
Memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang



**VISI**
Menjadi organisasi yang cemerlang dalam melaksanakan dan mengawal selia perumahan yang mampan dan mesra alam ke arah kehidupan berkualiti tinggi

**MISI**
Menjadi peneraju utama dalam menjayakan program perumahan negara yang komprehensif dan dinamik untuk kesejahteraan rakyat yang berkekalan

**PERANAN DAN FUNGSI UTAMA**
i. Merangka dasar, perundangan, peraturan dan melaksanakan penyelidikan berkaitan sektor perumahan
ii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR)
iii. Mengeluarkan lesen dan permit iklan dan jualan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 [Akta 118]
iv. Memantau projek perumahan swasta dan menguat kuasa Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 [Akta 118] dan Peraturan-peraturan berkaitan
v. Menyelaras dan memudah cara urusan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai
vi. Mengurus aduan awam berkaitan sektor perumahan
vii. Menyelaras isu pengurusan dan penyelesaian setinggan
viii. Mengurus dana dan tabung amanah pinjaman perumahan bagi golongan berpendapatan rendah



**PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN**

**PENSIJILAN MS ISO 9001:2008**
JPN telah berjaya mendapat Pensijilan MS ISO 9001:2008 Standard Malaysia daripada Moody International Certification pada 4 September 2011 (tarikh asal dikeluarkan pada 4 September 2008). Skop pensijilan adalah "Pengurusan, Pelaksanaan dan Pembangunan Perumahan". Jabatan bertanggungjawab untuk memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan persijilan untuk tempoh tiga (3) tahun termasuk audit pengawasan dan audit pensijilan semula seperti yang berikut:

a. Audit Pengawasan Pertama - Jun 2012;
b. Audit Pengawasan Kedua - Jun 2013; dan
c. Audit Pensijilan Semula - Mei 2014.

**PENCAPAIAN**

**PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**
Program Perumahan Rakyat (PPR) dilaksanakan bertujuan menempatkan semula setinggan serta menyediakan kemudahan perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan RM2500.00. Terdapat dua (2) kategori PPR iaitu:

i. PPR Disewa: disewakan pada kadar RM124.00 sebulan
ii. PPR Dimiliki: dijual pada harga RM 30,000.00 hingga RM 35,000.00 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak.

**a. Status Pelaksanaan**
Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2014, JPN telah dan sedang melaksanakan sebanyak 168 projek (102,464 unit) PPR dan perinciannya adalah seperti dalam Jadual 25.

**Jadual 25** **Status Pelaksanaan PPR pada 31 Disember 2014**

| Jenis PPR/ Status | Keseluruhan | | Siap Dibina | | Dalam Pembinaan | | Dalam Perancangan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. Projek | Bil. Unit | Bil. Projek | Bil. Unit | Bil. Projek | Bil. Unit | Bil. Projek | Bil. Unit |
| PPR Disewa | 88 | 75,805 | 78 | 70,639 | 10 | 5,166 | - | - |
| PPR Dimiliki | 80 | 26,659 | 25 | 4,273 | 11 | 5,911 | 44 | 16,475 |
| **Jumlah** | **168** | **102,464** | **103** | **74,912** | **21** | **11,077** | **44** | **16,475** |



**b. Projek Siap**

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2014, JPN telah berjaya menyiapkan sebanyak 103 projek (74,912 unit) PPR di seluruh Malaysia seperti dalam Jadual 26.

**Jadual 26 Bilangan Projek PPR yang Telah Siap Mengikut Negeri Sehingga Tahun 2014**

| Negeri | PPR Disewa | | PPR Dimiliki | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. Projek | Bil. Unit | Bil. Projek | Bil. Unit |
| Johor | 8 | 8,278 | - | - |
| Kedah | 2 | 1,894 | - | - |
| Kelantan | - | - | 1 | 1,000 |
| Melaka | 1 | 336 | - | - |
| Negeri Sembilan | 2 | 570 | - | - |
| Pahang | - | - | 24 | 3,273 |
| Perak | 7 | 915 | - | - |
| Perlis | 3 | 1,428 | - | - |
| Pulau Pinang | 2 | 698 | - | - |
| Sabah | 18 | 14,556 | - | - |
| Sarawak | 5 | 3,016 | - | - |
| Selangor | 4 | 5,184 | - | - |
| Terengganu | 1 | 1,002 | - | - |
| WP Kuala Lumpur | 25 | 32,762 | - | - |
| **Jumlah** | **78** | **70,639** | **25** | **4,273** |

Nota: Projek siap ialah projek yang telah memperoleh kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO)/Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Dalam tahun 2014, JPN telah menyiapkan lima (5) projek PPR Disewa dan satu (1) Projek PPR Dimiliki seperti dalam Jadual 27.

**Jadual 27 Projek PPR Disewa dan PPR Dimiliki yang telah Disiapkan pada Tahun 2014**

| Bil. | Kategori | Nama Projek | Tarikh Siap |
|---|---|---|---|
| 1. | PPR Disewa | PPR Jalan Upper Kudat, Sabah | 28 Jan 2014 |
| 2. | | PPR Keningau, Sabah | 23 Jul 2014 |
| 3. | | PPR Padang Hiliran, Terengganu | 20 Ogos 2014 |
| 4. | | PPR Sg. Melana Indah, Johor | 13 Nov 2014 |
| 5. | | PPR Kampung Wai, Perlis | 15 Dis 2015 |
| 6. | PPR Dimiliki | PPR Kg. Pandan Luar, Pekan | 16 Mei 2015 |








**PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**

JPN bertanggungjawab memantau semua projek perumahan swasta yang terbengkalai sehingga dipulihkan, disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dan turut berfungsi untuk :

i. Menyelaras penyelesaian pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia;
ii. Menjalankan kajian awalan bagi kebolehlaksanaan pemulihan projek terbengkalai;
iii. Mengenal pasti dan melantik pemaju penyelamat bagi memulihkan projek perumahan terbengkalai;
iv. Mengawal selia dan memantau proses pemulihan projek terbengkalai sehingga projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO); dan
v. Menyediakan Surat Pengesahan Projek Terbengkalai kepada pembeli bagi tujuan permohonan pertimbangan daripada pihak berkenaan bagi meringankan beban kewangan.

**a. Status Projek Perumahan Terbengkalai dari Tahun 2009 hingga 2014**

Jumlah projek terbengkalai menunjukkan penurunan setiap tahun dan pertambahan jumlah projek yang baharu yang disenaraikan terbengkalai dari tahun 2009 hingga 2012 adalah tidak tinggi sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Bilangan projek terbengkalai pada tahun 2014 juga mencatatkan jumlah yang terendah sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu sebanyak 57 projek sedia ada, pertambahan 11 projek baharu dan 15 projek telah disiapkan/diselesaikan.

**Rajah 4 Status Keseluruhan Projek Perumahan Terbengkalai dari Tahun 2009 Hingga 2014**




**b. Status Projek Perumahan Terbengkalai bagi Tahun 2014**

Sebanyak 11 projek baharu telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai sepanjang tahun 2014. Ini menjadikan jumlah projek perumahan terbengkalai meningkat kepada 68 projek daripada 57 projek yang disenaraikan pada Januari 2013 dan perinciannya adalah seperti dalam Rajah 5 dan Jadual 28.

**Rajah 5 Status Keseluruhan Projek Perumahan Terbengkalai bagi Tahun 2014**



**Jadual 28** **Perincian Projek Perumahan Terbengkalai dan Pembeli bagi tahun 2014**

| Status | Bil Projek | Bilangan Unit Rumah | Bilangan Pembeli |
|---|---|---|---|
| Perancangan awal | 33 | 8,831 | 5,975 |
| Sedang dipulihkan | 20 | 6,436 | 4,364 |
| Siap/Selesai | 15 | 9,459 | 7,129 |
| **Jumlah** | **68** | **24,726** | **17,468** |

c. **Status Projek Perumahan Terbengkalai mengikut Negeri pada Tahun 2014**

Daripada 57 projek perumahan yang disenaraikan terbengkalai pada Januari 2014, Selangor mencatatkan jumlah projek perumahan terbengkalai tertinggi iaitu sebanyak 24 projek dan diikuti oleh Johor sebanyak 11 projek dan 22 projek lagi adalah di negeri-negeri lain. Bagi pertambahan projek terbengkalai baharu, enam (6) projek adalah di Selangor, tiga (3) projek di Perak dan dua (2) projek di Pahang.

JPN telah berjaya memulihkan/menyelesaikan 15 projek perumahan swasta yang terbengkalai sepanjang tahun 2014, antaranya ialah:

i. Projek Bandar Putera Indah, Batu Pahat, Johor;
ii. Projek Taman Laman Damai (Li Garden), Kepong, Kuala Lumpur;
iii. Projek Taman Bidara Palma, Alor Gajah, Melaka;
iv. Projek Platinum Damansara, Selangor;
v. Projek Bandar Pinggiran Subang, Selangor;
vi. Projek Taman Seri Nelayan, Teluk Gong, Selangor;
vii. Projek Taman Mengkibol, Kluang, Johor;
viii. Projek Pangsapuri Nusa Mewah Villa, Hulu Langat, Selangor;
ix. Projek Taman Sentosa, Baling, Kedah;
x. Projek Taman Kenanga, Dengkil, Selangor;
xi. Projek Taman Kajang Villa, Kajang, Selangor.

Pemulihan sebanyak 15 projek terbengkalai ini menjadikan projek perumahan swasta terbengkalai yang disenaraikan pada 31 Disember 2014 adalah sebanyak 53 projek yang mana statusnya adalah seperti di Jadual 29.

**Jadual 29** **Status Keseluruhan Projek Perumahan Terbengkalai Mengikut Negeri pada Tahun 2014**

| Negeri | Projek Sedia Ada | Projek Baharu | Projek Diselesaikan/ Disiapkan | Projek Semasa |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 11 | 0 | 3 | 8 |
| Kedah | 3 | 0 | 1 | 2 |
| Kelantan | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Melaka | 1 | 0 | 1 | 0 |
| Negeri Sembilan | 5 | 0 | 1 | 4 |
| Pahang | 2 | 2 | 0 | 4 |
| Perak | 6 | 3 | 0 | 9 |
| Perlis | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pulau Pinang | 2 | 0 | 0 | 2 |
| Selangor | 24 | 6 | 8 | 22 |
| Terengganu | 0 | 0 | 0 | 0 |
| WP Kuala Lumpur | 2 | 0 | 1 | 1 |
| **Jumlah** | **57** | **11** | **15** | **53** |









Projek Bandar Putera Indah

**PENGURUSAN ADUAN PERUMAHAN**

a. **Bilangan Aduan yang Diterima dan Diselesaikan**

Sepanjang tahun 2014, terdapat sejumlah 1,318 aduan telah diterima JPN. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,262 aduan telah berjaya diselesaikan pada 31 Disember 2014 manakala baki, 56 aduan masih dalam tindakan seperti dalam Rajah 6.




**Rajah 06** **Bilangan Aduan Perumahan yang Diterima dan Diselesaikan bagi Tahun 2014**



b. Jenis Aduan Perumahan

Daripada 1,318 aduan yang diterima oleh JPN sepanjang tahun 2014, sebanyak 896 adalah aduan yang berkaitan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesanan) 1966 [Akta 118] manakala 422 aduan lagi melibatkan aduan-aduan lain berkaitan Program Perumahan Rakyat (PPR), pelesenan pemajuan perumahan, Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan sebagainya. Perincian jenis aduan yang diterima dan diselesaikan sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti dalam Jadual 30.

**Jadual 30 Jenis Aduan yang Diterima dan Diselesaikan Sehingga 31 Disember 2014**

| Jenis Aduan | Jumlah Diterima | Diselesaikan | Dalam Tindakan |
|---|---|---|---|
| Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesanan) 1966 [Akta 118] | 896 | 862 | 34 |
| Aduan-aduan lain | 422 | 400 | 22 |
| **Jumlah** | **1,318** | **1,262** | **56** |



**PELESENAN PERUMAHAN SWASTA**

JPN bertanggungjawab memastikan hanya pemaju-pemaju perumahan yang berkelayakan dan berkemampuan sahaja melibatkan diri dalam sektor perumahan di Semenanjung Malaysia bagi menjamin kepentingan pembeli rumah.

**Pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan**

JPN telah mengeluarkan sebanyak 2,222 Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan sepanjang tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, 1,272 transaksi adalah melibatkan pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Baharu dan 950 transaksi ialah Pembaharuan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan seperti dalam Rajah 7 dan Jadual 31.

**Rajah 7 Pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Sepanjang Tahun 2014**






**Jadual 31 Bilangan Pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Sepanjang Tahun 2014**

| Bulan | Baharu | Pembaharuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Januari | 105 | 124 | 229 |
| Februari | 82 | 118 | 200 |
| Mac | 95 | 127 | 222 |
| April | 131 | 124 | 255 |
| Mei | 111 | 61 | 172 |
| Jun | 91 | 69 | 160 |
| Julai | 145 | 61 | 206 |
| Ogos | 123 | 71 | 194 |
| September | 99 | 53 | 152 |
| Oktober | 101 | 59 | 160 |
| November | 106 | 36 | 142 |
| Disember | 83 | 47 | 130 |
| **Jumlah** | **1,272** | **950** | **2,222** |




Program Perumahan

**PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA**

JPN bertanggungjawab memantau semua projek perumahan swasta yang berlesen sehingga disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dalam tempoh perjanjanjian yang ditetapkan.

**Status Projek Perumahan Swasta Lancar, Lewat dan Sakit**

Pada 31 Disember 2014, terdapat sebanyak 3,764 projek perumahan swasta yang melibatkan 471,001 unit rumah yang dilesenkan oleh JPN sedang dimajukan di Semenanjung Malaysia. Status pemajuan 3,764 projek perumahan swasta adalah seperti dalam Jadual 32.

**Jadual 32 Status Projek Perumahan Swasta Lancar, Lewat dan Sakit Tahun 2014**

| Status Projek | Bilangan Projek | Peratusan Projek (%) |
|---|---|---|
| Lancar | 3,548 | 94.26 |
| Lewat | 51 | 1.35 |
| Sakit | 165 | 4.38 |

**PENGUATKUASAAN**

JPN juga perlu memastikan kepentingan pembeli rumah terjamin melalui penguatkuasaan undang-undang dan pentadbiran yang cekap lagi berkesan serta memastikan pemaju perumahan mematuhi Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118) dan peraturan-peraturan.

**a. Kompaun**

Secara keseluruhannya, seramai 4,516 pemaju telah dikenakan kompaun dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2014. Ini melibatkan sejumlah 4,906 kesalahan yang dilakukan di bawah pelbagai akta dan peraturan.

Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun pada tahun 2014 telah menurun sebanyak 28.3 peratus ke 500 berbanding 697 yang dicatatkan pada tahun 2013. Selain itu, bilangan kesalahan yang dikenakan kompaun juga menunjukkan penurunan sebanyak 19.2 peratus iaitu 146 kesalahan berbanding tahun 2013.

Ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan yang semakin berkesan dan mantap melalui kecekapan pengkompauan serta pendakwaan telah berjaya menurunkan kompaun dalam kalangan pemaju. Pecahan bilangan pemaju dan kesalahan yang dikenakan kompaun mengikut tahun adalah seperti Jadual 33.



**Jadual 33 Bilangan Kesalahan yang Dikenakan Kompaun dari Tahun 2010 Hingga 2014**

| Tahun | Bilangan Pemaju | Bilangan Kesalahan |
|---|---|---|
| 2010 | 943 | 1,020 |
| 2011 | 1,455 | 1,504 |
| 2012 | 921 | 1,006 |
| 2013 | 697 | 761 |
| 2014 | 500 | 615 |
| **Jumlah** | **4,516** | **4,906** |

**b. Kertas Siasatan**

Dari tahun 2010 hingga 2014, sebanyak 3,482 kertas siasatan telah disediakan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,653 kertas siasatan disediakan bagi kesalahan di bawah Seksyen 16AD(1) iaitu kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan baki adalah di bawah pelbagai kesalahan lain yang berkaitan.



Secara keseluruhannya, seramai

**4,516**

pemaju telah dikenakan kompaun dalam tempoh (5) tahun iaitu dari tahun

**2010 – 2014**

Jumlah kertas siasatan yang disediakan pada tahun 2014 menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 136 kertas siasatan (25.33 peratus) berbanding tahun 2013 sebanyak 537 kertas siasatan. Pecahan kertas siasatan yang telah disediakan mengikut kesalahan dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti dalam Jadual 34.

**Jadual 34 Pecahan Kertas Siasatan yang telah Disediakan Mengikut Kesalahan dari Tahun 2010 Hingga 2014**

| Tahun | Bilangan Kesalahan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S.5(1) | S.16AD(1) | P.11 | Lain-lain | Jumlah |
| 2010 | 104 | 914 | 2 | 180 | 1,200 |
| 2011 | 29 | 580 | 1 | 226 | 836 |
| 2012 | 13 | 372 | 2 | 121 | 508 |
| 2013 | 3 | 450 | 4 | 80 | 537 |
| 2014 | 0 | 337 | 2 | 62 | 401 |
| **Jumlah** | **149** | **2,653** | **11** | **669** | **3,482** |

Nota :
- S – Subseksyen, P – Sub-peraturan
- S.5(1): Kesalahan pemajuan perumahan tanpa lesen
- S.16AD(1): Kesalahan pemaju ingkar award TTPR
- P.11:
  - Kesalahan kontrak jualan tidak mengikut Format Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta 118
  - Kesalahan kutipan deposit tanpa menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli

**c. Senarai Hitam**

Sehingga tahun 2014, seramai 961 pemaju dan 3,423 ahli lembaga pengarah telah disenarai hitam seperti dalam Jadual 35. Kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pemaju adalah ingkar award TTPR dan bagi ahli lembaga pengarah pula adalah gagal membayar kompaun.

**Jadual 35 Pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah yang Disenarai Hitam Sehingga Tahun 2014**

| Tahun | Bilangan Pemaju | Bilangan Ahli Lembaga Pengarah |
|---|---|---|
| Gagal membayar kompaun | 297 | 1,044 |
| Ingkar Award TTPR | 306 | 945 |
| Projek sakit | 145 | 798 |
| Projek terbengkalai | 116 | 411 |
| Pemajuan tanpa lesen | 80 | 174 |
| Pemaju yang didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah (melebihi RM 10,000) | 17 | 51 |
| **Jumlah** | **961** | **3,423** |

Nota:
- Gagal membayar kompaun: Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana masih belum menjelaskan bayaran kompaun yang telah dikenakan oleh JPN.
- Ingkar Award TTPR: Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana tidak membayar pampasan kepada pembeli rumah. Award telah dikeluarkan oleh TTPR
- Pemaju yang didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah (melebihi RM 10,000): Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana telah dikenakan denda oleh pihak Mahkamah melebihi RM 10,000.

## SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

Skim pinjaman Perumahan (SPP) diwujudkan melalui kelulusan Parlimen pada 17 Disember 1975 dengan meminda Jadual Kedua Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972). Skim ini ditadbir melalui sebuah tabung pusingan yang dinamakan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah.

Objektif skim ini adalah bagi membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman bagi membina rumah baharu.

**Permohonan dan Kelulusan**
Jadual 36 menunjukkan permohonan SPP yang diterima dan diluluskan mengikut negeri dan jumlah pinjaman bagi tahun 2014. Permohonan SPP bagi Negeri Kedah adalah yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2014 iaitu sebanyak 662 permohonan dan sebanyak 238 permohonan telah diluluskan. Ini diikuti oleh Negeri Kelantan yang mencatatkan bilangan permohonan sebanyak 342 permohonan dan bilangan kelulusan sebanyak 84 kelulusan.

**Jadual 36 Permohonan Skim Pinjaman Perumahan yang Diterima dan Diluluskan Mengikut Negeri dan Jumlah Pinjaman Bagi Tahun 2014**

| Negeri | Bil. Permohonan Diterima | Bil. Permohonan Diluluskan | Jumlah Pinjaman (RM) |
|---|---|---|---|
| Johor | 68 | 33 | 1,485,000.00 |
| Kedah | 662 | 238 | 10,610,500.00 |
| Kelantan | 342 | 84 | 3,740,000.00 |
| Melaka | 17 | 2 | 90,000.00 |
| Negeri Sembilan | 39 | 12 | 540,000.00 |
| Pahang | 108 | 59 | 2,655,000.00 |
| Perak | 9 | 7 | 315,000.00 |
| Perlis | 111 | 4 | 180,000.00 |
| Pulau Pinang | 9 | 1 | 45,000.00 |
| Selangor | 30 | 3 | 135,000.00 |
| Terengganu | 63 | 21 | 943,200.00 |
| WP Kuala Lumpur | 6 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | **1,464** | **464** | **20,738,700.00** |



## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN NEGARA

Majlis Perumahan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada tahun 2014 berikutan pengumuman yang dibuat oleh oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada pembentangan Bajet 2014. Tujuan penubuhan MPN adalah untuk merangka strategi dan pelan tindakan, menyelaras aspek perundangan dan mekanisme penetapan harga hartanah dalam memastikan penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti demi memenuhi hasrat Kerajaan untuk membina satu (1) juta rumah mampu milik dalam tempoh lima (5) tahun. Bagi menyokong fungsi MPN, sebuah Jawatankuasa Perumahan Negara di bawah JPN telah ditubuhkan.

Sepanjang tahun 2014, Mesyuarat MPN telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 13 Februari 2014 dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan 12 November 2014 dipengerusikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



## PENYERTAAN PAMERAN

Sepanjang tahun 2014, JPN telah menyertai pameran-pameran seperti yang berikut:

a. **Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) Tahun 2014**
Setiap tahun JPN akan menyertai Pameran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) yang dianjurkan oleh pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA). Bagi tahun 2014 JPN telah menyertai tiga (3) siri Pameran MAPEX di sekitar Kuala Lumpur dan Negeri Johor.








b. **Pameran *Ecobuild Southeast* Asia 2014**
JPN juga turut terlibat dalam Pameran *Ecobuild South East* Asia yang merupakan acara tahunan yang dianjurkan sempena *International Construction Week* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 17 hingga 19 September 2014.



c. **Expo Hartanah PropEx**
JPN juga telah menyertai pameran yang diadakan sempena Ekspo Hartanah PropEx 2014 anjuran Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHAREDA) di Pusat Dagangan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah pada 29 Ogos hingga 1 September 2014.



## *ROADSHOW* TAKLIMAT PEMAJU PERUMAHAN

*Roadshow* ini diadakan setiap tahun di seluruh Semenanjung Malaysia bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pemaju perumahan yang berlesen tentang kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi berdasarkan Akta 118.
Sepanjang tahun 2014, JPN telah mengadakan *Roadshow* Taklimat Pemaju Perumahan seperti yang berikut:

a. Putrajaya (6 Mac 2014);
b. Johor Bharu, Johor (27 April 2014),
c. Kuantan, Pahang (15 Mei 2014); dan
d. Sungai Petani, Kedah (24 Jun 2014).



## PELAKSANAAN PROGRAM RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA

Program Rumah Transit 1Malaysia telah dilancarkan oleh KPKT pada tahun 2014. Program ini merupakan inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk memberi kemudahan perumahan untuk pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah. Program ini juga memberi tumpuan kepada bandar-bandar besar dan mampu mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah/ berkelayakan.

Bagi peringkat permulaan, sebanyak 632 unit rumah di PPR Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah dijadikan lokasi perintis kepada Program Rumah Transit 1Malaysia.

Pada 24 November 2014, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan YB Tuan Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan telah mengadakan lawatan turun padang ke PPR Pinggiran Bukit Jalil bagi meninjau penyediaan unit rumah di bawah program ini yang sebelum diserahkan kepada pemohon yang layak.

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Transit 1Malaysia di PPR Pinggiran Bukit Jalil telah diadakan pada 27 November 2014 yang mana 20 pasangan suami isteri telah menerima kunci rumah masing-masing.







## PELANCARAN SKIM PERUMAHAN MAMPU MILIK SWASTA (MYHOME)

Majlis Pelancaran Skim MyHome ini telah diadakan pada 24 Mac 2015 dan disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Skim MyHome menawarkan insentif RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Pada tahun 2014, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

Bagi tahun 2014, JPN telah memberikan kelulusan bersyarat kepada 28 pemaju perumahan yang melibatkan 30 projek perumahan untuk 10,075 unit rumah.

**PELANCARAN PROJEK PPR**
Pada 5 Mac 2014, YAB Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah diiringi oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek PPR (Dimiliki) Peringkat Negeri Kedah bertempat di Kampung Naga, Kepala Batas, Kubang Pasu, Kedah




**PENYERAHAN PROJEK PPR**
JPN telah menganjurkan Majlis PenyerahanProjek PPR kepada beberapa buah Kerajaan Negeri setelah projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO). Antara projek-projek yang telah disempurnakan majlis penyerahannya kepada Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 37.





**Jadual 37 Majlis Penyerahan PPR kepada Kerajaan Negeri Sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Nama Projek | Penerima | Tarikh Majlis Penyerahan |
|---|---|---|---|
| 1. | PPR Lintas Sibuga, Sabah | Kerajaan Negeri Sabah | 20 Jan 2014 |
| 2. | PPR Simpang Perdana, Taiping, Perak | Kerajaan Negeri Perak | 20 Feb 2014 |
| 3. | PPR Sungai Manila, Sandakan, Sabah | Kerajaan Negeri Sabah | 1 Mac 2014 |
| 4. | PPR Jalan Upper, Taman Ehsan, Kudat, Sabah | Kerajaan Negeri Sabah | 3 Jul 2014 |
| 5. | PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu | Kerajaan Negeri Terengganu | 2 Okt 2014 |



**PENYERAHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI YANG DIPULIHKAN**
Pada tahun 2014, JPN juga telah mengadakan empat (4) majlis pelancaran dan penyerahan kunci projek perumahan terbengkalai swasta yang berjaya dipulihkan. Senarai projek tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Projek Taman Sentosa, Baling, Kedah (22 Jun 2014);
ii. Projek Taman Bidara Palma, Melaka (29 Ogos 2014);
iii. Projek Bandar Putera Indah, Batu Pahat, Johor (12 September 2014); dan
iv. Projek Taman Mengkibol, Kluang, Johor (26 September 2014).







## PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

**LAPORAN KPI YB MENTERI 2014**
Pencapaian inisitif yang dijalankan oleh JPN yang tersenarai dalam Laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

a. 3,172 unit rumah mampu milik disediakan bagi golongan berpendapatan rendah (di bawah RM2,500) melalui pembinaan PPR di kawasan bandar; dan
b. 15 Projek Perumahan Swasta Terbengkalai yang berjaya dipulihkan sepanjang tahun 2014

## ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

**ISU: PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**
Setakat 31 Januari 2015, terdapat sebanyak 216 projek perumahan swasta yang telah diisytiharkan terbengkalai meliputi projek dari tahun 1984 sehingga sekarang. Projek-projek ini diisytiharkan terbengkalai berdasarkan peruntukan Seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].



Hasil inisiatif dan tindakan proaktif yang dilaksanakan JPN, sebanyak 164 projek (75.9 peratus) daripada projek tersebut telah berjaya disiapkan dan memberikan manfaat kepada seramai 29,588 orang pembeli rumah. Manakala, baki sebanyak 52 projek yang melibatkan 30 projek (13.89 peratus) berada dalam peringkat perancangan dan 22 projek (10.19 peratus) berada dalam pelbagai peringkat pemulihan.

Walau bagaimanapun, jumlah projek terbengkalai tersebut mewakili kurang daripada 0.7 peratus daripada keseluruhan jumlah projek perumahan aktif yang dilesenkan di Semenanjung Malaysia pada setiap tahun. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memainkan peranan aktif dan mencari langkah-langkah strategik bagi memastikan projek perumahan terbengkalai sifar pada masa akan datang.

**Penyelesaian Isu**

Kerajaan memandang serius permasalahan berkaitan projek perumahan terbengkalai di seluruh Malaysia ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui JPN telah mengambil beberapa inisiatif dan langkah strategik untuk menangani masalah projek perumahan terbengkalai seperti yang berikut:

Hasil inisiatif dan tindakan proaktif yang dilaksanakan JPN, sebanyak

**164 projek (75.9%)**

daripada projek tersebut telah berjaya disiapkan dan memberikan manfaat kepada seramai

**29,588**

orang pembeli rumah



a. JPN berperanan sebagai pemudah cara (*facilitator/ mediator*) untuk menyelaras usaha pemulihan dan rundingan dengan semua pihak berkepentingan seperti pembeli rumah, pembiaya, tuan rumah, pemaju dan pelikuidasi dengan tujuan mencari kaedah atau jalan penyelesaian terbaik untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai;

b. JPN akan mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman (*white knight*) untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;

c. JPN akan melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya bagi kategori kos rendah dan kos sederhana rendah melalui dana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan yang disediakan adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut;

d. Mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung dalam Akta 118;



e. Kerajaan turut mengambil tindakan menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan serta jualan yang baharu termasuk memperbaharui permit iklan dan jualan sedia ada. Senarai tersebut dipapar di Laman Web KPKT untuk rujukan pembeli dan pemegang taruh yang lain.

Selain itu, Kerajaan juga akan membuat pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) bagi menambah baik aspek perundangan dan penguatkuasaan ke atas syarikat pemaju yang tidak bertanggungjawab yang dijadualkan akan dikuat kuasa bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta 318) pada tahun 2015. Dengan tindakan memperketatkan peraturan-peraturan tersebut, sasaran ke arah sifar projek terbengkalai diharap dapat dicapai.

**ISU: KENAIKAN HARGA RUMAH**

Harga rumah yang tinggi pada hari ini memang telah banyak diperkatakan. Hakikatnya, harga rumah yang tinggi menyukarkan kebanyakan orang untuk membeli sebuah rumah yang merupakan keperluan asas.

Pada hari ini, kita dapati rata-rata golongan belia terutama yang baru memasuki alam pekerjaan tidak berpeluang untuk memiliki rumah sendiri kerana harga rumah yang meningkat saban waktu. Pendapatan permulaan mereka selalunya hanya sekadar cukup untuk membiayai kos sara hidup seorang diri dan membayar semula pinjaman pendidikan.Keadaan akan menjadi bertambah parah apabila mereka mula berkeluarga dengan kos sara hidup yang tinggi maka bertambah tipis harapan untuk memiliki kediaman sendiri.

**Penyelesaian Isu**

Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam membendung spekulasi dan kenaikan harga rumah yang tinggi ialah:

a. Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) seperti dalam Jadual 38;

**Jadual 38 Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)**

| Tempoh Perolehan | Individu (%) | Syarikat (%) | Bukan Warganegara (%) |
|---|---|---|---|
| 1 hingga 3 tahun | 30 | 30 | 30 |
| Tahun ke 4 | 20 | 20 | - |
| Tahun ke 5 | 15 | 15 | - |
| Tahun ke 6 ke atas | 0 | 5 | 5 |

b. Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta;

c. Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah yang mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang akan diberikan kepada pembeli;

d. Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS);



e. Mewajibkan pemaju melaporkan pembelian melebihi empat (4) hartanah dalam satu (1) pemajuan oleh individu perseorangan atau syarikat melalui syarat baharu dalam lesen pemajuan;

f. Menggalakkan peningkatan penawaran rumah dalam pasaran Malaysia dan membantu mengurangkan bebanan rakyat Malaysia dalam pemilikan rumah melalui:

   i. Skim *MyHome*: Pemberian insentif dan wang pendahuluan sebanyak RM30,000 untuk rumah-rumah yang bernilai RM80,000 hingga RM200,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM90,000 hingga RM250,000 bagi Sabah dan Sarawak kepada pembeli dan pemaju perumahan yang memohon di bawah program ini;
   ii. Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB): Penyediaan rumah mampu milik di bawah agensi-agensi ini dengan kerjasama pemaju perumahan;
   iii. PPR: Penyediaan rumah kos rendah kepada golongan yang layak di seluruh Negara

Skim *MyHome*:
Pemberian insentif dan wang pendahuluan sebanyak

**RM30,000**




   iv. Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M): Dijual kepada penjawat awam dengan harga RM90,000 hingga RM300,000 dengan keluasan di antara 850 hingga 1500 kaki persegi.

g. *Loan To Value Ratio* (LTV) BNM telah mengeluarkan garis panduan LTV 70 peratus bagi mengurangkan spekulasi bagi mereka yang membeli lebih dari dua (2) rumah yang mana mereka hanya dapat meminjam hanya 70 peratus daripada harga rumah dah 30 peratus dibayar sendiri.

h. Bantuan pinjaman pembelian rumah

   i. Skim Rumah Pertamaku (SRP): Membolehkan golongan muda untuk mendapatkan pembiayaan sehingga 100 peratus daripada institusi kewangan untuk membeli rumah pertama tanpa perlu membayar 10 peratus wang pendahuluan nilai maksimum hartanah yang berjumlah RM 400,000
   ii. Skim Pinjaman Perumahan (SPP): Skim ini terbuka kepada golongan berpendapatan rendah yang mana KPKT memberi pinjaman perumahan sehingga RM45,000 dengan syarat peminjam memiliki atau mempunyai kebenaran untuk membina rumah di atas tanah yang dicadangkan.

Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M): Dijual kepada penjawat awam dengan harga

**RM90,000**
hingga
**RM300,000**





# TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA

## LATAR BELAKANG
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS), KPKT diketuai oleh Tuan Hamidun Datuk Haji Abdul Fatah selaku Pengerusi.

## OBJEKTIF
Mendengar dan mengadili tuntutan berkaitan perumahan dan pengurusan strata dengan cara mudah, murah dan cepat.

**VISI**
Peneraju yang efisien dalam penyelesaian pertikaian tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata menjelang tahun 2020

**MISI**
Menyelesaikan pertikaian dan mengadili tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata dengan telus dan berintegriti secara kos efektif dalam tempoh yang singkat



## FUNGSI
Berfungsi sebagai satu forum alternatif bagi menyelesaikan tuntutan ganti rugi pembeli dan pengurusan strata secara mudah, murah dan cepat.

TPPS menjalankan operasi dua (2) tribunal iaitu:
a. Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR); dan
b. Tribunal Pengurusan Strata (TPS)

## TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH (TTPR)
TTPR ditubuhkan pada 1 Disember 2002 melalui pindaan kepada seksyen 16, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan mula beroperasi sepenuhnya mulai 1 Januari 2003.

TTPR bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian antara pembeli rumah dan pemaju perumahan (teknikal dan bukan teknikal).

Bidang kuasa TTPR adalah terhad kepada tuntutan berasaskan kausa tindakan yang timbul daripada Perjanjian Jual dan Beli yang dibuat antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan berlesen dengan syarat tuntutan tersebut hendaklah difailkan tidak lewat 12 bulan dari:

i. Tarikh pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan;
ii. Tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual dan Beli;
iii. Tarikh penamatan Perjanjian Jual dan Beli oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran sijil Perakuan Siap dan Pematuhan bagi rumah kediaman atau kemudahan bersama

yang mana terkemudian.

TTPR mengendalikan dua (2) jenis tuntutan iaitu:

i. **Tuntutan Bukan Teknikal**
Contoh: ganti rugi bagi kelewatan penyerahan milikan kosong dan ganti rugi bagi kelewatan penyerahan kemudahan bersama.

ii. **Tuntutan Teknikal**
Contoh: ganti rugi bagi kecacatan mutu kerja dan ganti rugi kerana pembaikan tidak mematuhi spesifikasi sebagai mana yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual dan Beli.


Alga pada dinding


Kebocoran pada siling


Permukaan dinding tidak rata

Had tuntutan yang difailkan di TTPR hendaklah tidak melebihi RM50,000.00 melainkan pihak-pihak telah bersetuju secara bertulis bahawa TTPR mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan tersebut.

Tiada peguam dibenarkan mewakili mana-mana pihak tanpa kebenaran Presiden TTPR. Fi pemfailan yang dikenakan bagi pendaftaran kes hanyalah RM10.00 sahaja.

**TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA (TPS)**
TPS ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah diluluskan dan diwartakan pada 8 Februari 2013. Akta 757 ini akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015 dan TPS akan mula beroperasi pada 1 Julai 2015. TPS bertanggungjawab untuk mengadili tuntutan oleh pihak yang berhak memfailkan tuntutan iaitu:

i. Pemaju;
ii. Pembeli;
iii. Pemilik termasuk pemilik asal;
iv. Badan Pengurusan Bersama (JMB);
v. Perbadanan Pengurusan (MC);
vi. Perbadanan Pengurusan Subsidiari;
vii. Ejen Pengurusan; dan
viii. Mana-mana orang berkepentingan, dengan kebenaran Tribunal.



Bidang kuasa TPS ialah mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan yang diperuntukkan pada Bahagian 1 Jadual Keempat, Akta 757 yang melibatkan tuntutan tidak melebihi RM250,000.00.

## PENCAPAIAN

**PENDAFTARAN KES**
Bagi tahun 2014, sebanyak 2066 kes telah didaftarkan di Tribunal.

**PENYELESAIAN KES**
Sejak penubuhan Tribunal sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 38,063 kes telah didaftarkan dan 37,816 kes telah diselesaikan yang membawa kepada peratusan sebanyak 99.35 peratus.





**Penyelesaian Kes dalam Tempoh 120 Hari Bekerja**
Tribunal telah berjaya menyelesaikan sebanyak 1819 kes daripada 2066 kes dalam tempoh 120 hari bekerja yang mana peratusan penyelesaian adalah sebanyak 88.04 peratus.

## PROGRAM DAN AKTIVITI

**PROMOSI MENGENAI FUNGSI DAN BIDANG KUASA TRIBUNAL**
Sepanjang tahun 2014, sebanyak 286 promosi dan pameran telah berjaya diadakan oleh Tribunal di seluruh Semenanjung Malaysia.



Pelbagai aktiviti promosi telah dianjurkan antaranya ialah:

a. Taklimat mengenai fungsi dan bidang kuasa Tribunal kepada orang ramai, penjawat awam di agensi Kerajaan;
b. Mengadakan pemfailan secara berkelompok;
c. Pembukaan gerai pameran; dan
d. Pengedaran risalah di kawasan perumahan yang telah dikenal pasti.

Tribunal juga telah bersiaran di seluruh radio negeri dan swasta bagi menyampaikan maklumat yang lebih berkesan kepada orang ramai.

## ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

**ISU: PEMAJU INGKAR *AWARD***
Ingkar award akan berlaku sekiranya pemaju gagal atau tidak mematuhi *award* yang telah dikeluarkan oleh Tribunal berdasarkan Subseksyen 16AC(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

**Penyelesaian Isu**
Seksyen 16AC dan Seksyen16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]

Setelah Tribunal menerima aduan pembeli mengenai keingkaran pemaju dalam mematuhi *award* yang dikeluarkan kepada pihak-pihak, Setiausaha akan mendaftarkan aduan ingkar *award* tersebut di Mahkamah Majistret seperti yang dinyatakan dalam Subseksyen 16AC(2) Akta 118. Selain itu, Tribunal akan menghantar senarai nama pemaju yang ingkar *award* kepada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara, KPKT untuk tindakan pendakwaan terhadap pemaju tersebut.

# PROGRAM KERAJAAN TEMPATAN



## JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

### LATAR BELAKANG

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) diterajui oleh YBhg. Datin Maziah Adnan dan terbahagi kepada 10 bahagian dan dua (2) unit. Tugas utama JKT ialah membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam memberi perkhidmatan yang diperlukan ke arah mempertingkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan PBT.

**VISI**
Ke arah mewujudkan PBT yang berdaya saing, dinamik dan mampan dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti

**MISI**
Menyediakan keperluan dan khidmat sokongan bagi PBT meningkatkan kualiti pengurusan serta membudayakan tadbir urus yang baik

### FUNGSI

i. Membantu membimbing dan menggalakkan PBT dalam merancang, mengawal dan melaksanakan program-program pembangunan sosio-ekonomi dan perkhidmatan perbandaran ke arah pembentukan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju selaras dengan matlamat pembangunan negara

ii. Untuk menentukan PBT wujud sebagai Unit-unit Kerajaan Tempatan yang cekap dan berupaya dari segi pentadbiran dan kewangan agar mereka dapat menyedia dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang moden dan bermutu untuk faedah dan kesejahteraan masyarakat tempatan yang ditadbirkan

iii. Untuk menentukan PBT dapat memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam pembangunan kawasan bandar dan luar bandar melalui pelaksanaan projek-projek prasarana, perniagaan dan separuh perniagaan dan menentukan aktiviti-aktiviti pembangunan pada peringkat PBT dijalankan mengikut kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru dari segi matlamat penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat

iv. Untuk menentukan PBT dapat memainkan peranan sebagai Unit Pentadbiran Kerajaan yang berkesan dari segi mendapatkan penyertaan serta penglibatan rakyat tempatan dalam hal ehwal tempatan

v. Untuk membentuk dan menjadikan PBT sebagai Pihak Berkuasa perancangan yang berkesan, berkebolehan dan cekap dalam menjalankan tugas dengan sempurna di peringkat tempatan dengan mengikut perancangan yang baik dan sistematik bagi mengawal aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar melalui kaedah-kaedah yang telah ditetapkan

vi. Untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan kerjasama yang baik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain pada semua peringkat dalam segala hal berkaitan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan Tempatan





### PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

**Bagi tahun 2014, JKT telah menerima augerah seperti yang berikut:**

1. Anugerah Pengurusan Dokumen Kewangan eSPKB Terbaik bagi Tahun 2013;
2. Laman Web JKT telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang melalui Penilaian Portal dan Laman Web Sektor Agensi Kerajaan 2013 oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) pada 28 Mac 2014;
3. Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi tempoh 4 April 2014 hingga 2 April 2015 pada sesi Audit MPC yang telah dijalankan pada 3 April 2014;
4. JKT berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi tempoh 22 Mei 2014 hingga 21 Mei 2017 semasa sesi audit yang telah dijalankan pada 3 April 2014; dan
5. JKT telah menerima Anugerah Citra Sahabat daripada Dewan Bahasa Pustaka bagi kategori Sektor Awam pada 11 November 2014.



## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

### PENGGUBALAN DASAR

Sebanyak tiga (3) garis panduan/ tatacara operasi piawaian (SOP) telah disediakan oleh JKT pada tahun 2014, seperti yang berikut:

a. **Undang-undang Kecil Spa**
Industri spa adalah antara produk pelancongan yang menjadi perhatian utama negara yang berpotensi menarik pelancong asing ke Malaysia dan seterusnya menjadi penyumbang signifikan pada ekonomi ke arah menuju negara maju.

KPKT melalui JKT telah mewujudkan undang-undang kecil (UUK) yang seragam bagi industri spa untuk dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh PBT. UUK Spa ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 Februari 2014 dan telah dibentang di Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-68 pada 18 September 2014. Tujuan UUK Spa digubal adalah untuk:

i. Menyeragamkan pelesenan premis dan aktiviti spa; dan
ii. Mengawal kebersihan, keselamatan dan keselesaan premis dan aktiviti spa untuk faedah orang ramai termasuklah pelancong asing.

UUK Spa ini menggantikan UUK Rumah Urut yang telah digubal pada 1987 yang sudah lapuk, tidak relevan dan tidak sesuai dengan keperluan serta perkembangan semasa industri spa.

b. **Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan Lain-lain Unggas di Kawasan PBT**
Penyediaan garis panduan ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Ogos 2012 dan MNKT ke-66 pada 3 September 2013, yang bersetuju supaya diwujudkan satu garis panduan untuk rujukan agensi pelaksana.

Garis panduan ini merangkumi semua pusat penyembelihan ayam, itik dan lain-lain unggas di kawasan PBT di Semenanjung Malaysia, manakala bagi Sabah dan Sarawak, penggunaan garis panduan ini adalah tertakluk kepada penerimaan sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan tiada aktiviti penyembelihan ayam, itik dan unggas di pasar-pasar awam, bagi mengawal kejadian penyakit berjangkit berpunca daripada aktiviti penyembelihan ayam, itik atau unggas dan juga bagi memastikan pencemaran air sungai yang berpunca daripada pembuangan efluen hasil aktiviti penyembelihan.







c. **Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT**
Penyediaan SOP ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013 dan MNKT ke-67 pada 4 Mac 2014 yang bersetuju supaya diwujudkan satu SOP untuk rujukan agensi pelaksana.

SOP ini merangkumi semua aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT, Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak, penggunaan SOP ini adalah tertakluk kepada penerimaan PBN sebagaimana yang dipersetujui.

Objektif SOP ini adalah memastikan mewujudkan keseragaman SOP dalam aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT seluruh Malaysia dan memastikan kaedah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiayaan kepada haiwan.

Objektif SOP ini adalah memastikan mewujudkan keseragaman SOP dalam aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT seluruh Malaysia dan memastikan kaedah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiayaan kepada haiwan.

### PROJEK DI BAWAH RMKE-10

a. **Projek Di Bawah RMKe-10 – *Rolling Plan* Ketiga**
Dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Ketiga, JKT menerima peruntukan siling dan bajet bagi tahun 2014 bagi dua (2) perkara, seperti yang berikut:

i. **Projek Fizikal di PBT**
Sebanyak RM309,710,000.00 telah diperuntukkan bagi tahun 2014 untuk membantu PBT dalam melaksanakan program dan projek fizikal melalui pembangunan projek-projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak RM305,363,068.92 (98.6 peratus) telah dibelanjakan oleh PBT bagi tujuan tersebut.

ii. **Bantuan kepada Penduduk Kampung Baru**
Sebanyak RM69,810,000.00 telah diperuntukkan bagi program Kampung Baru Cina (yang terdiri daripada Kampung Baru).

b. **Program Promosi Penggunaan Portal eJKT**
Sebanyak RM58,500.00 diperuntukkan bagi pelaksanaan peningkatan Portal eJKT di bawah BP12. Portal eJKT ialah portal yang menyimpan maklumat profil PBT, permohonan projek-projek pembangunan PBT dan pemantauan status projek-projek tersebut. Sebanyak 149 PBT terlibat dengan pelaksanaan Portal eJKT.



Bagi tujuan promosi dan latihan kepada pengguna PBT, JKT telah mengadakan beberapa siri latihan yang melibat semua 149 PBT bermula pada Oktober 2013 hingga Mei 2014, seperti dalam Jadual 39.

**Jadual 39 Siri Latihan Penggunaan Portal eJKT kepada PBT**

| Bil. | Tarikh | Penerima | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 1. | 20 – 22 Okt 2013 | Perak dan Melaka | Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) |
| 2. | 06 – 08 Nov 2013 | Perlis dan Johor | I-KPKT |
| 3. | 24 – 26 Nov 2013 | Kelantan dan Terengganu | I-KPKT |
| 4. | 26 – 28 Nov 2013 | Pahang, Kedah dan Pulau Pinang | I-KPKT |
| 5. | 17 – 18 Dis 2013 | Sabah | Hotel Promenade, Kota Kinabalu |
| 6. | 09 – 11 Feb 2014 | Selangor dan Negeri Sembilan | I-KPKT |
| 7. | 05 – 06 Mei 2014 | Sarawak | Hotel Riverside Majestic, Kuching |





c. **Program Pemantauan Penyenggaraan Kolam Takungan di Kawasan PBT**

JKT telah mengadakan pemantauan penyenggaraan kolam takungan di kawasan PBT yang melibatkan tiga (3) jenis kolam iaitu kolam takungan kering, basah dan semula jadi. Tujuan program ini diadakan adalah untuk:

i. mendapatkan maklumat mengenai pengurusan penyelenggaraan kolam takungan yang dilakukan oleh PBT;
ii. memberi laporan dan cadangan tambah baik penyelenggaraan kolam takungan;
iii. mengemaskini data-data kolam takungan dalam kawasan PBT; dan
iv. berkongsi maklumat dan pengetahuan dengan PBT berhubung penyelenggaraan kolam takungan.

Pemeriksaan yang dilakukan bermula pada bulan Mac hingga Jun 2014 yang melibatkan 21 PBT di 10 buah negeri adalah seperti dalam Jadual 40.



**Jadual 40 Pemeriksaan Penyenggaraan Kolam Takungan di 21 PBT**

| Bil. | Tarikh | PBT | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Perlis | Majlis Perbandaran Kangar | 24-28 Mac 2014 |
| 2. | Kedah | Majlis Perbandaran Langkawi<br>Majlis Perbandaran Kulim | |
| 3. | Negeri Sembilan | Majlis Perbandaran Port Dickson<br>Majlis Perbandaran Rembau<br>Majlis Daerah Kuala Pilah | 16-18 Apr 2014 |
| 4. | Melaka | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah<br>Majlis Daerah Alor Gajah | 25-28 Mac 2014 |
| 5. | Pahang | Majlis Daerah Cameron Highland<br>Majlis Perbandaran Bentong<br>Majlis Daerah Lipis | 21-23 Apr 2014<br>26-30 Mei 2014 |
| 6. | Johor | Majlis Perbandaran Muar<br>Majlis Perbandaran Kluang<br>Majlis Perbandaran Pontian | 7-11 Apr 2014 |
| 7. | Perak | Majlis Daerah Perak Tengah | 24-25 Apr 2014 |
| 8. | Kelantan | Majlis Daerah Ketereh | 16-18 Apr 2014 |
| 9. | Selangor | Majlis Daerah Hulu Selangor<br>Majlis Daerah Sabak Bernam<br>Majlis Daerah Kuala Selangor | 12-14 Mac 2014 |
| 10. | Terengganu | Majlis Perbandaran Kemaman | 16-20 Jun 2014 |

## PRESTASI PELAKSANAAN PROGRAM HAL EHWAL KEWANGAN PBT

a. **Sumbangan Membantu Kadar (SMK)**

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) merupakan sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada PBT bagi tujuan pembayaran cukai ke atas harta-harta Kerajaan Persekutuan yang berada di kawasan PBT. Sumbangan ini adalah untuk menampung kos penyelenggaraan yang dilakukan oleh PBT terhadap harta tersebut selaras dengan Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan.

Pada tahun 2014, sebanyak RM281,322,200.00 telah diperuntukkan bagi tujuan pembayaran kepada 148 buah PBT. Walau bagaimanapun, JKT telah diberi kelulusan tambahan sebanyak RM7,439,083.70 bagi menampung peruntukan sedia ada menjadikan jumlah agihan keseluruhan berjumlah RM288,761,283.70. Agihan bayaran SMK adalah seperti dalam Jadual 41.



**Jadual 41 Agihan Sumbangan Membantu Kadar kepada PBT Mengikut Negeri bagi Tahun 2014**

| Bil. | Negeri | Amaun (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Perlis | 2,006,714.66 |
| 2. | Kedah | 6,964,235.69 |
| 3. | Pulau Pinang | 10,945,100.11 |
| 4. | Kelantan | 9,559,857.15 |
| 5. | Terengganu | 6,801,468.57 |
| 6. | Pahang | 6,183,253.03 |
| 7. | Perak | 9,074,103.72 |
| 8. | Selangor | 14,192,513.19 |
| 9. | Wilayah Persekutuan | 150,354,535.45 |
| 10. | Negeri Sembilan | 5,333,146.85 |
| 11. | Melaka | 6,217,961.49 |
| 12. | Johor | 14,796,611.33 |
| 13. | Sarawak | 11,730,225.45 |
| 14. | Sabah | 34,601,557.01 |

b. **Geran Tahunan**

Kerajaan Persekutuan memberi Geran Tahunan kepada PBT untuk membantu mereka membiayai belanja mengurus merangkumi kos pengurusan dan penyelenggaraan selaras dengan pertambahan beban tugas PBT dalam usaha PBT meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Bagi tahun 2014, Kerajaan Pusat telah meluluskan sebanyak RM302,228,760.44 bagi bayaran Geran Tahunan PBT. Sebanyak RM238,065,473.00 telah diagihkan kepada PBT di Semenanjung, RM35,864,295.81 kepada PBT di Sabah dan RM28,298,991.63 kepada PBT di Sarawak. Agihan Geran Tahunan kepada PBT mengikut negeri adalah seperti dalam Jadual 42.

**Jadual 42 Agihan Geran Tahunan kepada PBT Mengikut Negeri bagi Tahun 2014**

| Bil. | Negeri | Amaun (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Perlis | 2,016,792.00 |
| 2. | Kedah | 29,928,251.00 |
| 3. | Pulau Pinang | 10,000,000.00 |
| 4. | Kelantan | 21,930,518.00 |
| 5. | Terengganu | 25,332,216.00 |
| 6. | Pahang | 18,246,082.00 |
| 7. | Perak | 26,497,745.00 |
| 8. | Selangor | 46,907,240.00 |
| 9. | Negeri Sembilan | 13,943,149.00 |
| 10. | Melaka | 9,887,228.00 |
| 11. | Johor | 33,376,252.00 |
| 12. | Sarawak | 28,298,991.63 |
| 13. | Sabah | 35,864,295.81 |









c. **Bayaran Bil Elektrik**

Pada tahun 2014, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM108,023,949.00 bagi bayaran bil elektrik kepada seluruh PBT di Malaysia. Sebanyak RM91,211,274.00 telah diagihkan kepada PBT di Semenanjung, RM3,609,585.00 kepada PBT di Sabah dan RM13,203,094.00 kepada PBT di Sarawak. Agihan bayaran adalah seperti dalam Jadual 43.

**Jadual 43 Agihan Peruntukan Bayaran Bil Elektrik kepada PBT mengikut Negeri bagi Tahun 2014**

| Bil. | Negeri | Amaun (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Perlis | 1,059,780.00 |
| 2. | Kedah | 5,282,175.00 |
| 3. | Pulau Pinang | 6,515,078.00 |
| 4. | Kelantan | 1,786,025.00 |
| 5. | Terengganu | 5,317,991.00 |
| 6. | Pahang | 5,959,545.00 |
| 7. | Perak | 11,035,093.00 |
| 8. | Selangor | 22,014,031.00 |
| 9. | Negeri Sembilan | 6,838,838.00 |
| 10. | Melaka | 6,597,359.00 |
| 11. | Johor | 18,805,355.00 |
| 12. | Sarawak | 13,203,094.00 |
| 13. | Sabah | 3,609,585.00 |



**PROGRAM PEMBANGUNAN**

Pada tahun 2014, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM296,530,000.00 bagi pelaksanaan projek BP1 di PBT Seluruh Malaysia. JKT juga telah menerima peruntukan tambahan bagi pelaksanaan Program *MyBeautiful* Malaysia – Menceriakan Tandas Awam berjumlah RM25,680,000.00. Perbelanjaan BP1 mengikut negeri adalah seperti dalam Jadual 44.



**Jadual 44 Perbelanjaan BP1 Mengikut Negeri bagi Tahun 2014**

| Bil. | Negeri | Amaun (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Perlis | 4,945,500.13 |
| 2. | Kedah | 26,825,438.81 |
| 3. | Pulau Pinang | 3,706,595.20 |
| 4. | Kelantan | 8,390,381.08 |
| 5. | Terengganu | 23,127,667.93 |
| 6. | Pahang | 30,435,985.54 |
| 7. | Perak | 43,556,025.10 |
| 8. | Selangor | 2,265,939.37 |
| 9. | Negeri Sembilan | 20,833,905.76 |
| 10. | Melaka | 11,881,297.55 |
| 11. | Johor | 38,816,104.36 |
| 12. | Sarawak | 42,516,587.26 |
| 13. | Sabah | 48,061,640.83 |

## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN

Fungsi Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) adalah sebagai forum perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membentuk dasar untuk memaju, membangun dan mengawal Kerajaan Tempatan. Ini adalah selaras dengan Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar mengenai Kerajaan Tempatan. Perkara 95 (A) Perlembagaan Persekutuan juga turut menetapkan agar mesyuarat MNKT diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Mesyuarat ini perlu dihadiri oleh semua wakil Kerajaan Negeri serta kementerian dan agensi pusat yang berkaitan.



Sepanjang tahun 2014, MNKT telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu kali ke-67 dan ke-68 yang mana kedua-keduanya telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri. Butiran mesyuarat adalah seperti dalam Jadual 45.

**Jadual 45 Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan tahun 2014**

| Mesyuarat | Tarikh | Keputusan Mesyuarat |
|---|---|---|
| MNKT ke-67 | 4 Mac 2014 | Mesyuarat telah mempertimbangkan 3 kertas iaitu:<br>i. Kertas 1 : Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dalam Kawasan PBT oleh KPKT;<br>ii. Kertas 2 : Cadangan Tatacara Operasi Standard (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT oleh KPKT; dan<br>iii. Kertas 3 : Cadangan Penguatkuasaan Pengesahan Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam Iklan di Tempat Awam oleh DBP. |
| MNKT ke-68 | 18 Sep 2014 | Mesyuarat telah mempertimbangkan dan bersetuju dengan 4 kertas kerja seperti yang berikut:<br><br>Kertas 1 : Cadangan Garis Panduan Perancangan Perumahan oleh KPKT;<br>Kertas 2 : Cadangan Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang oleh KPKT;<br>Kertas 3 : Cadangan Undang-undang Kecil Spa oleh KPKT; dan<br>Kertas 4 : Cadangan Pelaksanaan Pengukuran Ke Atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. |



**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2014 telah diadakan dari 27 hingga 29 April 2014 di Hotel Equatorial, Melaka dengan kerjasama Pejabat Ketua Menteri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka sebagai tuan rumah. Mesyuarat telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua/ Pengerusi PBT dari seluruh Negara dan wakil Kerajaan Negeri dan beberapa agensi pusat yang berkaitan.

Sebanyak sembilan (9) kertas kerja telah dibentangkan semasa mesyuarat, seperti dalam Jadual 46.






**Jadual 46 Kertas Kerja yang Dibentang Semasa JPPBT 2014**

| Bil. | Tarikh | Pembentang/Agensi |
|---|---|---|
| 1. | Peranan PBT dalam Mencegah Jenayah | Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye<br>Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia |
| 2. | Inovasi dan Kecemerlangan – Strategi dan Peranan PBT | Encik Muhammad Aziph Dato' Mustapha<br>Yayasan Inovasi Malaysia |
| 3. | Pelepasan Terus : Isu dan Cabaran ke Arah Persekitaran Bandarayaku Gemilang | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah |
| 4. | Pelan Kecemasan Luar Tapak di Pepasangan Bahaya Kemalangan Besar | Ir. Haji Saiful Azhar Mohd Said<br>Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran, Kementerian Sumber Manusia |
| 5. | Ringkasan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam MNKT ke-66 dan MNKT ke-67 | KPKT |
| 6. | Tatacara Mempertimbangkan Permohonan Cadangan Pemajuan yang Berkesan | KPKT |
| 7. | Peruntukan yang Disediakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan | KPKT |
| 8. | Hala Tuju Projek ICT di PBT – ePBT, OSC Online, Pengurusan Portal PBT | KPKT |
| 9. | Taklimat Program *MyHome* | KPKT |

Satu majlis makan malam juga telah diadakan pada 28 April 2014 dan dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dan YB Datuk Ar. Haji Ismail Haji Othman, (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar) hadir bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka.

**PERSIDANGAN KESIHATAN PERSEKITARAN PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2014**

Persidangan Kesihatan Persekitaran Pihak Berkuasa Tempatan 2014 telah diadakan pada 17 dan 18 Jun 2014, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar).

Persidangan ini dihadiri oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran serta anggota lain daripada PBT yang terlibat secara langsung dalam kesihatan persekitaran.

Tema persidangan kali ini ialah "Memperkasakan Persekitaran Sihat untuk Kesejahteraan Rakyat", bersesuaian dengan objektifnya sebagai satu platform pembentangan dan perbincangan isu-isu kesihatan persekitaran.

Persidangan telah dihadiri hampir 400 pengamal kesihatan yang mengetengahkan pelbagai idea dan kaedah baru dalam menangani isu kesihatan persekitaran. Persidangan ini juga telah berjaya memupuk semangat setia kawan dan mewujudkan jalinan hubungan antara profesional kesihatan persekitaran di PBT dan agensi-agensi lain.







**PELANCARAN HARI TANDAS SEDUNIA 2014**

Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan merupakan sebahagian daripada Program Kempen Tandas Bersih yang dilaksanakan oleh KPKT melalui JKT pada setiap tahun bermula pada tahun 2010.

Tema Sambutan masih mengekalkan tema sambutan tahun 2013 iaitu "Tandas Kita: Bersih, Selesa dan Ceria". Sambutan pada tahun ini diadakan di Dataran Teluk Kemang, Port Dickson pada 22 November 2014 dan







dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT yang mewakili YB Menteri.

Majlis anjuran bersama Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah berjaya menghimpunkan seramai 1025 peserta daripada pelbagai agensi Kerajaan, PBT, NGO dan agensi swasta.

**PROJEK *PUBLIC SERVICE DELIVERY TRANSFORMATION PROGRAMME***

KPKT melalui JKT telah melaksanakan Projek *Public Service Delivery Transformation Programme* (PSDT) dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri. Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu Kerajaan meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat dan komuniti perniagaan (*business community*) yang juga tonggak kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP).



Tandas Awam Dataran Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan telah terpilih sebagai projek perintis di bawah inisiatif PSDT untuk mentransformasikan kebersihan tandas awam. Projek yang dilaksanakan dengan kerjasama antara PEMANDU, KPKT, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL MITEC) ini telah berjaya dilaksanakan. Tandas awam ini telah dibuka untuk lawatan pada 24 November 2014 bersempena dengan pelancaran Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014.

**PENGANJURAN PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN PERINGKAT KPKT 2014**

Bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2014, JKT telah menganjurkan Pertandingan Berbalas Pantun Peringkat KPKT pada 18 November 2014 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Pertandingan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Maziah Adnan, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan.



Pertandingan ini merupakan salah satu program yang diadakan bagi mencapai matlamat KPKT untuk memperkasakan Bahasa Kebangsaan melalui program dan aktiviti yang melibatkan seluruh warga KPKT dan PBT.

Sebanyak 14 pasukan telah menyertai pertandingan berbalas pantun yang terdiri daripada warga KPKT dan PBT.

**PROGRAM KEJIRANAN INDAH**
KPKT melaksanakan Program Kejiranan Indah (MyBN) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang ke-7 (NBOS 7) berdasarkan penyatuan sumber daripada tujuh (7) jabatan di bawah KPKT.

Skop kerja JKT di bawah inisiatif ini adalah merangkumi penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam seperti penurapan jalan, perparitan, pencahayaan, tempat letak kereta awam dan dewan serba guna.

Sepanjang tahun 2014, JKT dan PBT di negeri-negeri telah terlibat dalam menjayakan inisiatif MyBN di 20 lokasi, seperti dalam Jadual 47.





**Jadual 47 Program Kejiranan Indah yang Melibatkan JKT dan PBT pada Tahun 2014**

| Negeri | PBT | Projek |
|---|---|---|
| Johor | Majlis Perbandaran Batu Pahat | 1. Rumah Pangsa Bandar Penggaram, Batu Pahat |
| | Majlis Perbandaran Pasir Gudang | 2. Rumah Pangsa Cendana, Johor Bahru |
| | Majlis Bandaraya Johor Bahru | 3. Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama Blok A,B,C, dan D<br>4. RP Taman Tampoi Utama Blok E,F, G, dan H |
| Negeri Sembilan | Majlis Perbandaran Seremban | 5. Rumah Pangsa Senawang 1, Seremban |
| | Majlis Perbandaran Port Dickson | 6. Flat Sri Bandar |
| Sarawak | Majlis Daerah Kapit | 7. Taman Ixora Indah, Kapit |
| | Majlis Daerah Sarikei | 8. PPR Taman Susur Jambu, Sarikei |
| Terengganu | Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | 9. Kondo Rakyat Darul Iman |
| Pahang | Majlis Daerah Lipis | 10. Rumah Pangsa Tempoyang Lipis |
| Sabah | Majlis Perbandaran Sandakan | 11. Flat Seri Taman Batu 3 ½, Sandakan |
| Selangor | Pejabat Pembangunan Negeri Selangor | 12. PPR Kg. Baru HICOM |



| Negeri | PBT | Projek |
|---|---|---|
| Pulau Pinang | Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang | 13. Saujana Height, Bayan Lepas<br>14. Pangsapuri Indah 1A dan 1B, Taman Air Tawar Indah |
| Melaka | Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya | 15. Pangsapuri Melor<br>16. Pangsapuri Murni |
| | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah | 17. Rumah Pangsa Pandan Malim |
| Perak | Majlis Bandaraya Ipoh | 18. Rumah Pangsa Taman Silibin (Blok B dan D) |
| Kedah | Majlis Bandaraya Alor Setar | 19. Rumah Pangsa Taman Sri Gemilang |
| | Majlis Perbandaran Kulim | 20. Flat Taman Jati, Kulim |





**PENGANJURAN SEMINAR, BENGKEL DAN KURSUS**
Sepanjang tahun 2014, JKT telah menganjurkan seminar, bengkel dan kursus yang melibatkan pegawai-pegawai daripada PBT dan agensi-agensi lain yang berkaitan, antaranya ialah:

a. Kursus Kesedaran Penggunaan Perangkap Minyak untuk PBT bagi Tahun 2014;
b. Kursus Reka Bentuk, Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Lif Peringkat PBT bagi Tahun 2014;
c. Kursus Pendedahan Penarafan '*Green Building Index*' (GBI) untuk PBT bagi Tahun 2014;
d. Kursus Kawalan Pencemaran Hakisan dan Kelodak bagi PBT Tahun 2014;
e. Kursus Panel Penilai Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia 2014;
f. Kursus Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan Lain-lain Unggas di Kawasan PBT;
g. Kursus Pengurusan Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT;
h. Kursus Kecekapan Tenaga dan Pelaksanaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS) untuk PBT;
i. Sesi Pemahaman OSC 3.0 (*Training of Trainers-Tot*);
j. Taklimat Kepada Rehda-Pengenalan Model Baru OSC 3.0;

## PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

**PENAMBAHBAIKAN SISTEM OSC ONLINE**
Sistem OSC Online telah diperkenalkan pada 2 Februari 2010 kepada empat (4) golongan pengguna utama sistem tersebut iaitu:

a. para perunding;
b. unit OSC;
c. PBT; dan
d. agensi teknikal luaran.

Dari tarikh tersebut tempoh penyesuaian selama satu (1) tahun telah diperuntukkan kepada pengguna OSC Online diikuti pelancaran serentak secara *real time* bagi 10 PBT perintis pada 4 Januari 2011.

Hingga kini, kesemua 98 PBT di Semenanjung Malaysia telah melancarkan sistem OSC Online. Maklum balas yang diterima dari PBT, penambahbaikan sistem perlu dibuat memandangkan terdapat beberapa kelemahan teknikal dan proses kerja pada sistem sedia ada. Bagi mengatasi masalah berkenaan, Kontrak Penambahbaikan Sistem OSC Online telah mula dimeterai pada Disember 2013.

Pemasangan secara perintis telah bermula pada April 2014 di Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Perbandaran Alor Gajah. Hingga Disember 2014, Sistem OSC Online telah dipasang di 48 PBT yang telah ditambah baik dan baki 50 PBT akan dipasang pada tahun 2015.

**MKPI UNTUK KPKT: INISIATIF MENAMBAHBAIK URUSAN MENDAPATKAN PERMIT PEMBINAAN DI MALAYSIA**

*World Bank Doing Business Report 2015* telah meletakkan kedudukan Malaysia di tangga ke-18 berbanding ke-20 pada tahun 2014. Pencapaian ini adalah satu petunjuk komitmen Malaysia dalam memperbaiki kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mudah untuk menjalankan perniagaan.




Daripada 10 indikator yang diukur, *Dealing with Construction Permits* (DCP) telah menunjukkan perubahan positif berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan sebelum ini merekodkan Malaysia di tangga ke-39 pada tahun 2014 dan telah naik kepada tangga ke-28 bagi tahun 2015. Kajian *World Bank* tersebut memberi gambaran tahap *Domestic Regulatory Framework* yang dikenakan kepada para pelabur membuka perniagaan di negara ini.

**NKEA *GREATER* KL/KLANG VALLEY (EPP#5: *RIVER OF LIFE*)**

*River of Life* (RoL) merupakan salah satu *Entry Point Project* (EPP) dibawah *Greater* Kuala Lumpur / *Klang Valley National Key Economic Area* (NKEA). Program ini bertujuan untuk mentransformasikan Sungai Klang sebagai kawasan yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Transformasi Sungai Klang dalam projek RoL ini melibatkan tiga (3) komponen penting: Pembersihan Sungai (*River Cleaning Task Force*), Pelan Induk Sungai (*River Masterplan Task Force*) dan Pembangunan Sungai (*River Development Task Force*).

Penglibatan KPKT menerusi JKT dalam projek RoL ini adalah di bawah komponen *River Cleaning Task Force* yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

JKT telah dilantik untuk mengetuai *Sub-Task Force Key Initiative No 10: Promote, Enforce, and Manage River Cleanliness and Health – Restaurants, Workshops and other Commercial Outlets (KI-10)*. JKT bertindak sebagai penyelaras kepada PBT yang terlibat iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi pemasangan perangkap minyak berpusat.

Objektif penglibatan JKT dalam program ini ialah:

i. mengawal selia PBT yang terlibat dalam melaksanakan program pemasangan perangkap minyak bagi mengurangkan kadar pencemaran *Fat, Oil and Grease* (FOG) ke sungai dalam kawasan RoL; dan
ii. menyumbang kepada mengurangkan pencemaran ke sungai serta saliran dalam merealisasikan kehendak objektif *River of Life Project* (RoL) untuk meningkatkan kualiti air di sepanjang 110km Sungai Klang dan Sungai Gombak daripada Kelas III-V (tidak sesuai untuk sentuhan badan) kepada Kelas IIb (sesuai untuk sentuhan badan) pada tahun 2020.

Jadual 48 menunjukkan ringkasan bagi pemasangan perangkap minyak oleh PBT yang terlibat yang



menerima peruntukan pembangunan (*Development Expenditure*) dari tahun 2011 hingga tahun 2014:

**Jadual 48 Senarai PBT dan Bilangan Perangkap Minyak yang Dipasang**

| Tahun | PBT | Bil. Perangkap Minyak | Bil. Lokasi |
|---|---|---|---|
| 2011 | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | - | Peringkat rancangan dan persediaan dokumen. |
| | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | - | |
| | Majlis Perbandaran Selayang | - | |
| 2012 | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | 26 | 7 |
| | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 27 | 9 |
| | Majlis Perbandaran Selayang | 20 | 12 |
| 2013 | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | 75 | 17 |
| | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 0 | - |
| | Majlis Perbandaran Selayang | 47 | 18 |
| 2014 | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | 0 | - |
| | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 8 | 5 |
| | Majlis Perbandaran Selayang | 24 | 16 |
| | **Jumlah** | **227** | **84** |

## ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

Sepanjang tahun 2014 menyaksikan kejadian wabak denggi tidak terkawal melanda kebanyakan negeri di Malaysia. Sejumlah 103,610 kes dengan 199 kematian berbanding pada tahun 2013 sebanyak 41,226 dan 88 kematian telah direkodkan dan majoriti kes ini telah dikesan di kawasan PBT.

Pasukan Petugas Khas Denggi yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 2 Julai 2014 bagi menangani wabak denggi secara bersepadu. Antara cadangan yang disyorkan oleh pasukan petugas ini, selain meneruskan aktiviti rutin kawalan dan pencegahan, adalah disyorkan supaya kaedah dan pendekatan Program Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (*Communication for Behavioural Impact* - COMBI) digerakkan melalui Jawatankuasa Pewakilan Penduduk (JPP) di PBT.



JKT juga telah menubuhkan Pusat Maklumat Denggi di KPKT atau dikenali dengan *Dengue Information Centre* – DFIC@KPKT bertujuan untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai situasi denggi semasa kepada pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan.

**Isu**

Pada tahun 2014, antara isu-isu berkaitan kesihatan persekitaran yang timbul ialah peningkatan dalam kes penyakit *Leptospirosis* yang dibawa oleh tikus (*reservoir*), penularan kes denggi; dan tandas awam yang kotor.

**Penyelesaian**

JKT telah menyalurkan peruntukan kepada PBT sebanyak RM4 juta untuk pembelian bekalan bahan kimia dan mesin kawalan vektor (terutamanya untuk kawasan *hotspot*) dan sejumlah RM645,000.00 untuk perolehan peralatan dan bahan kimia pembersihan tandas.

# PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP



## JABATAN LANDSKAP NEGARA

### LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Landskap Negara (JLN) adalah hasil daripada satu evolusi penyediaan perkhidmatan landskap di negara ini yang bermula dengan tertubuhnya Unit Landskap di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1981. Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 24 Mei 1995 telah memutuskan supaya diwujudkan sebuah jabatan yang diketuai oleh seorang pegawai kanan, khusus bertanggungjawab ke atas usaha-usaha untuk melandskapkan seluruh negara. Kementerian Kewangan diminta memberi peruntukan yang mencukupi untuk tujuan ini.

**VISI**

Menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan dalam pembangunan landskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mampan dan beridentitikan Malaysia

**MISI**

Mempastikan pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi menyediakan persekitaran hidup yang kondusif

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 1995 telah meluluskan penubuhan JLN dan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Berdasarkan kepada kelulusan peruntukan dan program JLN oleh Unit Perancangan Ekonomi, antara lain Jabatan ini perlu memainkan peranan sebagai agensi kawal selia dan memberi khidmat nasihat yang perlu disokong oleh peraturan dan undang-undang bagi memastikan usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan swasta mematuhi peraturan dan perundangan sedia ada. JLN telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 1996.







### OBJEKTIF

i. Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat
ii. Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap seluruh negara melalui penggubalan dan penguatkuasaan dasar, peraturan dan akta berkaitan
iii. Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan
iv. Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan 'kos efektif'
v. Meningkatkan profesionalisma dalam amalan perancangan, pembangunan, dan pengurusan landskap negara
vi. Mengenal dan memperkayakan sumber landskap negara untuk faedah akan datang
vii. Menggalak pembangunan industri landskap

### FUNGSI

i. Merancang, menyelaras, melaksana dan mengawal selia pembangunan landskap, keperluan kawasan lapang, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara
ii. Penguatkuasaan perundangan, perlaksanaan dasar dan garis panduan pada pelbagai peringkat dalam perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap
iii. Menjana pembangunan dan pengembangan industri landskap
iv. Melaksana dan menyelaras aplikasi program penyelidikan dalam pelbagai bidang berkaitan landskap
v. Menyediakan kepakaran teknikal yang mantap untuk pembangunan sumber landskap negara yang efisien
vi. Menjadi penasihat kepada pelbagai peringkat kerajaan dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap
vii. Sebagai pusat akreditasi landskap negara

## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Laman Web JLN telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang melalui Penilaian Portal dan Laman Web Sektor Agensi Kerajaan 2013 oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) pada 28 Mac 2014.

## PENCAPAIAN

### PENGGUBALAN DASAR

Sebanyak dua (2) program penggubalan akta dalam proses perlaksanaan iaitu:

i. Akta Arkitek Landskap; dan
ii. Akta Landskap.



### PROJEK DI BAWAH RMK-10

JLN telah diperuntukkan sebanyak RM94,921,500.00 untuk projek-projek pembangunan bagi tahun 2011 hingga 2014 di bawah siling peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10).

Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tempoh empat (4) tahun mulai tahun 2011 hingga tahun 2014 adalah seperti yang berikut:
**Peruntukan : RM 76,500,096.00**
**Perbelanjaan : RM 64,941,368.69 (84.89 peratus)**

Prestasi perbelanjaan projek di bawah RMK-10 adalah seperti dalam Jadual 49.



**Jadual 49 Prestasi Perbelanjaan Projek di Bawah RMK-10 Mengikut Program Jabatan**

| Bil. | Program | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembangunan Taman Awam | 42,525,212.00 | 33,327,649.48 | 78.37 |
| 2. | Pembangunan Landskap | 21,296,028.00 | 19,658,418.31 | 92.31 |
| 3. | Penyelidikan dan Pemuliharaan | 7,359,191.00 | 6,783,980.70 | 92.18 |
| 4. | Pengurusan Landskap | 5,319,665.00 | 5,171,320.20 | 97.21 |
| **Jumlah keseluruhan** | | **76,500,096.00** | **64,941,368.69** | **84.89** |





### KAJIAN YANG DIJALANKAN

Pada tahun 2014, JLN telah menjalankan satu (1) kajian berkaitan Taman Persekutuan Bukit Kiara iaitu Kajian Inventori dan Kesesuaian Spesis Pokok di Taman Persekutuan Bukit Kiara. Kajian ini telah dijalankan mulai 11 November 2013 hingga 23 Jun 2014 dan siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2014.




## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### SAMBUTAN HARI LANDSKAPNEGARA 2014

Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2014 telah diadakan pada 3 Mac 2014 bertempat di Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Sambutan yang bertemakan 'Landskap Mampan, Bandar Sejahtera' telah disempurnakan majlis perasmiannya oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah.

Sambutan HLN 2014 ini disambut selama tiga (3) hari bermula pada 1 hingga 3 Mac dengan pelbagai aktiviti yang berkonsepkan landskap seperti Majlis Pelancaran Rakan Taman Awam Teluk Likas, acara gotong-royong, acara menanam pokok, senam robik, pertandingan mewarna dan melukis untuk kanak-kanak, gubahan bunga, pertandingan fotografi, pertandingan melakar mural dan pameran oleh agensi kerajaan serta aktiviti jualan produk-produk landskap.

KPKT melalui JLN menggalakkan setiap taman yang dibina di kawasan bandar mahupun di tempat awam yang lain menitikberatkan konsep landskap yang harmoni bagi mewujudkan lebih banyak taman-taman rekreasi.










**PROGRAM KEJIRANAN INDAH**

KPKT melaksanakan Program Kejiranan Indah (MyBN) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang ke-7 (NBOS 7) berdasarkan penyatuan sumber daripada tujuh (7) jabatan di bawah KPKT. Skop kerja JLN di bawah inisiatif ini adalah merangkumi aspek menaik taraf landskap dan mengindahkan kejiranan seperti menyediakan peralatan permainan kanak-kanak, penyediaan ruang refleksiologi dan penanam pokok.

Sepanjang tahun 2014, JLN telah terlibat dalam menjayakan inisiatif MyBN di 12 lokasi dan status pelaksanaannya adalah seperti dalam Jadual 50.

**Rumah Pangsa Taman Seri Gemilang, Alor Setar, Kedah**


Sebelum


Selepas

**Rumah Pangsa Tempoyang, Kuala Lipis, Pahang**


Sebelum


Selepas



**Jadual 50 Lokasi dan Status Pelaksanaan Projek MyBN bagi Skop kerja JLN Tahun 2014**

| Negeri | Lokasi | Status Pelaksanaan |
|---|---|---|
| Melaka | 1. Rumah Pangsa Pandan Malim | Siap sepenuhnya pada 15 Okt 2014 |
| | 2. Rumah Pangsa Murni | Siap sepenuhnya pada 1 Dis 2014 |
| Negeri Sembilan | 3. Rumah Pangsa Senawang | Siap sepenuhnya pada 25 Okt 2014 |
| | 4. Rumah Pangsa Seri Bandar, Port Dickson | Siap sepenuhnya pada 27 Nov 2014 |
| Pahang | 5. Rumah Pangsa Tempoyang, Kuala Lipis | Siap sepenuhnya pada 30 Nov 2014 |
| Sabah | 6. Rumah Pangsa Seri Taman, Batu 3½, Sandakan | Dijangka siap pada 6 Feb 2015 |
| Johor | 7. Rumah Pangsa Cendana, Pasir Gudang | Siap sepenuhnya pada 14 Dis 2014 |
| | 8. Rumah Pangsa Bandar Penggaram, Batu Pahat | Siap sepenuhnya pada 30 Nov 2014 |
| | 9. Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama (Blok E, F, G, dan H) | Dijangka siap pada 13 Feb 2015 |
| Kedah | 10. Rumah Pangsa Taman Jati | Dijangka siap pada 26 Jan 2015 |
| | 11. Rumah Pangsa Taman Seri Gemilang, Alor setar | Dijangka siap pada 10 Feb 2015 |
| Pulau Pinang | 12. Rumah Pangsa Saujana Heights, Bayan Lepas | Siap sepenuhnya pada 9 Dis 2014 |

**PROGRAM PEMBUDAYAAN LANDSKAP**

Program membudayakan landskap ini dilaksanakan berasaskan Dasar Landskap Negara melalui Teras 7 iaitu mengguna pakai "Teras Pertama: Membudayakan Kecintaan terhadap Landskap" iaitu strategi yang diterapkan adalah melalui kaedah mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai landskap.




JLN telah melaksanakan sebanyak lapan (8) Program Pembudayaan Landskap bagi tahun 2014 seperti dalam Jadual 51.

**Jadual 51 Program Pembudayaan Landskap bagi Tahun 2014**

| Bil. | Tarikh | Tempat | Aktiviti |
|---|---|---|---|
| 1. | 7 Mei 2014 | Sekolah Kebangsaan Wawasan Seremban 2 | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap |
| 2. | 21 Mei 2014 | Sekolah Kebangsaan Rinching Semenyih, Kajang | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap<br>• Aktiviti penanaman pokok oleh pelajar dan guru |
| 3. | 26 Jun 2014 | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik Nilai, Negeri Sembilan | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap<br>• Aktiviti penanaman pokok oleh pelajar dan guru |
| 4. | 22 Ogos 2014 | Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap<br>• Pameran landskap<br>• Penanaman pokok oleh pelajar kolej |

| Bil. | Tarikh | Tempat | Aktiviti |
|---|---|---|---|
| 5. | 5 Sep 2014 | Rumah Pangsa Kulim, Kedah | • Acara pemangkasan pokok sebagai simbolik penyelenggaraan landskap<br>• Pameran landskap<br>• Demonstrasi Terrarium<br>• Ceramah Penyelenggaraan |
| 6. | 19Okt 2014 | Sekolah Kebangsaan Bandar Petri Jaya, Kota Tinggi, Johor | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap<br>• Aktiviti pembinaan ruang landskap oleh pelajar dan guru |
| 7. | 13 Nov 2014 | Kolej Vokasional Seri Iskandar, Perak | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap<br>• Pameran landskap<br>• Penanaman pokok oleh pelajar kolej |
| 8. | 21 Nov 2014 | Sekolah Rendah Agama Bandar Seri Putra Bangi, Selangor | • Ceramah landskap<br>• Demonstrasi pembinaan landskap<br>• Aktiviti penanaman pokok oleh pelajar dan guru |

**PAMERAN**

Sepanjang tahun 2014, JLN juga telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh pelbagai agensi, seperti yang berikut:

a. **Pameran *Save the Nature***

JLN telah menyertai Pameran *Save the Nature* yang dianjurkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta kerjasama dari pelbagai agensi/jabatan dan NGO bersempena dengan Sambutan Hari Polis yg ke-206.



Pameran dengan tema "Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar" ini telah berlangsung pada 19 dan 20 April 2014, bertempat di Maktab PDRM Kuala Lumpur, Cheras, Selangor. Sebanyak 20 peserta telah menyertai pameran ini dengan pelbagai konsep pameran yang menarik dan berinformatif.

b. **Promosi Hiasan Dalaman dan Seni Taman 2014**

JLN juga terlibat dalam Promosi Hiasan Dalaman dan Seni Taman (HDST) 2014 yang diadakan pada 23 Oktober hingga 3 November 2014 bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.



HDST merupakan gabungan aktiviti dalam mempromosikan produk kraf bagi hiasan dalaman dan seni taman yang berasas serta berilhamkan alam semula jadi serta kepelbagaian produk kraf untuk dijadikan hadiah dan cenderamata. HDST kali ini bertemakan 'Kraf Ceriakan Mahligai Anda', mengetengahkan penggunaan produk kraf tempatan sebagai dekorasi dan kelengkapan ruang kediaman atau pejabat serta hiasan di laman/taman secara tidak langsung membangkitkan suasana bahagia dan ceria.





c. **Pameran Bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia 2014**

KPKT telah menganjurkan Sambutan Hari Habitat Sedunia bersekali dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) di Berjaya Times Square pada 11 November 2014.

Bersempena dengan kedua-dua sambutan ini, pameran kepada para pengunjung juga turut diadakan pada 10 dan 11 November dan disertai oleh 14 agensi termasuk JLN yang mengetengahkan promosi pembangunan dan pemuliharaan landskap serta aktiviti Rakan Taman.

**PERSIDANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN LANDSKAP**

JLN telah menganjurkan Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap 2014 pada 14 hingga 16 Oktober 2014 bertempat di Dewan Musytari, RHR Hotel @ Uniten, Bangi, Selangor. Tema persidangan pada tahun ini ialah "Perkhidmatan Landskap : Transformasi Persekitaran Negara".

a. **Pembentangan Kertas Kerja**

Dalam masa tiga (3) hari persidangan ini berlangsung, sebanyak 14 kertas kerja telah dibentangkan mengikut tema yang ditetapkan, seperti dalam Jadual 52.





**Jadual 52 Program Pembudayaan Landskap bagi Tahun 2014**

| Bil. | Tarikh | Pembentang |
|---|---|---|
| **Tema : Perkhidmatan Landskap dan Profesionalisme** | | |
| 1. | Penilaian *Outcome* dalam Projek Pembangunan | Encik Mohd Khidir Majid, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri |
| 2. | Peranan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Melahirkan Tenaga Mahir dalam Industri Perlandskapan Negara | Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid CIDB |
| 3. | Pelaksanaan Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam | YM Ku Mahrum Ku Yaacob Jabatan Perkhidmatan Awam |
| **Tema: Landskap dan Kesejahteraan Bandar** | | |
| 4. | Program Persekitaran Kehidupan: Impak Transformasi Persekitaran Landskap di Perumahan Kos Rendah | Encik Ahmad Syaharuddin, JLN |

| Bil. | Tarikh | Pembentang |
|---|---|---|
| 5. | Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Rekreasi di Taman Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) | Tuan Haji Muhammad Akbar Mustafa, MPPP |
| 6. | Hutan Bandar Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) sebagai Hub Sosial dan Pembudayaan Gaya Hidup Sihat | Encik Shahrulizam Abdul Rashid, MPJBT |
| **Tema: Projek Landskap Mentransformasikan Persekitaran Negara** | | |
| 7. | *Reviving* Medan Pasar, Kuala Lumpur | Encik Azhar Mansor, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| 8. | Peranan Pelan Induk Landskap dalam Perancangan Landskap di Pihak Berkuasa Tempatan | Encik Moahzam Asari, JLN |
| 9. | Transformasi Sungai Melaka sebagai Tumpuan Rekreasi dan Pelancongan Negeri | YBhg. Datuk Haji Baharom Majid, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka |
| 10. | *Landscape and Parks as a Selling Point for a Property Developer* | Encik William J. Ratchanaragam, SP Setia Berhad Group |
| **Tema: Urus Tadbir Landskap** | | |
| 11. | Pengurusan dan Penyelenggaraan Cerun Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | Ir. Hj. Zafrul Fazry Mohd Fauzi, MPAJ |
| 12. | Cabaran dan Kekangan Pengurusan, Pelaksanaan, Pembangunan dan Penyelenggaraan Landskap di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang (MPS) | Puan Ruhaila Abdul Rahman, MPS |
| 13. | Penyelenggaraan *Turf* yang Efektif | Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi, Universiti Pertanian Malaysia |
| 14. | Sistem Inventori Pokok Di Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) | Encik Meor Abdullah Zaidi Mior Razali, MBI |

**b. Lawatan Teknikal Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap**

Satu lawatan teknikal ke Setia Eco Park di Setia Alam, Shah Alam telah diadakan pada 16 Oktober 2014 oleh peserta Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap 2014 dan pegawai JLN.



Lawatan ini diadakan bertujuan mendedahkan reka bentuk pembangunan bercampur oleh pemaju dalam menjadikan landskap sebagai aspek utama dan tarikan para pembeli.

**PEMBANGUNAN SISTEM eLANDSKAP 2014**

Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Landskap (eLANDSKAP) JLN merangkumi kesemua modul perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap di seluruh negara. Sistem eLANDSKAP






dibangunkan secara berfasa seperti yang berikut:

i. Fasa I bermula pada tahun 2010;
ii. Fasa II dilaksanakan pada tahun 2012;
iii. Fasa III dilaksanakan pada tahun 2013; dan
iv. Fasa IV dilaksanakan pada tahun 2014.

Keseluruhan pembangunan fasa pertama hingga fasa ketiga menghasilkan portal eLandskap. Portal ini memaparkan peta dan maklumat lengkap setiap taman awam dan projek pembangunan landskap yang telah dibina oleh JLN. Pengunjung laman web juga boleh merasai simulasi berada dalam taman-taman tersebut melalui '*feature*' gambar perspektif 360 darjah yang disediakan yang merupakan ciri unik sistem eLandskap.

**PEMBANGUNAN APLIKASI MOBILE NEGARA TAMAN TERINDAH VERSI ioS**

JLN bekerjasama dengan kontraktor yang dilantik oleh pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) untuk membangunkan Aplikasi *Mobile* Negara Taman Terindah versi iOS pada 27 Oktober 2014 dan siap pada 13 November 2014. Hasilnya telah dibentangkan kepada Ketua Setiausaha Negara pada 19 November 2014.

Aplikasi *mobile* ini juga telah didemonstrasi kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Hari Landskap Negara 2015.

Aplikasi ini juga membantu sebagai platform untuk mempromosikan projek-projek landskap yang telah dibangunkan oleh JLN dengan menggunakan Data GIS sedia ada dari Sistem eLandskap iaitu hasil dari cerapan yang dibuat di Taman Awam, Taman Persekutuan, Taman Botani, Jalan Protokol dan *Waterfront*. Cerapan data telah dibuat di 41 buah taman awam yang telah dikenal pasti di seluruh Malaysia pada tahun 2014. Sehingga kini, sebanyak 75 buah taman siap telah diselesaikan cerapan datanya.

## ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

**Isu: Pembinaan Pagar Keselamatan di Taman Persekutuan Bukit Kiara**

Pembinaan pagar keselamatan bagi tujuan meningkatkan keselamatan para pelawat taman ini mendapat bantahan daripada pihak awam terutamanya penduduk di sekitar taman. Bantahan ini disuarakan apabila kadar penebangan pokok dan aktiviti pembersihan hutan di taman rekreasi Bukit Kiara yang membimbangkan dan akan menghalang pergerakan hidupan liar menimbulkan kerisauan dalam kalangan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan penduduk berhampiran.

**Penyelesaian**

KPKT dan JLN telah mengadakan pelbagai kaedah konsultasi awam bersama-sama dengan penduduk setempat bagi membincangkan dan menyelesaikan isu di Taman Persekutuan Bukit Kiara, antaranya ialah:

i. Mesyuarat penyelarasan;
ii. Sesi Bersama Pelanggan untuk Pembangunan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur;
iii. Lawatan YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke taman ini dan perbincangan bersama NGO yang dikenali sebagai Trails Association of Kuala Lumpur and Selangor (TRAKS); dan
iv. Sesi taklimat bersama NGO TRAKS di KPKT.





# PROGRAM PENGURUSAN SISA PEPEJAL



## JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

### LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Pengurusan Penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) adalah berdasarkan kepada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan di Parlimen pada 17 Julai 2007 dan diwartakan pada 30 Ogos 2007. Akta tersebut kemudiannya dikuatkuasakan pada 1 September 2011 yang mana memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan ini bagi mengintegrasikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di peringkat nasional. Sehingga kini, JPSPN menjadi agensi kerajaan yang bertanggungjawab memastikan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif.

**VISI**
Menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif

**MISI**
Sentiasa meningkatkan mutu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui penggubalan dasar, strategi, pelan tindakan dan perundangan

### FUNGSI

i. Mewujudkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
ii. Merumuskan rancangan bagi pengurusan sisa pepejal (lokasi, jenis, saiz kemudahan dan pengolahan baharu), kawasan lingkungan, skim dan jangka masa pelaksanaan rancangan
iii. Menetapkan standard, spesifikasi, dan tata amalan
iv. Memberi lesen dan kelulusan
v. Melaksanakan fungsi pengawalseliaan







### PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

**PENGIKTIRAFAN 5 BINTANG LAMAN WEB JPSPN**
Laman web JPSPN telah berjaya mengekalkan penarafan lima (5) bintang dalam Portal Kerajaan Malaysia dan Penilaian Laman Web (MGPWA) 2014.

### PENCAPAIAN

**PROJEK DI BAWAH RMK-10: RANCANGAN BOLEH PINDA (*ROLLING PLAN*) KETIGA**
Dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) Ketiga, JPSPN menerima peruntukan siling sebanyak RM 436,541,700.00 dengan peruntukan tahun 2014 sebanyak RM 223,224,200.00 bersamaan dengan 34 projek. Walau bagaimanapun, Jabatan telah membuat penyerahan peruntukan bagi tahun 2014 sebanyak RM 40,000,000.00 menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM 183,224,200.00.

Secara keseluruhannya, Jabatan telah membelanjakan sebanyak 87.9 peratus daripada jumlah peruntukan tahunan bersamaan dengan RM 161,010,361.58. Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak 23 projek berjaya membelanjakan peruntukan sepanjang tahun 2014.

**PENYERAHAN PROJEK**
Pada tahun 2014, JPSPN telah menyempurnakan dua (2) penyerahan tapak pelupusan kepada PBT, seperti yang berikut:

a. Naik Taraf Tapak Pelupusan Pengkalan Keling, Terengganu pada 24 April 2014 kepada Majlis Daerah Besut, Terengganu; dan
b. Naik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jabi, Alor Setar, Kedah pada 30 Ogos 2014 kepada Majlis Bandaraya Alor Setar.

### KAJIAN YANG DIJALANKAN

Sepanjang tahun 2014, JPSPN telah menjalankan lima (5) kajian seperti yang berikut:

a. Kajian *Outcome* Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Seksyen 21, Shah Alam;
b. Kajian *Outcome* Projek Mini Insinerator Pulau Pangkor;
c. Kajian Kemungkinan terhadap Lapan (8) Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal;
d. Kajian Meningkatkan Tahap Perkhidmatan Kerja-kerja Pembersihan Jalan dan Pemotongan Rumput serta Pembersihan Longkang Seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS); dan
e. Kajian Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi Projek Insinerator Taman Beringin.



## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2014

Majlis Sambutan Hari Kitar Semula 2014 diadakan pada 15 November 2014 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT. Majlis yang diadakan di Taman Tasik Sri Serdang itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya, Universiti Putra Malaysia dan Malaysian Environmental NGO (MENGO). Sambutan pada tahun ini mengangkat tema 'Kitar Semula Tanggungjawab Semua'.

Majlis sambutan ini merupakan acara kemuncak bagi program-program kesedaran kitar semula yang dilaksanakan di seluruh Negara pada sepanjang tahun. Pengiktirafan dan penghargaan diberikan kepada pihak yang aktif mengamalkan aktiviti 3R seperti sekolah, individu dan syarikat korporat.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kitar Semula pada tahun ini adalah seperti yang berikut:



a. ial Ehwal Islam pada 13 November 2014 dengan tajuk "Kitar Semula Tanggungjawab Bersama dan Menjaga Alam Sekitar Satu Ibadah";










b. Sesi temu bual di stesen televisyen radio bagi membincangkan topik Sambutan Hari Kitar Semula 2014;
c. Pembukaan gerai-gerai pameran oleh Jabatan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta
d. Program berbasikal;
e. Persembahan daripada Malaysian Buskers dan silap mata oleh "*Fahmi The Magician*'; dan
f. Program pencarian harta karun '*Green Hunt 2014*' – kerjasama JPSPN dan MENGO.



### TAKLIMAT BERKAITAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Bagi tujuan perkongsian maklumat dan memperjelaskan isu-isu yang timbul kepada golongan sasar berkaitan pengurusan sisa pepejal, Jabatan telah mengadakan beberapa sesi taklimat, seperti dalam Jadual 53.



**Jadual 53 Taklimat yang telah Diadakan oleh JPSPN pada Tahun 2014**

| Bil. | Tajuk Taklimat | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Taklimat Cadangan Pembinaan Loji *Waste To Energy* kepada UMNO Kepong | 15 Mac 2014 |
| 2. | Taklimat Cadangan Pembinaan Loji *Waste To Energy* kepada Parti Gerakan Parlimen Batu dan Kami Tolak Insinerator (KTI) | 19 Apr 2014 |
| 3. | Taklimat Berkaitan Penguatkuasaan Akta 672 Negeri Perak | 8 Apr 2014 |
| 4. | Taklimat Berkaitan Perkhidmatan Pekerja-pekerja PBT Kepada Kesatuan Pekerja Bagi Pelaksanaan Akta 672 di Negeri Perak | 20 Jun 2014 |

### PROGRAM KERJASAMA DENGAN JEPUN BERKAITAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Sepanjang Tahun 2014 juga JPSPN menjalankan beberapa program kerjasama dengan Kerajaan Jepun seperti dalam Jadual 54.



**Jadual 54 Program Kerjasama dengan Jepun Berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal**

| Bil. | Program | Ringkasan Program |
|---|---|---|
| 1. | *Japan International Cooperation Agency* (JICA) *Partnership* Program | Pegawai-pegawai dari JPSPN dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dihantar berkursus di Tokyo, Jepun bagi memahami pengurusan sisa pepejal. Lawatan dari Malaysia yang melibatkan wakil ahli politik dan wakil penduduk ke insinerator di Jepun juga diadakan. |
| 2. | *Partnership Building Of Local Resident on Waste Management* (Malaysia-Jepun) | Di bawah program ini, pertukaran residen dari Tokyo, Jepun dan residen dari Kuala Lumpur telah dibuat bagi memahami dan bertukar pendapat mengenai pengurusan sisa pepejal di negara masing-masing. |

## PENGANJURAN SEMINAR DAN PERSIDANGAN

a. **Seminar *Development of National Strategic Plan For Food Waste Management in Malaysia***
JPSPN dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar Jepun (MOEJ) dan Institut Strategi Alam Sekitar Global (IGES) telah menganjurkan Seminar *Development of National Strategic Plan For Food Waste Management in Malaysia* pada 27 Mac 2014.




Seminar ini dianjurkan bertujuan untuk memperkenalkan kandungan Pelan Strategik Kebangsaan kepada pihak berkepentingan dan sebagai platform untuk mengumpul komen dan input bagi manfaat bersama. Hal ini adalah kerana, 40 hingga 50 peratus sisa pepejal di Malaysia merupakan sisa makanan yang menjadi penyumbang terbesar pelepasan gas rumah hijau (GHG)

Pelan Strategik Kebangsaan yang memberi tumpuan kepada pengurusan sisa makanan dan konsep 3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula) disediakan dengan merujuk kepada amalan baik pada peringkat antarabangsa dan keperluan tempatan untuk menangani cabaran pengurusan sisa makanan di Malaysia. Kerajaan Malaysia komited untuk melaksanakan strategi ini dalam jangka masa panjang bagi mengurangkan kesan daripada pengurusan sisa makanan.




b. ***Waste Management Association Malaysia Conference***
JPSPN juga terlibat dalam penganjuran *Waste Management Association Malaysia* (WMAM) *Conference* dengan tema "*Sustainable Waste Management towards Vision 2020*" yang diadakan pada 22 dan 23 April 2014 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Persidangan ini dianjurkan oleh *Waste Management Association of Malaysia* (WMAM) dengan matlamat untuk mengumpulkan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) daripada sektor awam dan swasta bagi membincangkan dan mencari resolusi bagaimana sistem pengurusan sisa pepejal yang mampan akan membantu negara mencapai objektif Wawasan 2020.

## PROJEK PERINTIS KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA DI KPKT

Mulai tahun 2014, JPSPN telah memulakan Projek Perintis Kutipan Barangan Kitar Semula di premis Kerajaan di Putrajaya. Sebagai agensi yang bertanggungjawab berkaitan dengan kitar semula, JPSPN telah mengambil inisiatif untuk membudayakan amalan mengitar semula di pejabat bermula di KPKT. Kutipan ini dibuat setiap dua (2) minggu oleh pihak Alam Flora Sdn. Bhd. Inisiatif ini juga diambil untuk menyokong Program 5-S Hijau yang dijalankan di KPKT.









## PROGRAM DI BAWAH INISIATIF NBOS

**Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7): Kejiranan Indah**
KPKT melaksanakan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS): Kejiranan Indah (MyBN) bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek di luar kebiasaan, yang dilaksanakan secara kolaborasi jabatan dan bahagian di bawah KPKT.

Di bawah program kolaborasi antara Jabatan di bawah KPKT ini, JPSPN dipertanggungjawabkan bagi menjayakan komponen Komuniti Kitar Semula untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22 peratus menjelang 2020. Melalui program ini juga, JPSPN dengan kerjasama PPSPPA berusaha untuk menerapkan amalan kitar semula dalam kalangan penduduk setempat di samping menjadi sumber pendapatan tambahan.

JPSPN pada tahun 2014 telah dipertanggungjawabkan bagi menjayakan program sambutan ini di Taman Jengka Impian, Pahang.

## LAWATAN TURUN PADANG

Beberapa program lawatan turun padang oleh Pengurusan Tertinggi KPKT telah diselaraskan oleh JPSPN ke tapak-tapak projek berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sepanjang tahun 2014.

Tujuan lawatan turun padang ini diatur adalah bagi membolehkan Pengurusan Tertinggi KPKT terutamanya YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha KPKT mengetahui lebih terperinci tentang masalah-masalah di lapangan serta status terkini projek-projek yang dilaksanakan. Sesi lawatan yang telah diadakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 55.

**Jadual 55 Lawatan Turun Padang oleh Pengurusan Tertinggi KPKT ke Projek-projek di bawah JPSPN Sepanjang Tahun 2014**

| Tarikh | Perician Lawatan | Ringkasan Program |
|---|---|---|
| 05 Mac 2014 | Lawatan Kerja YB Menteri KPKT ke Tapak Pelupusan Sungai Kertas | Melihat sendiri kemudahan pemprosesan semula sisa binaan yang pertama di Malaysia. Projek JPSPN ini merupakan satu projek di bawah program *Greater Kuala Lumpur* |
| 22 Mac 2014 | Lawatan Kerja YB Menteri KPKT ke Loji Insinerator Pulau Langkawi | Memantau pengoperasian loji insinerator di Langkawi |



## PROGRAM PEMBANGUNAN

Di bawah program pembangunan JPSPN, jabatan telah menyelaras sebanyak 34 projek pembangunan, menaik taraf dan menutup selamat tapak pelupusan sisa pepejal sepanjang tahun 2014. Senarai tapak pelupusan yang termasuk dalam program pembangunan tersebut adalah seperti dalam Jadual 56.

**Jadual 56 Senarai Pembangunan, Naik Taraf dan Tutup Selamat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Program |
|---|---|
| **Projek Bina Baharu** | |
| 1. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Belengu, Temerloh, Pahang |
| 2. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sg Udang, Melaka |
| 3. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Kg Tertak Batu, Marang, Terengganu |
| 4. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Mukim Jorak, Pagoh, Johor |
| 5. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Telok Mengkudu, Manjung, Perak |
| 6. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong, Batu Pahat Johor (Kerja Awalan) |
| 7. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Pekan Nenas, Pontian Johor (Kerja Awalan) |
| **Projek Naik Taraf** | |
| 8. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Kemunyang, Sibu, Sarawak |
| 9. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak |
| 10. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Bakri, Muar, Johor |
| 11. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Feri, Kuala Rompin, Pahang |
| 12. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Cheroh, Raub, pahang |
| 13. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Batangan, Marang, Terengganu |
| 14. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pdg Sertik, Bentong, Pahang |
| 15. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor, Perak |
| 16. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jln Lipis, Lipis, Pahang |
| 17. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sg Wangi, Manjung, Perak |
| 18. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan |
| 19. | Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jengka 10, Maran, Pahang |
| 20. | i. Tapak Pelupusan Blue Valley, Cameron Highland, Pahang<br>ii. Tapak Pelupusan Pekan Nenas, Pontian,Johor<br>iii. Tapak Pelupusan Semeling, Sg Petani, Kedah (Kerja - Kerja Awalan)<br>iv. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Belanga Pecah, Langkawi<br>v. Tapak Pelupusan Kota Marudu, Sabah (Kerja - Kerja Awalan)<br>vi. Tapak Pelupusan Jln Klias Lama, Beaufort, Sabah (Kerja - Kerja Awalan)<br>vii. Tapak Pelupusan Chuat, Bera, Pahang<br>viii. Tapak Pelupusan Pengkalan Keling, Terengganu<br>ix. Tapak Pelupusan Sg Ikan, Kuala Terengganu, Terengganu<br>x. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang Cep 1, Simpang Renggam, Johor<br>xi. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jabi, Alor Setar, Kedah<br>xii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Cina, Kulim, Kedah (Kerja -Kerja Awalan)<br>xiii. Tapak Pelupusan Batu 3, Batu Gajah, Perak<br>xiv. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Gemok, Tawau, Sabah<br>xv. Tapak Pelupusan Kayu Madang, Kota Kinabalu, Sabah<br>xvi. Tapak Pelupusan Padang Siding, Perlis |
| **Projek Tutup Selamat** | |
| 21. | Tapak Pelupusan Temayor, Labis, Johor |
| 22. | Penutupan Selamat Tapak Pelupusan:<br>i. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pajam, Negeri Sembilan<br>ii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Palong, Negeri Sembilan<br>iii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kuala Perlis, Perlis<br>iv. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sua Betong, Negeri Sembilan<br>v. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kuala Sawah, Negeri Sembilan<br>vi. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Maasop, Negeri Sembilan<br>vii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Rimba Terjun, Pontian, Johor<br>viii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Chamang, Bentong, Pahang<br>ix. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kubang Ikan, Terengganu<br>x. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu Empat, Kota Tinggi, Johor<br>xi. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang Cep, Simpang Renggam, Johor<br>xii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Tualang, Temerloh, Pahang<br>xiii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Mat Kilau, Jerantut, Pahang<br>xiv. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Mak Cili Paya, Kemaman, Terengganu<br>xv. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Gelugor, Kemaman, Terengganu<br>xvi. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jabor Jerangau, Kuantan, Pahang |
| **Insinerator** | |
| 23. | Pembaikan Loji *Thermal Oxidation Plant* (TOP) Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan |
| 24. | Insinerator Bukit Kalam |
| **Lain-Lain** | |
| 25. | Perolehan tanah bagi projek-projek pengurusan sisa pepejal |
| 26. | Lain-lain kemudahan pengurusan sisa pepejal baharu |
| 27. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Sungai, Petani, Kedah |
| 28. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Utara, Perak |
| 29. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Selatan, Perak |
| 30. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Kuala Terengganu, Terengganu |
| 31. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Jelebu-Kuala Pilah-Jempol, Negeri Sembilan |

| Bil. | Program |
|---|---|
| 32. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Kawasan Tenggara Johor (Kota Tinggi, Mersing dan Pasir Gudang) |
| 33. | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Tanah Merah, Kelantan |
| 34 | Kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Pagoh dan Batu Pahat, Johor |

## PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA / NKRA

***SOLID WASTE MANAGEMENT* DI BAWAH NKEA *GREATER* KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY**
*Entry Point Project 9 (EPP-9): Solid Waste Management* di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bersama kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

**Projek Kemudahan Pemprosesan Semula Sisa Pepejal Pembinaan di Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sungai Kertas, Gombak, Selangor**
Salah satu KPI yang telah dikenal pasti di bawah EPP-9 ini adalah untuk mewujudkan sebuah kemudahan pemprosesan semula sisa pepejal pembinaan bagi menerima dan memproses semula sisa pepejal pembinaan dari kawasan Kuala Lumpur/Lembah Klang serta kawasan sekitarnya. Bagi tujuan tersebut, pihak Jabatan telah menaik taraf Tapak Pelupusan Lengai Sungai Kertas, Gombak, Selangor kepada Fasiliti Pemprosesan dan Kitar Semula Sisa Pepejal Pembinaan.

Fasiliti ini berupaya memproses dan menerima sisa pepejal pembinaan bercampur dan terasing tidak kurang dari 500 tan sehari. Fasiliti ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 6 Mac 2014 dan telah mula beroperasi pada hari yang sama dengan menerima sisa pepejal binaan dari kawasan Kuala Lumpur.

KPI yang telah ditetapkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) untuk tahun 2014 adalah sebanyak 2500 tan sisa pepejal pembinaan yang dijana di kawasan Kuala Lumpur dihantar ke fasiliti ini.

## ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

**ISU: SISA PEPEJAL PADA 2012 MELEPASI JANGKAAN PENGHASILAN PADA 2020**
Pembuangan sisa pepejal di negara ini telah meningkat secara mendadak pada tahun 2012 sehingga mencecah 33,000 tan, yang mana angka tersebut melepasi jangkaan penghasilan sisa pepejal pada tahun 2020.





**Penyelesaian:**
Kutipan 2+1 secara mandatori kepada syarikat konsesi yang mana dua (2) kali seminggu bagi kutipan sisa organik dan yang tidak boleh dikitar semula manakala sekali seminggu bagi kutipan sisa pukal, sisa kebun, dan sisa yang boleh dikitar semula. Malah Kerajaan turut memberi penekanan terhadap aktiviti berkaitan kitar semula dan pengasingan sisa di punca bagi mengurangkan kadar sisa yang dihasilkan.

Pengumuman oleh Kerajaan pada 15 November 2014, pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca oleh isi rumah akan bermula pada 2015.

**ISU: CADANGAN PEMBINAAN LOJI *WASTE TO ENERGY* DI STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL TAMAN BERINGIN, KUALA LUMPUR**
Terdapat gerakan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menentang cadangan Kerajaan untuk membina Loji *Waste to Energy* di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur. Pihak mereka menggesa Kerajaan segera menarik semula cadangan pembinaan yang dikatakan tidak membawa sebarang manfaat melainkan kemudaratan kepada penduduk sekitar.

**Penyelesaian:**
KPKT dan JPSPN memandang serius isu ini dengan mengambil langkah mengadakan program penglibatan masyarakat melibatkan penduduk kawasan berhampiran dengan lokasi cadangan tapak projek bagi memberi maklum balas terhadap kritikan negatif terhadap cadangan kerajaan membina Loji *Waste to Energy* tersebut taklimat serta sesi dialog awam secara berperingkat. Selain itu, maklumat dan fakta berkaitan loji ini turut disampaikan kepada orang awam melalui media elektronik dan media cetak serta media sosial JPSPN.

Satu lawatan ke Tokyo Jepun telah dibuat oleh JPSPN dengan membawa wakil dari parti politik, wakil penduduk dan juga wakil NGO untuk melihat sendiri loji insinerator di Jepun pada 23 dan 24 Jun 2014.





# PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

## LATAR BELAKANG

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) yang diterajui oleh YBhg. Datuk Ab Rahim Md Noor selaku Ketua Pegawai Eksekutif merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang diperbadankan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 673].

Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 673] telah diwartakan pada 30 Ogos 2007 dan PPSPPA ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 2008 yang mana tarikh tersebut ditetapkan sebagai tarikh permulaan kuat kuasa Akta 673.

Perbadanan merupakan sebuah agensi di bawah KPKT yang secara amnya berfungsi sebagai agensi pemberi input dan pelaksana kepada dasar pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara.

**VISI**

Ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera menjelang 2020

**MISI**

Melaksanakan dasar-dasar dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu, efektif, lestari dan menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup masyarakat melalui pendidikan, kesedaran awam, penguatkuasaan undang-undang, kecekapan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan penggunaan teknologi yang efektif





## OBJEKTIF

i. Memastikan proses perundangan di Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dilaksanakan dengan adil, teratur serta berkesan
ii. Meningkatkan kesedaran awam ke arah perubahan sikap dalam kalangan sektor awam dan industri agar dapat mencapai kadar kitar semula yang boleh dibanggakan
iii. Memastikan penggunaan teknologi dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terkini dan mesra alam
iv. Memastikan semua operator memiliki lesen yang sah mengikut kriteria perundangan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
v. Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang teratur dan berkesan bagi meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih dan sihat



## FUNGSI

i. Mengesyorkan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
ii. Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
iii. Menerapkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa di sumber secara sistematik di samping menekankan ciri-ciri pembangunan yang mampan meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial
iv. Memproses permohonan baharu, pembaharuan dan pembatalan/penggantungan lesen pembekal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sehingga pengesyoran kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
v. Mengawal selia prestasi syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
vi. Mengenal pasti teknologi yang mesra alam, selamat dan kos efektif serta menjalankan penyelidikan




berhubung dengan pembangunan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
vii. Melaksana dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

PPSPPA melakar satu sejarah baharu apabila menerima pengiktirafan pada peringkat antarabangsa dan meneruskan kehebatannya di peringkat kementerian. Antara anugerah-anugerah yang telah diterima oleh PPSPPA sepanjang tahun 2014 adalah seperti yang berikut:



1. PPSPPA berjaya muncul sebagai juara dan merangkul Anugerah *FutureGov Top Project* di bawah kategori *Mobile Government* melalui projek *Intelligent Monitoring And Enforcement System* (IMEMS);

2. Johan Pertandingan Poster Hari Inovasi KPKT 2014;
3. Johan Pertandingan Tayangan Multimedia Hari Inovasi KPKT 2014;
4. Naib Johan Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) [Kategori Pengurusan dan Teknikal];
5. Tempat Ketiga Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) [Kategori Pengurusan dan Teknikal]; dan
6. Tempat Ketiga Pertandingan Pejabat Terbaik KPKT.

## PENCAPAIAN

Pencapaian PPSPPA secara keseluruhannya bagi tahun 2014 meliputi aspek-aspek seperti yang berikut:

### PRESTASI PERKHIDMATAN SYARIKAT KONSESI

Prestasi perkhidmatan syarikat konsesi diukur melalui pemantauan ke atas Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Syarat-syarat KPI (penuh) bagi syarikat konsesi adalah seperti dalam Jadual 57.

**Jadual 57 Syarat-syarat KPI (Penuh) bagi Syarikat Konsesi**

| Jenis Perkhidmatan | Syarat-syarat KPI (Penuh) |
|---|---|
| Kutipan Sisa Pepejal | i. Tong sampah telah diedarkan sekurang-kurangnya kepada 90% penduduk dalam 1 skim<br>ii. Memuat naik jadual operasi<br>iii. Menyediakan kenderaan baharu yang mencukupi |
| Pembersihan Awam | i. Memuat naik jadual operasi<br>ii. Menyediakan peralatan mencukupi dan kenderaan baharu yang mencukupi bermula pada 1 April 2014 |



Bilangan KPI perkhidmatan kutipan dan pembersihan mengikut syarikat konsesi bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Rajah 8.

**Rajah 08 Bilangan KPI Perkhidmatan Kutipan dan Pembersihan Mengikut Syarikat Konsesi bagi Tahun 2014**




Secara keseluruhannya, ketiga-tiga syarikat konsesi menunjukkan prestasi yang memuaskan bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.

### PENGUATKUASAAN AKTA 672

Penguatkuasaan undang-undang adalah elemen terpenting dalam memastikan kebersihan Negara mencapai tahap dan standard yang terbaik. Kaedah pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang yang tegas, berhemah, berintegriti, kreatif dan inovatif akan memberi impak yang lebih besar kepada perubahan minda masyarakat.

a. **Pelaksanaan Tindakan Penguatkuasaan**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 39 kertas siasatan telah dibuka bagi membawa pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dihadapkan ke muka pengadilan.

Selain itu, sebanyak 1,430 Notis Pemberitahuan Kesalahan telah dikeluarkan terhadap pesalah-pesalah yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta 672.

PPSPPA turut mengeluarkan surat peringatan terhadap orang awam yang membuat kesalahan *littering* iaitu sebanyak 38 kes dan sampah haram sebanyak 33 kes melalui maklumat 'My Sikap'. 'My Sikap' merupakan satu sistem informasi pemilik kenderaan yang disediakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).



b. **Pembasmian *Hot Spot* Sampah Haram dan Longkang**

PPSPPA memfokuskan kepada penguatkuasaan terhadap isu-isu yang memberi impak besar kepada tahap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui taktik operasi yang berkonsepkan *Shock and Awe* (SnA) dan penyediaan protokol tindakan serta Prosedur Kendalian Standard (SOP).

PPSPPA mencapai sasaran apabila berjaya membasmi 851 lokasi sampah haram pada bulan Jun 2014 dan membersihkan sebanyak 1701 longkang yang dikenal pasti sebagai longkang bermasalah yang memberikan kesan khususnya kepada sistem saliran. Pembersihan longkang ini telah dilaksanakan secara bersepadu dan mencapai sasaran sepenuhnya pada bulan Oktober 2014.



c. **Penubuhan Pasukan Mata Helang**
Bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang, PPSPPA bersama syarikat konsesi telah memperkasakan strategi pemantauan melalui pelaksanaan Operasi Mata Helang iaitu satu pemantauan yang dilaksanakan secara terperinci di semua kawasan perkhidmatan bagi memastikan tindakan pembersihan dapat diambil dengan kadar segera.

Hasrat utama penubuhan Pasukan Mata Helang ini adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang pantas, menyeluruh dan efisien bagi meningkatkan tahap kualiti pengurusan sisa pepejal dan kebersihan.

Operasi ini melibatkan kaedah secara *pit stop* yang mana semua pihak yang berkaitan terhadap sesuatu isu akan mengadakan perbincangan segera untuk menghasilkan strategi yang berkesan. Sehingga kini, terdapat 45 Pasukan Mata Helang telah ditubuhkan di seluruh negeri yang melaksanakan Akta 672.

PPSPPA telah menerima sebanyak
**7,794**
aduan awam pada tahun 2014



d. **Pengurusan Aduan**
PPSPPA telah menerima sebanyak 7,794 aduan awam pada tahun 2014 meliputi seluruh negeri yang menerima pakai Akta 672. Daripada jumlah aduan tersebut, aduan kutipan sisa pepejal yang dicatatkan adalah sebanyak 3,947, manakala aduan berkaitan pembersihan awam adalah sebanyak 3,847.

e. **Pelesenan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam**
Jumlah keseluruhan lesen yang telah dinilai dan disyorkan oleh PPSPPA bagi tahun 2014 adalah sebanyak 619 permohonan. Jumlah permohonan lesen mengikut aktiviti bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 58.

**Jadual 58 Permohonan Lesen yang Disyorkan Mengikut Aktiviti bagi Tahun 2014**

| Bil. | Aktiviti | Bilangan Permohonan Lesen |
|---|---|---|
| 1. | Kutipan Sisa Pepejal | 103 |
| 2. | Pembersihan Awam | 458 |
| 3. | Pembaharuan – Perkhidmatan Pemungutan Sisa Pepejal Isi Rumah | 12 |
| 4. | Pembaharuan – Perkhidmatan Pembersihan Awam | 43 |
| 5. | *Long Haulage* (Pengangkutan Oleh Pengangkutan Jauh) | 3 |
| 6. | Operasi Kemudahan yang Ditetapkan | 0 |
| | **Jumlah** | **619** |



Dari segi pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) pemprosesan lesen, PPSPPA telah mencapai 100 peratus pelaksanaan pengesyoran permohonan lesen dalam tempoh 14 hari selepas dokumen sokongan lengkap diterima daripada pemohon. Semua permohonan lesen juga telah dibuat secara atas talian menerusi *Bussiness Licensing Electronic Support System (BLESS)*.

f. **Pelaksanaan Program-program 3R**
PPSPPA telah memperkasakan program-program 3R yang dilaksanakan di negeri-negeri sepanjang tahun 2014 dan pencapaiannya adalah seperti dalam Jadual 59.

**Jadual 59 Pencapaian Pelaksanaan Program 3R bagi Tahun 2014**

| Bil. | Aktiviti 3R | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Kelab Kitar Semula di Sekolah | 1,671 kelab ditubuhkan |
| 2. | Program Bank Kitar Semula di Tadika | Dilaksanakan di 598 buah tadika |
| 3. | Program Bank Kitar Semula di Sekolah | Dilaksanakan di 714 buah sekolah |
| 4. | Program Kitar Semula di Komuniti | Dilaksanakan di 223 komuniti |
| 5. | Program Kitar Semula di Pejabat Kerajaan | Dilaksanakan di 210 buah pejabat |
| 6. | Program Kitar Semula di Pasar Raya | Dilaksanakan di 95 buah pasar raya |

g. **Pelaksanaan Program Kesedaran**
Bagi tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pembudayaan amalan kebersihan dan 3R, PPSPPA juga menjalankan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak khususnya dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan melalui Kempen '*Value Food No Waste*'. Pelaksanaan kempen kesedaran ini adalah seperti dalam Jadual 60.

**Jadual 60 Pelaksanaan Kempen Kesedaran dengan Kerjasama Agensi Tahun 2014**

| Bil. | Skop Kerjasama | Agensi Terlibat | Aktiviti yang Dilaksanakan |
|---|---|---|---|
| . | Kempen Penjagaan Kebersihan Persekitaran dan Amalan 3R | PLUS Malaysia Berhad | • Pemasangan Banner di semua RnR dan Henti Sebelah PLUS<br>• Penyediaan tong kitar semula di semua RnR dan Henti Sebelah PLUS<br>• Taklimat/Ceramah kepada staf PLUS (*Tea Talk*) |
| 2. | Kempen Penjagaan Kebersihan Persekitaran, Amalan 3R dan '*Value Food No Waste*' | Telekom Malaysia Berhad (TM) | Pemasangan Bunting Amalan 3R, *Sticker* Meja dan Video akan diperluaskan ke semua pejabat TM seluruh malaysia |

| Bil. | Skop Kerjasama | Agensi Terlibat | Aktiviti yang Dilaksanakan |
|---|---|---|---|
| 3. | Kempen '*Value Food No Waste*' | • Restoran Riverside PWTC<br>• Hotel Sani<br>• Hotel Seri Pacifik<br>• Hotel Dynasty<br>• Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) | Pemasangan Bunting berkaitan kesedaran |




Selain itu, PPSPPA turut menjalankan kerjasama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk memberi kesedaran kepada pemandu kenderaan di jalan raya untuk menjadi pemandu yang berhemah dan tidak membuang sampah keluar daripada kenderaan melalui pelaksanaan kempen Anti-Litter.

**h. Pemantauan Projek Tapak Pelupusan**

**i. Pemantauan Projek Tapak Pelupusan**

Sepanjang tahun 2014, PPSPPA menjalankan pemantauan ke atas projek tapak pelupusan selamat, naik taraf dan bina baharu di Malaysia. Sebahagian tapak yang dipantau telah berjaya disiapkan mengikut kontrak dan sebahagian tapak telah dikenakan *Liquidated Ascertained Damaged* (L.A.D).





Daripada keseluruhan 43 projek yang dipantau, bilangan projek yang telah diberikan sijil perakuan siap kerja, *Certificate of Practical Completion* (CPC) pada tahun 2014 ialah 10 projek dan 25 projek yang masih dalam pembinaan. Ringkasan projek yang telah diberi CPC dan projek yang masih dalam pembinaan bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 61.

**Jadual 61 Bilangan Projek Tapak Pelupusan yang Diberikan CPC dan Masih dalam Pembinaan bagi Tahun 2014**

| Jenis Projek | Projek yang telah Diberikan CPC | Projek Dalam Pembinaan |
|---|---|---|
| Tutup Selamat | 5 | 8 |
| Naik Taraf | 4 | 14 |
| Bina Baharu | 1 | 3 |
| Loji Rawatan *Leachate* | - | - |



**ii. Projek Penutupan Selamat dan Pemulihan Tapak Pelupusan**

Sehingga penghujung tahun 2014, jumlah projek yang ditutup selamat masih lagi kekal sebanyak 17 lokasi. Lima (5) tapak berjaya diberikan CPC pada tahun 2014 ialah:

- Tapak Pelupusan Chamang, Pahang;
- Tapak Pelupusan Batu Empat, Johor;
- Tapak Pelupusan Rimba Terjun, Johor;
- Tapak Pelupusan Kuala Sawah, Negeri Sembilan; dan
- Tapak Pelupusan Jabor Jerangau, Kuantan, Pahang.

Jumlah keseluruhan tapak di bawah projek penutupan selamat yang telah diberikan CPC pada tahun 2013 dan 2014 adalah sebanyak sembilan (9) tapak.

Sebanyak lapan (8) tapak tidak dapat diberikan CPC kerana terdapat sebahagian kerja belum disiapkan sepenuhnya oleh pihak kontraktor seperti dalam Jadual 62. Namun begitu, daripada lapan (8) tapak yang berkenaan, sebahagian tapak telah diberikan perakuan pendudukan separa, *Certificate of Partial Completion* (CPO).

**Jadual 62 Senarai Projek Penutupan Selamat yang Belum Diberikan CPC Secara Keseluruhan**

| Bil. | Nama Tapak | Status |
|---|---|---|
| 1. | Tapak Pelupusan Pajam, Nilai, Negeri Sembilan | Penyerahan separa (Fasa 1 sahaja) |
| 2. | Tapak Pelupusan Sua Betong, Negeri Sembilan | Penyerahan separa (kecuali *pump* dan *leachate pond*) |
| 3. | Tapak Pelupusan Bukit Palong, Negeri Sembilan | Penyerahan separa (Fasa 1 sahaja) |
| 4. | Tapak Pelupusan Ulu Maasop, Negeri Sembilan | Belum diserahkan |
| 5. | Tapak Pelupusan Mat Kilau, Jerantut, Pahang | Belum diserahkan |
| 6. | Tapak Pelupusan Ulu Tualang, Temerloh Pahang | Belum diserahkan |
| 7. | Tapak Pelupusan Ladang CEP 1, SimpangRenggam, Johor | Belum diserahkan |
| 8. | Tapak Pelupusan Kuala Perlis, Perlis | Penyerahan separa (kecuali *embankment)* |

**iii. Projek Naik Taraf Tapak Pelupusan**

Jumlah projek naik taraf tapak pelupusan masih lagi kekal sebanyak 21 tapak sehingga hujung tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat (4) buah projek tapak pelupusan telah dikeluarkan CPC pada tahun 2014.

Tapak-tapak yang telah diberikan CPC akan dipantau sepanjang tempoh *Defect Liability Period* (DLP). Setiap enam (6) bulan sekali pemeriksaan tapak akan dijalankan bersama kontraktor, perunding dan *stakeholder* bagi memastikan kecacatan dapat dilaksanakan sebelum *Certificate of Making Good Defects* (CMGD) dikeluarkan. Tapak-tapak yang telah dikeluarkan CPC ialah:

- Tapak Pelupusan Jabi, Kedah;
- Tapak Pelupusan Batu 3, Batu Gajah, Perak;
- Tapak Pelupusan Sibuti, Sarawak; dan
- Tapak Pelupusan Kemunyang, Sarawak.

**iv. Projek Bina Baharu Tapak Pelupusan**

Sehingga penghujung tahun 2014, hanya satu (1) tapak bina baharu yang telah diberikan CPC iaitu Tapak Pelupusan Sungai Udang, Melaka. Tapak pelupusan ini merupakan tapak baharu yang satu-satunya memiliki sistem *Material Recovery Facility* (MRF). Melalui pembinaan MRF ini, sebahagian lori kompaktor yang akan melupuskan sisa pepejal di tapak ini akan melalui proses pengasingan sisa sebelum dilupuskan di tapak pelupusan.

**i. Penyelidikan dan Pembangunan**

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang efektif, sistematik dan menjimatkan kos khususnya dalam aspek perawatan dan pelupusan sisa.

Antara aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan oleh PPSPPA dengan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) dan agensi penyelidikan dalam dan luar negara pada tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

i. Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Tentang Amalan Menjaga Kebersihan;
ii. Kajian Komposisi Sisa;
iii. Kajian Kualiti Air Longkang di Pasar Malam;
iv. Kajian Awal Pengukuran Bau;
v. Kajian Pemilihan Rumput Yang Lambat Pertumbuhan;
vi. Kajian Keberkesanan *Mudball* dalam Merawat Air Larut Resap (*Leachate*); dan
vii. Kajian Keberkesanan Penggunaan EM dalam Pembersihan Tandas.

**j. Kolaborasi Strategik**

PPSPPA telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kolaborasi strategik dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak-pihak berkaitan seperti IPT, agensi penyelidikan, industri, institusi, komuniti dan sebagainya. Sokongan dan penglibatan daripada semua pihak merupakan faktor penentu kejayaan untuk mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera.



Secara keseluruhannya, PPSPPA telah mengadakan kerjasama dengan:

i. 4 buah IPT Awam;
ii. 9 buah hotel;
iii. 3 buah agensi penyelidikan dalam negara dan luar Negara;
iv. 4 buah jabatan kerajaan; dan
v. 4 komuniti.

## PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

### PELANCARAN PERTANDINGAN KITAR SEMULA SEKOLAH-SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKiSS) telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 13 Februari 2014 dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT.

Majlis pelancaran ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan pertandingan kitar semula antara sekolah-sekolah bagi memperkasakan serta menggalakkan aktiviti kitar semula agar menjadi budaya dalam kalangan generasi muda. Inisiatif ini juga dilihat sebagai satu usaha pihak PPSPPA untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang telah melaksanakan aktiviti kitar semula dengan cemerlang.

Penyampaian anugerah kepada sekolah-sekolah ini diadakan pada 15 November 2014 bertempat di Taman Tasik Seri Serdang, Selangor bersempena dengan Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan 2014.





### PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT SEMPENA ANUGERAH BINTANG POPULAR BERITA HARIAN (ABPBH) 2013

PPSPPA dengan kerjasama Berita Harian (BH) telah menganjurkan satu program tanggungjawab sosial (CSR) bersempena dengan Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) 2013 pada 2 Mac 2014 bertempat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.



Program ini merupakan satu usaha yang julung-julung kalinya diadakan bertujuan untuk menyemai tanggungjawab sosial korporat bersama masyarakat dalam menjaga dan memelihara alam sekitar. Antara akitiviti yang telah dijalankan ialah Pertandingan Mencipta Objek Barang Terpakai, Pertandingan Kitar Semula Terbanyak dan pameran korporat.

Program ini menggunakan *star power* selebriti untuk mencetuskan inisiatif komuniti bagi menjayakan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selebriti dengan rangkaian kelab peminat bersama media elektronik dan cetak menjadi asas perantara bagi menyampai dan menyebarkan mesej serta kesedaran kepada masyarakat tempatan.

**SAMBUTAN ULANG TAHUN PPSPPA KE-6 DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK PPSPPA 2014-2020**

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan sambutan Ulang Tahun ke-6 PPSPPA pada 1 Jun 2014 bertempat di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.





Dalam majlis ini, Pelan Strategik PPSPPA 2014-2020 juga dilancarkan bagi merealisasikan visi ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih dan sejahtera menjelang 2020.

Selain itu, Pelan Tindakan Bandar Bersih turut dilancarkan dan mensasarkan untuk mencapai 53 bandar terpilih di setiap kawasan PBT sebagai Bandar Bersih menjelang tahun 2017.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti pertandingan pengumpulan barangan kitar semula, persembahan fesyen kitar semula, pertandingan *treasure hunt*, pertandingan *street photography*, pameran, pelancaran Portal *3R For Life* dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Malaysia *Industrial-Government for High Technology* (MIGHT) dan PPSPPA serta demonstrasi bersama Chef Nik Michael.

**PELANCARAN PELAN TINDAKAN KOMPREHENSIF PENGURUSAN SISA PEPEJAL 2015-2020**

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan telah melancarkan Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal 2015-2020 PPSPPA pada 14 Ogos 2014 di Everly Hotel, Putrajaya bersempena dengan Sambutan Hari Raya Perbadanan.

Penghasilan pelan ini adalah sebagai usaha menyelesaikan isu-isu pengurusan sisa pepejal





di negara ini selain dapat melonjakkan tahap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ke tahap yang membanggakan. Pelan tindakan ini menggariskan 39 bidang keberhasilan utama dan 55 strategi.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran 30 orang anak-anak daripada Rumah Perlindungan Nur Qaseh, Taman Melawati Kuala Lumpur.

**PERTANDINGAN PIDATO ALAM LESTARI 2014**

Pertandingan Pidato Alam Lestari 2014 antara Institut Pengajian Tinggi (PALIPT) Piala Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan program pertama dan julung-julung kali dianjurkan oleh KPKT dan PPSPPA dengan kerjasama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.



Pertandingan bertemakan 'Transformasi Minda ke Arah Pemeliharaan Alam Sekitar Lestari' ini telah berlangsung pada 6 hingga 8 November 2014 yang disertai oleh 29 pasukan dari institusi pengajian tinggi awam/swasta, politeknik dan institut pendidikan guru (IPG) untuk merebut gelaran Johan Sulung PALIPT 2014.

**PROGRAM *PUBLIC ENGAGEMENT***



a. **Program Kesedaran Awam Berkaitan *Anti-Litter* Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014**
   Program Kesedaran *Anti-Litter* ini dilaksanakan bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 dalam usaha mengubah minda masyarakat untuk menjadikan amalan menjaga kebersihan sebagai tanggungjawab yang perlu dipikul bersama agar dapat melahirkan masyarakat yang maju dan menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup.

Program telah diadakan pada 19 Januari 2014 bertempat di Amphitheater Wangsa Walk, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Program kesedaran awam '*anti-litter*' ini turut dilaksanakan di Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

**b. Program Transformasi Minda Masyarakat**

Program Transformasi Minda Masyarakat bersama komuniti dengan tema PPSPPA Memacu Budaya Kebersihan telah dilaksanakan oleh PPSPPA bertujuan mendekatkan PPSPPA dengan masyarakat dan mengubah minda serta persepsi masyarakat terhadap pengurusan sisa pepejal.



Antara pengisian program bersama penduduk ialah gotong-royong, pertandingan mewarna Jom Kitar Semula bagi kanak-kanak, pertandingan kutipan sisa tertinggi, program *anti-litter*, upacara menandatangani perjanjian persefahaman, ceramah dan pameran daripada beberapa agensi.

PPSPPA juga mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan dengan wakil penduduk. Program ini merupakan salah satu usaha untuk mendekati komuniti (*engaging the public*) di samping mendapatkan isu-isu mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Ketua Pegawai Eksekutif telah turun padang untuk bertemu dengan komuniti atau wakil penduduk melalui kaedah *communicate, educate, engage, enforce* (C3E). Program ini telah diadakan pada 5 September 2014 bertempat di Dewan Komuniti DBKL, Bukit Damansara dan melibatkan wakil-wakil penduduk daripada 11 parlimen iaitu:

i. Parlimen Bukit Bintang;
ii. Parlimen Batu;
iii. Parlimen Wangsa Maju;
iv. Parlimen Setiawangsa
v. Parlimen Titiwangsa;
vi. Parlimen Kepong;
vii. Parlimen Segambut;
viii. Parlimen Lembah Pantai;
ix. Parlimen Seputeh;
x. Parlimen Bandar Tun Razak; dan
xi. Parlimen Cheras.

Program seumpama ini diteruskan lagi di lokaliti yang terpilih di negeri-negeri di bawah seliaan PPSPPA sepanjang tahun 2014.

**c. Program *Winning the Hearts And Minds***

PPSPPA telah melancarkan Program *Winning the Hearts and Minds* (WHM) yang merupakan satu pendekatan PPSPPA untuk memenangi hati dan nurani masyarakat dan membantu menyelesaikan masalah mengenai isu-isu kebersihan yang berlaku dalam kalangan penduduk setempat.

Elemen-elemen penting WHM adalah menjurus kepada pemberian perkhidmatan menjangkaui ekspektasi pelanggan merangkumi memahami keperluan mereka, menghormati dan sensitif terhadap aduan yang diterima serta menghargai sumbangan diberikan dengan sikap telus dan terbuka. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 16 program WHM telah dilaksanakan.





**PAMERAN DAN CERAMAH KESEDARAN AWAM**

Aktiviti ceramah dan pameran 3R telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang kepentingan amalan 3R. Jadual 63 menunjukkan jumlah ceramah dan pameran yang telah dilaksanakan oleh PPSPPA sepanjang tahun 2014.





**Jadual 63 Ceramah Kesedaran Awam dan Pameran 3R yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2014**

| Agensi/Institusi | Bilangan Ceramah Kesedaran Awam | Bilangan Pameran 3R |
|---|---|---|
| Sekolah Rendah | 56 | 24 |
| Sekolah Menengah | 38 | 21 |
| IPT | 15 | 7 |
| Agensi Kerajaan | 54 | 26 |
| Swasta/Industri | 26 | 15 |
| Komuniti Taman/Kampung | 39 | 64 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **246** | **179** |

**PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL**

PPSPPA terlibat dengan Program Rakan 3R di empat (4) lokasi yang menjalankan Program Transformasi Sosial (PTS) bermula Ogos 2014 sehingga Disember 2014 di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7): Kejiranan Indah (MyBN), KPKT. Program Rakan 3R yang dijalankan di lokasi-lokasi Program Transformasi Sosial bagi tahun 2014 yang berikut:

i. Rumah Pangsa Alor Malai, Alor Setar, Kedah;
ii. Taman Jengka Impian, Maran, Pahang;
iii. Flat Kelang Lama, Kulim, Kedah; dan
iv. Desa Keluarga Dungun, Kampung Bijangga, Terengganu.



## PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

### *SOLID WASTE MANAGEMENT* DI BAWAH NKEA *GREATER* KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY

a. **Fasiliti Pemprosesan dan Kitar Semula Sisa Pepejal Pembinaan di Kampung Sungai Kertas, Gombak**
KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menaik taraf Tapak Pelupusan Lengai Sungai Kertas, Gombak, Selangor kepada Fasiliti Pemprosesan dan Kitar Semula Sisa Pepejal Pembinaan.

Sehubungan dengan itu, PPSPPA diberi tanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti pemantauan, penguatkuasaan dan kawalan yang berterusan. Pemantauan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas projek-projek pembangunan seperti pengubahsuaian, pembinaan baharu dan perobohan yang telah diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) termasuk projek-projek yang mendapatkan pensijilan dan pengiktirafan *Green Building Index* (GBI).

b. **Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan di Tapak Bina**
Dari Januari hingga Disember 2014, sebanyak 62 tapak projek pembangunan telah dipantau dengan 40 notis dikeluarkan kepada pemilik premis, kontraktor pembinaan dan arkitek atas pelbagai kesalahan. Selain itu, makluman kepada pemegang taruh termasuk orang awam mengenai pengurusan dan penguatkuasaan sisa binaan mengikut kehendak Akta 672 turut dilaksanakan.

c. **Program Pemakluman Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan kepada Pemegang Taruh dan Orang Awam**
PPSPPA turut menjalankan operasi-operasi 'intip dan cekup' untuk memerangi pihak-pihak yang masih membuang sisa binaan secara haram dan menutup lokasi pembuangan ini dari semasa ke semasa.

d. **Operasi Penguatkuasaan Pembuangan Sisa Pepejal Pembinaan Secara Haram**
Atas usaha-usaha yang dilaksanakan, jumlah sisa pepejal pembinaan yang diterima di Fasiliti Pemprosesan dan Kitar Semula Sisa Pepejal Pembinaan di Kampung Sungai Kertas semakin meningkat. Sehingga Disember 2014, jumlah sisa yang diterima adalah sebanyak 2597.61 tan dan ini menunjukkan bahawa sasaran yang ditetapkan oleh YB Menteri adalah tercapai.

## ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN




### ISU: TUNGGAKAN BAYARAN KUMPULAN WANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH PBT

PPSPPA berperanan melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di 53 buah PBT di Semenanjung Malaysia mulai bulan September 2011. Sehingga tahun 2014, sebanyak RM3 billion telah dibayar kepada syarikat konsesi bagi tujuan tersebut. Jumlah bayaran kepada syarikat konsesi juga semakin meningkat dari bulan ke bulan dengan pelaksanaan petunjuk prestasi utama kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara menyeluruh (KPI penuh).

Setelah perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini dikuatkuasakan selama tiga (3) tahun, trend terimaan bayaran sumbangan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) daripada PBT hanyalah mencapai purata sebanyak 80 peratus setahun sahaja, manakala 20 peratus pula masih tertunggak. Dengan kedua-dua trend bayaran dan tunggakan KWPSPPA yang semakin meningkat, jumlah bajet yang diperuntukkan bagi tahun 2014 adalah tidak mencukupi dan PPSPPA telah menghadapi masalah kekurangan aliran tunai bagi membayar perkhidmatan yang telah dijalankan oleh syarikat konsesi.

**Penyelesaian**
Oleh yang demikian, beberapa inisiatif telah diambil oleh PPSPPA untuk memastikan aliran tunai bagi menampung bayaran perkhidmatan kepada syarikat konsesi, seperti yang berikut:

a. Menyediakan dan menghantar permohonan peruntukan tambahan ke KPKT pada Jun 2014 dan mengangkat permohonan tersebut ke peringkat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Hasilnya, PPSPPA telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM249.6 juta bagi menampung kos perkhidmatan kepada syarikat konsesi tersebut;

b. Membahagikan PBT mengikut kebolehupayaan dan kesungguhan PBT membuat bayaran kepada empat (4) kategori seperti dalam Jadual 64.

**Jadual 64 Pengkategorian PBT Mengikut Kebolehupayaan dan Kesungguhan PBT Membuat Bayaran**

| Kategori PBT | Keterangan Kategori | Bilangan PBT Sehingga 31 Dis 2013 | Bilangan PBT Sehingga 31 Dis 2014 |
|---|---|---|---|
| A | Membuat bayaran dengan baik | 8 | 29 |
| B | Bersetuju dengan tuntutan tetapi lewat membuat bayaran | 12 | 17 |
| C | Tidak bersetuju dengan tuntutan | 22 | 0 |
| D | Mempunyai masalah kewangan | 11 | 7 |
| | **Jumlah** | **53** | **53** |

c. Mengadakan perbincangan dengan PBT di kategori B, bagi menjelaskan tanggungjawab PBT dan kepentingan membayar tunggakan sumbangan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 31 kali perbincangan dan *pit stop* telah dibuat dengan PBT dalam kategori B;

d. Bagi mengatasi isu PBT dalam kategori D, iaitu yang tidak berkemampuan untuk membuat bayaran, KPKT telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan bagi meneliti kedudukan kewangan PBT berkenaan. KPKT melalui JPSPN pula akan mengkaji bentuk-bentuk bantuan yang bersesuaian untuk mengurangkan bebanan PBT berkenaan;

e. Perjumpaan dengan Yang Dipertua PBT dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menerangkan mengenai kedudukan tunggakan sumbangan KWPSPPA yang kritikal dan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi bakal terjejas sekiranya bayaran sumbangan KWPSPPA tidak diterima;

f. Pertemuan dengan PBT yang mempunyai kebolehupayaan yang tinggi untuk membuat bayaran agar PBT dapat membuat bayaran segera;

g. Mempercepatkan tempoh penghantaran bil tuntutan kepada PBT bagi memastikan PBT dapat memproses bayaran tersebut dengan cepat; dan

h. Berkerjasama dengan pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), JPSPN dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi melaksanakan Sistem *Lean Management* dalam pengurusan tuntutan KWPSPPA dan pengesahan tuntutan perkhidmatan di kawasan baharu kepada pihak PBT. Pelaksanaan Lean Management dalam proses tuntutan KWPSPPA ini akan meningkatkan kecekapan penghantaran tuntutan KWPSPPA kepada PBT dan akan turut mempercepatkan proses bayaran oleh pihak PBT kepada PPSPPA.

# PROGRAM LATIHAN KPKT

## INSTITUT LATIHAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

**LATAR BELAKANG**

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 13 Jun 2007 telah mengambil maklum akan keperluan penubuhan institut latihan untuk melatih penjawat awam pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dianggarkan berjumlah lebih 60,000 orang dalam semua bidang tugas yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan PBT. Ini termasuk inisiatif-inisiatif baharu bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam PBT seperti penubuhan pusat setempat (OSC) dan pesuruhjaya bangunan (COB) serta meningkatkan kecekapan pelaksanaan fungsi-fungsi sedia ada PBT iaitu berkaitan perancangan bandar dan urbanisasi, perumahan, kerajaan tempatan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, landskap dan penguatkuasaan undang-undang.

Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, melalui kelulusan Waran Perjawatan Bil. S146 Tahun 2007 bertarikh 10 Ogos 2007, Pasukan *Core-Team* institut telah ditubuhkan dengan 10 perjawatan. Pasukan ini diberi tanggungjawab membuat persiapan awal bagi menubuhkan sebuah institut seperti penyediaan bajet, memberi input reka bentuk kampus serta membangunkan modul-modul kursus/latihan.

Pada 3 Oktober 2011, Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT) telah beroperasi sepenuhnya di kampus tetapnya di Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang. Kampus tersebut mengandungi tujuh (7) blok bangunan dilengkapi pelbagai prasarana. Bagi mengukuhkan lagi pengoperasian ILPKT, sebanyak 29 perjawatan telah diluluskan pada 22 November 2011 daripada pelabagai skim perjawatan.

Penjenamaan semula nama ILPKT kepada Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) adalah selaras dengan pengumuman Kabinet Malaysia pada 15 Mei 2013 yang mana fungsi baharu 'Kesejahteraan Bandar' dimasukkan ke dalam fungsi asal KPKT bagi memperkukuh dan memperluas fungsi KPKT.

Perubahan Waran Perjawatan selepas penstrukturan semula KPKT dan secara *zero based* melalui Waran Perjawatan Bil.S130 Tahun 2014 telah menjadikan perjawatan I-KPKT sebanyak 36 jawatan.




**VISI**

Pusat Kecemerlangan dalam Bidang Latihan, Rujukan dan Khidmat Nasihat bagi aspek Perancangan Fizikal, Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar yang mampan bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembangunan penempatan manusia yang memenuhi sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan oleh Pihak Berkuasa Tempatan

**MISI**

i. Membangunkan modul dan melaksanakan program latihan bersistematik ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti selaras dengan wawasan negara
ii. Berperanan sebagai pakar rujuk dan khidmat nasihat dalam bidang perbandaran, perumahan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta pengurusan Kerajaan Tempatan
iii. Menyelaras dan mengendalikan taklimat mengenai Akta, Undang-Undang Kecil dan Peraturan-peraturan serta Dasar/ Polisi semasa yang dikeluarkan oleh KPKT



**OBJEKTIF**

i. Melaksanakan latihan dalam semua aspek berkaitan Kerajaan Tempatan, perancangan dan penempatan manusia kepada anggota PBT
ii. Mewujudkan pusat rujukan yang responsif bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan PBT
iii. Menyediakan khidmat nasihat kepada PBT dari segi teknologi, bahan / produk, projek untuk pelaksanaan oleh PBT bagi jangka masa panjang

**FUNGSI**

i. Melaksanakan latihan mengenai penempatan manusia, persekitaran dan kualiti hidup, perancangan dan pengurusan bandar serta perkhidmatan perbandaran melalui kajian ke atas demografi, migrasi, sosiobudaya, ekonomi, pembangunan teknologi, pengurusan, perubahan teknologi dan perkembangan semasa pentadbiran negara
ii. Menyediakan kertas-kertas makluman untuk dibentangkan pada peringkat kebangsaan dan persidangan antarabangsa dalam menangani isu-isu berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan
iii. Membantu mengenal pasti isu dan masalah semasa dalam konteks perbandaran negara dan seterusnya memperakukan kaedah perancangan dan cadangan dasar
iv. Menawarkan khidmat nasihat dan pakar runding bagi penggubalan dasar, perancangan dan strategi pelaksanaan program dan aktiviti dalam sektor berkaitan
v. Melaksanakan program latihan kepada semua peringkat personel dalam sektor berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal dan pentadbiran
vi. Menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan di peringkat tempatan dan antarabangsa
vii. Menyalurkan maklumat terkini berhubung dengan perubahan dasar dari semasa ke semasa
viii. Menggubal kurikulum, merancang, melaksana, menyediakan garis panduan pelaksanaan kursus dan laporan penilaian kursus yang berkaitan

**PUSAT PENGAJIAN**
I-KPKT diketuai oleh Pengarah dan dibantu oleh seorang Pendaftar. Terdapat enam (6) pusat pengajian di I-KPKT yang mana setiap satunya diketuai oleh seorang Pegawai Pengurusan dan Profesional yang mempunyai kelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan, seperti yang berikut:

a. **Pusat Pengajian Perancangan Bandar dan Urbanisasi**
Pusat Pengajian Perancangan Bandar dan Urbanisasi merupakan pusat pengajian yang penting kerana salah satu fungsi mandatori PBT ialah perancangan dan pembangunan bandar. Pusat ini akan memberi peluang kepada pegawai PBT mengenai proses, prosedur dan tatacara perancangan bandar dalam pentadbiran harian PBT.

Secara amnya, pusat ini mengendalikan kursus dalam bidang:
i. Pengurusan dan Pelaksanaan Pusat Sehenti (*One Stop Centre*);
ii. Amalan dan Prosedur Pemohonan Kebenaran Merancang;
iii. *Certificate of Completion and Compliance*;
iv. Pengurusan Pembangunan Bandar;
v. *Forward Planning*;
vi. Rancangan Pemajuan (Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas);
vii. Kawalan Pembangunan;
viii. Bandar Selamat; dan
ix. Rancangan Pembangunan dan Penempatan Kampung Tradisional.

b. **Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal**
Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal memainkan peranan yang penting kerana negara berhadapan dengan masalah pengurusan sisa pepejal yang kritikal akibat dari pertambahan isipadu, kekurangan tempat pelupusan dan kesan kepada alam sekitar.

Oleh yang demikian, pusat pengajian ini memberikan penekanan kepada bidang-bidang yang berikut :
i. Kursus Pengurusan Sisa Pepejal;
ii. Undang-undang Sisa Pepejal;
iii. Pengurusan operasi;
iv. Pengurusan Alam Sekitar;
v. Pengurusan Kebersihan dan Kesihatan Awam;
vi. Program Kitar Semula (3R); dan
vii. Teknologi Sisa Pepejal.

c. **Pusat Pengajian Pengurusan Perumahan**
Pusat pengajian ini akan bertanggungjawab menyediakan program-program latihan mengenai perkara-perkara berikut :
i. Dasar Perumahan Negara;
ii. Pengurusan Setinggan;
iii. *Industrialised Building System*;
iv. Kawalan Bangunan; dan
v. Pesuruhjaya Bangunan.

d. **Pusat Pengajian Kerajaan Tempatan**
Pusat pengajian ini bertanggungjawab untuk menyediakan program latihan kepada PBT yang berhubung dengan hal ehwal yang berikut :
i. Pengurusan Projek Kecil;
ii. Siasatan dan Penguatkuasaan PBT;
iii. Pengurusan Aset;
iv. Pengurusan Pemajuan Hartanah;
v. Pengurusan Kewangan;
vi. Penyelenggaraan Bangunan;
vii. *Urban Governance*; dan
viii. Petunjuk Prestasi Utama.

e. **Pusat Pengajian Pengurusan Landskap**
Selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai negara taman, pusat pengajian ini memainkan peranan yang penting bagi menyediakan latihan kepakaran dalam bidang landskap dan seni taman.

Secara amnya, pusat pengajian ini mengendalikan latihan dalam bidang yang berikut :
i. Reka Bentuk Landskap;
ii. Pengurusan Landskap;
iii. Pengurusan Kontrak; dan
iv. Penyelenggaraan Taman Awam dan Landskap.



f. **Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan dan Penguatkuasaan Undang-undang**
Pusat pengajian ini memainkan peranan yang penting kerana PBT sering kali terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kawasan-kawasan di bawah pentadbiran bebas dari kacau ganggu, selamat dan selesa untuk didiami.

Sehubungan dengan itu, pusat pengajian ini akan mengendalikan kursus kefahaman dalam bidang-bidang seperti yang berikut :
i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
iii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1984 (Akta 133);
iv. Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663);
v. Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400);
vi. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81);
vii. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
viii. Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah;
ix. Lembaga Rayuan; dan
x. Pekeliling, Perundangan dan garis panduan yang berkaitan.

**KEMUDAHAN**
I-KPKT menyediakan pelbagai kemudahan fasiliti, domestik dan sukan dan rekreasi yang boleh diguna pakai oleh peserta kursus yang dianjurkan oleh I-KPKT dan agensi luar. Antara kemudahan yang disediakan ialah:

i. Bilik kuliah;
ii. Bilik mesyuarat;
iii. Makmal komputer;
iv. Surau;
v. Perpustakaan;
vi. Kafetaria;
vii. Asrama;
viii. Gimnasium;
ix. Padang latihan;
x. Dewan serbaguna; dan
xi. Padang.






## PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

### PENGANJURAN KURSUS, SEMINAR DAN BENGKEL

I-KPKT telah berjaya melaksanakan kursus, seminar dan bengkel yang telah dirancang bagi tahun 2014 walaupun jabatan ini mengalami kekangan berkaitan pengisian perjawatan. Senarai kursus, seminar dan bengkel yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti yang berikut:



**a. Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal**

i. Kursus Reka Bentuk dan Pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Siri 1 dan 2
ii. Kursus Penutupan Selamat dan Pengurusan Pasca Penutup Tapak Pelupusan Siri 1 dan 2
iii. Kursus Kajian Komposisi Sisa Pepejal
iv. Amalan Terbaik Pengurusan Sisa Pepejal dan Tapak Pelupusan
v. Bengkel: Mengurus Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam "*Lesson Learned*"
vi. Ceramah Eksekutif: "Pengurusan Sisa Pepejal dari Perspektif Perniagaan"

**b. Pusat Pengajian Kerajaan Tempatan**

i. Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan
ii. Kursus Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan (Zon Timur dan Utara)
iii. Seminar Pemantapan kepada Model Baru OSC
iv. Kursus pembinaan Jalan serta Longkang di Kawasan Kampung (*Low Volume Road*)
v. Kursus Panel Penilai Pertandingan Anugerah
vi. Kursus Kebersihan Pasar Awam Siri 1 dan 2
vii. Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan (Zon Sabah dan Sarawak)
viii. Bengkel Percambahan Fikiran dan Penyediaan Garis Panduan serta SOP
ix. e-Mohon dan e-Pantau

**c. Pusat Pengajian Pengurusan Landskap**

i. Kursus Penanaman dan Penyelenggaraan Pokok Ameniti
ii. Kursus *Master Gardener*
- Modul 2 & 3 Siri 1: Kawalan Penyakit dan Perosak Pokok Ameniti
- Modul 3: Kawalan Penyakit /Perosak Pokok Ameniti (Siri 2)
- Modul 4: Pemangkasan Pokok
- Modul 5: Memanjat Pokok Ameniti
- Modul 6: Penggelengaraan Mesin dan Peralatan Landskap
- Pembajaan Pokok Ameniti

iii. Kursus Pengurusan Landskap
- Modul 1: Pengurusan dan Penyelenggaraan Taman
- Modul 1: Pengurusan Aset Hidup
- Modul 3: Pengurusan Badan Air
- Modul 4: Manual Plan Induk Landskap









- Modul 5: Perancangan Reka Bentuk Landskap Perbandaran dan Persekitaran Kehidupan
- Modul 6: Pengurusan di Tapak Bina yang Kreatif

iv. Kursus Teknikal Landskap
- Modul 1: Proses Reka Bentuk Landskap
- Modul 2: Penilaian Tahap Risiko Pokok Ameniti
- Modul 3: Arborikultur

v. Bengkel Analisa Keperluan Kursus (TNA) Pusat Pengajian Pengurusan Landskap

### KURSUS, SEMINAR DAN BENGKEL OLEH KPKT DAN AGENSI LAIN

I-KPKT juga membenarkan fasiliti I-KPKT diguna pakai oleh KPKT dan agensi kerajaan yang lain. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 47 kursus yang melibatkan 2,556 peserta kursus anjuran jabatan /bahagian /unit di bawah KPKT dan 92 kursus yang melibatkan 4,584 peserta kursus anjuran agensi luar telah diadakan di I-KPKT.

### LAWATAN MENTERI DAN KETUA SETIAUSAHA KE I-KPKT

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT telah mengadakan lawatan ke I-KPKT bersempena dengan Mesyuarat Pengurusan KPKT Bil 1/2014 dan Mesyuarat Pasca Kabinet Bil 2/2014 pada 28 Januari 2014.





### LAWATAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KE I-KPKT

YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT telah melawat I-KPKT pada 26 Ogos 2014 bagi meninjau pengendalian kursus dan kemudahan fasiliti, domestik dan sukan dan rekreasi yang terdapat di Institut ini.





# PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (DASAR DAN PEMBANGUNAN)

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK

### LATAR BELAKANG

Bahagian Perancangan Dasar dan Pembangunan (BPDP) telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Am Bil.2 Tahun 1982 (Organisasi Kementerian-kementerian). Bahagian ini kemudiannya telah disusun semula pada Jun 2003 dan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dengan berkuatkuasanya Waran Perjawatan yang dikeluarkan pada tarikh tersebut.

Pada tahun 2007, Bahagian Pembangunan telah digabungkan dengan Bahagian Pelaksananaan dan Penyelenggaraan Projek di bawah Jabatan Perumahan Negara dan diberi nama baharu iaitu Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (BPPP), dan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan). Dengan penggabungan ini, BPPP berfungsi sebagai agensi pelaksana di peringkat Kementerian bagi projek-projek pembangunan KPKT.



**VISI**
Semua projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna

**MISI**
Merancang, melaksana, memantau dan menilai semua projek pembangunan dengan menggunakan kaedah yang berkesan

Pada tahun 2014, sekali lagi penstrukturan semula diluluskan melalui waran perjawatan baharu iaitu Bil.130/2014. Dengan penstrukturan semula ini sebanyak 518 jawatan yang terdiri daripada pegawai pengurusan profesional sama ada teknikal mahupun dalam kalangan bukan teknikal telah diwujudkan di bawah BPPP. Di samping itu, terdapat juga beberapa cawangan ditubuhkan iaitu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor/ Putrajaya, Johor, Terengganu, Pahang dan Sabah.

Secara keseluruhannya, BPPP terdiri daripada tiga (3) cawangan utama iaitu Cawangan Pembangunan, Cawangan Pengurusan Projek dan Cawangan Pelaksanaan Projek dan diketuai oleh Tuan Haji Abu Bakar Johar. BPPP bertanggungjawab dalam perkara-perkara seperti yang berikut:

i. merancang dan menyelaras bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan di bawah KPKT;
ii. merancang, melaksana dan menyelenggara projek-projek pembangunan KPKT supaya mengikut jadual yang telah ditetapkan;
iii. memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan KPKT; dan
iv. menilai program/projek pembangunan yang siap bagi mendapatkan '*outcome*' dan impak projek.

### PERKHIDMATAN TERAS

i. Mewujudkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
ii. Merumuskan rancangan bagi pengurusan sisa pepejal (lokasi, jenis, saiz kemudahan dan pengolahan baru), kawasan lingkungan, skim dan jangka masa pelaksanaan rancangan;
iii. Menetapkan standard, spesifikasi, dan tata amalan;
iv. Memberi lesen dan kelulusan; dan
v. Melaksanakan fungsi pengawalseliaan.



### PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

### PRESTASI FIZIKAL

Sehingga akhir tahun 2014, status projek-projek pembangunan di bawah BPPP adalah seperti yang berikut:

i. satu (1) (0.48 peratus) projek masih dalam perancangan dan akan diteruskan pada tahun 2015;
ii. 133 (63.33 peratus) projek masih dalam pelaksanaan;
iii. 76 (36.19 peratus) projek telah siap sepenuhnya.

Prestasi fizikal pelaksanaan projek pembangunan adalah seperti dalam Jadual 65.

**Jadual 65 Prestasi Fizikal Pelaksanaan Projek Pembangunan Tahun 2014**

| Jabatan/Bahagian | Jumlah Projek | Status Projek | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Dalam Perancangan | % | Dalam Pelaksanaan | % | Siap | % |
| Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) | 30 | 0 | 0 | 17 | 56.67 | 13 | 43.33 |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) | 36 | 1 | 2.78 | 29 | 80.56 | 6 | 16.67 |
| Jabatan Perumahan Negara (JPN) | 50 | 0 | 0 | 32 | 64.00 | 18 | 36.00 |
| Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) | 17 | 0 | 0 | 5 | 29.41 | 12 | 70.59 |
| Jabatan Landskap Negara (JLN) | 23 | 0 | 0 | 18 | 78.26 | 5 | 21.74 |
| Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) | 46 | 0 | 0 | 24 | 52.17 | 22 | 47.83 |
| Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) | 5 | 0 | 0 | 5 | 100.00 | 0 | 100.00 |
| Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) | 3 | 0 | 0 | 3 | 100.00 | 0 | 100.00 |
| **Jumlah** | **210** | **1** | **0.48** | **133** | **63.33** | **76** | **36.19** |



Di samping itu, pecahan mengikut peratusan bagi prestasi fizikal pelaksanaan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) Rancangan Boleh Pinda (*Rolling Plan*) RP 4 adalah seperti dalam Rajah 10.

**Rajah 10 Prestasi Fizikal Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan RMK-10 RP4 KPKT**




## PRESTASI KEWANGAN 2014

Bagi tempoh RMK-10 RP4, siling pembangunan secara keseluruhan ialah sebanyak RM4,437,015,194. Pada tahun 2014, KPKT telah memperoleh peruntukan sebanyak RM2,162,884,420. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM2,150,171,934.99 (99.41 peratus) telah dibelanjakan. Jadual 66 menunjukkan prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2014.

**Jadual 66 Prestasi Kewangan Peruntukan Pembangunan KPKT Tahun 2014**

| Jabatan / Bahagian | Peruntukan Pindaan (RM) | Perbelanjaan (RM) | % |
|---|---|---|---|
| JKT | 377,500,700.00 | 374,679,987.66 | 99.25 |
| JPSPN | 1,086,742,700.00 | 1,085,490,361.58 | 99.88 |
| JPN | 321,442,160.00 | 320,709,948.16 | 99.77 |
| JPBD | 7,072,030.00 | 7,066,940.55 | 99.93 |
| JLN | 27,104,896.00 | 26,141,079.65 | 96.44 |
| JBPM | 245,054,290.00 | 239,993,659.41 | 97.93 |
| BKB | 46,571,534.00 | 46,329,185.40 | 99.48 |
| BPP | 51,396,110.00 | 49,760,772.58 | 96.82 |
| **Jumlah** | **2,162,884,420.00** | **2,150,171,934.99** | **99.41** |

## PENAMBAHBAIKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KPKT

Dalam usaha bagi memastikan pelaksanaan program dan projek RMK-10 berjalan dengan lancar, BPPP telah melaksanakan beberapa penambahbaikan, antaranya ialah:

a. Melaksanakan tindakan pengesanan dan penyelesaian masalah melalui pemantauan secara berterusan terutamanya bagi projek-projek yang berkemungkinan mengalami masalah lewat jadual. Ini bagi memastikan projek-projek yang mempunyai masalah dapat dikesan lebih awal untuk mengelakkan projek tersebut tergolong dalam kategori sakit.

b. Berlandaskan teras Misi Nasional, pelaksanaan projek-projek dalam RMK-10 akan lebih menekankan kepada '*cost benefit analysis*', pelaksanaan projek mengikut keutamaan dan analisis penilaian *outcome* serta impak yang komprehensif bagi memastikan perbelanjaan pembangunan dibuat secara berhemah.

c. Kawalan peruntukan dan perbelanjaan yang lebih tegas dan menyeluruh bagi memastikan siling dan peruntukan tahunan bagi setiap projek dan program yang dilaksanakan adalah mencukupi bagi mengelakkan berlakunya kekurangan atau lebihan peruntukan yang akan memberi kesan kepada prestasi perbelanjaan Kementerian.

d. Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) diberikan penekanan dalam sistem perancangan dan pemantauan pelaksanaan projek terutamanya dari segi kewangan dan fizikal projek serta masalah yang dihadapi bagi memastikan maklumat adalah terkini, tepat dan mudah dirujuk oleh pihak pengurusan dan agensi yang berkaitan.

e. Menggiatkan peranan, meningkatkan kerjasama serta menyatupadukan tindakan dan penyelarasan antara jabatan dan bahagian dengan menggembleng tenaga serta kepakaran dalam mengemaskini, menyumbang dan berkongsi maklumat terkini mengenai pelaksanaan sesuatu program/projek untuk memastikan pelaksanaan program dan projek pembangunan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.



## LAWATAN TURUN PADANG

Mesyuarat Majlis Tindakan Negara Bil. 2/2009 pada 29 Oktober 2009 telah memutuskan agar YB Menteri mengadakan program turun padang bagi melawat sekurang-kurangnya satu (1) projek setiap bulan, manakala Ketua Setiausaha pula perlu mengadakan program turun padang sekurang-kurangnya ke tiga (3) projek setiap bulan dengan tumpuan diberikan kepada projek-projek yang bermasalah dan keputusan ini telah mula dilaksanakan oleh KPKT sejak bulan November 2009 sehingga kini.

Sehubungan dengan itu, BPPP telah diberi tanggungjawab sebagai penyelaras Laporan Lawatan Turun Padang YB Menteri dan Ketua Setiausaha kepada YAB Perdana Menteri dan Buletin Prestasi Pelaksanaan Projek RMK-10 setiap bulan. Rajah 11 menunjukkan prestasi lawatan turun padang sepanjang tahun 2014.

**Rajah 11 Ringkasan Laporan Lawatan Turun Padang KPKT Tahun 2014**




| | YB Menteri | Ketua Setiausaha |
|---|---|---|
| Sasaran | 12 | 36 |
| Sebenar | 19 | 45 |










# BAHAGIAN DASAR DAN INSPEKTORAT

## LATAR BELAKANG

Bahagian Dasar dan Inspektorat (BDI) terbentuk hasil daripada penggabungan Bahagian Dasar dan Bahagian Inspektorat melalui Waran Perjawatan Bil. S130 Tahun 2014 bagi Penstrukturan Semula KPKT Tahun 2014 berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2014. Bahagian ini diketuai oleh seorang Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh tiga (3) orang Timbalan Setiausaha Bahagian.

### OBJEKTIF

i. Memastikan dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan di peringkat jabatan, agensi dan bahagian selaras dengan visi, misi dan matlamat Kementerian
ii. Memenuhi tuntutan dan hala tuju Nasional melalui inisiatif kerajaan seperti konsep Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP)
iii. Memastikan penyampaian perkhidmatan kementerian dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mematuhi dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan melalui aktiviti lawatan inspektorat ke jabatan/bahagian/ agensi Kementerian dan PBT
iv. Memastikan penerbitan perangkaan dan analisis data-data yang berkaitan program dan aktiviti kementerian adalah sahih, tepat dan terkini

### FUNGSI UTAMA

i. Memberi khidmat nasihat kepada jabatan, agensi dan bahagian dalam proses penggubalan dasar
ii. Menyedia dan memantau prestasi pelaksanaan pelan strategik Kementerian
iii. Menyelaras proses penyediaan dan memantau prestasi pelaksanaan sasaran kerja tahunan Kementerian
iv. Melaksanakan proses penilaian dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian
v. Melaksanakan proses penilaian dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan PBT
vi. Melaksanakan proses bimbingan dan pemantauan ke atas cadangan penambahbaikan yang disyorkan dalam laporan penilaian inspektorat

## PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

### PENYELARASAN KE ATAS DASAR DAN PERATURAN KEMENTERIAN

a. **Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan, KPKT**
Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT merupakan sebuah jawatankuasa tertinggi yang membuat keputusan dasar utama Kementerian secara holistik dan selaras dengan hala tuju Kementerian dan dasar-dasar Negara.

Jawatankuasa yang diurusetiakan oleh BDI ini telah melaksanakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali bagi tahun 2014 dan sebanyak 23 kertas pertimbangan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

b. **Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan**
Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (GRP) yang diselaraskan oleh BDI adalah melalui pembudayaan proses Analisis Impak Peraturan (RIA) dalam penggubalan dasar dan peraturan Kementerian. Pelaksanaannya adalah selaras dengan Pekeliling Am Bil. 1/2013 iaitu Dasar Negara Bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan

Perdana Menteri Malaysia pada 15 Julai 2013. Ini merupakan suatu proses untuk menghasilkan peraturan yang berkesan dan berkualiti.

Bagi meningkatkan kompetensi pegawai yang menggubal dasar di Kementerian, Bengkel RIA telah diadakan pada 19 hingga 20 Jun 2014. Seramai 25 orang Penyelaras Peraturan (RC) telah dilantik sebagai *focal person* jabatan/bahagian dalam pelaksanaan proses ini. Sebagai permulaan, pada tahun 2015 pembudayaan pelaksanaan dipantau dalam *Pre Council* JPP KPKT.

**c. Hala Tuju Aktiviti Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai di Malaysia**

BDI, Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) dan Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah mengadakan lab untuk mendapatkan maklum balas mengenai aktiviti Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) yang dikawal selia oleh Kementerian ini.

Objektif lab adalah untuk mengkaji impak dasar dan peraturan semasa yang ditetapkan oleh agensi pusat dan seterusnya menyediakan cadangan hala tuju kedua-dua aktiviti ini. Lab telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober 2014 dan dihadiri seramai 43 orang dari pelbagai agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan. Hasil lab ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Kementerian dan diteliti semula oleh BPWG.

## PEMANTAUAN KE ATAS PRESTASI PROGRAM / AKTIVITI KEMENTERIAN / NASIONAL

**a. Sasaran Kerja Tahunan (SKT)**

Sasaran Kerja Tahunan (SKT) KPKT dipantau dan dinilai



melalui Mesyuarat SKT yang diadakan pada pertengahan dan penghujung tahun semasa. Pada tahun 2014, BDI telah mengurusetiakan Mesyuarat SKT KPKT bagi Pencapaian sehingga 30 Jun 2014 pada 11 Ogos 2014 dan Mesyuarat SKT 2014 dan Perancangan SKT bagi Tahun 2015 telah diadakan pada 30 November hingga 1 Disember 2014.

Tujuan mesyuarat adalah untuk menilai pencapaian SKT peringkat KPKT bagi tahun 2014 dan merancang SKT peringkat KPKT bagi tahun 2015. Jadual 67 menunjukkan skor pencapaian keseluruhan tahun 2014 dan perancangan tahun 2015.

**Jadual 67 Skor Pencapaian Keseluruhan bagi Tahun 2014 dan Jumlah Perancangan Tahun 2015**

| | Skor Pencapaian Program/ Aktiviti/ Inisiatif Sehingga 31 Disember 2014 | | | | Jumlah Program/ Aktiviti/ Inisiatif 2014 | Jumlah Program/ Aktiviti/ Inisiatif 2015 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Skor Pencapaian | ≥ 90% (hijau tua) | 75-89% (hijau) | 51-74% (kuning) | ≤ 50% (merah) | | |
| | a | b | c | d | e=a+b+c+d | f |
| Bil Pencapaian Bagi Program/ Aktiviti/ Inisiatif Tahun 2014 | 517 (83.52%) | 33 (5.33%) | 25 (4.04%) | 44 (7.11%) | 619 | 651 |



**b. Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan**

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) dijalankan bertujuan untuk menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT di seluruh negara melalui satu sistem penggredan yang seragam. SPB-PBT ini juga dijalankan untuk meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut *ranking* untuk meningkatkan kapasiti daya saing setiap PBT.

Penilaian SPB-PBT tertumpu kepada empat (4) kriteria teras dengan penetapan wajaran iaitu:

i. Pengurusan;
ii. Perkhidmatan Teras;
iii. Pengurusan Pelanggan;
iv. Penyertaan Komuniti; dan
v. Pandangan Penduduk.

Berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 1 Tahun 2008, penggredan SPB-PBT pada asasnya akan diadakan sekali setiap dua (2) tahun. Jadual 68 menunjukkan aktiviti SPB-PBT yang telah dilaksanakan oleh BDI pada tahun 2014:




**Jadual 68 Aktiviti SPB-PBT pada Tahun 2014**

| Bil. | Perkara | Tarikh | Keberhasilan |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Penggredan SPB-PBT Kali Kedua bagi 26 PBT Sarawak | 7 Apr -13 Jun 2014 | • Membuat lawatan inspektorat<br>• Memberi panduan terbaik bagi memperbaiki kelemahan PBT |
| 2. | Pembentangan keputusan SPB-PBT Sarawak ke Jawatankuasa Pemandu SPB-PBT Bil. 1/2014 | 12 Ogos 2014 | • Membentangkan keputusan penggredan 26 PBT Sarawak di samping membuat analisis terhadap keputusan tersebut<br>• Membincangkan penemuan utama dan cadangan terhadap penambahbaikan |
| 3. | Bengkel Sesi *Hand Holding* SPB-PBT di I-KPKT yang telah dihadiri oleh seramai 124 wakil PBT seluruh negara | 29 - 30 Sep 2014 | • Memberi panduan terbaik bagi memperbaiki kelemahan PBT<br>• Memberi pendedahan berhubung kaedah mendapatkan mendapatkan markah yang maksimum bagi setiap kriteria yang dinilai semasa lawatan inspektorat<br>• Sebagai persiapan menghadapi lawatan inspektorat SPB-PBT pada masa akan datang |
| 4. | Bengkel Semakan Indikator SPB-PBT Semenanjung di Lumut, Perak yang dihadiri oleh wakil dari setiap jabatan/ agensi KPKT, wakil dari agensi pusat dan beberapa jabatan/ agensi lain yang berkaitan | 24 - 27 Nov 2014 | • Membincangkan dan memurnikan Indikator SPB-PBT Semenanjung Malaysia supaya sejajar dengan keperluan rakyat, pelanggan dan pemegang taruh PBT yang sentiasa berubah dari masa ke masa<br>• Meningkatkan kefahaman pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan SPB-PBT Semenanjung Malaysia 2015 serta mengkaji implikasi penggabungan lawatan SPB-PBT dengan lawatan-lawatan Inspektorat yang lain seperti *One Stop Center* (OSC), Pesuruhjaya Bangunan (COB), dan Inisiatif Kejiranan Hijau |

c. **Lawatan Inspektorat Siasatan ke atas Aduan Sistem Syif Kerja 24 Jam**
Ekoran daripada satu memorandum kepada Ketua Setiausaha Negara yang telah dihantar oleh pihak Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia (KPBPSM) berkaitan permohonan untuk menghapuskan sistem syif kerja 24 jam yang dilaksanakan oleh 60 balai yang terletak di kawasan yang dikategorikan sebagai kurang risiko, pihak BDI telah mengadakan lawatan inspektorat ke empat (4) balai yang terlibat iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia (BBP) di Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat dan Bachok Kelantan pada 14 Mei 2014.

Tujuan lawatan inspektorat ini adalah untuk mendapatkan maklum balas terus daripada anggota-anggota di semua balai tersebut. Laporan telah dikemukan kepada Pengurusan Atasan KPKT pada 30 April 2014.

d. **Lawatan Inspektorat ke atas 5 Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Peringkat PBT Tahun 2014**
Lawatan Inspektorat ke atas penerimaan dan pelaksanaan lima (5) inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau di 51 PBT telah dibuat pada 2 September hingga 6 November 2014.

Keputusan lawatan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan KPKT dan mesyuarat memutuskan supaya BDI mengadakan mesyuarat dengan jabatan-jabatan yang terlibat bagi membincangkan dan menyemak semula perincian dapatan kajian ini dalam sesi perbincangan yang berasingan dalam usaha memantapkan lagi lima (5) inisiatif ini.

Sehubungan dengan itu, BDI telah merancang untuk mengadakan mesyuarat dalaman bersama jabatan dan bahagian yang berkaitan pada tahun 2015 bagi membincangkan tindakan susulan yang perlu diambil berdasarkan hasil penemuan lawatan tersebut.





e. **Penganjuran Lab Pemerkasaan Ekonomi Bumiputra**
BDI telah mengadakan Lab Pemerkasaan Ekonomi Bumiputra (PEB), KPKT untuk menyelaras penyediaan satu laporan lengkap berhubung status pelaksanaan PEB di KPKT termasuk draf kerangka Pelan Strategik PEB KPKT dari 2014-2016. Lab ini diadakan pada 5 hingga 7 Mac 2015.

Selain itu, hasil daripada lab ini, sebanyak empat (4) petunjuk prestasi utama (KPI) PEB 2014 telah dipersetujui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputra (TERAJU) dan BDI bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan pencapaian pelaksanaan inisiatif PEB pada setiap suku tahun berdasarkan kamus KPI yang dipersetujui ini. Kad Laporan PEB KPKT 2014 turut dikemukakan kepada pihak TERAJU melalui EPU bertujuan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputra (MEB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada hujung tahun 2014.



f. **Sistem Pemantauan Inisiatif Rancangan Malaysia ke-10**
Sistem Pemantauan Inisiatif (SPI) Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10) merupakan satu sistem untuk memasukkan dan mengemaskini pencapaian semasa (*current achievement*) Pelan Tindakan/ KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian berdasarkan RMK-10.

Pada tahun 2014, BDI telah membuat pengemaskinian sebanyak dua (2) kali. Pencapaian keseluruhan KPKT bagi inisiatif ini untuk tahun 2014 adalah sebanyak 82 peratus. Pengemaskinian pencapaian semasa akan diadakan dua (2) kali setahun dan pencapaian akan dilihat berdasarkan peratus pelaksanaan oleh KPKT.

g. **Jawatankuasa Perumahan Negara**
Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) merupakan sebuah jawatankuasa yang berperanan untuk meneliti, membincang dan mengesyorkan sebarang perkara berkaitan sektor perumahan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN).

Pada tahun 2014, BDI telah mengurusetiakan dua (2) kali mesyuarat JPEN pada 27 Mei 2014 dan 12 November 2014. Sebanyak 10 kertas pembentangan telah dibentangkan. Selain itu, melalui jawatankuasa ini, BDI bertanggungjawab untuk menyediakan status pembinaan sejuta rumah mampu milik (RMM) pada setiap suku tahun.

h. **Jawatankuasa Kecil Perumahan dan Persekitaran**
Jawatankuasa Kecil Perumahan dan Persekitaran (JKPP) ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Teknikal Warga Emas Negara (JTWEN), Dasar Warga Emas Negara (DWEN) yang bertujuan untuk menyediakan perumahan dan persekitaran yang selamat serta selesa kepada warganegara terutamanya kepada warga emas.

Mesyuarat JKPP telah diadakan pada 27 Jun dan 24 November 2014. Sehingga tahun 2014, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas dan sedang dalam tindakan pembentangan kelulusan Jemaah Menteri tahun 2015.

Usaha ini selaras dengan pelaksanaan dan pencapaian Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

i. **Program Transformasi Perkhidmatan Awam, KPKT**
BDI berperanan dalam menyediakan dan memantau Program Transformasi Perkhidmatan Awam (PTPA), KPKT. Kementerian ini telah memulakan inisiatif transformasi seawal tahun 2007.

Kini, KPKT berada di hujung fasa kedua iaitu Fasa Pelaksanaan dan Pengukuhan (2013 hingga 2015) dan menuju ke fasa ketiga iaitu Fasa Pemerkasaan (2016 hingga 2020). Lab PTPA KPKT bersama Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan pada 3 hingga 6 Jun 2014 di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur yang mana sebanyak 22 projek/ aktiviti telah disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah program ini.

Walau bagaimanapun, BDI merancang untuk memurnikan program ini dengan melihat kembali projek yang telah

dicadangkan dengan mendapatkan pandangan dan nasihat daripada BTSA, JPA. Program ini merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha Kementerian sepertimana yang telah dinyatakan dalam Manual Penyediaan Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan oleh JPA.

j. **Program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam**
Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) pada 10 Julai 2013 telah membuat satu pembentangan mengenai cadangan untuk melaksanakan *Public Service Delivery Transformation Programme* (PSDT) dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Negara dengan semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan. Program-program yang dicadangkan oleh kementerian/ agensi akan dijadikan hak pemilikan (*ownership*) kementerian/ agensi yang terlibat.

BDI telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan Program PSDT di peringkat Kementerian bersama Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). KPKT telah melaksanakan projek PSDT yang pertama iaitu Penambahbaikan Tandas Awam di Pantai Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Projek ini telah dilancarkan semasa Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia pada 22 November 2014. *Project Closure Report* telah disediakan oleh UniKL dan PEMANDU.

**PENYEDIAAN PENERBITAN PERANGKAAN DAN ANALISIS DATA**

a. **Perangkaan Terpilih KPKT**
Perangkaan Terpilih KPKT merupakan penerbitan suku tahunan yang melibatkan perangkaan/data terpilih daripada jabatan dan bahagian di bawah KPKT. Tiga (3) siri Perangkaan Terpilih KPKT iaitu perangkaan sehingga 31 Mac 2014, 30 Jun 2014 dan 31 September 2014 telah diterbitkan. Selain edaran penerbitan versi cetakan, penerbitan juga boleh dimuat turun daripada laman web KPKT.

b. ***My*KPKT**
*My*KPKT merupakan penerbitan bersaiz poket yang pertama kali diterbitkan pada tahun 2014. Penerbitan ini mengandungi data/ statistik utama berkaitan program-program KPKT dan maklumat-maklumat am lain kepada pihak pengurusan KPKT sebagai rujukan pantas dan mudah dibawa (*handy and portable*) dalam tugasan rasmi.

Penerbitan ini melibatkan maklumat dalaman KPKT dan juga input sekunder daripada agensi luar yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).






# BAHAGIAN KEURUSETIAAN STRATEGIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

## LATAR BELAKANG

Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa (BKS) yang dahulunya dikenali dengan nama Bahagian Korporat diterajui oleh Setiausaha Bahagian iaitu Tuan N. Jayaselan. Bahagian ini mempunyai lima (5) unit, iaitu:

i. Unit Keurusetiaan Strategik;
ii. Unit Inovasi;
iii. Unit Antarabangsa;
iv. Unit Parlimen; dan
v. Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan.

**VISI**
Menjadi penggerak kecemerlangan tadbir urus korporat KPKT yang efisien, efektif dan dinamik

**MISI**
Merancang, menyelaras dan mengurus hal ehwal korporat KPKT melalui pelaksanaan program pengurusan peringkat kementerian, kebangsaan dan antarabangsa dengan cekap dan berkesan

## OBJEKTIF

i. Memastikan semua urusan mesyuarat utama kementerian dan maklum balas dilaksanakan dengan cekap dan berkesan
ii. Memastikan penglibatan aktif Kementerian dalam program dan aktiviti hal ehwal antarabangsa
iii. Mewujudkan dan memantapkan pembudayaan inovasi di Kementerian dengan jayanya
iv. Memastikan semua urusan soalan, jawapan dan soalan tambahan Parlimen berkaitan Kementerian ini diuruskan dengan cekap

## FUNGSI

i. Menyelaras dan menyediakan Memorandum dan Nota Jemaah Menteri mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
ii. Menyelaras dan menyediakan maklum balas Jemaah Menteri bagi kategori segera / mingguan / bulanan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
iii. Menyediakan ulasan Memorandum Jemaah Menteri dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh arahan diterima tertakluk kepada penerimaan input yang lengkap daripada agensi berkenaan
iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan keputusan Jemaah Menteri yang melibatkan KPKT
v. Menyelaras maklum balas mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan yang dihadiri oleh Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT
vi. Mengurusetiakan mesyuarat-mesyuarat utama KPKT
vii. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti, program dan maklum balas hal ehwal antarabangsa yang melibatkan KPKT
viii. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti serta program inovasi KPKT
ix. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan Sistem *Star Rating* (SSR) MAMPU
x. Mengurusetiakan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)
xi. Melaksanakan urusan pentadbiran dan kewangan bahagian
xii. Menjadi urus setia *National Focal Point* bagi *United Nations Human Settlement Programme* (UN-HABITAT) di Malaysia
xiii. Menyelaras penyertaan KPKT dalam organisasi antarabangsa [*UN-HABITAT, Commonwealth Local Government Forum* (CLGF), *The Eastern Regional Organisation for Planning and Housing* (EAROPH)]
xiv. Menyelaras lawatan kerja Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT ke luar negara

## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

### PENSIJILAN MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 BAGI TAHUN 2014

Bagi tahun 2014, Kementerian ini masih mengekalkan pematuhan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti apabila ianya diteruskan lagi dengan pelaksanaan Audit Pemantauan atau *Surveillance Audit* oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 10 hingga 11 November 2014 bagi Pensijilan MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005.

### PENGANUGERAHAN SIJIL 5-S HIJAU KEPADA KPKT

Pada 27 Mei 2014, Kementerian ini telah mengorak langkah untuk melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti 5-S Hijau bila mana YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha memberikan komitmen dengan menandatangani pengisytiharan 5-S Hijau.

Usaha mendapatkan pensijilan tersebut bermula sejak Februari 2014 dengan penubuhan Jawatankuasa Pelaksana 5-S Hijau di KPKT di bawah bimbingan YBhg. Datuk Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan BKS sebagai urus setia utama. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil daripada setiap bahagian dan bengkel



persediaan awal turut diadakan kepada semua ahli jawatankuasa. Aktiviti pembersihan ruang pejabat dan gotong-royong turut diadakan di setiap bahagian yang terlibat.

Penilaian oleh pihak SIRIM telah diadakan pada bulan Mei 2014 dan hasilnya Kementerian ini telah dianugerahkan Pensijilan 5-S Hijau pada 22 Ogos 2014.

Penganugerahan ini menjadikan KPKT sebagai kementerian pertama di Malaysia yang menerima Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5-S Hijau daripada pihak SIRIM Berhad.

## PENCAPAIAN

### PENGURUSETIAAN MESYUARAT TERTINGGI KPKT

BKS telah dipertanggungjawabkan untuk mengurusetiakan dua (2) mesyuarat tertinggi KPKT iaitu Mesyuarat Pascakabinet yang dipengerusikan oleh YB Menteri dan Mesyuarat Pengurusan KPKT yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha. Bilangan Mesyuarat Pascakabinet dan Mesyuarat Pengurusan KPKT yang telah diadakan pada tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 69.



**Jadual 69 Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan KPKT**

| Tajuk | Bilangan Mesyuarat Diadakan |
|---|---|
| Mesyuarat Pascakabinet | 23 |
| Mesyuarat Pengurusan | 11 |



### PENYELARASAN KERTAS JEMAAH MENTERI DAN MAKLUM BALAS BAGI MESYUARAT-MESYUARAT UTAMA KERAJAAN

BKS juga dipertanggungjawabkan menyelaras kertas Jemaah Menteri dan maklum balas bagi Mesyuarat Jemaah Menteri dan mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan yang lain yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara daripada jabatan dan bahagian di bawah KPKT seperti dalam Jadual 70.

**Jadual 70 Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri dan Maklum Balas bagi Mesyuarat-Mesyuarat Utama Kerajaan**

| Perkara | Bilangan Kertas/ Maklum Balas |
|---|---|
| Memorandum Jemaah Menteri | 33 |
| Nota Jemaah Menteri | 11 |
| Ulasan terhadap Memorandum Jemaah Menteri daripada Kementerian/Agensi Pusat | 40 |
| Maklum Balas Mesyuarat Jemaah Menteri | 159 |
| Maklum Balas Mesyuarat-mesyuarat Utama Kerajaan | 296 |



### PENYELARASAN LAWATAN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PIHAK PENGURUSAN KE LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2014, BKS ini telah mengaturkan tiga (3) lawatan anggota Pentadbiran dan Pengurusan KPKT ke negara-negara seperti yang berikut:

i. Columbia dan Amerika Syarikat;
ii. United Kingdom dan Korea Selatan; serta
iii. United Kingdom.

### PENYELARASAN LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA KE KPKT

Bahagian ini juga telah menyelaras sebanyak 11 kunjungan hormat dan lawatan delegasi kerajaan serta badan antarabangsa ke KPKT. Lawatan yang telah diselaraskan ini melibatkan delegasi dari negara-negara seperti Swaziland, Belgium, Vietnam, Qatar, Jepun, Arab Saudi dan United Nation Development Programme (UNDP).

Tujuan lawatan delegasi ini ke KPKT adalah untuk berkongsi pengalaman dengan Malaysia berhubung perkara-perkara seperti pengurusan kerajaan tempatan, perancangan perbandaran, perumahan, kerajaan tempatan dan pengurusan sisa pepejal.

## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2014

Hari Habitat Sedunia disambut pada Isnin pertama setiap bulan Oktober di seluruh dunia secara tahunan. Pada tahun 2014 tema sambutan ialah "*Voices From Slums*" dan matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai keadaan di beberapa tempat di dunia ini yang berkepadatan tinggi, dengan perumahan yang tidak mencukupi, tiada kemudahan bekalan air bersih dan kemudahan sanitasi.

Pihak KPKT telah menganjurkan Sambutan Hari Habitat Sedunia di Berjaya Times Square pada 11 November 2014 dan disambut bersama-sama dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia.

Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan




Tempatan dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan delegasi asing yang mewakili kedutaan masing-masing. BKS telah menganjurkan dan menyelaras pelbagai program/aktiviti bagi menyemarakkan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2014, antaranya ialah:

a. ***Habitat Awareness Mobile Team* (Habitat AMT)**
*Habitat Awareness Mobile Team* ini adalah salah satu program untuk memberi penerangan kepada warga Malaysia berhubung dengan kepentingan Hari Habitat. Program ini bertindak untuk mempromosikan Hari Habitat Sedunia kepada masyarakat melalui gerai pameran di majlis-majlis rasmi. Antara majlis yang disertai ialah:

   i. Program Habitat *Moment* pada 12 Oktober 2014 di Kota Tinggi Johor;
   ii. *International Greentech & Eco Products Exhibition* Malaysia (IGEM2014) pada 16-19 Oktober 2014 di Kuala Lumpur *Convention Centre*; dan




   iii. Sambutan Hari Perancangan Bandar dan Hari Habitat Sedunia 2014 pada 11 November 2014 di Berjaya Times Square Kuala Lumpur.

b. **Program *Habitat Moment***
Program *Habitat Moment* merupakan program yang mana pelajar sekolah melafazkan ikrar janji untuk lebih bertanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar dan usaha-usaha ke arah melestarikannya. Pada tahun 2014, Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor telah dipilih sebagai hos Program *Habitat Moment* 2014. Program ini telah berlangsung pada 12 Oktober 2014 di Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya, Kota Tinggi yang disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan disertai oleh kira-kira 800 orang pelajar.

Semasa program ini berlangsung, bengkel pengkomposan melalui teknik takakura turut diadakan oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

Program ini dijalankan dengan kerjasama daripada Majlis Daerah Kota Tinggi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pejabat Pelajaran, PPSPPA, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Kesihatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Solid Waste Management Sdn. Bhd.







c. **Pertandingan Analisis Senario Habitat**
Penganjuran Pertandingan Analisis Senario Habitat merupakan platform bagi para pelajar di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi untuk menyumbangkan idea dan pandangan mereka melalui proses analisis serta pemikiran secara kritikal.

Pertandingan peringkat akhir Analisis Senario Habitat ini telah diadakan pada 4 Disember 2014 bertempat di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Peserta pertandingan dikategorikan pada tiga (3) kategori, iaitu:
i. Institut Pengajian Tinggi;
ii. Menengah Atas; dan
iii. Menengah Rendah.

Sebanyak sembilan (9) buah sekolah telah terpilih untuk membuat pembentangan pada peringkat akhir ini. Acara penyampaian hadiah turut diadakan pada hari yang sama dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KPKT.





**SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT 2014**

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2014 diadakan bersekali dengan Majlis Perasmian Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK) dan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2014. Pelaksanaan tiga (3) majlis perasmian secara serentak ini mengambil pendekatan kolaborasi strategik antara jabatan dan bahagian.

Majlis ini telah berlangsung pada 11 Disember 2014 di Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK), Nilai, Negeri Sembilan dan disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dihadiri oleh seramai 400 orang tetamu jemputan.

Sambutan Hari Inovasi di peringkat Kementerian diadakan bagi menerapkan amalan berinovasi dan bertindak sebagai platform untuk warga Kementerian menyumbang idea dan cadangan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Antara aktiviti dan pertandingan inovasi telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2014 ialah:

i. Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT);
ii. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK);
iii. Pertandingan Poster Hari Inovasi;
iv. Pertandingan Multimedia Terbaik; dan
v. Pertandingan Pejabat Terbaik 2014.












# PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (PENGURUSAN)



## BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

**LATAR BELAKANG**

Bahagian Kewangan dan Perolehan (BK&P) telah diberi tanggungjawab khasnya dalam menyediakan perkhidmatan sokongan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan bagi memastikan semua agenda dan program/aktiviti Kementerian KPKT dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

**OBJEKTIF**

i. Merancang semua aktiviti pengurusan kewangan dan perolehan KPKT dengan teratur dan efisien
ii. Melaksanakan pengurusan kewangan dan perolehan dengan cekap dan berkesan berdasarkan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa
iii. Membuat kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan serta kutipan hasil
iv. Menguatkuasakan semua peraturan kewangan berdasarkan Akta Acara Kewangan 1957, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, 1Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Pegawai Pengawal, Pekeliling Kewangan serta arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa

**FUNGSI**

i. Menyedia, mengawal dan menyelaras Peruntukan Mengurus (B.43) terutama dalam aspek agihan dan pemantauan perbelanjaan
ii. Menguruskan pembayaran bil dan tuntutan bagi Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan serta pelarasan gaji dan elaun kakitangan bagi Pusat Kos di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) KPKT
iii. Menguruskan pindah peruntukan bagi Peruntukan Mengurus (B.43) dan Peruntukan Pembangunan (P.43)
iv. Menguruskan perolehan bekalan / kerja / perkhidmatan dan perunding secara sebut harga / tender bagi Kementerian
v. Memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan perolehan
vi. Menguruskan perakaunan dan penyediaan penyata / laporan berkaitan kewangan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan



**PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN**

**ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2013**

KPKT telah menerima penarafan 4 Bintang (Cemerlang) bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2013. KPKT juga telah berjaya menempatkan diri di tangga lima (5) teratas daripada 24 kementerian yang dinilai di bawah Indeks Akauntabiliti 2013.

**PENCAPAIAN**

**PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS**

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus bagi KPKT sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 66.80 peratus iaitu RM1,566,695,349.29 berbanding peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2,345,180,000. Perincian perbelanjaan adalah seperti pada muka surat 023.

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus KPKT sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak

**66.80%**

iaitu

**RM1,566,695,349.29**

**Pengurusan Peruntukan Pembangunan**

Peruntukan Pembangunan bagi tahun 2014 diagihkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan butiran projek jabatan masing-masing pada 5 Januari 2014.

Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Landskap Negara (JLN), Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) dan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) diletakkan di bawah kawalan BK&P kerana jabatan/bahagian tersebut bukan bertaraf PTJ.

Untuk melaksanakan projek-projek pembangunan, jabatan/ bahagian turut melantik beberapa agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), pihak berkuasa tempatan (PBT), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Peruntukan yang diperlukan telah disalurkan kepada agensi pelaksana yang terlibat. BK&P telah menyalurkan Peruntukan Pembangunan berjumlah RM51,194,510.92 bagi tujuan Perbelanjaan Pembangunan.

Selaku PTJ bagi JPSPN, JLN, BKB dan BPP, semua bayaran yang melibatkan Peruntukan Pembangunan jabatan/bahagian tersebut dilakukan oleh BK&P pada tahun 2014. Sebanyak 399 baucar yang berjumlah RM235,460,303.01 telah diproses untuk jabatan/ bahagian berkenaan.

BK&P telah memproses 17 permohonan pindah peruntukan bagi tahun 2014. Nilai keseluruhan pindah peruntukan tersebut adalah berjumlah RM555,935,158.00.

**BK&P**
telah menyalurkan Peruntukan Pembangunan berjumlah

**RM51,194,510.92**

bagi tujuan Perbelanjaan Pembangunan.



# BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

**LATAR BELAKANG**
Bahagian Sumber Manusia (BSM), KPKT telah diluluskan penubuhannya melalui Waran Perjawatan Bil.S.68 Tahun 2001 dengan empat (4) unit iaitu:
i. Unit Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi;
ii. Unit Perkhidmatan;
iii. Unit Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Manusia; dan
iv. Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib.

BSM yang dulunya dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Personel berfungsi untuk merancang, membangun, mengurus serta menyelaras semua aspek pengurusan sumber manusia dari segi perkhidmatan, perjawatan, latihan dan kompetensi bagi pegawai/ kakitangan di Kementerian.

Pada 18 September 2007, penstrukturan semula Kementerian telah dilaksanakan dan Bahagian ini telah diluluskan sebanyak 88 perjawatan. Pada 1 Ogos 2014, BSM sekali lagi telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi dengan 79 perjawatan telah diluluskan melalui Waran Perjawatan Bil.S.130 Tahun 2014.

Hasil daripada penstrukturan semula itu, fungsi BSM telah diperkukuhkan lagi dengan tujuh (7) unit iaitu:
i. Unit Perkhidmatan;
ii. Unit Pembangunan Organisasi;
iii. Unit Prestasi dan Naik Pangkat;
iv. Unit Psikologi;
v. Unit Pengurusan Latihan dan Kompetensi;
vi. Unit Perancangan Strategik Sumber Manusia; dan
vii. Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan.

**OBJEKTIF**
i. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang mencukupi dan digunakan secara optimum
ii. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang berilmu, berdisiplin dan berdedikasi agar program Kementerian dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan

**FUNGSI**
i. Pengurusan Perkhidmatan
ii. Pengurusan Pembangunan Organisasi
iii. Pengurusan Prestasi dan Naik Pangkat
iv. Pengurusan Latihan dan Kompetensi
v. Perancangan Strategik Sumber Manusia
vi. Pengurusan Psikologi

**VISI**
Mewujudkan perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cekap dan efisien untuk menyumbang ke arah pelaksanaan dan pencapaian program-program KPKT

**MISI**
- Merancang keperluan saiz tenaga manusia yang optimum untuk KPKT
- Melaksanakan dasar sumber manusia sektor awam yang melibatkan aspek perjawatan, perkhidmatan dan latihan bagi pegawai dan kakitangan KPKT
- Membantu menggubal dasar sumber manusia bagi pihak berkuasa tempatan (PBT)
- Menguruskan hubungan majikan dan pekerja di KPKT
- Menguruskan keutuhan pengurusan KPKT





**PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN**

**PENCAPAIAN STATUS *SIGNIFICANTLY EXCEED TARGET* HRMIS KPKT TAHUN 2013 ICT KPKT 2014 – 2018**
KPKT telah berjaya mendapat penganugerahan sijil penghargaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana mencapai status *Significantly Exceed Target* (ST) bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) bagi tahun 2013. Penganugerahan ini adalah atas kejayaan KPKT bagi pengisian data perjawatan dan maklumat dalam aplikasi HRMIS.



**PENCAPAIAN**

**PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN**
Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 17,478 (93.55 peratus) daripada 18,684 perjawatan di Kementerian telah diisi dan bilangan kekosongan adalah 1206 (6.45 peratus) daripada jumlah perjawatan. Maklumat terperinci perjawatan,pengisian dan kekosongan Kementerian mengikut jabatan/ bahagian/ unit adalah seperti dalam Jadual 71.

**Jadual 71 Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan KPKT sehingga 31 Disember 2014**

| Nama Jabatan/Bahagian/Badan Berkanun Persekutuan (BPP) | Perjawatan | Pengisian | Kekosongan |
|---|---|---|---|
| **Pengurusan Am** | | | |
| Pejabat Menteri | 11 | 11 | 0 |
| Pejabat Timbalan Menteri | 6 | 6 | 0 |
| Pejabat Ketua Setiausaha | 3 | 3 | 0 |
| Bahagian Undang-undang | 30 | 25 | 5 |
| Unit Audit Dalam | 26 | 22 | 4 |
| Unit Komunikasi Korporat | 18 | 15 | 3 |
| Unit Integriti | 12 | 11 | 1 |
| Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | 2 | 2 | 0 |
| **Jumlah Pengurusan Am** | **108** | **95** | **13** |
| **Sektor Pengurusan** | | | |
| Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) | 2 | 2 | 0 |
| Bahagian Sumber Manusia | 79 | 75 | 4 |
| Bahagian Kewangan dan Perolehan | 50 | 46 | 4 |
| Bahagian Khidmat Pengurusan | 68 | 63 | 5 |
| Bahagian Teknologi Maklumat | 48 | 46 | 2 |
| Bahagian Akaun | 17 | 15 | 2 |
| **Jumlah Sektor Pengurusan** | **264** | **247** | **17** |
| **Sektor Dasar dan Pembangunan** | | | |
| Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) | 2 | 2 | 0 |
| Bahagian Dasar dan Inspektorat | 52 | 44 | 8 |
| Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek | 518 | 466 | 52 |
| Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa | 40 | 35 | 5 |
| **Jumlah Sektor Dasar dan Pembangunan** | **612** | **547** | **65** |
| **Sektor Kesejahteraan Bandar** | | | |
| Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) | 2 | 2 | 0 |
| Bahagian Kesejahteraan Bandar | 230 | 62 | 168 |
| Bahagian Perkhidmatan Perbandaran | 57 | 50 | 7 |
| Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai | 74 | 59 | 15 |
| **Jumlah Sektor Kesejahteraan Bandar** | **363** | **173** | **190** |
| **Jumlah KPKT** | **1347** | **1062** | **285** |



| Nama Jabatan/Bahagian/Badan Berkanun Persekutuan (BPP) | Perjawatan | Pengisian | Kekosongan |
|---|---|---|---|
| **Jabatan** | | | |
| Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) | 107 | 88 | 19 |
| Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia (JPBD) | 725 | 653 | 72 |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) | 70 | 63 | 7 |
| Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) | 465 | 410 | 55 |
| Jabatan Perumahan Negara (JPN) | 342 | 301 | 41 |
| Jabatan Landskap Negara (JLN) | 174 | 158 | 16 |
| Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) | 14089 | 13567 | 522 |
| Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) | 36 | 26 | 10 |
| **Jumlah Jabatan** | **16008** | **15266** | **742** |
| **Jumlah Badan Berkanun Persekutuan (BPP)** | **1329** | **1150** | **179** |
| **Jumlah Keseluruhan KPKT (Tidak termasuk JBPD, JBPM dan PPSPPA)** | **2541** | **2108** | **433** |
| **Jumlah Keseluruhan KPKT dan Agensi di bawahnya (Tidak termasuk Badan Berkanun Persekutuan)** | **17355** | **16328** | **1027** |
| **Jumlah Keseluruhan KPKT dan Agensi di bawahnya** | **18684** | **17478** | **1206** |
| **Peratus Keseluruhan KPKT dan Agensi di bawahnya** | **100.00%** | **93.55%** | **6.45%** |

**PENSTRUKTURAN SEMULA DAN PENYUSUNAN ORGANISASI**

BSM juga telah melaksanakan penstrukturan organisasi KPKT yang merangkumi bahagian dan unit seperti yang berikut:

a. ***Staff – Function***
   i. Bahagian Undang – Undang
   ii. Unit Audit Dalam
   iii. Unit Komunikasi Korporat
   iv. Unit Integriti

b. **Sektor Dasar dan Pembangunan**
   i. Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
   ii. Bahagian Dasar dan Inspektorat
   iii. Bahagian Keurusetian Strategik dan Hubungan Antarabangsa

c. **Sektor Kesejahteraan Bandar**
   i. Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

d. **Sektor Pengurusan**
   i. Bahagian Kewangan dan Perolehan
   ii. Bahagian Khidmat Pengurusan
   iii. Bahagian Sumber Manusia
   iv. Bahagian Akaun

Penstrukturan semula dan penyusunan organisasi ini telah berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2014 melalui Waran Perjawatan Bil. S130 Tahun 2014 dan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S103 Tahun 2014 (PPSPPA).

**PENEMPATAN**

Seramai 424 orang penjawat awam telah diberikan penempatan sepanjang tahun 2014 di KPKT. Daripada jumlah tersebut, seramai 212 orang termasuk empat (4) orang lantikan kontrak penjawat awam terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan bakinya, 212 orang penjawat awam ialah Kumpulan Sokongan.

## PERSARAAN

Seramai 42 orang penjawat awam KPKT telah bersara pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut seramai 14 orang telah memilih bersara pilihan dan 28 orang bersara wajib pada usia 55 / 56 / 58 dan 60 tahun. Pecahan persaraan mengikut jawatan adalah seperti dalam Jadual 72.

**Jadual 72 Persaraan Mengikut Jawatan**

| Jawatan | Bilangan | Kategori Persaraan |
|---|---|---|
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik | 10 orang | Persaraan Wajib |
| Pegawai Perancang Bandar dan Desa | 2 orang | Persaraan Wajib |
| Jurutera | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Penguasa Polis | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Pegawai Penerangan | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Pegawai Penyelidik | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Pegawai Penilaian | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Setiausaha Pejabat | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Penolong Pegawai Tadbir | 4 orang | Persaraan Wajib & Pilihan |
| Sarjan Mejar | 1 orang | Persaraan Pilihan |
| Penolong Jurutera | 10 orang | Persaraan Wajib & Pilihan |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | 7 orang | Persaraan Wajib & Pilihan |
| Pemandu Kenderaan | 1 orang | Persaraan Wajib |
| Pelukis Pelan | 1 orang | Persaraan Wajib |

## PROGRAM/AKTIVITI LATIHAN

Antara teras aktiviti BSM adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pembangunan sumber manusia melalui program latihan/ kursus kepada semua peringkat Penjawat Awam KPKT.

Selaras dengan teras aktiviti tersebut, Dasar Latihan KPKT digubal bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

i. Menyediakan pegawai yang berkelayakan, berkebolehan dan berkompetensi;
ii. Mencapai hasil kerja yang berkualiti;
iii. Meningkatkan kompetensi dan produktiviti;
iv. Membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif;
v. Mewujudkan nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*); dan
vi. Menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya.

Secara umumnya, perancangan latihan KPKT dirangka berdasarkan aspek seperti yang berikut :

i. Bidang tugas utama (*focus area*) yang dilaksanakan oleh pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan mengikut gred jawatan;
ii. Latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas yang dijalankan;
iii. Latihan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran pegawai; dan
iv. Latihan sokongan untuk peningkatan pembangunan diri pegawai.

Perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti latihan berteraskan kepada enam (6) kategori latihan yang meliputi semua skim dan klasifikasi perkhidmatan, iaitu:

i. Kursus wajib;
ii. Kursus umum;
iii. Kursus fungsional;
iv. Kursus jangka pendek luar negara;
v. Kursus kerajaan; dan
vi. Kursus anjuran swasta.












Bagi tahun 2014, pecahan kursus dan pecahan penjawat awam KPKT yang menghadiri kursus adalah seperti dalam Jadual 73, 74 dan 75.

**Jadual 73 Bilangan Kursus Anjuran BSM, Luar Negara dan Swasta bagi Tahun 2014**

| Kursus | Siri | Perserta |
|---|---|---|
| Wajib | 2 | 61 |
| Umum | 119 | 5954 |
| Fungsional (Sumber Manusia) | 26 | 716 |
| Luar Negara | 19 | 27 |
| Swasta | 14 | 49 |
| **Jumlah** | **180** | **6807** |

**Jadual 74 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Anjuran BSM dan Swasta Sepanjang Tahun 2014**

| Penganjur | Kursus | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | Wajib | Umum | Fungsional | |
| BSM | 61 | 5954 | 716 | 6731 |
| Swasta | 0 | 14 | 0 | 14 |
| **Jumlah** | **61** | **5968** | **716** | **6745** |

**Jadual 75 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Mengikut Kumpulan Perjawatan bagi Tahun 2014**

| Perjawatan | Kursus | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajib | Umum | Fungsional | Fungsional | |
| Pengurusan & Profesional | 22 | 637 | 150 | 30 | 829 |
| Sokongan | 39 | 5317 | 566 | 19 | 5941 |
| **Jumlah** | **61** | **5954** | **716** | **49** | **6770** |

**KAUNSELING DAN PSIKOLOGI**

Pelaksanaan program di bawah Unit Pengurusan Psikologi (UPP) adalah berdasarkan empat (4) aplikasi psikologi seperti yang berikut:

i. Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel;
ii. Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel;
iii. Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan; dan
iv. Aplikasi Psikologi dalam Intervensi.





a. **Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel**
Aplikasi ini bertujuan untuk membantu pengurus sumber manusia dalam memahami minat, bakat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian dengan menggunakan ujian psikologi bagi tujuan membuat keputusan dan penilaian semasa, proses pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi diri, pembangunan kompetensi dan prapersaraan. Penyertaan warga KPKT dalam Ujian Psikologi di bawah aplikasi ini adalah seperti dalam Jadual 76.

**Jadual 76 Bilangan Warga KPKT yang Mengambil Ujian Psikologi Mengikut Jenis Inventori bagi Tahun 2014**

| Jenis Ujian | Penyertaan |
|---|---|
| Ujian Personaliti *Plus* | 27 orang |
| Ujian *The Depression Anxiety Stress Scales* (DASS) | 4 orang |
| Ujian Personaliti Warna | 45 Orang |
| Ujian Personaliti AB | 2 Orang |
| Inventori Gaya Bercinta | 1 Orang |
| **Jumlah Keseluruhan** | **79 orang** |

b. **Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel**
Aplikasi ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan input khidmat runding dan pelaksanaan program bagi peningkatan motivasi dan kepuasan pekerja menerusi program pembangunan. pemulihan dan pencegahan di organisasi. Jadual 77 menunjukkan program di bawah aplikasi ini.

**Jadual 77 Program di bawah Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel bagi Tahun 2014**

| Program | Bilangan/Siri |
|---|---|
| **Program Pembangunan** | |
| Kursus Pengurusan Emosi | 2 |
| Program Bicara Eksekutif | 1 |
| **Program Pemulihan** | |
| Kursus Peningkatan Prestasi Dalam Organisasi | 1 |
| **Program Pembangunan** | |
| Program Kendiri Unggul | 4 |
| Program Kesejahteraan Holistik | 4 |
| Hari Psikologi | 1 |
| Kursus Kesihatan dan Kecergasan | 1 |
| **Jumlah** | **14** |

c. **Aplikasi Psikologi Dalam Penyelidikan**
Melalui aplikasi ini, Unit Pengurusan Psikologi membantu pihak pengurusan dalam mendapatkan maklum balas warga kerja bagi tujuan penambahbaikan melalui dapatan soal selidik dan kajian berhubung isu-isu yang berkaitan dengan kepuasan bekerja dan tahap pengamalan nilai-nilai murni. Dua (2) jenis kajian/soal selidik telah dijalankan sepanjang tahun 2014. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 78.

**Jadual 78** Kajian Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan

| Kajian | Bilangan Kajian | Bilangan Responden |
|---|---|---|
| Kajian Kepuasan Pekerja | 1 | 618 orang |
| Sistem Pengurusan Audit Nilai | 1 | 713 orang |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **1,331 orang** |

**d. Aplikasi Psikologi dalam Intervensi**

Aplikasi ini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan celik akal (*insight*) dan seterusnya memudah cara pegawai yang memerlukan bantuan dan bimbingan berkaitan peribadi dan kerjaya.

Antara program / aktiviti yang berada di bawah aplikasi ini adalah Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), perkhidmatan kaunseling dan Program Pementoran. Kesemua program-program itu, telah dirangkumkan dalam satu program yang dikenali sebagai Program Keupayaan Kendiri. Antara program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014 yang mana perinciannya adalah seperti berikut:

i. **Perkhidmatan Kaunseling**

**Jadual 79** Bilangan Kes Kaunseling Mengikut Kategori

| Perkara | Bilangan |
|---|---|
| **Kategori Kaunseling** | |
| Kaunseling Individu | 31 sesi |
| **Jenis Kes** | |
| Kes Dirujuk | 4 kes |
| Kes Sukarela | 13 kes |
| **Klasifikasi Masalah** | |
| Interpersonel/Kerjaya | 4 kes |
| Peribadi | 6 kes |
| Prestasi Rendah | 5 kes |
| Psikologi | 2 kes |

ii. **Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)**

Sehingga Disember 2014, KPKT mempunyai seramai 48 orang ahli AKRAB yang telah ditauliahkan semenjak tahun 2008 hingga 2014. Antara program AKRAB yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi sepanjang tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 80.

**Jadual 80** Program AKRAB

| Bil. | Kursus | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Pemantapan AKRAB Siri 1 | 28 - 30 Apr 2014 | Bilik Tanjung, Aras 11, KPKT |
| 2. | Kursus Pemantapan AKRAB Siri 2 | 17 - 19 Sep 2014 | Bayou Lagoon Park Resort, Melaka |
| 3. | Sesi Kelompok Sokongan Kaunseling | 25 Ogos 2014 | Bilik Akik Hijau, Aras 11, KPKT |
| 4. | Program Ziarah Prihatin (PZP) Siri 1 (Memberi sumbangan kepada pegawai KPKT yang terlibat dengan kemalangan jalan raya di Putrajaya) | 18 Jul 2014 | Serdang, Selangor |
| 5. | Program Ziarah Prihatin (PZP) Siri 2 (Memberi sumbangan kepada waris keluarga salah seorang penjawat awam KPKT yang meninggal dunia akibat diabetis) | 18 Nov 2014 | KPKT |
| 6. | Program Ziarah Kasih (PZK) - Memberi sumbangan kebajikan kepada komuniti warga tua | 14 Okt 2014 | Pusat Jagaan Al-Fikrah (Warga Emas), Kajang, Selangor |
| 7. | Program Mendaki ke Puncak Gunung Kinabalu | 8 - 11 Ogos 2014 | Gunung Kinabalu, Sabah |



iii. **Program Pementoran**

Pada tahun 2014, program pementoran telah dilaksanakan khusus untuk skim Pembantu Operasi yang terlibat dengan tukar lantik dari gred dari N1 ke gred baharu N11. Sebanyak 11 pasangan telah terlibat dalam program ini. Mentor yang terlibat adalah dalam kalangan pegawai gred 27 dan ke atas. Antara Program yang dilaksanakan sepanjang tempoh Program Pementoran berlangsung adalah seperti dalam Jadual 81.

**Jadual 81** Program Pementoran Tahun 2014

| Bil. | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Pra-Pementoran 2014 | 25-27 Jun 2014 | Bilik Tanjung, Aras 11 |
| 2. | Kursus Pemantapan Mentor Menti 2014 | 1-2 Dis 2014 | Bilik Teratai, Aras 11 |
| 3. | Perjumpaan Berkala Bersama Mentor Bil.1 | 13 Okt 2014 | Bilik Mesyuarat Akik Hijau, Aras 11 |
| 4. | Perjumpaan Bersama Menti | 28 Nov 2014 | Bilik Kaunseling, Aras 11 |
| 5. | Perjumpaan Berkala Bersama Mentor Bil.2 | 13 Jan 2015 | Bilik Mesyuarat Akik Hijau, Aras 11 |

# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

**LATAR BELAKANG**

Sejarah penubuhan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bermula dengan penubuhan Unit Teknologi Maklumat dan Komputer pada 1 April 1996 yang asalnya hanya mempunyai dua (2) perjawatan. Melalui penstrukturan semula organisasi di KPKT, Bahagian ini telah berkembang dan sehingga kini BTM telah mempunyai 48 perjawatan dan diterajui oleh Tuan Abdul Latif Ismail, Setiausaha Bahagian.

**VISI**

Sumber ICT yang optimum sebagai pemacu penyampaian perkhidmatan dan perkongsian maklumat yang mudah dicapai dan berkesan bagi meningkatkan kualiti persekitaran hidup yang seimbang

**MISI**

Pelaksanaan dan pembudayaan ICT ke arah kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan KPKT




**OBJEKTIF**

Mempertingkatkan kecekapan jentera dan sistem pengurusan Kementerian melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT, mewujudkan satu sistem pengumpulan maklumat bersepadu Kementerian untuk kemudahan rujukan pihak Kementerian dan faedah kepada orang ramai serta menyediakan pegawai/ kakitangan yang mahir dan celik IT

**FUNGSI**

i. Mengenal pasti potensi kegunaan teknologi maklumat dan menggalakkan penerapan teknologi maklumat terkini yang bersesuaian untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
ii. Membantu pihak pengurusan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan teknologi maklumat bersistematik dengan kos yang berpatutan
iii. Membangun dan melaksanakan sistem-sistem berkomputer untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
iv. Merancang dan mengurus projek-projek pengkomputeran yang diluluskan oleh pengurusan
v. Mewujud dan menggalakkan penggunaan piawaian teknologi maklumat di KPKT
vi. Membantu pihak pengurusan KPKT melaksanakan dasar, peraturan dan piawaian berhubung dengan teknologi maklumat yang ditetapkan oleh Kerajaan
vii. Berusaha untuk meningkatkan lagi kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat di KPKT melalui kursus dan bengkel teknologi maklumat



**PENGANUGERAHAN**

Sepanjang tahun 2014, BTM telah meraih anugerah seperti yang berikut:

i. Memperoleh penganugerahan 5 bintang bersempena dengan pengiktirafan bintang agensi sektor awam bagi tahun 2012- 2013 oleh MAMPU semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014; dan
ii. Dianugerahkan Agensi Induk Terbaik (Peratusan) 2013 dalam Penilaian Laman Web/ Portal Agensi kerajaan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).



**PENCAPAIAN**

**PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK ICT KPKT 2014 – 2018**

Pelan Strategik ICT (PSICT) KPKT merupakan *blueprint* yang menerangkan secara menyeluruh perancangan ICT KPKT bagi tempoh lima (5) tahun. PSICT KPKT 2014 – 2018 telah dibangunkan bagi menggantikan PSICT KPKT 2009 – 2013. Kajian bagi membangunkan PSICT KPKT 2014 – 2018 ini bermula pada Februari 2013 dan selesai apabila kelulusan dokumen (*sign off*) telah dilaksanakan pada Disember 2013. Dengan terhasilnya Pelan Strategik ICT KPKT 2014 – 2018, secara rasminya mulai 2014, dokumen ini menjadi rujukan bagi memperkukuhkan pemahaman warga KPKT terhadap pelaksanaan program dan hala tuju ICT KPKT.

**PENYELARASAN MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT KEMENTERIAN**

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKT berperanan untuk menyelaras permohonan dan memantau urusan pelaksanaan projek ICT KPKT.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT yang diselaraskan oleh BTM telah diadakan empat (4) kali mengikut sasaran pada tahun 2014 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 82.

**Jadual 82 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Tahun 2014**

| Bil. | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JPICT Bil 1/2014 | 4 Mac 2014 |
| 2. | Mesyuarat JPICT Bil 2/2014 | 22 Mei 2014 |
| 3. | Mesyuarat JPICT Bil 3/2014 | 2 Sept 2014 |
| 4. | Mesyuarat JPICT Bil 4/2014 | 11 Nov 2014 |

Bilangan kertas permohonan yang dibentangkan dan diluluskan adalah seperti yang berikut:

i. 30 kertas permohonan dibentangkan;
ii. 22 kertas permohonan diluluskan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM15,671,135.00; dan
iii. Lapan (8) kertas permohonan ditangguhkan.

## PEMBANGUNAN DAN PENINGKATAN SISTEM

Pada tahun 2014, satu (1) sistem baharu telah dibangunkan secara dalaman (*inhouse*) dan satu (1) sistem telah diselenggara oleh BTM. Perincian bagi sistem adalah seperti dalam Jadual 83.

**Jadual 83 Sistem-sistem yang telah dibangunkan dan ditingkatkan**

| Bil. | Nama Sistem | Objektif Utama | Pengguna Sistem |
|---|---|---|---|
| **Sistem Baharu** | | | |
| 1. | Sistem Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (Sistem JPP) | Menguruskan proses lantikan dan penamatan anggota JPP, memantau mesyuarat JPP serta menguruskan proses pembayaran elaun mesyuarat. | Pegawai Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB), Pengerusi dan Setiausaha mesyuarat JPP |
| **Sistem yang Diselengara** | | | |
| 2. | Sistem Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (Sistem eTTPR) | Menguruskan proses tuntutan ganti rugi dan pampasan daripada pemaju perumahan bermula dari Borang 1 (Tuntutan oleh Pembeli) sehingga pengeluaran *award*. | Pegawai / Kakitangan TTPR |

## PELUPUSAN ASET ICT

Sepanjang tahun 2014, pelupusan aset ICT telah dijalankan sekali berdasarkan kelulusan pelupusan aset yang bertarikh 28 Ogos 2014. Pelupusan ke atas 265 unit aset ICT ini melibatkan nilai pelupusan sebanyak RM872,622.26. Perincian bagi pelupusan aset ICT adalah seperti dalam Jadual 84.

**Jadual 84 Perincian Pelupusan Aset ICT**

| Bil. | Aset ICT | Kuantiti (Unit) | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 1. | Komputer *Desktop* | 190 | RM552,012.00 |
| 2. | Pencetak | 62 | RM211,396.32 |
| 3. | Pengimbas | 3 | RM5,142.94 |
| 4. | Projektor | 5 | RM41,615.00 |
| 5. | Komputer Riba / *Laptop* | 4 | RM19,986.00 |
| 6. | Server | 1 | RM42,470.00 |
| | **Jumlah keseluruhan** | **265** | **RM872,622.26** |



## PENGURUSAN ADUAN ICT

Sepanjang tahun 2014, aduan ICT yang diterima dan diselesaikan adalah seperti dalam Jadual 85.

**Jadual 85 Bilangan Aduan ICT yang telah diselesaikan**

| Bil. | Aset ICT | Kuantiti (Unit) |
|---|---|---|
| 1. | Aplikasi | 92 |
| 2. | Teknikal | 606 |
| 3. | Rangkaian | 27 |
| 4. | E-mel | 11 |
| 5. | 1GovUC | 41 |
| | **Jumlah keseluruhan** | **777** |

## PENGUKUHAN KESELAMATAN ICT

Sepanjang 2014, Bahagian ini telah melakukan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT di Ibu Pejabat KPKT dan di I-KPKT. Penilaian ini telah dianugerahkan dan dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik oleh Kementerian. Jumlah penemuan adalah seperti dalam Jadual 86.

**Jadual 86 Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT**

| Bil. | Penilaian | Penarafan (*Ratings*) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Tinggi (*High*) | Sederhana (*Medium*) | Rendah (*Low*) |
| 1. | *ICT Security Policy Review* | 0 | 0 | 0 |
| 2. | *Physical Assessment* | 0 | 0 | 0 |
| 3. | *Network Assessment* | 0 | 0 | 0 |
| 4. | *WiFi Assessment* | 0 | 0 | 0 |
| 5. | *External Penetration Testing* | 11 | 0 | 1 |
| 6. | *Internal Penetration Testing* | 3 | 25 | 17 |
| 7. | *Web Application Assessment* | 7 | 32 | 24 |
| 8. | *Server/Host Assessment* | 3 | 249 | 0 |
| 9. | *Database Assessment* | 1 | 0 | 0 |
| | **Jumlah** | **25** | **306** | **42** |

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

**LATAR BELAKANG**

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), KPKT yang diterajui oleh Tuan Mohammad Khir Mat Lazim, Setiausaha Bahagian adalah bahagian yang bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan aset, dokumentasi dan potokol.

**OBJEKTIF**

i. Memastikan khidmat pengurusan Kementerian dilaksanakan secara holistik dan berkualiti tinggi berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa
ii. Memastikan tahap keselamatan fizikal, dokumen dan individu di Kementerian dipertingkatkan dan dimantapkan dari semasa ke semasa
iii. Menyelaras pengurusan aset agar dilaksanakan secara komprehensif dan bersepadu
iv. Memastikan pengurusan stor dilaksana secara sistematik dan efektif berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa
v. Menyelaras pengurusan protokol majlis-majlis rasmi Kementerian selaras dengan tatacara yang berkuat kuasa dan mendokumentasikannya untuk panduan dan rujukan

**VISI**

Menjadi pemudah cara dan memberi perkhidmatan khidmat pengurusan terbaik ke arah mencapai teras-teras utama Kementerian

**MISI**

Menjadi bahagian yang terunggul, berintergriti, berwibawa dan cemerlang dalam memberi perkhidmatan khidmat pengurusan kepada semua jabatan dan bahagian di Kementerian




**PENCAPAIAN**

**PENYELARASAN MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU OLEH YB MENTERI**

BKP telah menyelaras Majlis Amanat Tahun Baharu 2014 oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 7 Januari 2014 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique (Timbalan Menteri), YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak (Ketua Setiausaha, KPKT) dan Pengurusan Tertinggi KPKT.

Dalam majlis ini, YB Menteri telah menyuarakan harapan beliau agar KPKT mengekalkan kegemilangan sambil menyeru supaya warga KPKT untuk bersama-sama memberikan perkhidmatan yang cekap dan relevan kepada pelanggan. Majlis ini juga memperkenalkan pegawai-pegawai yang baharu menyertai KPKT dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 peringkat KPKT.



**URUS SETIA PERINGKAT KPKT BAGI PERARAKAN DAN PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN 1435H/2014M**

Majlis Perarakan dan Perhimpunan Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M telah diadakan pada 14 Januari 2014. Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimulakan dengan perarakan kontinjen ini meliputi pelbagai sektor dari pihak kerajaan, badan berkanun, badan beruniform, pihak swasta, badan bukan kerajaan, IPT dan sekolah bermula dari hadapan Istana Kehakiman dan berakhir di Dataran Putra, Putrajaya.

BKP yang bertindak selaku urus setia di peringkat Kementerian telah menyelaras penyertaan penjawat awam KPKT berjumlah 100 orang peserta yang terdiri dari 70 orang peserta lelaki dan 30 orang peserta wanita dari pelbagai peringkat jawatan di Kementerian.




**PENYELARASAN PERHIMPUNAN PERPADUAN SEMPENA HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2014**

Bersempena dengan sambutan Hari Pekerja, BKP telah menyelaras penyertaan seramai 80 orang pejawat awam KPKT bagi Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan yang telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka pada 21 Jun 2014. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.





Majlis perhimpunan ini diadakan untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara serta mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan antara tiga (3) pihak utama iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja.

**PENYELARASAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KPKT TAHUN 2014**

BKP telah menyelaras Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPKT tahun 2014 yang diadakan pada 22 Ogos 2014 bertempat di lobi dan perkarangan bangunan KPKT.

Majlis ini diadakan bagi merapatkan hubungan silatulrahim dalam kalangan penjawat awam KPKT. Jabatan/ bahagian telah menyediakan gerai-gerai yang menyajikan pelbagai juadah kepada para tetamu yang hadir.

Dalam majlis yang sama, turut berlangsung Pelancaran Bulan Kemerdekaan Peringkat KPKT yang disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique (Timbalan Menteri), YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, (Ketua Setiausaha, KPKT) dan Pengurusan Tertinggi KPKT.











**PENYELARASAN PERBARISAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2014**

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-57, BKP telah menyelaras penyertaan pegawai-pegawai kanan Kementerian dalam Perbarisan bersempena dengan Hari Kebangsaan tahun 2014 yang telah diadakan dengan meriah bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2014. KPKT diwakili seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada ketua jabatan dan setiausaha bahagian dan diketuai oleh YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar). Semua peserta dari KPKT telah bergabung bersama dalam kontinjen Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada 620 peserta.



**PENYELARASAN PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1436H/2014M**

Majlis Perhimpunan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1436H/2014M yang bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara" telah berlangsung dengan jayanya pada 25 Oktober 2014 bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis telah diadakan dengan penuh meriah dengan kehadiran seramai lebih 5,000 orang daripada agensi Kerajaan dan swasta termasuk 40 orang penjawat KPKT. Penyertaan penjawat KPKT dalam majlis ini telah diselaraskan oleh BKP.



# BAHAGIAN AKAUN

## LATAR BELAKANG

Bahagian Akaun (BA) telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2014 selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan. BA diketui oleh Puan Sharifah Samat dan mempunyai perjawatan seramai 24 orang yang terbahagi kepada empat (4) seksyen seperti yang berikut:

i. Seksyen Perakaunan Kewangan;
ii. Seksyen Perakaunan Pengurusan;
iii. Seksyen Perundingan dan Pemantauan; dan
iv. Seksyen Pentadbiran dan Kewangan.

**VISI**

Melaksanakan program dan aktiviti bahagian dengan efisien sehingga boleh menjadi *benchmark* kepada organisasi lain dari aspek pengurusan kewangan dan perakuanan yang cemerlang serta menjadikan integriti dan akauntabiliti sebagai nilai dalam semua urusan

**MISI**

i. Melaksanakan secara profesional sistem kewangan dan perakaunan kerajaan
ii. Menyediakan laporan kewangan yang bersesuaian untuk membantu Pengurusan Tertinggi Kementerian dalam membuat keputusan berkaitan Pengurusan kewangan dan perakaunan
iii. Memberi khidmat nasihat perakaunan dan kewangan untuk mempertingkan akauntabiliti di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)

**OBJEKTIF**

i. Mempastikan pengurusan perakaunan dan kewangan menepati peraturan yang berkuat kuasa
ii. Memastikan maklumat perakaunan dan kewangan yang tepat bagi tujuan membuat keputusan
iii. Mempastikan proses bayaran dan terimaan yang cekap dan berintegriti

**FUNGSI UTAMA**

i. Menguruskan latihan dan kursus berkaitan kewangan dan perakaunan kepada semua pegawai di Kementerian
ii. Merancang, melaksana dan memberi khidmat nasihat berkaitan sistem perakaunan dan kewangan di Kementerian
iii. Menjalankan pemantauan terhadap pematuhan peraturan kewangan yang berkuat kuasa melalui pelaksanaan naziran di semua Pusat Tanggungjawab Kementerian
iv. Menjalankan pengauditan dan pengesahan Kira-kira Wang Tunai (KKWT) bulanan bagi Pejabat Pemungut di Kementerian
v. Melaksanakan lawatan audit akaun terimaan ke atas Pejabat Pemungut
vi. Memproses bayaran emolumen warga Kementerian

## PENCAPAIAN

### PENYELARASAN GARIS PANDUAN PERAKAUNAN AKRUAN BIL.1/2014

Bahagian Akaun telah menyelaras Garis Panduan Perakaunan Akruan Bilangan 1 Tahun 2014 yang bertujuan untuk memaklumkan mengenai cara-cara mengiktiraf serta memperakuankan projek-projek KPKT sebagai aset dalam pembinaan (ADP).

Inisiatif menyediakan garis panduan ini bermula apabila Kementerian menghadapi kesukaran dalam mengiktiraf projek-projek KPKT sebagai ADP. Selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan, projek-projek pembangunan ini perlu dikenal pasti untuk diperakaunkan sama ada sebagai ADP atau perbelanjaan.



## PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

### PERJUMPAAN KETUA AKAUNTAN BERSAMA WARGA PERAKAUNAN KPKT





Majlis Perjumpaan Ketua Akauntan Bersama Warga Perakaunan KPKT telah diadakan pada 10 Julai 2014 di Dewan Kristal, KPKT dan dihadiri oleh seramai 130 orang Pegawai Perakaunan Kementerian.

Majlis ini merupakan satu platform suai kenal antara warga Perakaunan KPKT dan BA yang berperanan sebagai penasihat dalam pengurusan perakaunan di jabatan dan bahagian di bawah KPKT. Di samping itu, majlis ini turut menjelaskan mengenai status pelaksanaan perakaunan akruan di KPKT.

### PENGUMPULAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI KPKT

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2013 mengenai pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan, semua kementerian perlu mengeluarkan Penyata Kewangan masing-masing. Sehubungan dengan itu, semua kementerian diminta untuk mengumpul data aset dan liabiliti untuk dijadikan baki awal dalam penyata kewangan.

BA bertindak sebagai 1st *level defence* dalam *exercise* pengumpulan data yang sedang dilaksanakan di KPKT, manakala Unit Audit Dalam (UAD), KPKT bertindak sebagai 2nd *level defence* dalam mengesahkan data yang dikumpulkan dan Ketua Setiausaha, KPKT bertindak sebagai 3rd *level defence* iaitu memastikan ketepatan data yang dibawa sebagai baki awal dalam Penyata Kewangan KPKT.

Aktiviti pengumpulan data dijalankan secara berterusan dengan penglibatan jabatan dan bahagian lain di KPKT. Pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti yang telah dikumpulkan hingga 31 Disember 2014 adalah seperti dalam Jadual 87.

**Jadual 87 Data Baki Awal Aset dan Liabiliti hingga 31 Disember 2014**

| Bil. | Aset/Liabiliti | | Bilangan | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Aset Tak Alih | Bangunan | 353 | 4,309,944,510.00 |
| | | Tanah | 502 | 4,347,635,339.00 |
| 2. | Aset Dalam Pembinaan | | 54 | 1,907,620,565.00 |
| 3. | Aset Alih | | 47,109 | 1,989,529,876.00 |
| 4. | Akaun Belum Terima | Emolumen Terlebih Bayar | 255 | 759,492.00 |
| | | Wang Pendahuluan Kontraktor | 20 | 77,516,139.00 |
| 5. | Akaun Belum Bayar | Wang Jaminan Perlaksanaan | 141 | 51,002,234.00 |
| | | Deposit Diterima | 197 | 8,747,625.00 |

# PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (*STAFF FUNCTION*)

## BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

### LATAR BELAKANG

Bahagian Undang-undang (BUU) diketuai oleh YBhg. Dato' Azlan Abdul Halim dan terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Pendakwaan dan Guaman, Unit Nasihat dan Gubalan, Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan.

### OBJEKTIF

Memberi nasihat perundangan yang berkualiti, profesional dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian, jabatan dan agensi-agensi di bawahnya.

### FUNGSI UTAMA

i. Memberi nasihat undang-undang yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta mengambil kira dasar kerajaan, kementerian dan kepentingan awam
ii. Menggubal dan menyemak semua perundangan dan dokumen perundangan serta mengikut keperluan pelanggan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian, jabatan dan agensi-agensi di bawahnya
iii. Mengendalikan kes-kes pendakwaan di bawah bidang kuasa Kementerian dengan adil dan saksama menurut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian dengan mengambil kira kepentingan awam dan negara

**VISI**
Menjadi suatu Bahagian yang berwibawa dalam memberi nasihat undang-undang yang profesional dan bermutu mengikut undang-undang negara

**MISI**
Menjadi Bahagian yang diiktiraf kerana kecekapan, profesionalisme dan responsif dalam memberi nasihat perundangan; dan mampu membuat keputusan bernas yang mengambil kira kepentingan awam, keadilan dan manfaat yang berterusan kepada negara

### PENCAPAIAN

### KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDANGAN

Sebanyak 255 Nasihat Perundangan telah disediakan oleh Bahagian ini kepada Kementerian dan agensi di bawahnya sepanjang tahun 2014, antaranya ialah:



i. Pandangan perundangan kepada Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, Jabatan Perumahan Negara berkenaan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA);
ii. Pandangan perundangan berkenaan "Isu Pembuangan Sisa Pepejal di Lebuh Raya Lingkaran Tengah 2 Kuala Lumpur (MRR2)";
iii. Pandangan perundangan berkenaan "Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan";
iv. Pandangan perundangan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara berkenaan Penguatkuasaan Larangan Pembuangan Sampah Kecil di bawah Sek 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];
v. Pandangan perundangan berkenaan Isu Pajak Gadai Islam (Ar- Rahnu);

### MENYEMAK, MENYEDIAKAN ATAU MENGGUBAL DRAF PERJANJIAN/ MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Sebanyak 119 perjanjian yang telah disemak atau digubal oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2014, antaranya ialah:

i. Semakan draf perjanjian antara Jabatan Perumahan Negara dengan Syarikat Juta Permai Sdn. Bhd. bagi pembayaran 354 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang;
ii. Semakan draf perjanjian daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara berkenaan dengan Perjanjian Tripartit antara Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Bahasa Melayu;
iii. Semakan draf perjanjian daripada Unit Kontrak dan Ukur Bahan Cawangan Perlaksanaan dan Penyelenggaraan Projek (CPPP) berhubung kerja-kerja menyiapkan 226 unit pangsapuri kos sederhana untuk kuartes Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas Lot 53681, Jalan Tenteram, Cheras, Kuala Lumpur;
iv. Semakan Draf Dokumen Kontrak Sebut Harga Penyelenggaraan Infrastruktur Pengurusan Portal PBT.

### UNDANG-UNDANG UTAMA ATAU PERUNDANGAN SUBSIDIARI YANG DIGUBAL, DISEMAK ATAU DIPINDA

Sebanyak 29 Undang-undang Utama atau Perundangan Subsidiari yang digubal, disemak atau dipinda sepanjang tahun 2014, antaranya ialah:

i. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pegawai Bomba Bantuan) 2014;
ii. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Sisa Pepejal Binaan) 2014;
iii. Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2014;
iv. Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Sisa Pepejal Perniagaan) 2014;
v. Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Perniagaan) 2014;

### KERTAS SIASATAN YANG DITELITI

Sebanyak 34 kertas siasatan yang telah diteliti dan telah diberi izin pendakwaan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) sepanjang tahun 2014.

### KES PENDAKWAAN YANG DIKENDALIKAN

Sebanyak 63 kes pendakwaan dibawa ke mahkamah bagi kesalahan yang dituduh di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) sepanjang tahun 2014.

# UNIT AUDIT DALAM

## LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam (UAD) telah diwujudkan pada bulan Februari 1991 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979. Bagi memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab UAD, 1 Pekeliling Perbendaharaan Pengurusan Kewangan Strategik 3.1 Tahun 2013 (PS 3.1/2013) Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah dikeluarkan.

UAD yang diketuai oleh Puan Lim Sok Kiang adalah merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman KPKT dan bertanggungjawab secara terus kepada Ketua Setiausaha.

**VISI**
Menjadikan aktiviti Unit Audit Dalam sebagai penyumbang ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian

**MISI**
Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha ke arah meningkatkan akauntabiliti Kementerian

## OBJEKTIF

Membantu Kementerian mencapai matlamat dengan menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin

## FUNGSI UTAMA

i. Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi
ii. Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan
iii. Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa
iv. Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan
v. Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT
vi. Melaporkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan
vii. Menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian
viii. Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

## PROGRAM/AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PENGAUDITAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN AUDIT DALAM

Pada tahun 2014, sebanyak 17 Laporan Audit Dalam hasil daripada pengauditan telah dikeluarkan oleh UAD seperti dalam Rajah 12.

**Rajah 12 Peratusan Pengauditan Mengikut Jenis Pengauditan bagi Tahun 2014**






a. **Pengauditan Pengurusan Kewangan**

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan dan undang-undang.

Antara tujuannya adalah untuk memastikan semua pembayaran dibenarkan, dibuat dan diperakaunkan dengan teratur; hasil dipungut dan disimpan dengan betul, harta dan inventori disimpan, dikawal, direkodkan, diselenggarakan dan dilupuskan dengan sewajarnya.

Sebanyak lima (5) Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dijalankan pada tahun 2014 dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) seperti dalam Jadual 88.

**Jadual 88 Pengauditan Pengurusan Kewangan Pada Tahun 2014**

| Bil. | Tajuk Laporan | Tarikh Mesyuarat JKA |
|---|---|---|
| 1. | Pengesahan Data Baki Awal Aset, dan Liabiliti di KPKT dan jabatan di bawahnya | 30 Okt 2014 |
| 2. | Pengauditan terhadap Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Kawalan Keselamatan di KPKT dan jabatan di bawahnya | 30 Okt 2014 |
| 3. | Pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan di Jabatan Landskap Negara (JLN) | 30 Okt 2014 |
| 4. | Pengauditan Pematuhan terhadap Peraturan yang Ditetapkan Berkenaan Pengurusan Aset dan Stor di KPKT dan jabatan di bawahnya | Akan dibentang pada tahun 2015 |
| 5. | Pengauditan terhadap Pengurusan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM), Sarawak | Akan dibentang pada tahun 2015 |

b. **Pengauditan Prestasi**

Pengauditan prestasi merupakan satu penilaian terhadap program dan aktiviti KPKT dan jabatan di bawah KPKT untuk menilai sama ada objektif/ matlamat yang ditetapkan telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Pada tahun 2014, sebanyak empat (4) Pengauditan Prestasi telah dilaksanakan dan laporan audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada ketua jabatan berkaitan. Laporan Pengauditan Prestasi 2014 yang telah dilaksanakan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKA seperti dalam Jadual 89.

**Jadual 89 Pengauditan Prestasi Pada Tahun 2014**

| Bil. | Tajuk Laporan | Tarikh Mesyuarat JKA |
|---|---|---|
| 1. | Pengauditan terhadap Pengurusan Perkhidmatan Perunding di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) | 10 Jul 2014 |
| 2. | Pengauditan terhadap Penguatkuasaan Undang-undang berkaitan Aktiviti Keselamatan Kebakaran di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) | 30 Okt 2014 |

| Bil. | Tajuk Laporan | Tarikh Mesyuarat JKA |
|---|---|---|
| 3. | Pengauditan terhadap Projek Penutupan Selamat dan Pemulihan 16 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) | 30 Okt 2014 |
| 4. | Pengauditan terhadap Aktiviti Pengeluaran Lesen dan Pelaksanaan Penguatkuasaan di Jabatan Perumahan Negara (JPN) | 30 Okt 2014 |

c. **Pengauditan Susulan**
Melalui pengauditan susulan, UAD dapat memantau tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan yang diambil oleh jabatan/bahagian di bawah KPKT terhadap teguran yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) oleh Jabatan Audit Negara. Pada tahun 2014, pengauditan susulan telah dijalankan terhadap dua (2) Kajian Pengauditan Prestasi dan satu Pengurusan Kewangan iaitu susulan kepada Laporan LKAN Tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 90.

**Jadual 90 Pengauditan Susulan Pada Tahun 2014**

| Bil. | Tajuk Laporan | Tarikh Mesyuarat JKA |
|---|---|---|
| 1. | Pengauditan Susulan Terhadap Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dan Wang Pendahuluan kepada Kontraktor (WPK) di KPKT | 30 Okt 2014 |
| 2. | Pengauditan Susulan LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Kenderaan dan JBPM | 30 Okt 2014 |
| 3. | Pengauditan Susulan LKAN Tahun 2012 Siri 2: Projek Loji Insinerator JPSPN | Akan dibentang pada tahun 2015 |

d. **Pemeriksaan Mengejut**
Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan auditi bahawa UAD sentiasa memantau tahap pematuhan jabatan/bahagian di bawah KPKT terhadap peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Melalui pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut, sebarang ketidakpatuhan akan dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan pembetulan serta penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Pada tahun 2014, Pemeriksaan Mengejut telah dijalankan terhadap 10 jabatan/bahagian di bawah KPKT seperti dalam Jadual 91.

**Jadual 91 Pemeriksaan Mengejut Pada Tahun 2014**

| Bil. | Nama Pusat Tanggungjawab | Bil. | Nama Pusat Tanggungjawab |
|---|---|---|---|
| 1. | JBPM Negeri Melaka | 6. | Institut Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| 2. | JBPM Negeri Pahang | 7. | Bahagian Undang-undang |
| 3. | JBPM Negeri Sarawak | 8. | Bahagian Sumber Manusia |
| 4. | JPBD | 9. | Bahagian Kewangan dan Perolehan |
| 5. | JLN | 10. | Bahagian Teknologi Maklumat |



e. **Penampilan Audit**
Penampilan Audit dilaksanakan bertujuan menimbulkan kesedaran dalam kalangan auditi supaya sentiasa mematuhi peraturan pengurusan dan secara tidak langsung menjadi pendorong kepada auditi dalam menguruskan dan mengendalikan aset dan stor dengan teratur.

Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada pejabat yang tidak terlibat dalam pungutan hasil. Pengauditan ini hanya melibatkan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan kawalan pengurusan, pengurusan aset dan pengurusan stor.

Melalui pelaksanaan Penampilan Audit, sebarang ketidakpatuhan akan dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan pembetulan serta penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Pada tahun 2014, Penampilan Audit telah dijalankan terhadap 40 Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) di bawah JBPM seperti yang berikut:

1. BBP Ayer Keroh
2. BBP Bukit Katil
3. BBP Merlimau
4. BBP Tangga Batu
5. BBP Kulai Jaya
6. BBP Bandar Perda
7. BBP Sungai Bakap
8. BBP Kepala Batas
9. BBP Kuala Muda
10. BBP Bayan Baru
11. BBP Paya Terubong
12. BBP Lebuh Pantai
13. BBP Tasek Gelugor
14. BBP Al-Muktafi Billah Shah
15. BBP Marang
16. BBP Rengit
17. BBP Kota Tinggi
18. BBP Bandar Penawar
19. BBP Endau
20. BBP Mersing
21. BBP Paka
22. BBP Kemaman
23. BBP Kerteh
24. BBP Chukai
25. BBP Cheneh
26. BBP Indera Mahkota
27. BBP Kuantan
28. BBP Peramu
29. BBP Maran
30. BBP Jengka
31. BBP Triang
32. BBP Mentakab
33. BBP Tabuan Jaya
34. BBP Batu Lintang
35. BBP Petra Jaya
36. BBP Kota Samarahan
37. BBP Siburan
38. BBP Lundu
39. BBP Sri Aman
40. BBP Serian

f. **Siasatan Kementerian**
Unit Audit Dalam juga turut terlibat dalam Jawatankuasa Penyiasat Kementerian untuk menyiasat mengenai kes-kes kehilangan aset alih KPKT.

Pada tahun 2014, pegawai UAD telah menjalankan siasatan terhadap tiga (3) kes kehilangan aset alih iaitu Kamera Digital, *Walkie Talkie, Laser Printer, LCD Projector* dan komputer riba Kementerian.

# UNIT INTEGRITI

## LATAR BELAKANG
Unit Integriti, KPKT telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya mulai Januari 2014 selaras Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 – Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam yang berkuat kuasa mulai 24 Julai 2013.

## OBJEKTIF
Meningkatkan integriti penjawat awam di KPKT melalui pelaksanaan program-program pengukuhan, pemantauan, pengurusan aduan berkaitan salah laku/jenayah dan pengurusan tatatertib yang berkesan.

**VISI**
Mewujudkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta berintegriti dalam kalangan penjawat awam KPKT

**MISI**
Merancang, menyelaras dan menguruskan hal-hal berkaitan integriti dan tatatertib di KPKT berdasarkan prinsip integriti serta akauntabiliti

## FUNGSI TERAS
i. Pengukuhan Integriti: Memastikan pelaksanaan dan penginstitusian integriti dalam organisasi
ii. Pengurusan Aduan: Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku dan pelanggaran integriti pegawai awam.
iii. Tadbir Urus: Memastikan pelaksanaan tadbir urus secara efektif.
iv. Pematuhan: Memastikan pematuhan terhadap sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan.
v. Pengesanan dan Pengesahan: Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku atau pelanggaran integriti. Salah laku bersifat jenayah hendaklah dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
vi. Tatatertib: Malaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN
Pengurusan Tatatertib di bawah MS ISO 9001:2008 dan 1900:2005.

## PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

### PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN ADUAN
Sepanjang tahun 2014, Unit ini telah menganjurkan pelbagai Program Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan, seperti dalam Jadual 92.

**Jadual 92 Program Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan Tahun 2014**

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Ceramah Integriti Berkenaan Kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Akta Pelindungan Pemberi Maklumat (Akta 711) oleh SPRM | 30 Apr 2014 |
| 2. | Ceramah Pemantapan Integriti Melibatkan Semua Bahagian/Unit di KPKT dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan SPRM | 8-17 Jul 2014 |
| 3. | 2 Siri Bengkel Pengurusan Tatatertib | 21-22 Jul 2014 dan 13-15 Okt 2014 |
| 4. | Kursus Integriti dan Akauntabiliti | 11-13 Nov 2014 |
| 5. | Forum Kesedaran Integriti bertajuk Integriti Dijulang, Maruah Dibina | 10 Dis 2014 |
| 6. | Pengurusan 15 Kes Aduan berkaitan integriti Penjawat Awam di KPKT | |
| 7. | Kajian Bagi Soal Selidik Kesedaran Berkenaan Integriti 2014 | |








### PROGRAM TADBIR URUS DAN PEMATUHAN
Antara Program Tadbir Urus dan Pematuhan yang telah dilaksanakan oleh Unit Integriti sepanjang tahun 2014, ialah:

i. Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Integriti dan Tadbir Urus (JITU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat KPKT;
ii. Mengemukakan Laporan kepada SPRM secara berkala; dan
iii. Menganjurkan Bengkel Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) Unit Integriti KPKT yang diadakan pada 11-13 Mac 2014.

### PROGRAM PENGESANAN, PENGESAHAN DAN TATATERTIB PENGURUSAN ADUAN
Unit ini juga bertanggungjawab melaksanakan Program Pengesanan, Pengesahan dan Tatatertib Pengurusan Aduan. Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014, ialah:

i. Pengurusan Kes Tatatertib dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh *prima facie*;
ii. Pemantauan tempoh waktu bekerja dan larangan merokok bagi penjawat awam KPKT telah dilakukan sebanyak sembilan (9) kali di Kafeteria KPKT dengan kerjasama Unit Integriti Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Pemantauan turut dilakukan di beberapa restoran sekitar Putrajaya;
iii. Naziran Integriti telah dilakukan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (BPPP) dan Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) sepanjang tahun 2014 melibatkan aspek kewangan dan perolehan, pematuhan dan tatatertib; dan
iv. Pengurusan Kes Tatatertib bawah Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah diselesaikan melibatkan tujuh (7) Kes di bawah LKAN tahun 2013.

# UNIT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

## LATAR BELAKANG

Pada September 2013, Seksyen Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dikeluarkan daripada Unit Komunikasi Korporat (UKK) secara rasminya dan diletakkan di bawah seliaan Ketua Setiausaha dan dikenali sebagai Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Peranan Unit ini adalah bagi menyelaras, mewujudkan dan memantau KPI yang telah ditetapkan kepada YB Menteri serta YBhg. Ketua Setiausaha KPKT. KPI yang telah ditetapkan hendaklah seiring dengan hala tuju Kementerian yang telah ditetapkan pada akhir tahun sebelumnya memandangkan KPI disediakan pada bulan Oktober tahun sebelum pelaksanaan KPI yang dinyatakan.

Namun demikian, berikutan penstrukturan semula Kerajaan pada bulan Mei 2013 selepas PRU Ke-13, peranan Kementerian ditambah dengan tanggungjawab terhadap Kesejahteraan Bandar yang dipindahkan dari Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Dengan demikian, Kementerian bukan sekadar tertumpu kepada unsur-unsur perumahan dan kerajaan tempatan tetapi juga kepada pembangunan dan penambahbaikan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan perubahan-perubahan yang dinyatakan, elemen dalam aktiviti unit ini juga telah ditambah supaya seiring dengan hala tuju Kementerian.

**VISI**
Mencapai Visi Kementerian

**MISI**
Memastikan jabatan/agensi/bahagian sentiasa maju ke hadapan dengan hala tuju yang sama

**OBJEKTIF**

i. Memberikan pandangan yang bernas dan mempunyai kesan ke atas perubahan pengurusan serta kualiti pengurusan Kementerian
ii. Menyediakan landasan bagi perbincangan untuk semua lapisan warga Kementerian untuk dibawa ke pihak pengurusan
iii. Memastikan pengurusan tertinggi dan atasan bersikap rasional dalam penetapan kawalan pengurusan

## PROGRAM UTAMA DAN PENCAPAIAN

### LAWATAN TAPAK

Unit KPI mengadakan pemantauan bagi KPI yang dilaksanakan secara program atau projek bagi melihat kedudukan semasa ataupun kaedah pelaksanaan program/ projek yang berkaitan. Antara program yang dihadiri termasuk:



a. **Bidang Keberhasilan Utama - Mempertingkatkan Taraf Hidup (NKRA-LIH) - 1AZAM Bandar**
   i. Melaka – Program Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM);





   ii. Sarawak – Program Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABAH / WIBA);
   iii. Sabah – Program MAHABAH; dan
   iv. Terengganu - Program Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia (DUID).

b. **Bidang Keberhasialn Utama Kementerian (MKRA)**
   i. PPR Padang Hiliran
   ii. PPR Keningau

### PENYELARASAN

i. Menyediakan Panel *Cabinet Away Day* (CAD) mengikut tarikh yang ditetapkan
ii. KPI YB Menteri yang di bawah 50 peratus hingga 30 Jun 2014 dibawa ke *Problem Solving Meeting* (PSM) KPKT sebelum Sesi *Mid-Term Review* YB Menteri dengan YAB Perdana Menteri
iii. Menyelaras dokumen bagi pengesahan maklumat pencapaian KPI Tahunan bagi KPI YB Menteri dan KPI Ketua Setiausaha

### PELAPORAN

| | |
|---|---|
| 100% | Prestasi Pencapaian KPI YB Menteri dikemukakan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) sebanyak 11 kali melalui *dashboard* PEMANDU pada tahun 2014 mengikut ketapan yang ditetapkan. |
| 100% | Pengemaskinian maklumat MyKPI @ *dashboard* Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan penghantaran dokumen (*hardcopy*) untuk tujuan pengauditan markah penilaian KPI Ketua Setiausaha |

### PROGRAM *CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT* (CPD)

Unit KPI telah mengadakan tiga (3) Program *Continuous Professional Development* (CPD) iaitu 1AZAM Bandar, Perumahan Rakyat dan KPI *Tier* 2 kepada warga Kementerian.



Antara CPD yang mendapat sambutan hangat dengan penyertaan melebihi 100 peserta adalah CPD berkaitan 1AZAM Bandar yang dikhusukan bagi golongan berpendapatan miskin dan miskin tegar serta perumahan rakyat yang dilaksanakan bersama-sama Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT serta Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia.

### BENGKEL PENYEDIAAN KPI 2015

Bagi menyediakan KPI tahun 2015, satu bengkel bertemakan '*Back to Basics*' telah diadakan bagi membolehkan Ketua jabatan/agensi sendiri membuat '*brain storming*' dan keputusan bagi mengenal pasti projek/program yang wajar menjadi ukuran prestasi pencapaian (KPI) berdasarkan hala tuju Kementerian pada tahun 2015 yang telah ditetapkan oleh YB Menteri serta Ketua Setiausaha



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPKT yang diterajui oleh Puan Jessylina Mat Lazim terbahagi kepada tiga (3) seksyen iaitu:

i. Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan;
ii. Seksyen Hal Ehwal Korporat; dan
iii. Seksyen Pentadbiran.

**VISI**
Menjadi unit yang terunggul dan juga sebagai teras peneraju utama jentera komunikasi dan perhubungan awam yang profesional dan berwibawa

**MISI**
Menterjemah hasrat Kementerian kepada kehendak kumpulan sasar melalui pendekatan perhubungan yang realistik serta memenuhi aspirasi masyarakat selaras dengan konsep 1Malaysia

## OBJEKTIF

i. Memastikan keberkesanan penyampaian dasar utama dan program KPKT melalui perancangan dan pelaksanaan pelan media
ii. Memastikan maklumat dan informasi terkini KPKT disebarkan secara efektif melalui laman web
iii. Menyelaras aduan-aduan diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan
iv. Menghebah maklumat dan aktiviti KPKT melalui media cetak dan elektronik
v. Memantau isu-isu KPKT yang terkandung dalam media massa

## FUNGSI

i. Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi bagi Kementerian melalui stesen TV dan radio; bahan promosi, artikel, teks ucapan dan penyampaian maklumat perkhidmatan KPKT dan jabatan di bawahnya
ii. Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media/ sidang media, kenyataan akhbar, siaran media dan temu bual khas media cetak dan elektronik
iii. Merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti majlis rasmi Kementerian melalui penerbitan bahan cetakan seperti buletin, laporan tahunan, brosur, risalah, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media
iv. Memantau dan mengurus maklum balas bagi aduan dan cadangan yang diterima melalui surat khabar, laman web, serta aduan daripada Biro Pengaduan Awam
v. Merancang dan mengendalikan urusan mendapatkan maklum balas kepuasan teras perkhidmatan Kementerian daripada orang awam dan pelanggan yang ingin mengetahui, yang sedang dan telah menerima perkhidmatan Kementerian menerusi borang kajian selidik, soalan laman web dan talian telefon
vi. Menyelaras persiapan taklimat, lawatan dari dalam negeri yang datang ke Kementerian



## PROGRAM/AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PERHUBUNGAN AWAN DAN KHIDMAT PELANGGAN

**Menyelaras Penerimaan dan Maklum Balas Aduan dan Pertanyaan Awam**

Dalam usaha memudahkan orang awam menyalurkan aduan kepada KPKT, pihak Kementerian menyediakan pelbagai sumber penerimaan aduan antaranya melalui laman web, laman media sosial, e-mel, hadir sendiri, surat, telefon, borang kaunter aduan jabatan, media massa, dan Biro Pengaduan Awam (BPA). Tempoh penyelesaian aduan yang diterima adalah bergantung kepada kes dan piagam pelanggan kementerian dan jabatan/ bahagian/unit di bawahnya.

UKK bertanggungjawab menyelaras penerimaan dan maklum balas aduan dan pertanyaan awam bagi memastikan aduan/pertanyaan diambil tindakan sewajarnya. Sepanjang tahun 2014, KPKT telah menerima sebanyak 2551 aduan



daripada orang awam. Jadual 93 menunjukkan penerimaan aduan mengikut jabatan/bahagian/unit dan sumber penerimaan aduan bagi tahun 2014.

**Jadual 93 Penerimaan Aduan Mengikut Jabatan/Bahagian/Unit dan Sumber Penerimaan Aduan bagi Tahun 2014**

| Jabatan/ Bahagian/ Unit | Laman Web | E-mel | Sistem Pesanan Ringkas (SMS) | Hadir Sendiri | Surat & Faks | Telefon | Borang Kaunter Aduan Jabatan | Surat Khabar | Biro Pengaduan Awam (BPA) | Memo Pengurusan Tertinggi | Persatuan Pengguna & NGO | Aduan daripada Pegawai/ Kakitangan | 1Malaysia One Call Centre (1MOCC) | Facebook | Twitter | Pemeriksaan Premis | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia | 8 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **11** |
| Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia | 0 | 169 | 5 | 0 | 1 | 3 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 | **184** |
| Jabatan Landskap Negara | 0 | 6 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | **10** |
| Jabatan Kerajaan Tempatan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Jabatan Perumahan Negara | 833 | 29 | 0 | 167 | 107 | 2 | 137 | 0 | 9 | 9 | 1 | 0 | 21 | 3 | 0 | 0 | **1318** |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara | 27 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 2 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **37** |

| Jabatan/ Bahagian/ Unit | Laman Web | E-mel | Sistem Pesanan Ringkas (SMS) | Hadir Sendiri | Surat & Faks | Telefon | Borang Kaunter Aduan Jabatan | Surat Khabar | Biro Pengaduan Awam (BPA) | Memo Pengurusan Tertinggi | Persatuan Pengguna & NGO | Aduan daripada Pegawai/ Kakitangan | 1Malaysia One Call Centre (1MOCC) | Facebook | Twitter | Pemeriksaan Premis | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata | 3 | 2 | 0 | 0 | 4 | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **13** |
| Institut Latihan KPKT | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai | 51 | 4 | 0 | 77 | 26 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 10 | **174** |
| Bahagian Kesejahteraan Bandar<br>Bahagian Perkhidmatan Perbandaran | 155 | 29 | 0 | 51 | 237 | 125 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **600** |
| Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Teknologi Maklumat | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Sumber Manusia | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Kewangan dan Perolehan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Dasar dan Inspektorat | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Undang-undang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Khidmat Pengurusan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Bahagian Akaun | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Unit Audit Dalam | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Unit Integriti | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Unit KPI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** |
| Unit Komunikasi Korporat | 204 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **204** |
| **Jumlah** | **1281** | **239** | **5** | **295** | **379** | **139** | **141** | **2** | **20** | **9** | **1** | **1** | **21** | **5** | **3** | **10** | **2551** |



Penyelesaian aduan bagi keseluruhan aduan yang diterima oleh KPKT adalah berada di tahap yang cemerlang. Setakat 31 Disember 2014, sebanyak 2480 (97.22 peratus) aduan telah diselesaikan dan baki aduan yang masih dalam siasatan adalah sebanyak 71 (2.78 peratus) aduan.

## PENGURUSAN MEDIA

a. **Menyediakan Pelan Komunikasi Media**
   Sepanjang tahun 2014, UKK dengan kerjasama jabatan dan bahagian di bawah KPKT telah berjaya menghasilkan Pelan Komunikasi Media bagi program-program utama Kementerian, seperti yang berikut:
   i. Sambutan Hari Landskap Negara 2014;
   ii. Sambutan Hari Habitat Sedunia 2014;
   iii. Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2014;
   iv. Sambutan Hari Kitar Semula 2014; dan
   v. *My Buskers Corner.*

b. **Menghasilkan Keluaran Khas Media Cetak**
   Sepanjang tahun 2014, KPKT telah menghasilkan sebanyak 42 keluaran khas media cetak di akhbar utama negara bagi tujuan hebahan, promosi program/aktiviti Kementerian dan agensi di bawahnya, menyebarkan maklumat serta memberi pemahaman berkaitan dasar-dasar sedia ada dan baharu kepada rakyat.



c. **Menyelaras Wawancara Khas**

Bagi tujuan mempromosi program dan inisiatif Kementerian dan agensi di bawahnya, UKK telah menyelaras 25 sesi wawancara khas di media elektronik bersama dengan YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan KPKT.

Antara inisiatif dan program utama yang telah dipromosikan melalui sesi wawancara khas di radio dan TV ialah:

i. Sambutan Hari Landskap Negara 2014;
ii. Sambutan Hari Habitat Sedunia 2014;
iii. Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2014;
iv. Sambutan Hari Kitar Semula 2014;
v. Sambutan Hari Tandas 2014;
vi. Bajet 2016: Kesejahteraan Rakyat;
vii. Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai;
viii. Program Perumahan Rakyat;
ix. Skim *MyHome*;
x. Fungsi dan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah;
xi. *My Buskers Corner*; dan
xii. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata;














d. **Menyelaras Sidang Media**

Sepanjang tahun 2014, UKK telah menyelaras sebanyak 64 kali sidang media bersama YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Pengurusan Tertinggi KPKT bagi tujuan memaklumkan, memberi penjelasan dan menjawab soalan-soalan pihak media mengenai sesuatu program/aktiviti atau isu berkaitan dengan KPKT.










e. **Menyelaras Penganjuran Malam Media**

KPKT dan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah bekerjasama menganjurkan Malam Media KPKT dan KKR pada 5 Disember 2014 bertempat di Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu, Sabah.



Majlis ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan hubungan harmoni antara Kementerian dengan pihak media dan menghargai jasa pengamal-pengamal media yang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat.







**PENERBITAN DAN KORPORAT**

a. **Penerbitan Laporan Tahunan dan Buletin KPKT**
Bagi tujuan pendokumentasian maklumat mengenai inisiatif dan pencapaian KPKT, UKK telah menerbitkan Laporan Tahunan KPKT Tahun 2013 dan tiga (3) keluaran Buletin KPKT

Laporan tahunan dan buletin ini diedaran kepada jabatan, bahagian dan unit di bawah KPKT, kementerian dan jabatan Kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), institusi pengajian; perpustakaan-perpustakaan dan Jabatan Arkib Negara. Selain itu, laporan tahunan dan buletin ini juga dimuat naik ke Laman Web KPKT untuk capaian orang awam.






b. **Penyelarasan Kandungan Laman Web KPKT**
UKK dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras kandungan Laman Web KPKT dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), KPKT.

Penambahbaikan dan pengemaskinian kandungan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memudahkan pengunjung portal mendapatkan maklumat terkini dan bagi tujuan Penilaian Laman Web Agensi Kerajaan 2014 oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Hasil penilaian yang dijalankan, KPKT sekali lagi berjaya mengekalkan kedudukan portal bertaraf 5 bintang.

i. **Mengurusetiakan Mesyuarat Kerja Pengurusan Laman Web KPKT**
Sepanjang tahun 2014, UKK telah mengurusetiakan dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web KPKT bagi membincangkan penambahbaikan terhadap Laman Web KPKT dan jabatan serta isu-isu lain yang berkaitan.



ii. **Perancangan dan Pembangunan Laman Web KPKT yang Baharu**
Bermula Ogos 2014, UKK dan BTM menyelaras perancangan dan pembangunan Laman Web KPKT yang baharu yang akan dilancarkan pada tahun 2015. Bagi tujuan yang tersebut, UKK dan BTM telah mengambil inisiatif menstrukturkan semula dan menambah baik kandungan laman web sedia ada melalui:
- Bengkel Penstrukturan Semula Kandungan Laman Web KPKT pada 17 hingga 19 September 2014; dan
- Tiga (3) Sesi Sumbang Saran Reka Letak Laman Web KPKT pada 7,12 dan 13 November 2014.

Hasil daripada bengkel dan sesi sumbang saran tersebut, UKK dan BTM telah mengenal pasti beberapa penambahbaikan dan ciri-ciri tambahan yang akan diambil kira dalam pembangunan laman web yang baharu, antaranya ialah:
- memfokuskan kepada merakyatkan perkhidmatan;
- menyusun struktur kandungan agar lebih ringkas dan senang dicapai;
- menulis semula kandungan supaya nampak lebih 'segar' dan terkini;
- memaparkan maklumat dalam bentuk infografik;
- mereka bentuk laman web yang lebih ringkas dan mesra pengguna

c. **Penstoran Gambar Program/ Aktiviti Kementerian**
UKK telah melaksanakan penstoran (*archiving*) gambar-gambar untuk 164 program/ aktiviti Kementerian sepanjang tahun 2014. Penstoran gambar-gambar tersebut dilakukan secara *in-house* yang mana gambar-gambar dipilih dan disimpan dalam CD-ROM.

Dengan kerjasama pihak BTM, gambar-gambar program/ aktiviti Kementerian ini telah dimuat naik ke Laman Web KPKT. Selain itu, gambar-gambar program/aktiviti juga dikongsi di akaun media sosial KPKT (Facebook dan Twitter).



d. **Mentadbir Akaun Media Sosial KPKT**
UKK juga bertanggungjawab mentadbir akaun media sosial KPKT iaitu Facebook dan Twitter untuk mempromosikan dan berkongsi maklumat mengenai program/aktiviti KPKT dengan orang awam.

Selain itu, orang awam juga boleh menyalurkan aduan dan pertanyaan kepada pihak KPKT melalui Facebook dan Twitter KPKT.





**Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**

***Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government***

No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : +603 - 8000 8000
Faks : +603 - 8891 5557
E-mel: pro@kpkt.gov.my

www.facebook.com/KPKTMalaysia

www.twitter.com/kpkt_gov

www.kpkt.gov.my